FELCRA
Berhad

# LAPORAN TAHUNAN
## FELCRA BERHAD

# 2023



FELCRA
Berhad

# Sidang Pengarang


**| PENAUNG**
YBhg Dato' Idris bin Lasim
**Ketua Pegawai Eksekutif FELCRA Berhad**

**| PENASIHAT**
Pn. Rosidah binti Mohamed Jusin
**Pengurus Besar Bahagian Komunikasi Korporat**

**| KETUA EDITOR**
Ahmad Faruq bin Ahmad Zahran
**Pengurus Pentadbiran Komunikasi Korporat**

**| PENOLONG EDITOR**
Nurhaznisya binti Ajib
**Eksekutif Komunikasi Korporat**

**| SUB-EDITOR**
Wan Nabilah binti Wan Mat
Kartinah binti Kastian
Hamzah bin Yak @ Sebeli
Mohd Bukhari bin Mahadi
Suraya Sohaila binti Che' Lah
Zulmazri bin Suhaimi
Rodziela binti Rosli
Sulaiman bin Mohamad
Roziah binti Abu Bakar
Mohamad Radhi bin Md Yasin
Wan Shahirah binti Wan Zulkifli
Mohd Zharif Zhafri bin Tajudin
Norazizul bin Abdul Aziz
Noor Izra binti Mad Rosip
Raja Mohd Faisal bin Raja Hussin
Nur Ummirah binti Tarmizy
Nur Zahrini binti Zamberi
Wan Mohamad Zulfahmi bin Wan Ibrahim
Ahmad Syazwan bin Sahhariman
Muhammad Izzudin bin Mohd Jamalludin
Syamira binti Mohd Saudin
Norhuzaime bin Tamaldin
Muhammad Aizat bin Azmy
Tuan Muhammad Hisyamuddin bin Tuan Zainol
Azrul bin Ahmad Mustaffa
Zahid bin Zainal
Ilyana binti Che Hassan
Wan Shariena binti Zakaria
Nor Azihah binti Ahmad
Dr. Suriyanah binti Laude
Muhammad Amin Khalili bin Mohd Azmi
Dr. Mohd Faiq bin Abdul Fattah
Norfadilah Aini binti Zulkifli
Nazatul Alisha binti Mohd Sharif
Nor Mazita binti Sidek Ahmad
Nur Atiqah binti Abdul Manan
Nurhidayati Hannani binti Ahmad
Zamri bin Zainon Abidin
Hazim Akhmal bin Anuar
Anashrullah bin Hamdan
Anisah binti Yusof
Mohammad Zahir bin Md. Karim
Siti Rohani binti Mohammad
Roshidah binti Roslee
Siti Fatiha binti Hassan
Hanis Arifah binti Mohd Shauki
Nur Razmiezura binti Ab Razak
Ann Estella Mani
Noraini binti Gino
Nuraziemah Binti Mohd Khir
Noramirah Binti Abdul Mutalib



**Diterbitkan oleh**
FELCRA Berhad,
Wisma FELCRA,
Lot 4780, Jalan Rejang,
Setapak Jaya,
Peti Surat 12254,
50772 Kuala Lumpur.



**Hak Cipta Terpelihara**
Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian rencana, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam bentuk dan dengan apa cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada FELCRA Berhad.



ISSN 123-456-78910-1-1

Cetakan Pertama, 2024

# Isi Kandungan


**PRELIM**

I. Title Verso Page
II. Sidang Pengarang
III. Isi Kandungan
V. Misi, Visi dan Objektif
VI. Sejarah dan Latar Belakang FELCRA

**01 MAKLUMAT KORPORAT**

- Profil FELCRA Berhad
- Kenyataan Tadbir Urus Korporat
- Struktur Organisasi Kepimpinan Tertinggi 2023
- Struktur Organisasi 2023
- Barisan Kepimpinan 2023
- Biodata Ahli Lembaga Pengarah 2023
- Biodata Ahli Mesyuarat Pengurusan Tertinggi 2023
- Senarai Anak Syarikat 2023

**40 KUMPULAN PERLADANGAN**

- Bahagian Input Ladang
- Bahagian Khidmat Nasihat Ladang
- Bahagian Pembangunan Ladang
- Bahagian Penghasilan Ladang
- Bahagian Estet Komersial

**64 KUMPULAN PERKILANGAN**

- Bahagian Pemasaran dan Trading CPO
- Bahagian Pembelian dan Penjualan BTS
- Bahagian Khidmat Nasihat Kilang
- Bahagian Operasi Kilang
- Bahagian Kilang dan Hiliran

**91 KUMPULAN PERANCANGAN DAN PEMANTAUAN**

- Bahagian Perancang Projek
- Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan
- Bahagian Pemantauan Prestasi
- Bahagian Conservation and Biodiversity
- Bahagian MSPO

**128 KUMPULAN TRANSFORMASI DAN PERANCANGAN KORPORAT**

- Bahagian Transformasi dan Strategi
- Bahagian Keselamatan Makanan
- Bahagian Bisnes Baru
- Bahagian FELCRA Teknologi

**151 KUMPULAN KEWANGAN**

- Bahagian Kewangan Komersial
- Bahagian Kewangan P&P
- Bahagian Pengurusan Bajet

**156 KUMPULAN KHIDMAT PENGURUSAN**

- Bahagian Operasi Sumber Manusia
- Bahagian Strategik Sumber Manusia dan
- Integriti
- Bahagian Pentadbiran dan Fasiliti
- Bahagian Operasi Sistem Maklumat
- Bahagian Kejuruteraan

**188** **KUMPULAN HAL EHWAL PESERTA DAN KOMUNIKASI**

- Bahagian Sumber Sosioekonomi Peserta
- Bahagian Pengurusan dan Perhubungan Peserta
- Bahagian Pengurusan Institusi
- Bahagian Pengurusan Keusahawanan
- Bahagian Informasi Peserta
- Bahagian Tanah dan Ukur
- Bahagian Komunikasi Korporat
- Yayasan FELCRA

**255** **KUMPULAN SETIAUSAHA SYARIKAT**
**KUMPULAN PEROLEHAN**
**PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG**

**KUMPULAN AUDIT DALAM**

**BAHAGIAN RISIKO DAN TADBIR URUS**

**271** **LAPORAN FELCRA BERHAD WILAYAH 2023**

I. FELCRA Berhad Wilayah Johor
II. FELCRA Berhad Wilayah Tengah
III. FELCRA Berhad Wilayah Kelantan
IV. FELCRA Berhad Wilayah Terengganu
V. FELCRA Berhad Wilayah Pahang
VI. FELCRA Berhad Wilayah Perak
VII. FELCRA Berhad Wilayah Utara
VIII. FELCRA Berhad Wilayah Sarawak
IX. FELCRA Berhad Wilayah Sabah




# Misi

Memegang falsafah "Peserta Bersyukur No. 1" dan terus berkembang bersama mereka dengan "Pertumbuhan dengan Ekuiti" di samping mengurus, menjaga serta memegang amanah kumpulan sasar, iaitu Masyarakat Peserta.

Melaksanakan program obligasi sosial dan membangunkan semula ladang-ladang yang sedia ada kepada sektor yang lebih menguntungkan.

Mempelbagai aktiviti-aktiviti yang menguntungkan dan pada masa yang sama merancang dan melaksanakan program yang berorientasikan eksport serta berazam mencapai identiti konglomerat yang berjaya.

# Visi

Untuk kekal sebagai sebuah **"Plantation House No. 1"** dan terus berkembang bersama aktiviti-aktiviti yang berkaitan.

# Objektif

1. Memberi nilai pulangan yang tinggi ke atas projek-projek yang dibangunkan.
2. Meningkatkan kualiti hidup masyarakat luar bandar.
3. Memperbaiki tahap produktiviti melalui kecekapan dan teknologi pengurusan terkini.
4. Memperluas teknologi penyatuan dan pengurusan tanah ke luar negara.
5. Mempertingkat "Economic Value Added" syarikat



1 APRIL 1966 #123456789

# SEJARAH

## LATAR BELAKANG FELCRA BERHAD



Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Persekutuan (FELCRA) telah ditubuhkan pada 1 April 1966 semasa Allahyarham Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein menjadi Timbalan Perdana Menteri. FELCRA telah ditubuhkan di bawah satu peruntukan undang-undang yang dikenali sebagai Akta Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan 1966.

Matlamat awal penubuhan FELCRA adalah untuk membangunkan sektor luar bandar dengan membantu mereka menyertai aktiviti-aktiviti ekonomi negara dan meningkatkan taraf hidup serta nilai kehidupan mereka melalui penglibatan masyarakat dalam bidang pertanian.

*"Antara tujuan penubuhan FELCRA ketika itu adalah untuk mengatasi masalah penganugerahan tanah-tanah oleh kerajaan kepada rakyat"*

Antara tujuan penubuhan FELCRA ketika itu adalah untuk mengatasi masalah penganugerahan tanah-tanah oleh kerajaan kepada rakyat tanpa sebarang bantuan untuk meningkatkan pendapatan masyarakat desa khususnya dalam memajukan tanah-tanah berkenaan bagi tujuan pertanian. Selain itu, masalah pewarisan tanah-tanah oleh masyarakat desa yang keluasan tanah-tanah tersebut semakin kecil sehingga tidak ekonomik dan akhirnya tidak dapat membantu masyarakat desa dalam meningkatkan hasil pengeluaran pertanian. Akibatnya, banyak tanah desa yang terbiar dan tidak boleh dimajukan dengan pertanian.

Selain itu, penguatkuasaan peruntukan-peruntukan di bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 juga memainkan peranan penting dalam pembukaan tanah-tanah desa untuk tujuan pertanian. FELCRA juga memainkan peranan pentingnya dalam pengambilalihan rancangan-rancangan tanah kerajaan negeri yang boleh dianggap tidak berjaya dan seterusnya program-program pembangunan tanah-tanah pertanian ini diserahkan kepada FELCRA.

## OBJEKTIF
### PENUBUHAN FELCRA

Objektif utama penubuhan FELCRA bertujuan untuk mengurangkan masalah kemiskinan serta jurang pendapatan antara masyarakat desa dengan bandar. Dalam konteks ini, FELCRA berperanan untuk mewujudkan skim pembangunan tanah-tanah pertanian di kawasan luar bandar, memberi latihan dan kemahiran kepada masyarakat desa dalam memajukan tanah-tanah pertanian serta memperkenalkan sistem pemberian saham kepada golongan ini yang kadarnya bergantung kepada keluasan tanah-tanah yang dimiliki oleh peserta. FELCRA juga telah mewujudkan satu skim rancangan pembangunan tanah pertanian yang dikhususkan kepada golongan belia desa yang tidak mempunyai pekerjaan dan pendapatan tetap melalui Program Rancangan Tanah Belia.

## PENGKORPORATAN FELCRA

Setelah 30 tahun FELCRA menyumbang ke arah pembangunan tanah-tanah luar bandar, pada 1 September 1997 FELCRA telah dikorporatkan dan dikenali sebagai FELCRA Berhad. Status FELCRA pada awal penubuhannya sehingga 1997 telah bertukar daripada sebuah Badan Berkanun Persekutuan kepada sebuah Syarikat Korporat Milik Penuh Kerajaan (juga dikenali sebagai Syarikat Kaitan Kerajaan-GLC). Dengan penukaran status berkenaan, FELCRA telah dibolehkan untuk melibatkan diri dalam bidang-bidang pertanian yang baru selaras dengan aspirasi pembangunan nasional.

Dengan berasaskan kepada pengalaman-pengalaman pada masa lalu, FELCRA Berhad kini sedang mempelbagaikan bidang-bidang kegiatannya melalui penyertaan FELCRA dalam sektor perindustrian dan perkhidmatan serta bidang-bidang perniagaan yang lebih bersifat global.

FELCRA Berhad berhasrat untuk menjadi sebuah konglomerat yang berjaya di samping mencipta sektor luar bandar yang lebih dinamik, menarik dan menguntungkan selaras dengan strategi operasi yang mengimbangkan antara program yang berorientasikan keuntungan dengan program obligasi sosial.

Pengkorporatan FELCRA selepas September 1997 tertakluk kepada peruntukan-peruntukan dalam Akta Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Negara (Penggantian dan Pembubaran) 1997.

## FUNGSI DAN PERANAN FELCRA

Fungsi dan peranan FELCRA telah termaktub dalam Akta Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (Akta Parlimen No. 22 Tahun 1966), iaitu FELCRA boleh untuk memulih atau membangunkan:

- Tanah-tanah melalui inisiatifnya yang sendiri.
- Tanah-tanah Kerajaan Negeri melalui kelulusan yang diperoleh daripada Kerajaan Negeri.
- Tanah-tanah Kerajaan Negeri atas permintaan Kerajaan Negeri.
- Mana-mana tanah milik Kerajaan Negeri (termasuklah tanah-tanah yang dikategorikan sebagai sebuah kawasan penempatan berkelompok).
- Tanah-tanah milik persendirian atas permintaan pemilik tanah dan bersetuju dengan syarat-syarat yang telah dipersetujui antara pemilik dengan FELCRA mana-mana tanah yang tidak dinyatakan di atas.

Selain membangun dan memulih tanah-tanah bagi tujuan pembangunan pertanian, FELCRA juga telah diberi peruntukan tambahan lain di bawah Akta ini bagi tujuan-tujuan berikut:

- FELCRA telah diberi kuasa dan tanggungjawab bagi tujuan pemulihan dan penyatuan tanah-tanah bagi tujuan pertanian.
- Memansuhkan mana-mana fungsi dan peranannya sebagaimana yang dinyatakan di atas bagi tujuan untuk mempertingkat keberkesanan FELCRA di dalam program penyatuan dan pemulihan tanah-tanah sebagaimana yang telah diperuntukkan di dalam Akta.

Sejajar dengan peruntukan undang-undang sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Akta ini, FELCRA telah memulakan projek pembangunan tanah-tanah desa bagi tujuan pertanian. Pihak FELCRA telah memulakan program pemulihan tanah di empat kawasan Rancangan Tanah Pinggir sebagai rancangan percubaan bagi membolehkan pihak FELCRA mempelajari dan memperoleh pengalaman awalnya sebelum melaksanakan program-program pembangunan, penyatuan dan pemulihan tanah-tanah yang lain.

Rancangan pemulihan tanah yang pertama yang telah dijalankan oleh pihak FELCRA ialah Rancangan Tanah Pinggir Simpang Renggam (Kluang, Johor), Rancangan Tanah Pinggir Ayer Hitam (Kuala Pilah, Negeri Sembilan), Rancangan Tanah Pinggir Gong (Temerloh, Pahang) dan Rancangan Tanah Pinggir Kampung Rasau A (Slim River, Perak).

## KONSEP PEMBANGUNAN TANAH OLEH FELCRA

Dalam pelaksanaan program pembangunan tanah, FELCRA mempunyai pendekatannya yang tersendiri. Sejajar dengan penubuhan FELCRA pada tahun 1966, konsep pembangunan tanah yang diperkenalkan oleh FELCRA adalah berbentuk pembangunan tanah yang bersepadu. Dalam konteks ini, kewujudan FELCRA tidak hanya untuk pembangunan tanah-tanah di kawasan luar bandar yang tidak produktif menjadi sebuah tanah pertanian yang produktif tetapi FELCRA juga menyumbang ke arah pembangunan sosial dan minda masyarakat luar bandar yang merupakan pemilik-pemilik tanah berkenaan yang kemudiannya dikenali sebagai peserta.

### Kaedah Pembangunan Tanah

Sebagaimana yang telah dinyatakan dalam tajuk sebelumnya, fungsi utama FELCRA adalah untuk melaksanakan program-program utama pembangunan tanah yang melibatkan aktiviti-aktiviti:

- Penyatuan tanah
- Pemulihan tanah

### Penyatuan Tanah

Tujuan utama bagi pelaksanaan program penyatuan tanah adalah untuk memastikan tanah-tanah yang terlibat dengan pembangunan pertanian menjadi lebih ekonomik. Dalam konsep penyatuan ini, kaedah atau pendekatan yang digunakan oleh FELCRA adalah melalui usaha penyatuan tanah dari segi pengurusan tanah-tanah bermilik yang terbiar bagi tujuan memajukan melalui pelaksanaan program pertanian yang bersepadu oleh pengurusan FELCRA.

### Pemulihan Tanah

Dari segi program pemulihan tanah-tanah, kegiatan utama FELCRA lebih tertumpu kepada usaha bagi memajukan tanah-tanah terbiar yang terdapat di sekitar kawasan-kawasan luar bandar di Malaysia terutama sekali di kampung-kampung tradisional. Tujuannya lebih kepada meningkatkan pendapatan dan daya pengeluaran pemilik tanah yang berkenaan di samping untuk meningkatkan pengeluaran hasil pertanian negara ini.

Berdasarkan kepada kedua-dua kaedah pembangunan tanah yang dilaksanakan oleh FELCRA, terdapat satu lagi sistem pengurusan yang diguna pakai oleh pihak FELCRA. Sistem ini dikenali sebagai "sistem saham" yang bertujuan untuk memperladangkan kawasan-kawasan pertanian secara kolektif dan meningkatkan taraf serta daya pengeluaran pekebun-pekebun kecil bagi menjadikan mereka "pemilik-pemilik atau pemegang-pemegang saham ladang" berasaskan kadar pemilikan tanah masing-masing. Kaedah perlaksanaan sebegini telah mewujudkan pengurusan secara berpusat yang dikendalikan oleh FELCRA.

## PROGRAM DAN AKTIVITI PEMBANGUNAN TANAH FELCRA

- Pemulihan Tanah
- Rancangan Tanah Pinggir
- Penebusan Tanah-tanah Simpanan Melayu
- Rancangan Tanah Belia
- Pembangunan Kampung Secara in-Situ
- Rajang Area Security Command (RASCOM)
- Projek Keselamatan
- Rancangan Tanah Orang Asli
- Projek Rancangan Keselamatan dan Pembangunan (KESBAN)
- Pembangunan Tanah Terbiar
- Projek Penyusunan Semula Kampung-kampung (PPSK)
- Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADP) Seberang Perak

## SUMBANGAN FELCRA TERHADAP PEMBANGUNAN EKONOMI NEGARA

Berikut adalah sumbangan FELCRA dalam pembangunan ekonomi pertanian komersial luar bandar di Malaysia, iaitu:

**Penyelesaian Masalah Tanah Terbiar**
Tanah-tanah terbiar di kawasan luar bandar Malaysia mempunyai nilai ekonomi yang baik. Akan tetapi, pembangunan pertanian yang tidak diusahakan pemilik adalah disebabkan oleh faktor berbilang pemilik, tiada bantuan dan latihan kemahiran dalam memberi peluang kepada pemilik-pemilik tanah berkenaan yang merupakan penduduk luar bandar untuk memajukan ekonomi mereka. Dengan adanya bantuan daripada FELCRA, banyak sumber dapat disalurkan kepada pemilik yang merangkumi pemberian latihan dan pengenalan kepada sistem pertanian komersial yang berbentuk ladang serta bantuan kewangan dengan harapan tanah-tanah tersebut dapat dimajukan sesuai dengan keperluan dan kehendak sumber-sumber bahan mentah tempatan.

**Penyediaan peluang pekerjaan kepada penduduk luar bandar**
Sejak kewujudan FELCRA pada tahun 1966, masalah pengangguran masyarakat luar bandar dapat dikurangkan melalui program-program pembangunan pertanian yang diperkenalkan oleh FELCRA. Contohnya, tanah-tanah terbiar yang dijadikan sebagai tanah ladang pertanian komersial telah memberi peluang kepada pemilik untuk menjadi sebagai pekerja di ladang. Selain memperoleh pendapatan melalui syer, mereka juga mendapat upah daripada kerja-kerja di ladang mengikut bayaran yang ditentukan oleh pihak FELCRA.

**Mengatasi Masalah Sosioekonomi Belia**
Kerajaan melalui agensinya FELCRA telah memperkenalkan rancangan tanah belia dengan harapan untuk menggalakkan penglibatan golongan belia dalam pembangunan tanah pertanian. Program ini telah berjaya dilaksanakan dan penglibatan belia-belia luar bandar telah dapat mengatasi masalah sosioekonomi belia ketika itu. Walaupun tempoh pelaksanan program ini agak singkat, namun sedikit sebanyak sumbangan belia dalam pertanian komersial telah banyak mengubah masa depan mereka menjadi seorang peneroka yang berjaya.

**Melindungi dan Mempertahankan Keselamatan Negara**
Program pembangunan tanah FELCRA juga telah dapat membantu kerajaan dalam mengatasi masalah ancaman subversif daripada Parti Komunis Malaya (PKM) dan Parti Komunis Kalimantan Utara (PKKU) melalui pembukaan tanah-tanah baru untuk tujuan penempatan dengan sistem kawalan keselamatan yang baik. Melalui program ini, pengganas komunis terpaksa berundur dan secara tidak langsung menghalang pengaruh komunis daripada mempengaruhi masyarakat yang tinggal di kawasan yang berhampiran dengan hutan belantara, yang menjadi kawasan aktiviti subversif tersebut. Dengan pembukaan tanah-tanah pertanian berkenaan, komunis sukar untuk melancar serangan terhadap kerajaan dan menjadi sebagai benteng pertahanan.

**Pembangunan dan Penyusunan Semula Kampung-kampung**
Program pertanian yang diperkenalkan oleh FELCRA ini bertujuan untuk membangun dan menyusun semula kampung-kampung tradisi yang dahulunya hanya menjadikan pertanian sara diri sebagai ekonomi tempatan. Oleh sebab kuasa ekonomi masyarakat desa adalah rendah dan hanya bergantung harap pada pertanian sara diri, masalah kemiskinan pun wujud dan akibatnya banyak berlaku penghijrahan golongan belia ke kawasan bandar. Selain itu, masalah kampung tinggal (Abandoned Village) juga dapat diatasi. Pembangunan dan penyusunan semula kampung-kampung ini telah memberi peluang kepada masyarakat desa melibatkan diri dalam aktiviti pertanian komersial, seterusnya membuka peluang kepada peserta untuk meningkatkan taraf ekonomi mereka dan tidak hanya bergantung kepada pertanian sara diri.

**Menggalakkan Masyarakat Orang Asli Tidak Berpindah-randah**
Sebagaimana yang kita ketahui, kehidupan masyarakat orang asli di Malaysia adalah bersifat primitif ketika itu. Golongan ini sukar berpindah-randah dari satu penempatan ke penempatan lain. Kehidupan mereka tidak teratur kerana tempat tinggal mereka bersifat sementara. Perpindahan masyarakat orang asli di Malaysia dari satu penempatan ke penempatan lain adalah disebabkan oleh kepercayaan aninisme yang dianuti oleh mereka. Akibatnya, mereka tidak mempunyai satu penempatan yang bersifat kekal serta mempunyai satu sektor pertanian yang kekal bagi membolehkan mereka meningkatkan tahap pendapatan mereka. Melalui program kerjasama antara FELCRA dan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, tahap sosioekonomi bagi masyarakat orang asli dapat dimajukan dan dipertingkatkan lagi melalui pengenalan sektor pertanian komersial. Ini boleh menjamin pendapatan yang lebih baik berbanding dengan pergantungan hidup primitif terhadap sumber-sumber semula jadi yang terdapat di dalam hutan belantara di Malaysia. Dengan ini, pola kehidupan masyarakat orang asli akan teratur di samping mempunyai sumber pendapatan yang tetap serta kehidupan yang lebih moden dan teratur.

**Pembentukan Sebuah Perbandaran Moden yang Berteraskan Ekonomi Pertanian**
FELCRA telah berjaya mewujudkan Bandar Baru Seberang Perak yang bertindak sebagai nadi pembangunan di kawasan sekitarnya dengan mengekalkan aktiviti ekonominya, iaitu sumber pertanian komersial. Pembukaan bandar ini telah menggalakkan penglibatan agensi-agensi kerajaan menyediakan kemudahan asas dan komersial kepada masyarakat peneroka setempat. Bandar ini juga menyediakan kemudahan komersial dan perniagaan kepada masyarakat sekitarnya melalui penyediaan unit-unit hartanah komersil bagi keperluan masyarakat peserta.

## KONSEP PROGRAM PENYATUAN & PEMULIHAN TANAH (P&P)

Tujuan utama pembangunan tanah yang dilaksanakan oleh FELCRA Berhad adalah untuk mewujudkan asas ekonomi pertanian kepada kumpulan sasar dengan memberikan pendapatan tambahan kepada penduduk luar bandar yang mempunyai tanah terbiar, menambah pendapatan pekebun kecil dan meningkatkan taraf hidup.

Ladang-ladang P&P merupakan program obligasi sosial FELCRA Berhad yang dilaksanakan dari awal penubuhan sehingga kini. Projek-projek yang dilaksanakan di bawah program ini terletak di seluruh negara terutama di kawasan luar bandar dan kebanyakannya terdiri daripada tanah-tanah yang terbiar serta bermasalah. Cabaran dalam melaksanakan program ini termasuklah:

- Lot-lot tanah yang berselerak sehingga menyukarkan penyediaan infrastruktur ladang dan kawalan musuh tanaman.
- Kawasan-kawasan yang terpinggir kurang membangun serta kekurangan infrastruktur. Jalan-jalan masuk, tebatan bagi banjir dan hujan juga menyukarkan pembangunan untuk dilaksanakan. Selain itu, kos-kos bagi menyediakan infrastruktur juga amat tinggi.
- Sekatan atau isu perundangan ke atas tanah-tanah yang dibangunkan disebabkan oleh kaveat dan gadaian akibat pinjaman institusi kewangan, proses menukar nama yang sulit dan prosedur premium dan cukai.

Inisiatif penyatuan dan pemulihan tanah bermasalah yang dilaksanakan dengan menyatukan tanah-tanah kelompok kecil, dipulihkan dan dibangunkan menjadi sebuah estet milik peserta pada kos pengurusan minimum, iaitu 6.5% sahaja telah merealisasikan aspirasi Kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup serta kesejahteraan rakyat luar bandar.

Berdasarkan kontrak yang telah dipersetujui, individu atau institusi akan menyerahkan tanah mereka kepada FELCRA untuk dimajukan di bawah Program Penyatuan & Pemulihan Tanah (P&P) dan sebagai pulangan, mereka akan menerima pulangan dalam bentuk agihan keuntungan sebanyak 3 kali setahun.

## AGIHAN KEUNTUNGAN BOLEH AGIH TAHUNAN PROJEK PENYATUAN & PEMULIHAN TANAH

Menjadi kelaziman kepada FELCRA Berhad untuk melaksanakan pembayaran keuntungan boleh agih bagi ladang-ladang yang menguntungkan di bawah program penyatuan dan pemulihan tanah sebanyak tiga (3) kali setahun, iaitu agihan interim suku tahun pertama, kedua dan ketiga (akhir) yang lazimnya dibayar bersempena persediaan musim persekolahan dan bayaran akhir bersempena musim perayaan.

## PELAKSANAAN PROGRAM OBLIGASI SOSIAL SYARIKAT

Dalam perjanjian Pengkorporatan FELCRA Berhad tahun 1997 menyatakan FELCRA Berhad wajib menyalurkan peruntukan sebanyak RM4.3juta setiap tahun untuk melaksanakan aktiviti obligasi sosial kepada warga peserta berdasarkan informasi berikut:




Walaupun FELCRA telah dikorporatkan pada 1997, namun fungsi dan peranan FELCRA masih dikekalkan demi kemajuan ekonomi bagi masyarakat luar bandar meskipun dunia sedang menghadapi era globalisasi selaras dengan perkembangan semasa. Oleh itu, keperluan permodenan masyarakat tani luar bandar adalah perlu bagi memastikan sumber luar bandar dan tahap sosioekonomi masyarakat desa dapat ditingkatkan dan dimajukan.

# Perutusan



YAB Dato Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi

## Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah

"Saya amat melihat potensi yang ditunjukkan FELCRA. FELCRA telah menjadi mercu tanda harapan bagi pembangunan masyarakat desa di Malaysia selama beberapa dekad bersama agenda membantu penduduk menyertai aktiviti-aktiviti ekonomi negara Malaysia dan seterusnya meningkatkan taraf hidup dan nilai kehidupan mereka. Di bawah Kerajaan Perpaduan MADANI pimpinan YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim, usaha ini terus diperkasa dan tumpuan khusus turut diberikan kepada golongan belia FELCRA yang dilihat membawa bersama pemikiran dinamika dan semangat yang baru."

*Majlis Apresiasi Gen-Z FB, 10 Ogos 2023, Dewan Perdana FELCRA*

# Kenyataan



Dato' Sri Ahmad Jazlan Yaakub

## Pengerusi FELCRA

**INI MASA MEMBALAS JASA**

Walaupun telah melalui fasa pengkorporatan sejak 1997 yang memerlukan penambahan fokus yang lebih berorientasikan keuntungan, FELCRA tidak sekali-kali melupakan semua tanggungjawab yang telah terpatri selaku agensi milik kerajaan yang terus menerima kepercayaan demi kepercayaan untuk melaksanakan agenda pembangunan negara khasnya di luar bandar.

Melalui kepercayaan yang diberikan, FELCRA bukan sahaja boleh melaksanakan mandat sosial yang dipertanggungjawabkan terhadap golongan warga Peserta dengan lebih sempurna, malah pelbagai limpahan manfaat komersial turut diterima oleh FELCRA yang telah memberi impak positif terhadap kelangsungan operasi syarikat untuk terus bertahan di persada korporat dan agrokomoditi negara.

Pun begitu, FELCRA sama sekali tidak mahu dilihat mengambil kesempatan di atas budi dan jasa berterusan pihak kerajaan kepada kami, sebaliknya sentiasa berusaha keras untuk membayar semula kepercayaan ini melalui pulangan yang boleh memberi impak yang signifikan kepada kesejahteraan rakyat di desa seterusnya memperkukuhkan kepercayaan mereka kepada Kerajaan Madani pada hari ini.

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) kini telah bersedia merangka pelbagai usaha bagi menarik pelabur-pelabur luar untuk melabur di kawasan luar bandar dengan penglibatan aktif dalam kalangan sektor swasta. Ini juga yang ditegaskan kepada semua agensi di bawah KKDW dalam kesibukan mengejar transformasi kemodenan, jangan sesekali kawasan luar bandar dipinggirkan dan diketepikan.

Oleh itu yang kami di FELCRA Berhad lakukan. Pasukan kerja kami terus diperkukuhkan dengan memberikan yang terbaik serta tanpa jemu untuk terus memberikan khidmat kepada hampir 107 orang peserta luar bandar di seluruh Malaysia.

Sebagai sebuah agensi milik kerajaan, FELCRA tidak boleh berasa cukup dengan pencapaian hari ini sebaliknya perlu mencari ikhtiar yang berterusan untuk memenuhi keperluan rakyat yang semakin mendesak dewasa ini. Dengan pembangunan teknologi komunikasi yang pesat membangun di samping gelombang generasi baru luar bandar yang lebih cakna dengan isu semasa di sekeliling mereka, FELCRA perlu berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan keperluan dan kesedaran mereka seterusnya mengelakkan diri dari ketinggalan dalam memenuhi harapan dan aspirasi mereka.

# Kenyataan



YBhg Dato' Idris Lasim

## Ketua Pegawai Eksekutif

FELCRA Berhad akan terus memperkukuhkan daya usaha serta keyakinan warga peserta.

Alhamdulillah, dengan usaha yang berterusan di samping kepercayaan yang diberikan oleh pihak kerajaan, FELCRA terus mengorak langkah diterokai kepelbagaian industri tidak hanya menfokuskan kepada pengurusan perladangan dan perkilangan sahaja.

Penerokaan terhadap industri keterjaminan makanan buah memberikan impak yang positif tidak hanya kepada pembekalan ternakan ayam sahaja sebaliknya turut memberikan impak pembangunan setempat dengan penawaran peluang-peluang pekerjaan dan kontrak pembangunan.

Selain itu, penerokaan terhadap industri hiliran berasaskan kelapa sawit iaitu biogass terus memberikan pulangan yang baik dengan Kerjasama bersama pihak swasta di Kilang FELCRA Jayaputra, Jerantut Pahang. Kejayaan projek ini turut dilihat sebagai pemangkin kepada proses perbandaran di luar bandar melalui impak positif terhadap limpahan ekonomi, kelestarian alam sekitar serta peluang pekerjaan berkemahiran tinggi kepada masyarakat setempat.

Walaupun FELCRA Berhad telah membangunkan pelbagai iniaistif bagi memperkukuhkan sektor perniagaan, namun terdapat beberapa cabaran yang perlu diatasi. Cabaran - cabaran tersebut seperti perubahan dalam pasaran global, isu-isu kewangan, perubahan polisi kerajaan, turun naik harga komoditi dan keperluan untuk berinovasi dalam teknologi pertanian akan pasti memberikan kesan terhadap perolehan syarikat. Namun, FELCRA akan terus memastikan kebajikan para peserta dan meningkatkan produktiviti untuk terus berdaya saing dalam industri perladangan.

# AHLI LEMBAGA PENGARAH 2023



**Edham Reza Shah Bin Dato' Abdul Rahman**
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif FELCRA Berhad

**Nor Azizati Binti Hamzah**
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif FELCRA Berhad

**Nor Azmiza Binti Mamat**
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif FELCRA Berhad

**Dato' Sri Ahmad Jazlan Bin Yaakub**
Pengerusi FELCRA Berhad

**Shamsudin Bin Abdul Latiff**
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif FELCRA Berhad

# AHLI
# MESYUARAT PENGURUSAN TERTINGGI 2023

**Zorkarnain Bin Mohamed**
Pengurus Besar Kumpulan Perolehan

**Mohamad Khalid Bin Mohamad Noor**
Pengurus Besar
Kumpulan Perancangan & Pemantauan

**Zulkhairi Bin Abdul Rahim**
Pengurus Besar
Kumpulan Khidmat Pengurusan



**Mohammad Bin Ab Rahman**
Pengurus Besar
Kumpulan Hal Ehwal Peserta & Komunikasi

**Dato' Idris bin Lasim**
Ketua Pegawai Eksekutif

**Mohamed Ismi bin Abdul Majid**
Pengurus Besar
Kumpulan Kewangan

# Maklumat Korporat FELCRA BERHAD

- Informasi Korporat
- Kenyataan Tadbir Urus Korporat
- Struktur Organisasi Kepimpinan Tertinggi 2023
- Struktur Organisasi 2023
- Biodata Ahli Lembaga Pengarah 2023
- Biodata Ahli Mesyuarat Pengurusan Tertinggi 2023

# Maklumat Korporat

## Informasi Korporat

FELCRA Berhad adalah syarikat **Hak Milik Menteri Kewangan Diperbadankan** dan di bawah penyeliaan **Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah**.

| | |
|---|---|
| Pejabat Berdaftar | : **Tingkat 6, Ibu Pejabat**<br>FELCRA Berhad<br>Wisma FELCRA, Lot 4780<br>Jalan Rejang, Setapak Jaya<br>53300 Kuala Lumpur |
| Telefon | : **603-4145 5000** |
| Faks | : **603-4142 8162** |
| Hotline | : **1-800-22-5050** |
| E-mel | : **FELCRAbhd@FELCRA.com.my** |
| Laman Web | : **www.FELCRA.com.my** |
| Modal Berbayar | : **RM1,469,268,002.00** |
| Tahun Ditubuhkan | : **1966** |
| Tahun Pengkorporatan | : **1 September 1997** |
| Principle Bankers | : **Affin Islamic Bank**<br>Ground Floor, Chulan Tower<br>Jalan Conlay, 50450 Kuala Lumpur<br><br>**Bank Islam**<br>21, Jalan Raja Laut<br>Chow Kit, 50350 Kuala Lumpur |
| Juruaudit | : **Khairuddin Hasyudeen & Razi (KHR)**<br>B-5-7, Megan Avenue II<br>12 Jalan Yap Kwan Seng<br>50450 Kuala Lumpur |

## SENARAI AHLI LEMBAGA PENGARAH 2023

1. Dato' Sri Ahmad Jazlan bin Yaakub
2. Dato' Sri Ramlan bin Dato' Harun
3. Nor Azizati binti Hamzah
4. Datuk Dr. Yatimah binti Sarjiman
5. Edham Reza Shah bin Dato' Abdul Rahman
6. Shamsudin bin Abdul Latiff
7. Nor Azmiza binti Mamat

## JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH FELCRA BERHAD 2023

**Jawatankuasa Lembaga Audit**

I. Shamsudin bin Abdul Latiff | Pengerusi mulai 2 Nov 2023
II. Edham Reza Shah bin Abdul Rahman | Pengerusi sehingga 1 Nov 2023
III. Dato' Shahrol Anuwar bin Sarman | Ahli
IV. Datuk Dr. Yatimah binti Sarjiman | Ahli
V. Nor Azizati binti Hamzah | Ahli
VI. Mohd Azman bin Md Razali (Ketua Audit Dalam) | Setiausaha

**Jawatankuasa Lembaga Perolehan**

I. Dato' Sri Ramlan bin Dato' Harun | Pengerusi
II. Nor Azizati binti Hamzah
III. Shamsudin bin Abdul Latiff
IV. Zorkarnain bin Mohamed (Pengurus Besar Kumpulan Perolehan) | Setiausaha

**Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran (JKPG)**

I. Dato' Ramlan bin Harun | Pengerusi
II. Datuk Yatimah binti Sarjiman | Ahli
III. Shamsudin bin Abdul Latiff Ahli
IV. Aidatul Sima binti Mohd Sharif (Pengurus Besar Operasi Sumber Manusia) | Setiausaha

**Jawatankuasa Lembaga Penasihat Transformasi**

I. Dato' Sri Ramlan bin Dato' Harun
II. Nor Azizati binti Hamzah
III. Azam Azi bin Rusdi Sharif (Pengurus Besar Transformasi dan Strategi) | Setiausaha

## SENARAI KEAHLIAN MESYUARAT PENGURUSAN TERTINGGI 2023

1. Dato' Mat Roni bin Zakaria | Ketua Pegawai Eksekutif (Pengerusi)
   *Menamatkan perkhidmatan pada 21 September 2023*
2. Mohammad bin Ab Rahman | Pengurus Besar Kumpulan Hal Ehwal Peserta & Komunikasi
3. Dato' Idris bin Lasim | Pengurus Besar Kumpulan Perladangan
   *Memangku jawatan Ketua Pegawai Eksekutif bermula 27 September 2023 dan dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif bermula 7 Disember 2023*
4. Zulkhairi bin Abdul Rahim | Pengurus Besar Kumpulan Khidmat Pengurusan
5. Mohamed Ismi bin Abdul Majid | Pengurus Besar Kumpulan Kewangan
6. Zorkarnain bin Mohamed | Pengurus Besar Kumpulan Perolehan
7. Ir. Mazlan bin Ahmad | Pengurus Besar Kumpulan Perkilangan & Pemasaran
8. Mohamad Khalid bin Mohamad Noor | Pengurus Besar Kumpulan Perancangan & Pemantauan
9. Muhammad Eizaaz bin Dato' Haji Muhammad Redzuan | Pengurus Besar Kumpulan Transformasi & Perancangan Korporat
10. Nurul Ain binti Muhamad Sauki | Setiausaha Syarikat

## SENARAI ANAK SYARIKAT 2023

### Anak Syarikat Aktif

I. FELCRA Plantation Services Sdn. Bhd. – 100%
II. FELCRA Niaga Sdn. Bhd. - 100%
III. Diversatech (M) Sdn. Bhd. – 55%
IV. FELCRA Processing & Engineering Sdn. Bhd. – 100%
V. FELCRA Properties Sdn. Bhd. – 100%
VI. FELCRA Bina Sdn. Bhd. – 100%
VII. FELCRA Training & Consultancy Sdn. Bhd. – 100%
VIII. FELCRA Education Services Sdn. Bhd. – 100%
IX. FELCRA Bekalan & Perkhidmatan Sdn. Bhd. – 53%
X. FELCRA Food Industries Sdn. Bhd. – 100%
XI. Permodalan FELCRA Sdn. Bhd. – 100%

### Anak Syarikat Tidak Aktif

I. FELCRA Urus Estet Sdn. Bhd. – 100%
II. FELCRA Livestock & Agri Product Sdn. Bhd. – 100%
III. FELCRA Agro Industri Sdn. Bhd. – 100%
IV. FELCRA Banggi Development Sdn. Bhd. - 70%

### Syarikat Usahasama (Perladangan)

I. FELCRA Daya Khas Plantation Sdn. Bhd. - 92%
II. FELCRA Balingian Plantation Sdn. Bhd. - 80%
III. FELCRA Gedong Plantation Sdn. Bhd. – 87.5%
IV. FELCRA Sundar Awat-Awat Plantation Sdn. Bhd. - 70%
V. FELCRA Ever Herald Sdn. Bhd. - 70%
VI. FELCRA Pelita Jemoreng Sdn. Bhd. - 60%

### Syarikat Usahasama (Perkilangan)

I. FELCRA Venture Sri Aman Sdn. Bhd. - 40%
II. FELCRA Jayaputra Sdn. Bhd. - 36%
III. FELCRA Jaya Samarahan Sdn. Bhd. - 30%
IV. Kilang Sawit Panji Alam Sdn. Bhd. - 8.75%

# Maklumat Korporat

## Kenyataan Tadbir Urus Korporat

### AHLI LEMBAGA PENGARAH

**Tanggungjawab Lembaga Pengarah**
Piagam Lembaga Pengarah (Board Charter) secara umumnya adalah tertakluk kepada peruntukan di bawah Akta Syarikat 1965. Lembaga Pengarah syarikat MKD perlu mengetahui, memahami dan menghayati hak, kuasa dan tanggungjawab Lembaga Pengarah yang diperuntukkan di bawah Akta Syarikat 1965, M&A syarikat MKD, Malaysian Code of Corporate Governance dan Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan MKD ini.

Lembaga Pengarah secara khususnya bertanggungjawab atas perkara-perkara berikut:

I. Memastikan bahawa semua peruntukan undang-undang, peraturan dan arahan di bawah Akta Syarikat 1965, Akta Menteri Kewangan (Pemerbadanan) 1957 dan undang-undang berkaitan industri yang mengawal operasi syarikat MKD dipatuhi sepenuhnya.
II. Memastikan bahawa syarikat MKD beroperasi selaras dengan objektif penubuhannya melalui penyediaan strategi, pelan perniagaan (business plan) yang mantap dan rangka kerja tadbir urus yang berkesan. Lembaga Pengarah dipertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan syarikat MKD melaksanakan mandat dan mencapai objektif yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat cadangan untuk melaksanakan sesuatu aktiviti yang di luar mandat/objektif penubuhan syarikat MKD berkenaan, kelulusan MKD melalui Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan (BSPK), Kementerian Kewangan (MOF) perlu diperoleh terlebih dahulu.
III. Menubuhkan Jawatankuasa peringkat Lembaga Pengarah yang bersesuaian seperti berikut:

a) **Jawatankuasa Audit, Risiko dan Integriti (JARI)** yang antara fungsinya adalah seperti berikut:
- Memastikan Unit Audit Dalam dan Integriti yang ditubuhkan bertanggungjawab kepada JARI.
- Memastikan pengauditan berkala dan perancangan pelan audit dilaksanakan oleh Unit Audit Dalam sebagai langkah kawalan dan pemantauan terhadap aspek pengurusan kewangan dan operasi syarikat.
- Menyusul isu audit yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) atau kelemahan yang diketengahkan oleh Jabatan Audit Negara dengan memastikan pihak pengurusan melaksanakan tindakan pembetulan dan penyelesaian segera ke atas isu berkenaan serta menetapkan dan memantau pematuhan tarikh serta tempoh masa tindakan penyelesaian.
- Sekiranya isu audit yang dibangkitkan dibawa ke perhatian Putrajaya Inquisition atau Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam (Public Accounts) Committe), Pengerusi JARI bertanggungjawab untuk hadir bersama-sama pihak pengurusan bagi memberi penjelasan.
- Memastikan pemantauan, penyeliaan dan penilaian keseluruhan pengurusan risiko syarikat dan memastikan langkah-langkah pencegahan dilaksanakan.

b) **Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran** yang antara fungsinya adalah seperti berikut:
- Meneliti cadangan pelantikan/pelantikan semula serta tempoh perkhidmatan

Pengerusi, ALP dan pengurusan kanan syarikat termasuk Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif (MD/CEO).

- Kesemua cadangan ini perlu dibentangkan di peringkat Lembaga Pengarah untuk perakuan sebelum dikemukakan untuk kelulusan MKD kecuali bagi pelantikan pengurusan kanan.
- Menimbang dan memperakukan mengenal cadangan pelarasan struktur gaji, kenaikan gaji tahunan MD/CEO dan staf, semakan Perjanjian Bersama Kesatuan Pekerja (Collective Agreement) dan pembayaran bonus. Kesemua cadangan ini perlu dibentangkan di peringkat Lembaga Pengarah untuk perakuan sebelum dikemukakan untuk kelulusan MKD kecuali kenaikan gaji tahunan staf.

c) **Jawatankuasa Perolehan** yang antara fungsinya adalah seperti berikut:

- Memastikan Manual Perolehan diwujudkan dan dikemas kini serta diperakukan untuk pertimbangan dan kelulusan Lembaga Pengarah.
- Menimbang dan memutuskan tender mengikut had nilai kuasa perolehan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

d) **Jawatankuasa Pelaburan** yang antara fungsinya adalah seperti berikut:

- Meneliti dan menimbangkan cadangan pelaburan yang dikemukakan pihak pengurusan.
- Memantau perancangan dan aktiviti pelaburan agar mengikut bajet yang ditetapkan.
- Memastikan penilaian risiko dibuat ke atas setiap cadangan pelaburan.

e) **Jawatankuasa-jawatankuasa lain yang bersesuaian**

- Memastikan bahawa Pengerusi tidak menganggotai Jawatankuasa peringkat Lembaga Pengarah yang boleh menimbulkan konflik kepentingan.
- Memastikan MD/CEO tidak menganggotai JARI untuk mengelakkan percanggahan kepentingan dan mengamalkan tadbir urus terbaik.
- Memastikan kewujudan/penggubalan polisi syarikat yang jelas, had kuasa (Limit of Authority - LOA) yang kemas dan teratur serta SOP yang sentiasa relevan tanpa menjejaskan kawalan, selaras dengan amalan terbaik industri.
- Memastikan semua keputusan Lembaga Pengarah yang telah diluluskan oleh MKD dilaksanakan mengikut jangka masa yang ditetapkan di mana berkaitan.
- Memastikan semua perbincangan di peringkat mesyuarat Lembaga Pengarah dicatatkan dengan tepat dalam minit mesyuarat termasuk jika terdapat bantahan.
- Memastikan Lembaga Pengarah tidak menyalahgunakan kuasa dalam penentuan elaun, kemudahan dan faedah kepada ALP serta melaksanakan tanggungjawab secara bermoral dan beretika.
- Lembaga Pengarah perlu merujuk kepada MKD mengenai perkara atau hal yang kurang jelas (grey areas) berkaitan aktiviti, dasar dan hala tuju syarikat serta mendapatkan kelulusan MKD jika perlu.

IV. Komposisi Lembaga Pengarah

Bagi memastikan komposisi dan keanggotaan Lembaga Pengarah yang cekap dan mantap, Lembaga Pengarah boleh:

- Mengenal pasti kebolehan serta ciri-ciri personaliti yang diperlukan dalam komposisi Lembaga Pengarah dan mengesyorkan kepada MKD sistem penggantian ALP yang teratur, tertakluk kepada M&A syarikat Garis panduan pelantikan Pengerusi, ALP dan MD/CEO.
- Lembaga Pengarah Syarikat MKD haruslah terdiri daripada ahli-ahli yang mempunyai pelbagai kemahiran seperti perdagangan, kewangan, perakaunan, undang-undang, pemasaran, hubungan di tempat kerja, pengurusan dan kemahiran lain yang berkaitan dengan operasi syarikat MKD, dan dilantik atas kapasiti peribadi mereka tersendiri bagi menyumbang kepada Lembaga Pengarah yang dinamik, cekap dan berkesan.
- Setiap tahun, ALP perlu menilai prestasi Lembaga Pengarah secara kolektif dan ALP lain (peer rating) secara individu termasuk Pengerusi. Penilaian prestasi ini wajar diambil kira dalam pertimbangan

pelantikan semula ALP sedia ada.

V. Peranan, Tugas dan Tanggungjawab Pengerusi:
Pengerusi Lembaga Pengarah bertanggungjawab mempengerusikan mesyuarat Lembaga Pengarah dan sentiasa memastikan Lembaga Pengarah berfungsi dengan berkesan. Pengerusi secara amnya mempunyai peranan, tugas dan tanggungjawab seperti berikut:

- Memastikan struktur Lembaga Pengarah yang jelas untuk kelancaran fungsi dan peranan Lembaga Pengarah.
- Berdaya kepimpinan dan berwibawa dalam mewakili syarikat di mata awam serta memahami pandangan dan keutamaan pihak berkepentingan (stakeholders).
- Memastikan pengurusan menyediakan maklumat yang tepat, terkini dan jelas supaya semua ALP mendapat penerangan sewajarnya berkaitan isu dan perkara yang dibangkitkan dalam mesyuarat bagi membantu ALP membuat keputusan.
- Memastikan setiap resolusi Lembaga Pengarah yang substantif dan perlu mengemukakan perbincangan mendalam untuk pengundian secara fizikal manakala Resolusi Pekeliling Lembaga Pengarah (Directors' Circular Resolution) hanya dihadkan kepada perkara-perkara yang tidak kompleks dan tidak memerlukan perbincangan mendalam.
- Memastikan semua keputusan Lembaga Pengarah dilaksanakan secara efektif dari segi keutamaan, kecekapan, keberkesanan dan kewangan.
- Memastikan penilaian prestasi Lembaga Pengarah dan setiap ALP secara individu dilaksanakan.
- Menerajui dalam mengenal pasti dan memenuhi keperluan latihan serta pembangunan Lembaga Pengarah.
- Memastikan batas tanggungjawab antara Lembaga Pengarah dan Pengurusan difahami dengan jelas serta dihormati dan hubungan antara Lembaga Pengarah dengan Pengurusan dijalin secara profesional dan membina.
- Sebagai wakil syarikat, selain MD/CEO bagi pasaran domestik dan antarabangsa.
- Menetapkan agenda bagi Mesyuarat Lembaga Pengarah sebagaimana yang dirundingkan bersama MD/CEO dan Setiausaha Syarikat.
- Menetapkan tempoh masa yang bersesuaian dan sewajarnya bagi membincangkan perkara yang kompleks atau kontroversi dan boleh mengaturkan mesyuarat/perbincangan tidak rasmi terlebih dahulu, jika perlu, sebagai persediaan sebelum Mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan.
- Bertindak sebagai fasilitator semasa mesyuarat untuk memastikan:
  - tiada ahli yang mendominasi mesyuarat.
  - perbincangan penuh dilaksanakan dan mampu membantu MD/CEO menentukan keseragaman dasar dengan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan.
  - peluang kepada ALP memberi kepelbagaian pendapat untuk menggalakkan perdebatan dan proses membuat keputusan yang bermaklumat (informed decision making).
  - komunikasi berkesan dengan pemegang saham dan semua pihak berkepentingan (stakeholders).
  - membina dan mengekalkan hubungan kerja yang efektif dengan Pengurusan dan memudahkan komunikasi lebih berkesan di antara ALP dengan Pengurusan, sama ada di dalam atau di luar mesyuarat Lembaga Pengarah.

VI. Peranan, Tugas dan Tanggungjawab Pegawai Kerajaan yang Dilantik Sebagai Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Milik Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD):

a) ALP yang baharu dilantik wajar memastikan MD/CEO atau Pengurusan memberi taklimat terperinci mengenai aktiviti syarikat dan prosedur serta tatacara yang berkuat kuasa dalam syarikat sebelum memulakan peranan sebagai ALP.

b) ALP bertanggungjawab untuk memahami tugas dan tanggungjawab fidusiari

(sebagaimana diperuntukkan di bawah Akta Syarikat 1965) sebagai Pengarah Syarikat.

c) Walau bagaimanapun, sebagai ALP yang dilantik oleh Kerajaan, Pengarah juga perlu mengambil kira kepentingan Kerajaan dalam membuat keputusan. Sekiranya terdapat percanggahan kepentingan atau konflik yang tidak dapat dielakkan, ALP sewajarnya mengutamakan kepentingan syarikat. ALP boleh mengisytiharkan percanggahan kepentingan atau konflik tersebut dan mengecualikan diri (abstain) daripada mengundi.

d) Setiap ALP perlu memainkan peranan masing-masing secara berkesan dengan melaksanakan perkara-perkara berikut:

- Mengetahui dan memahami dengan jelas aktiviti teras syarikat.
- Mengetahui, memahami dan mempraktikkan cara, skill dan diligence dalam memberi nasihat, pendapat dan pandangan serta membuat keputusan.
- Mengguna pakai Garis Panduan seperti di Lampiran 1, di samping perlu sentiasa membaca, memahami dan melengkapkan diri dengan maklumat terkini berkaitan perkembangan industri di mana syarikat beroperasi serta sebarang perubahan dalam garis panduan atau perundangan yang berkaitan.
- Menghadiri lebih daripada 50% (75% bagi Institusi Kewangan Pembangunan - DFI) mesyuarat Lembaga Pengarah, mesyuarat Jawatankuasa yang dianggotainya dan mesyuarat penting lain bagi memastikan semua peranan, tugas dan tanggungjawab Lembaga Pengarah dapat dilaksanakan dengan sempurna. Kegagalan menghadiri tiga mesyuarat Lembaga Pengarah secara berturut-turut boleh mengakibatkan keahlian digugurkan.
- Memperkasa diri dengan menghadiri latihan dan kursus dari semasa ke semasa serta melengkapkan diri dengan maklumat terkini bagi memantapkan peranannya sebagai ALP. Setiap ALP yang baru pertama kali dilantik hendaklah menghadiri Kursus Asas atau Onboarding Program dalam tempoh 6 bulan dari tarikh lantikan sebagai ALP syarikat MKD dengan perbelanjaan menghadiri kursus ini ditanggung oleh syarikat. Kegagalan menghadiri kursus berkenaan dalam tempoh yang diberikan akan menyebabkan perkhidmatan sebagai ALP Syarikat MKD ditamatkan mulai tarikh 6 bulan berakhir.
- Membuat pengisytiharan sekiranya terdapat kepentingan dalam syarikat atau perolehan/cadangan projek sama ada kepunyaan sendiri atau ahli keluarga (isteri/suami atau anak-anak). Sekiranya wujud percanggahan kepentingan dalam sesebuah projek/perolehan, maka ALP tersebut perlu mengecualikan diri (abstain) daripada menyertai perbincangan dan membuat sebarang keputusan mengenainya.
- Melindungi maklumat yang dikategorikan sebagai rahsia atau sulit (trade secret) daripada didedahkan kepada umum, terutama yang boleh memberi kesan kepada nilai syarikat MKD, mempengaruhi keputusan kerajaan berhubung syarikat MKD tersebut atau di mana kerajaan melalui MKD mempunyai kepentingan yang sah.
- Tidak menyalahgunakan kuasa, hak dan harta yang telah dipertanggungjawabkan sebagai ALP syarikat dan perlu sentiasa mengikut peraturan dan kelayakan yang telah ditetapkan. ALP juga dilarang daripada menyalah guna sebarang maklumat yang diperoleh semasa memegang jawatan sebagai Pengarah serta ditegah daripada melakukan perkara yang mungkin menjejaskan kepentingan syarikat.
- Memastikan syarikat mematuhi dasar semasa Kerajaan mengenal pengurusan korporat syarikat MKD seperti di Bahagian 3 Garis Panduan ini oleh syarikat MKD.
- Memastikan syarikat mendapatkan kelulusan MKD ke atas perkara-perkara yang memerlukan pertimbangan Pemegang Saham berdasarkan obligasi yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965, M&A Syarikat dan Arahan-arahan MKD.
- Jika terdapat percanggahan kepentingan (conflict of interest) di antara kepentingan syarikat dengan Kerajaan sama ada

sebagai pemegang saham atau sebagai pembuat dasar negara, Pegawal Kerajaan berkenaan perlu menggunakan budi bicara untuk menyampaikan pendirian pemegang saham (MKD).

- Digalakkan menganggotai Jawatankuasa Audit, Risiko dan Integriti syarikat MKD. Jika terdapat sebarang tanda penyelewengan termasuk amalan memanipulasi akaun dan penyalahgunaan kuasa, perkara ini hendaklah dibawa kepada perhatian mesyuarat Lembaga Pengarah untuk tindakan ke atas pengurusan serta dilaporkan kepada MKD dengan segera.
- Memastikan mekanisme kawalan diwujudkan bagi syarikat MKD yang menerima bantuan kewangan daripada Kerajaan (seperti geran, subsidi, pinjaman, jaminan dan lain-lain), agar penggunaannya mengikut tujuan penyaluran yang diluluskan, memantau pengeluaran dan pematuhan jadual bayaran balik serta melaporkan kepada MKD sekiranya terdapat sebarang ketidakpatuhan;
- Mesti mengetahui, memahami dan memastikan syarikat MKD berkenaan mematuhi hak, kuasa dan keistimewaan pemegang saham khas seperti yang diperuntukkan dalam M&A syarikat bagi syarikat di mana MKD memiliki pegangan saham khas (golden share).
- Menyediakan Laporan Mesyuarat Lembaga Pengarah sebagaimana yang digariskan di para 4.1 Bahagian 4 Garis Panduan ini, dan
- Meletak jawatan dalam semua Lembaga Pengarah syarikat MKD yang dianggotai apabila:
  - Pegawai Kerajaan berkenaan telah bersara/meletakkan jawatan penjawat awam.
  - Bertukar ke Kementerian atau agensi lain.

# Maklumat Korporat

## Struktur Organisasi Kepimpinan Tertinggi 2023



# Maklumat Korporat

## Struktur Organisasi FELCRA Berhad 2023

# Maklumat Korporat

## Biodata Ahli Lembaga Pengarah 2023



**Dato' Sri Ahmad Jazlan bin Yaakub**

a. Latar Belakang Pendidikan
- Ijazah Sarjana Pengurusan Perniagaan (MBA), University of West Scotland
- Post Graduate Diploma in Business Administration, London Examinations Board (LEB)
- Professional Diploma in Entrepeneurship Level 4, London Examinations Board (LEB)

b. Pengalaman Pentadbiran dan Pengurusan
- 2021 – 2022: Pengerusi (FELCRA Berhad)
- 2020 – 2021: Pengerusi [Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)]
- 2015 – 2018: Timbalan Menteri [Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW)

c. Pengalaman Politik
- 2013 – 2022: Ahli Parlimen Machang
- 2018 – kini: Pengerusi (Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan)
- 2018 – kini: Ahli Majlis Kerja Tertinggi (Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu UMNO Malaysia)

d. Penglibatan Sosial/Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)
- 2018 – kini: Penolong Kanan Pesuruhjaya Kehormat Jabatan Penjara Malaysia
- 2017 – kini: Penolong Pesuruhjaya Kehormat Jabatan Rela Malaysia (RELA)
- 2017 – 2018: Timbalan Menteri Mentor Universiti Malaysia Kelantan (UMK)



**Dato' Sri Ramlan bin Dato' Harun**

a. Pendidikan
- M.Sc Land Resource Management, UPM
- B.Sc (Housing, Building and Planning), USM
- Diploma Pentadbiran Awam, Intan

b. Anugerah Kebesaran
- Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP), 2011
- Setia Mahkota Pahang (SMP), 2006
- Ahli Mahkota Pahang (AMP). 2004

c. Rekod Perkhidmatan
- Setiausaha Bahagian Kanan (11 Mac 2019 – 10 Ogos 2020)
  Bahagian Pembangunan Kementerian Kesihatan Malaysia
- Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) (10 Ogos 2020 – 30 September 2021)
  Kementerian dalam Negeri
- Ketua Setiausaha (1 Oktober 2021)
  Kementerian Pembangunan Luar Bandar



**Nor Azizati binti Hamzah**

a. Pendidikan
- Master of Public Health (International Health) Boston University, 2004
- Diploma Pengurusan Awam Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), 1999
- B.A (Hons) Psychology Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 1996

b. Rekod Perkhidmatan
- Setiausaha Bahagian, Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat, Memangku PTD Gred Utama B (VU6) – 1 Disember 2023
- Timbalan Pengarah Belanjawan Negara, Sektor Perkhidmatan Am, Pejabat Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan, PTD Gred Utama C (VU7) – 18 Julai 2022
- Kenaikan Pangkat ke PTD Gred Utama C (VU7) – 1 Julai 2018

c. Kegiatan Luar/Sumbangan
- Kelab Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat (Penaung), 2023
- Kelab Berpendeharaan Putrajaya (Setiausaha Kehormat Biro Ekonomi dan Kewangan – 1 Ogos 2023 sehingga 31 Julai 2025), 2023
- Alumni Boston University (BU), 2004



**Dr. Datuk Yatimah binti Sarjiman**

a. Pendidikan
- Bachelor of Business Administration in Accounting Information System/Computer Information System, Idaho State University, USA (1987)
- Master of Business Administration in Accounting & Finance/International Business, Northrop University, USA (1989)

b. Rekod Pr
- Jawatan: Pengarah Bahagian Pertanian
- Seksyen: Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
- Skim/Gred: Pegawai Tadbir dan Diplomatik, Gred B

c. Anugerah Kebesaran
- Panglima Mahkota Wilayah (Hari Wilayah), 2016
- Anugerah Cemerlang, PUSPANITA Kebangsaan, 2014
- Kesatria Mangku Negara, 2012

d. Keahlian Persatuan/Organisasi dalam Malaysia
- PUSPANITA Kebangsaan, Naib Yang Dipertua II/Ahli Majlis Tertinggi, 2015
- PUSPANITA Jabatan Perdana Menteri, Timbalan Pengerusi Cawangan, 2015

e. Penglibatan dalam Projek-Projek Agensi Antarabangsa
- Team Leader, Development of Income Outlay and Capital Finance Accounts, UNDP
- The 14th Meeting of The ANRPC Committee on Natural Rubber Statistics, Sri Lanka APCAS Liaison Officer, Asia Pacific Commission on Agricultural Statistics, FAO



**Edham Reza Shah bin Dato' Abdul Rahman**

a. Pendidikan
- Masters in Banking Law (Majoring in Islamic Banking Finance & Takaful (LLM), International Islamic University, Malaysia
- Post Graduate Diploma in Bar Vocational Course, BPP Law School, London
- Bachelor of Laws (LLB), University of Sheffield, United Kingdom

b. Rekod Perkhidmatan
- Joint Managing Partner & Head of Financial Services, Abdul Rahman & Partners (ARP), 2017 – kini
- HEAD, Capital Market, Corporate Banking & Islamic Finance Takaful Practice, Abdul Rahman & Partners (ARP), 2008 – 2017
- READ in Chambers of Dato' Syed Zaid Albar, Albar & Partners, 2004 – 2007



**Shamsudin bin Abdul Latiff**

a. Kelayakan
- Foundation Programme Examination, Hong Kong (2002)
  Securities Dealer's & Investment Representative (HKSI/SFC)
  Hong Kong Securities Institute & Securities and Future Commission
- Financial Markets Association, Malaysia (1997)
  Licensed Treasury Dealer
- Creighton University, Omaha, Nebraska, USA (1989 – 1991)
  Bachelor of Science in Business Administration Major in Accounting and Minor in Finance

b. Rekod Perkhidmatan
- WMC & Associates (7/2018 – Present)
  Co-Founder & President
- Kumpulan Modal Perdana Sdn Bhd (2/2016 – Present)
  Chairman, Audit Committee Member, Board of Director
- R&A Capital Limited (2/2014 – 8/2017)
  Executive Partner
  Capital & Debt Market, Corporate Banking and Client Relationship Management



**Nor Azmiza binti Mamat**

a. Pendidikan
- Master of Education (Educational Psychology), 2019 – 2023
  International Islamic University of Malaysia (IIUM)
- Bachelor of (Hons.) Environmental Technology, 2003 – 2007
  University Science of Malaysia, Pulau Pinang
- Program of Biological Science, 2002 – 2003
  Kulim MARA College (Matriculation), Kedah

b. Rekod Perkhidmatan
- Dzul Iman Smart Khalifah Taman Melati (KL) & Dzul Iman Tanjung (K. Bharu) Kindergarten Post: Owner, 2014 – Current
- Jasmine Ash Sham Alternative Education Centre, KL, 2016 – 2017
  Was a project manager to set up a school for Syrian refugee children in Kuala Lumpur
- Global Peace Mission (GPM) Malaysia, 2012 – 2013
  Post: Executive for Southeast Asia Department

# Maklumat Korporat

## Biodata Ahli Mesyuarat Pengurusan Tertinggi 2023

01



**Yang Berbahagia Dato' Idris bin Lasim | Pengurus Besar Kumpulan Perladangan**
*Memangku jawatan Ketua Pegawai Eksekutif bermula 27 September 2023 dan dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif bermula 7 Disember 2023*

**Dato' Idris Bin Lasim**, Ketua Pegawai Eksekutif FELCRA Berhad yang ke 13, merupakan seorang yang memiliki kombinasi keterampilan, pengetahuan, dan pengalaman yang luas dalam pelbagai aspek pertanian serta pembangunan tanah.

Memulakan kerjaya dalam bidang pembangunan tanah pada tahun 1986 dan pengalaman selama 38 tahun berkecimpung dalam industri perladangan memberikan beliau kemampuan untuk menerapkan pengetahuan secara teori dan praktis dalam pengurusan ladang. Beliau pernah menjawat jawatan sebagai Pengarah Khidmat Nasihat Ladang dan Kilang serta Pengurus Besar Kumpulan Perladangan sebelum diberikan amanah untuk menerajui FELCRA Berhad.

Berkelulusan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Utara Malaysia (UUM), beliau sentiasa menginspirasi dan memotivasi rakan sepasukan bahawa Improvement is a destiny, not a journey bagi memperkukuhkan semangat mereka dalam mencapai tujuan bersama untuk meningkatkan produktiviti serta kualiti kerja.

02



**Yang Berbahagia Dato Mat Roni Bin Zakaria | Ketua Pegawai Eksekutif**
*Menamatkan perkhidmatan pada 21 September 2023*

Berasal dari Rantau Panjang, Kelantan, beliau merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Antropologi dan Sains Politik dari Universiti Sains Malaysia. Mula berkhidmat di FELCRA pada tahun 1983, belia meniti kerjaya di FELCRA dengan cemerlang sehinga dilantik menjadi Pengerus Besar Wilayah Perak (Jun 2010), Pengurus Besar Kumpulan Perladangan (Jun 2016), Pengarah Bahagian Tanaman Baru dan Projek Khas (2018 dan 2021), Pengarah Infrastruktur Peserta dan Projek Kerajaan (Jun 2021) sebelum dilantik menjadi Ketua Pegawai Eksekutif FELCRA Berhad dari 10 Januari 2021 hingga 21 September 2023.

03



**Yang Berbahagia En Mohammad bin Ab Rahman | Pengurus Besar Kumpulan Hal Ehwal Peserta & Komunikasi**

Sejak dilantik pada 1 Oktober 2022, pengalamannya dalam bidang komunikasi korporat dan pengurusan peserta selama hampir 33 tahun telah memberikan kelebihan kepada beliau dalam mengukuhkan kemahiran serta pengalaman berinteraksi secara efektif dengan pelbagai pihak berkepentingan seperti warga peserta, pemegang taruh dan masyarakat umum.

Beliau amat menekankan aspek 3K iaitu Komunikasi, Koordinasi dan Kolaborasi di dalam sesebuah organisasi bagi mencapai kecekapan, kesinambungan, dan kejayaan dalam mencapai matlamat organisasi.

Graduan berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dari Universiti Kebangsaan Malaysia ini melihat bahawa pembangunan peserta merupakan intipati kepada kejayaan FELCRA Berhad. Oleh itu, beliau telah merangka Teras Pembangunan Peserta atau 3P iaitu Memperkasa Keyakinan Peserta, Memperkasa Kesejahteraan Peserta Serta Memperkasa Ekonomi Peserta.

04



**Yang Berbahagia En Zulkhairi bin Abdul Rahim | Pengurus Besar Kumpulan Khidmat Pengurusan**

Encik Zulkhairi bin Abdul Rahim merupakan graduan Ijazah Sarjana Sains (Sumber Ekonomi) yang telah menimba pelbagai pengalaman kerjaya di FELCRA Berhad. Di sepanjang 34 tahun berkhidmat, beliau telah menjawat jawatan di enam (6) kumpulan utama iaitu pembangunan sumber manusia, pemasaran, hal ehwal peserta, pentadbiran wilayah, pentadbiran modal insan.

Menariknya, beliau berkemahiran untuk membuat keputusan serta pemantauan operasi syarikat melalui analisis data bagi mengukur dan mengoptimumkan prestasi organisasi termasuk mengenal pasti kelemahan, mengurangkan pembaziran, meningkatkan kecekapan, dan meningkatkan produktiviti.

05

**Yang Berbahagia En Mohamed Ismi bin Abdul Majid | Pengurus Besar Kumpulan Kewangan**



Berasal dari negeri Jelapang Padi, Kedah, beliau merupakan pemegang Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) dari Universiti Utara Malaysia. Beliau mula berkhidmat di FELCRA Bhd pada tahun 2009 sebagai Pegawai Khas Pengerusi FELCRA sebelum dilantik sebagai Pengurus Besar Wilayah Utara pada tahun 2012. Beliau kemudiannya dipertanggungjawabkan untuk menggalas tanggungjawab sebagai Pengarah Urusan di anak syarikat, Permodalan FELCRA Sdn Bhd pada tahun 2013 dan berkhidmat dalam jawatan itu selama 5 tahun sebelum ditukarkan semula ke FELCRA Bhd sebagai Timbalan Ketua Pegawai Kewangan pada Dis 2018. Mulai Jan 2019 beliau telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Kewangan (sebelum bertukar nama jawatan kepada Pengurus Besar Kumpulan Kewangan) pada Oktober 2022.

06



**Yang Berbahagia En Zorkarnain bin Mohamed | Pengurus Besar Kumpulan Perolehan**

Memulakan pendidikan rendah dan menengah di Tangkak Johor, beliau merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Hons.) pada tahun 1994 di Universiti Sains Malaysia sebelum mengambil keputusan untuk menyambung pendidikan 14 tahun kemudian ke peringkat Ijazah dalam Sarjana Sains Pembangunan Sumber Manusia di Universiti Putra Malaysia. Seorang yang kaya dengan pengetahuan dan pengalaman di FELCRA, beliau memulakan kareer sebagai Pegawai Kerani di ibu pejabat secara kontrak pada tahun 1985. Pengalaman beliau yang luas di Kumpulan Perolehan sejak 2013 dalam pelbagai jawatan akhirnya melayakkan beliau menjawat jawatan sebagai Pengurus Besar Kumpulan Perolehan pada tahun 2023. Beliau juga pernah dianugerahkan dengan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang sebanyak 2 kali pada tahun 1998 dan 2001.

07

**Yang Berbahagia Ir Mazlan bin Ahmad | Pengurus Besar Kumpulan Perkilangan & Pemasaran**

Bekas pelajar Sekolah Menengah Teknik Bukit Piatu, Melaka ini mengembangkan hampir keseluruhan kareer beliau di FELCRA dalam urusan perkilangan syarikat sehingga melayakkan beliau menjawat jawatan sebagai Pengurus Besar Kumpulan Perkilangan dan Pemasaran pada tahun 2022 sehinga kini. Pemegang Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Jentera dari Universiti Teknologi Malaysia ini turut menerima Sijil Kejuruteraan STIM Gred 1 menerusi Akta Kilang & Jentera 1967 pada tahun 1998.



08



**Yang Berbahagia En Mohamad Khalid bin Mohamad Noor | Pengurus Besar Kumpulan Perancangan & Pemantauan**

Bekas graduan Ijazah Sarjana Muda Pembangunan Sumber Manusia dari Universiti Putra Malaysia ini merupakan seorang yang berpengalaman luas di FELCRA termasuk pernah bertugas di FELCRA Kawasan, Wilayah dan di pelbagai Kumpulan termasuk anak syarikat FELCRA. Antaranya beliau pernah menjawat jawatan sebagai Pengurus Besar Pejabat PBW Sarawak (2014), Pengarah Urusan FELCRA Food Industry (2016) dan Ketua Pegawai Eksekutif FELCRA Training dan Consultancy Sdn Bhd (2021) selepas dilantik sebagai Pengurus Besar Kumpulan Perancangan Projek pada tahun 2020. Pada tahun 1996, beliau telah menerima Anugerah Perkhidamatan Cemerlang.

09

**Yang Berbahagia En Muhamamad Eizaaz bin Dato' Haji Muhammad Redzuan | Pengurus Besar Kumpulan Transformasi & Perancangan Korporat**

Bekas pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysa dalam jurusan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang ini mula bertugas di FELCRA Bekalan dan Perkhidmatan Sdn Bhd secara kontrak pada tahun 2016 sebagai Pengurus. Keterbukaan beliau untuk menambah ilmu dan pengalaman di FELCRA telah membuka ruang untuk beliau meneruskan kareer sebagai Pengarah Urusan FELCRA Bekalan seterusnya Pengurus Besar Komunikasi Stakeholders dan Pemangku Pengarah Pembangunan Bisnes Baru dan Stakeholder sebelum di lantik sebagai Pengurus Besar Kumpulan Transformasi dan Perancangan Korporat pada tahun 2022.



10



**Yang Berbahagia Pn Nurul Ain binti Muhamad Sauki | Setiausaha Syarikat**

Bekas graduan Ijazah Perakaunan dari Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi (FSPPP) UiTM ini layak menerima scheme for ICSA - Institute of Chartered Secretaries and Administrators pada tahun 2004. Di FELCRA, beliau telah menimba banyak pengalaman di pelbagai Kumpulan dan anak syarikat sejak 2008 sebelum dilantik sebagai Setiausaha Syarikat pada tahun 2023 serta menerima Anugerah Khidmat Setia pada tahun yang sama.

# Pengurusan Sokongan

- Pejabat Penasihat Undang-Undang
- Kumpulan Audit Dalam
- Bahagian Risiko dan Tadbir Urus

# Pengurusan Sokongan

## Pejabat Penasihat Undang-Undang

### CARTA ORGANISASI PENGURUSAN PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG

Amirah Kausar binti Basiron
**Penasihat Undang-undang**

Marziana binti Mangsor
**Pengurus Besar**

Hasrina binti Wakiran
**Pengurus Kanan**
**Cawangan Pengurusan Litigasi**

Nor Harwina binti Ismail
**Pengurus Kanan**
**Cawangan Pengurusan Undang-undang Korporat**

### PENGENALAN PEJABAT UNDANG-UNDANG

**Objektif Pejabat Undang-Undang**

- Bertanggungjawab untuk mengendalikan hal berkaitan undang-undang bagi FELCRA Berhad.
- Memberi khidmat nasihat serta memberi pembaharuan tentang pelan tindakan yang bersesuaian dan berdaya maju.
- Memberi maklumat kepada pihak Pengurusan FELCRA Berhad terhadap isu-isu utama dan juga kemungkinan risiko-risiko terhadap transaksi dan/atau isu yang dirujuk.
- Terlibat dalam beberapa jawatankuasa peringkat pengurusan seperti Jawatankuasa Penilaian Kes di bawah PMI, Jawatankuasa Bahan Galian di bawah Korporat, Jawatankuasa Redspot di bawah HEP, Jawatankuasa Teknikal Pembelian Estet di bawah Korporat dan Jawatankuasa Tanah.

**Visi**

Menyediakan khidmat perundangan yang berkualiti.

**Misi**

Menjaga kepentingan FELCRA Berhad dari sudut perundangan.

**Skop**

Penyediaan dan penyempurnaan dokumen undang-undang termasuk merangka, menyemak, memberi penjelasan dan pembaharuan serta ulasan terhadap dokumen undang-undang seperti perjanjian, notis perundangan, termasuk merancang serta mengkoordinasi perbincangan dengan bahagian-bahagian yang terlibat dan juga pihak ketiga.

**Peranan/Tanggungjawab**

- Memberi khidmat nasihat serta memberi pembaharuan tentang pelan tindakan yang bersesuaian dan berdaya maju untuk dipertimbangkan oleh Kumpulan FELCRA Berhad mengikut transaksi yang akan dilaksanakan dan/atau situasi yang dirujuk kepada Cawangan.
- Penyediaan dan penyempurnaan dokumen undang-undang termasuk merangka, menyemak, memberi penjelasan dan pembaharuan serta ulasan terhadap dokumen undang-undang seperti perjanjian, notis perundangan termasuk merancang serta mengkoordinasi perbincangan dengan bahagian-bahagian yang terlibat dan juga pihak ketiga.
- Memberi maklumat kepada pihak Pengurusan FELCRA Berhad terhadap isu-isu utama dan juga kemungkinan risiko-risiko terhadap transaksi dan/atau isu yang dirujuk kepada Cawangan.
- Merangka strategi serta mengkoordinasi kes-kes Mahkamah dengan menilai kedudukan sesuatu kes, menyelaraskan maklumat, memantau pengurusan dengan peguam, mengatur strategi kes, merancang serta mengkoordinasi perbincangan dengan semua pihak yang terlibat dan melaporkan kepada aharun-bahagian yang terlibat mengenai keputusan kes dan mencadangkan penambahbaikan.
- Memberi khidmat sokongan dengan penglibatan dalam beberapa jawatankuasa peringkat pengurusan seperti Jawatankuasa Bahan Galian/ Mineral dan Jawatankuasa Teknikal Pembelian Estet di bawah Kumpulan Hal Ehwal Korporat, Jawatankuasa Redspot di bawah Kumpulan Hal Ehwal Peserta dan Jawatankuasa Penilaian Kes Tatatertib di bawah Kumpulan Pentadbiran dan Modal Insan.

## AKTIVITI PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG

### Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah FELCRA Berhad





Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah FELCRA Berhad.

**Lawatan Kunjung Hormat FELCRA Berhad ke Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Wilayah Persekutuan**

Dalam lawatan tersebut telah diberikan pendedahan kepada setiap Ahli Lembaga Pengarah (ALP) dan Pengurusan Tertinggi berkaitan pindaan aharu Seksyen 17A Akta SPRM 2009, iaitu Liabiliti Korporat yang mampu memberi implikasi besar ke atas perjalanan sesebuah organisasi komersial.





Lawatan kunjung hormat FELCRA Berhad ke Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Wilayah Persekutuan.

# Pengurusan Sokongan

## Kumpulan Audit Dalam

### CARTA ORGANISASI PENGURUSAN KUMPULAN AUDIT DALAM (KuAD)

Mohd Azman bin Md. Razali
**Ketua Kumpulan**

Rozlisham bin Abd. Wahab
**Pengurus Besar**
**Bahagian Aktiviti Komersial**

- Nur'athiqah binti Abdullah Tahmidi — **Pengurus Kanan** **Cawangan Operasi Audit Dalam Komersial**
- Sha'ari bin Abd. Rahman — **Pengurus Kanan** **Cawangan Audit Dalam Komersial 1**
- Mohd Nizam Yusof — **Pengurus Kanan** **Cawangan Audit Dalam Komersial 2**

(Kosong)
**Pengurus Besar**
**Bahagian Perladangan Peserta**

- Asmawati binti Ismail — **Pengurus Kanan** **Cawangan Audit Dalam P&P 1**
- Nadreena binti Mohd Nasir — **Pengurus Kanan** **Cawangan Audit Dalam P&P 2**
- Aizuddin bin Tajudin — **Pengurus Kanan** **Cawangan Audit Dalam Siasatan**

### PENGENALAN KUMPULAN AUDIT DALAM

KuAD adalah ahli korporat Institute of Internal Auditors dan mengurus tadbir aktivitinya dengan mematuhi elemen mandatori Institute of Internal Auditors' International Professional Practices Framework seperti Core Principles for the Professional Practice of Internal Auditing and Code of Ethics.

Keperluan penubuhan Audit Dalam di dalam syarikat Menteri Kewangan (Diperbadankan) (MKD) seperti FELCRA Berhad dinyatakan di dalam Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan (Diperbadankan) yang dikeluarkan oleh Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan, Kementerian Kewangan.

**Objektif Kumpulan**
Selaras dengan IIA International Professional Practices Framework (IPPF) - Objektif KuAD adalah:

- Membantu organisasi dengan memberikan assurance secara objektif dan bebas.
- Membawa pendekatan yang sistematik dan berdisiplin.
- Menilai dan meningkatkan keberkesanan tadbir urus, pengurusan risiko dan proses kawalan dalaman syarikat.

**Pelaporan dan Gerak Kerja**
Ketua Kumpulan Audit Dalam (CIA) melapor secara functional kepada Jawatan Kuasa Audit FELCRA Berhad (JKAFB) dan secara pentadbiran kepada Ketua Pegawai Eksekutif (CEO).

Gerak kerja KuAD adalah melaksanakan pengauditan berdasarkan Rancangan Audit Tahunan seperti yang diluluskan oleh JKAFB dan juga melaksanakan pengauditan khas/siasatan jika diarahkan oleh Lembaga Pengarah/JKAFB atau pihak Pengurusan. Di samping itu, KuAD juga adalah sekretariat kepada hal ehwal JKAFB dan juga penyelaras untuk lawatan audit oleh Jabatan Audit Negara.

## PENCAPAIAN KUMPULAN 2023

**Pelaksanaan Pengauditan Rancangan Audit Tahunan 2023**
Pada tahun 2023, KuAD telah menyiapkan sebanyak 12 pengauditan berdasarkan pengauditan Rancangan Audit Tahunan 2023. Dengan pelaksanaan sebanyak 12 tajuk laporan audit, bermakna KuAD telah menyempurnakan Rancangan Audit Tahunan pada tahun 2023 sekali gus memenuhi Key Performance Indicator (KPI) pada tahun tersebut sepertimana Carta _ di bawah:




*Graf 1: Bilangan Auditan dilaksanakan berbanding Rancangan Audit Tahunan.*

Semakan audit yang dilaksanakan bagi 12 pengauditan di atas merangkumi beberapa bidang operasi FELCRA Berhad seperti Carta _ di bawah:




*Graf 2: Bidang Operasi FELCRA Berhad yang diaudit oleh KuAD.*

**Mesyuarat Jawatankuasa Audit FELCRA Berhad (JKAFB)**

Perkara-perkara seperti status pengauditan penyata kewangan syarikat, pembentangan laporan audit dalam, pemakluman status terkini penemuan di dalam Dashboard KuAD, pemakluman status terkini tajuk-tajuk pengauditan oleh KuAD dan pembentangan status risiko terkini oleh Bahagian Risiko dan Tadbir Urus telah dibentangkan di dalam mesyuarat-mesyuarat JKAFB. Bagi tahun 2023, KuAD telah melaksanakan sebanyak 10 mesyuarat JKAFB sepertimana berikut:

| Bil | Mesyuarat JKAFB | Tarikh |
|---|---|---|
| 1 | Kali ke - 75 | 17 Mac 2023 |
| 2 | Kali ke - 76 | 20 Mac 2023 |
| 3 | Kali ke - 77 | 13 Jun 2023 |
| 4 | Kali ke - 77 (sambungan) | 13 Julai 2023 |
| 5 | Kali ke - 78 | 30 Ogos 2023 |
| 6 | Kali ke - 79 | 27 Sept 2023 |
| 7 | Kali ke - 80 | 26 Okt 2023 |
| 8 | Kali ke - 81 | 30 Nov 2023 |
| 9 | Kali ke - 81 (sambungan) | 4 Dis 2023 |
| 10 | Kali ke - 82 | 12 Dis 2023 |

*Jadual 1: Mesyuarat JKAFB tahun 2023.*

Bilangan mesyuarat JKAFB berdasarkan Terma Rujukan (TOR) JKAFB adalah sebanyak 4 kali setahun. Pencapaian pelaksanaan sebenar mesyuarat JKAFB berbanding bilangan yang ditetapkan di dalam TOR adalah sepertimana berikut:




*Graf 3: Mesyuarat JKAFB 2023 berbanding TOR JKAFB.*

## AKTIVITI PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG

### Pelaksanaan Pengauditan Rancangan Audit Tahunan 2023

Pada tahun 2023, KuAD telah menyiapkan sebanyak 12 tajuk pengauditan sepertimana Rancangan Audit Tahunan yang diluluskan oleh JKAFB. Semakan audit yang dilaksanakan bagi 12 pengauditan di atas merangkumi bidang operasi FELCRA Berhad seperti audit operasi perladangan P&P, audit operasi perladangan Estet FELCRA Berhad dan Estet Anak Syarikat (JV), audit operasi perkilangan, audit pengurusan Penyelidikan & Pembangunan (R&D) dan audit operasi Unit Ukur.




Audit Ladang P&P.



Audit Estet FELCRA.




Audit Estet JV.



Audit Kilang Sawit.





Audit R&D.




Audit Ukur.

## Mesyuarat Jawatankuasa Audit FELCRA Berhad (JKAFB) Sepanjang Tahun 2023

Pada tahun 2023, KuAD telah melaksanakan sebanyak 10 kali mesyuarat JKAFB.





Suasana mesyuarat JKAFB tahun 2023.

## Kunjungan Hormat Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Audit dan Risiko FELCRA Berhad kepada Ketua Audit Negara





Kunjung Hormat ke Jabatan Audit Negara (7 Jul 2023).

**Sebagai Penyelaras untuk Lawatan Audit oleh Jabatan Audit Negara (JAN)**

Bagi tahun 2023, KuAD telah membantu menyelaraskan Lawatan Fizikal Pelaksanaan Pengauditan Awalan (Preliminary Study) Terhadap Pengurusan Program Pembangunan Semula Bagi Mendapatkan Hasil Baharu oleh Jabatan Audit Negara (JAN).







Seberang Perak – Lembu Fidlot (14 Sept 23).






Rompin – Program Ternakan Ayam Sistem Tertutup di Tanjung Seratus, Kuala Rompin (9-10 Oct 2023).




Pahang Tenggara – Lembu Integrasi (11 Oct 2023).





Rumpun Makmur - Cili Bara (12 Oct 2023).




Salong – Madu Kelulut (12 Oct 2023).





Tembeling Tengah - Timun (13 Oct 2023).

# Pengurusan Sokongan

## Bahagian Risiko dan Tadbir Urus

### CARTA ORGANISASI PENGURUSAN BAHAGIAN RISIKO DAN TADBIR URUS

Dato' Idris bin Lasim
**Ketua Pegawai Eksekutif**

(Kosong)
**Pengurus Besar**

Norazizul bin Abdul Aziz
**Pengurus Kanan**
**Cawangan Risiko dan Tadbir Urus 1**

(Kosong)
**Pengurus Kanan**
**Cawangan Risiko dan Tadbir Urus 2**

### PENGENALAN BAHAGIAN RISIKO DAN TADBIR URUS

**Skop**

Bahagian Risiko dan Tadbir Urus telah ditubuhkan di FELCRA Berhad pada tahun 2019. Operasi Bahagian ini diperkukuhkan dengan tiga (3) orang staf yang terdiri daripada Pengurus Kanan dan Eksekutif.

Untuk memperkemaskan lagi struktur operasi, Bahagian Risiko & Tadbir Urus telah dipecahkan kepada tiga (3) Unit, iaitu Pengurusan Risiko Perniagaan (ERM), Pengurusan Kesinambungan Perniagaan (BCM) dan Tadbir Urus Risiko. Secara umumnya, Bahagian Risiko & Tadbir Urus berperanan dalam memberikan reasonable assurance ke atas pencapaian objektif FELCRA Berhad dengan bersandarkan kaedah pengurusan risiko yang berpusat serta turut berfungsi secara bebas dengan bertanggungjawab terus kepada Jawatankuasa Audit & Risiko FELCRA Berhad (Januari-Oktober 2023) dan Jawatankuasa Pelaburan & Risiko FELCRA Berhad (November-Disember 2023) berlandaskan kepada misi, visi dan objektif Bahagian yang telah ditetapkan. Selain itu, Bahagian Risiko & Tadbir Urus turut bertanggungjawab dalam memaksimumkan potensi mencapai objektif FELCRA dengan memfasilitasi (cadangan editor: memudahkan) pembuatan dan pelaksanaan strategi pengurangan risiko.

**Objektif Bahagian**

- Fungsi bebas dan pusat kecemerlangan yang menyumbang untuk memenuhi arah strategik FELCRA Berhad.
- Pemacu ke arah pengembangan amalan pengurusan risiko dan tadbir urus yang seimbang, menyeimbangkan risiko dan ganjaran.
- Memperjuangkan budaya membina kecemerlangan terutama dalam pengurusan risiko.

**Misi**

Untuk berkhidmat dan menyumbang ke arah budaya pengurusan risiko dan tadbir urus FELCRA Berhad yang tertanam (cadangan editor: sudah tersemat) dan seimbang melalui pelbagai aktiviti berkaitan.

**Visi**

Menjadi pusat kecemerlangan dan rakan pengurusan risiko serta tadbir urus yang berkaitan dengan semua perkara pengurusan risiko dan tadbir urus di FELCRA Berhad.

## AKTIVITI BAHAGIAN 2023

### Mesyuarat Jawatankuasa Audit & Risiko dan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan & Risiko

Sebagai inisiatif untuk membudayakan aplikasi Pengurusan Risiko dalam setiap proses perniagaan syarikat, Mesyuarat Jawatankuasa Audit & Risiko (Januari-Oktober 2023) dan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan & Risiko (November-Disember 2023) telah diadakan secara berkala (4 kali setahun) untuk mengawasi rangka kerja pentadbiran dan proses pelaksanaan serta melihat potensi pelaburan bagi meningkatkan tahap tadbir urus risiko.

Bahagian Risiko & Tadbir Urus menjalankan kemas kini daftar profil risiko bagi setiap suku tahun melibatkan daftar profil risiko:

a. Perladangan Penyatuan & Pemulihan (P&P).
b. Estet Komersial.
c. Perkilangan.
d. Peserta FELCRA.
e. 10 Risiko Teratas.

Daftar profil risiko ini dibentangkan pada Mesyuarat Jawatankuasa Audit & Risiko dan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan & Risiko untuk diperakukan dan diluluskan.

Pembentangan adalah seperti berikut:

| Bil | Mesyuarat Jawatankuasa | Tarikh |
|---|---|---|
| 1 | Audit & Risiko | 20 Mac 2023 |
| 2 | Audit & Risiko | 13 Julai 2023 |
| 3 | Audit & Risiko | 26 Oktober 2023 |
| 4 | Pelaburan & Risiko | 21 Disember 2023 |









Taklimat Kesedaran Risiko di FELCRA Berhad Centre of Excellence.

**Siri Taklimat Kesedaran Risiko**

Dalam mengorak langkah untuk menerap budaya kesedaran dan kelestarian pengurusan risiko, Bahagian Risiko & Tadbir Urus telah menyampaikan taklimat kesedaran mengenai pengurusan risiko, pengurusan risiko enterpris (ERM) dan pengurusan kesinambungan perniagaan (BCM). Lapan (8) siri taklimat kesedaran disampaikan semasa Kursus Induksi Umum staf baru di FELCRA Berhad Centre of Excellence (FBCOE), Tebing Tinggi, Johor manakala empat (4) siri taklimat disampaikan semasa program Jelajah Wilayah di pejabat-pejabat Wilayah FELCRA Berhad seperti berikut:

Taklimat Kesedaran Risiko semasa Kursus Induksi Staf Baru:

| Bil | Tarikh | Tempat |
|---|---|---|
| 1 | 02 Februari 2023 | FBCOE |
| 2 | 23 Februari 2023 | FBCOE |
| 3 | 16 Mac 2023 | FBCOE |
| 4 | 30 Mei 2023 | FBCOE |
| 5 | 22 Jun 2023 | FBCOE |
| 6 | 27 Julai 2023 | FBCOE |
| 7 | 24 Ogos 2023 | FBCOE |
| 8 | 31 Oktober 2023 | FBCOE |

Taklimat Kesedaran Risiko semasa Program Jelajah Wilayah di Pejabat-pejabat Wilayah FELCRA Berhad:

| Bil | Tarikh | Tempat |
|---|---|---|
| 1 | 23 Februari 2023 | FB Wilayah Tengah |
| 2 | 17 Mei 2023 | FB Wilayah Sabah |
| 3 | 29 Mei 2023 | FB Wilayah Johor |
| 4 | 11 Oktober 2023 | FB Wilayah Terengganu |



Program Jelajah Wilayah-FB Wilayah Tengah.



Program Jelajah Wilayah-FB Wilayah Sabah.



Program Jelajah Wilayah-FB Wilayah Johor.



Program Jelajah Wilayah-FB Wilayah Terengganu.

**Peningkatan Keupayaan Tenaga Kerja**

Bahagian Risiko & Tadbir Urus berusaha ke arah peningkatan keupayaan dalaman dengan mengembangkan kemampuan dan kecekapan pasukannya dengan menghantar staf untuk kursus risiko secara berstruktur yang dikendalikan oleh badan profesional yang diiktiraf di dalam dan luar negara.

Dalam bidang Pengurusan Kesinambungan Perniagaan (BCM), seorang profesional dalaman berkaitan BCM telah berjaya dihasilkan (dilahirkan) dan diperakui oleh Institusi Pengurusan Kesinambungan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Pengurus Kanan Risiko dan Tadbir Urus, Encik Norazizul bin Abdul Aziz telah lulus dalam peperiksaan profesional daripada Disaster Recovery Institute (DRI) yang berpangkalan di U.S.A dan diiktiraf sebagai seorang Associate Business Continuity Professional (ABCP). Ini merupakan satu kelayakan yang diguna pakai dan diperakui oleh kebanyakan industri di peringkat antarabangsa dan domestik.

Dalam bidang Pengurusan Risiko Enterpris (ERM), Norazizul telah menghadiri Program Advanced Certificate in Risk Management yang dikendalikan oleh The Academy of Risk Management Malaysia (ARiMM).



Norazizul menghadiri program Advanced Certificate in Risk Management di Crystal Crown Hotel, Petaling Jaya.




Norazizul dianugerahkan sijil oleh The Academy of Risk Management Malaysia (ARiMM) semasa Majlis Graduasi di Bangi Resort Hotel.



Mohd Syahril & Mohd Zahar menghadiri Program Certificate in Risk Management.

# Kumpulan Perladangan

- Bahagian Input Ladang, Input Pertanian dan Guna Tenaga
- Bahagian Khidmat Nasihat Ladang
- Bahagian Pembangunan Ladang
- Bahagian Penghasilan Ladang
- Bahagian Estet Komersial

## CARTA ORGANISASI PENGURUSAN KUMPULAN PERLADANGAN

**Dato' Idris bin Lasim** — **Pengurus Besar Kumpulan**

- Mohd Rashid bin Mohd Jadi — **Pengurus Besar PB Estet Komersial**
  - Mohd Kusaini Zanir bin Abd Manan — **Pengurus Kanan Cawangan Join Venture**
- Abdul Malek bin Hashim — **Pengurus Besar Bahagian Pembangunan Ladang**
  - Mohd Akram bin Zaidi Mansor — **Pengurus Kanan Cawangan Operasi Pembangunan**
  - Zamzuriana binti Zainun — **Pengurus Kanan Cawangan Pentadbiran Pembangunan**
- Norlela binti Hamid — **Pengurus Besar Bahagian Penghasilan Ladang**
  - Mohammad Zulhelmi bin Abd Latif — **Pengurus Kanan Cawangan Penghasilan Wilayah 1**
  - Fazlina Yazmin binti Suhailin — **Pengurus Kanan Cawangan Penghasilan Wilayah 2**
  - Mohd Azli bin Mohamad Ripin — **Pengurus Kanan Cawangan Statistik & Geospatial**
- (Kosong) — **Pengurus Besar Bahagian Khidmat Nasihat Ladang**
  - Muhammad Habibullah bin Abu Bakar — **Pengurus Kanan Cawangan Pematuhan Kualiti**
  - (Kosong) — **Pengurus Kanan Cawangan Pengawasan**
  - Zaafar bin Mohd Dahlan — **Pengurus Kanan Cawangan Khidmat Nasihat Agronomi**
  - Ismail bin Md. Jani — **Pengurus Kanan Cawangan Pentadbiran Perladangan**
- Siva Rao A/L Paramesoo — **Pengurus Besar Bahagian Input Ladang**
  - Mohd Zin bin Deraman — **Pengurus Kanan Cawangan Mekanisasi**
  - (Kosong) — **Pengurus Kanan Cawangan Tenaga Kerja**
  - Nur'Farahin binti Ismail — **Pengurus Kanan Cawangan Bahan Tanaman & Input Pertanian**
  - Rohana binti Hashim — **Pengurus Kanan Cawangan Pengurusan Baja**

## PENGENALAN KUMPULAN PERLADANGAN

Kumpulan Perladangan merupakan Kumpulan yang menjadi teras Perniagaan Komersial FELCRA Berhad seterusnya memberi sumbangan terbesar kepada pembangunan mandat sosial.

Kumpulan ini terdiri daripada 5 Bahagian Utama yang memberi fokus kepada input, khidmat nasihat, pembangunan dan penghasilan ladang penyatuan dan pemulihan tanah (P&P) milik peserta dan estet komersial milik FELCRA Berhad.

**Objektif Kumpulan**

- Merealisasikan tanggungjawab sosial korporat melalui pembangunan ladang-ladang dengan lebih cekap dan menguntungkan.
- Meningkatkan produktiviti ladang dan meminimumkan kos operasi.

## ANALISIS PRESTASI LADANG 2023

Walaupun komoditi utama negara khususnya kelapa sawit dan getah mengharungi tempoh mencabar pada 2023 berikutan penyusutan permintaan akibat ketidaktentuan ekonomi global dan ketegangan politik yang berlanjutan seterusnya memberi kesan kepada prestasi harga, Kumpulan Perladangan terus berusaha agar komoditi utama itu dimajukan secara berhemah dan strategik untuk mencapai keuntungan yang maksimum malah terus meluaskan usaha tanaman padi ke Sabah dan Sarawak pula.

Secara keseluruhannya, saiz ladang yang diuruskan oleh FELCRA Berhad dan anak syarikat pada tahun 2023 ialah seluas 233,079 hektar berbanding 236,717 hektar yang diuruskan pada tahun 2022. Keluasan ladang boleh dipecahkan mengikut kategori berikut:

| | Sawit | | Getah | | Padi | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **Tahun** | **2023** | **2022** | **2023** | **2022** | **2023** | **2022** |
| Ladang P&P | 167,040 | 168,056 | 29,271 | 31,046 | 3,758 | 3,766 |
| Estet FB | 15,743 | 16,377 | 1,234 | 1,439 | 0 | 0 |
| Estet Anak Syarikat | 16,033 | 16,033 | 0 | 0 | 0 | 0 |

*Jadual 2: Perbandingan saiz ladang 2023 vs 2022.*
*(kiraan dalam hektar)*

<Ulasan Luas Berhasil Keseluruhan Ladang P&P 2023 vs 2022>




*Graf 4: Perbandingan Luas Berhasil Keseluruhan Ladang P&P 2023 vs 2022.*

<Ulasan Luas Berhasil Keseluruhan Ladang P&P 2023 vs 2022>




*Graf 5: Perbandingan Luas Berhasil Keseluruhan Ladang Estet 2023 vs 2022.*

## PRESTASI SAWIT FELCRA BERHAD 2023

### Objektif Kumpulan

Secara amnya, 2 faktor utama yang mempengaruhi pencapaian syarikat ialah:

- Purata Harga Komoditi Sawit.
- Purata Pendapatan Ladang per hektar.

### Purata Harga Minyak Sawit Mentah 2023

2023 menyaksikan berlakunya penurunan harga sawit mentah yang signifikan, iaitu hanya RM3,840 berbanding RM5,144 pada tahun 2022. Menurut penganalisis, trend ini dipengaruhi oleh faktor luaran seperti perkembangan cuaca yang tidak menentu, risiko geopolitik, dasar kerajaan dan pertumbuhan ekonomi global yang lebih perlahan dan tidak memihak kepada pemain industri.




*Graf 6: Penurunan Purata Harga Minyak Sawit Mentah 2023 Berbanding 2022.*

### Purata Pendapatan Ladang per hektar

Purata pendapatan per hektar pada tahun 2023 juga menunjukkan trend penurunan, iaitu sebanyak RM10,360 per hektar berbanding RM13,815 pada tahun 2022. Kebiasaannya, penurunan ini disumbangkan oleh faktor ________________________.

### Kategori Program Tanaman Sawit FELCRA Berhad

Program tanaman sawit terbahagi kepada 2, iaitu:

- Projek-projek di bawah Program Penyatuan dan Pemulihan Tanah (P&P).
- Ladang Estet.

### Sawit: Luas Berhasil projek-projek di bawah Program Penyatuan dan Pemulihan Tanah (P&P)

Secara keseluruhannya, keberhasilan projek-projek P&P menyaksikan peningkatan dalam pencapaian prestasi hasil dari tahun 2021 hingga 2023. Meskipun prestasi hasil 2022 mencatat peningkatan sebanyak 1.79 mt/hek (13.44%) berbanding tahun 2021, prestasi hasil 2023 terus meningkat dengan mencapai 15.58 mt/hek, iaitu peningkatan sebanyak 0.47 mt/hek (3.11%) berbanding tahun sebelumnya. <Rujuk Graf 7>

**Sawit: Luas Berhasil Ladang Estet**

Dalam 3 tahun kebelakangan ini, Ladang Estet Sawit juga mencapaian keberhasilan yang memuaskan. Sebagai contoh, prestasi hasil 2022 (13.83 mt/hek) berbanding 2021 (13.41 mt/hek) telah mencatat peningkatan sebanyak 0.43 mt/hek (3.21%). Pada tahun 2023 pula, prestasi hasil terus meningkat menjadi 15.79 mt/hek (peningkatan sebanyak 1.95 mt/hek / 14.09% berbanding dengan tahun sebelumnya). <Rujuk Graf 7>




| | 2021 | 2022 | 2023 |
|---|---|---|---|
| P&P | 13.32 | 15.11 | 15.58 |
| Estet | 13.41 | 13.84 | 15.79 |
| FELCRA Berhad | 13.34 | 14.89 | 15.62 |

*Graf 7: Perbandingan Prestasi Hasil Sawit 2021 hingga 2023.*

## PRESTASI GETAH FELCRA BERHAD 2023

Pengeluaran industri getah negara terjejas pada 2023, diasak oleh faktor iklim seperti fenomena El Nino, musim sejuk dan monsun Timur Laut. Tidak cukup dengan itu, getah turut dijejaskan oleh penurunan harga, kekurangan penoreh getah dan penyebaran penyakit luruhan daun Pestalotiopsis yang kekal sebagai faktor dominan bagi industri pada tahun ini.

Pun begitu, FELCRA tetap komited membangunkan tanaman getah melalui ladang P&P dan Ladang estet milik FELCRA. Buktinya, prestasi hasil ladang getah kedua-keduanya menunjukkan peningkatan hasil.

**Getah: Luas Berhasil projek-projek di bawah Program Penyatuan dan Pemulihan Tanah (P&P)**

Pencapaian prestasi hasil pada tahun 2022 telah mencatatkan 601 kg/hek berbanding pencapaian tahun 2021 sebanyak 771 kg/hek, iaitu penurunan sebanyak 170 kg/hek (22.18%). Namun, pada tahun 2023, prestasi hasil telah meningkat sedikit apabila mencapai 610 kg/hek, iaitu peningkatan sebanyak 9 kg/hek (1.5%) berbanding tahun sebelumnya. <Rujuk Graf 8>

**Getah: Luas Berhasil Ladang Estet**

Pada tahun 2022, pencapaian prestasi hasil adalah sebanyak 261 kg/hek berbanding tahun 2021 sebanyak 286 kg/hek. Prestasi hasil ini secara jelasnya menunjukkan penurunan sebanyak 25 kg/hek (8.74%). Walau bagaimanapun, pada tahun 2023, prestasi hasil telah mencapai 801 kg/hek, iaitu peningkatan sebanyak 540 kg/hek (206.90%) berbanding dengan tahun sebelumnya. <Rujuk Graf 8>




| | 2021 | 2022 | 2023 |
|---|---|---|---|
| P&P | 771 | 601 | 610 |
| Estet | 286 | 261 | 801 |
| FELCRA Berhad | 734 | 583 | 618 |

*Graf 8: Perbandingan Prestasi Hasil Getah 2021 hingga 2023*

## PRESTASI PADI FELCRA BERHAD 2023

Padi merupakan salah satu komoditi terpenting untuk rakyat Malaysia. Kecukupan makanan asasi ini memainkan impak yang sangat signifikan dalam menjamin Dasar Keterjaminan Makanan Negara. Sebagai satu-satunya agensi yang mempelopori usaha tanaman padi di Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), FELCRA sentiasa berusaha agar tanggungjawab ini terus digalas dengan sebaiknya.

**Padi: Luas Berhasil projek-projek di bawah Program Penyatuan dan Pemulihan Tanah (P&P)**

Di atas keluasan tanah berhasil 3,262 hektar di FELCRA Seberang Perak, FELCRA telah mencatatkan pencapaian prestasi hasil sebanyak 6.30 mt/hek pada tahun 2023. Prestasi ini menurun sebanyak 3.47 mt/hek atau 35.52% dari tahun 2022, iaitu sebanyak 8.15 mt/hek. <Rujuk Graf 9>




*Graf 9: Perbandingan Prestasi Hasil Padi 2021 hingga 2023.*

# Kumpulan Perladangan

## Bahagian Input Ladang, Input Pertaninan dan Guna tenaga

**Objektif Bahagian**

- Memenuhi keperluan ladang agar dapat meningkatkan produktiviti dan seterusnya memberi pulangan yang maksimum kepada syarikat dan kumpulan sasar.
- Melaksanakan aktiviti pemantauan pembekalan input pertanian.

**Purata Harga Minyak Sawit Mentah 2023**

2023 menyaksikan berlakunya penurunan harga sawit mentah yang signifikan, iaitu hanya RM3,840 berbanding RM5,144 pada tahun 2022. Menurut penganalisis, trend ini dipengaruhi oleh faktor luaran seperti perkembangan cuaca yang tidak menentu, risiko geopolitik, dasar kerajaan dan pertumbuhan ekonomi global yang lebih perlahan dan tidak memihak kepada pemain industri.

### PENCAPAIAN BAHAGIAN 2023

**Cawangan Mekanisasi**

Membekal jentera mekanisasi di ladang dan Estet FELCRA Berhad

- DS Buffalo & Buffalo King – 300 unit
- DS Shark (Cantas) – 500 unit
- Traktor (Bajet geran) – 50 unit
- Traktor (Bajet geran fasa 1) – 31 unit
- Traktor bajet P & L- 107 unit

**Cawangan Pengurusan Baja**

Membekal baja kelapa sawit dan getah ke ladang dan Estet FELCRA Berhad sebanyak:

- Baja Berhasil: 131,048.52mt
- Baja Pra Hasil: 9,987.25mt

**Cawangan Bahan Tanaman**

Sebanyak tujuh (7) tapak semaian telah memperoleh sijil COPN (code of good nursery practice for oil palm nurseries) oleh MPOB.

**Cawangan Tenaga Kerja**

Kemasukan seramai 2685 Tenaga Kerja Asing dan pendaftaran seramai 552 program rekablirasi.

## AKTIVITI BAHAGIAN 2023

### Program Pelancaran Sistem Mekanisasi: Taklimat Sistem Mekanisasi & No Losses Campaign




Perasmian program oleh Pengurus Besar Perladangan, Dato Idris bin Lasim.



Peserta Program Mekanisasi & No Losses Campaign.

### Program Field Day Mekanisasi: Demontrasi Alatan Pertanian DS Shark (Cantas)



Taklimat penggunaan DS Shark.



Demontrasi penggunaan DS Shark (Cantas).

### Kursus Pengurusan Tapak Semaian FELCRA Berhad



Taklimat berkenaan anak benih kelapa sawit.



Lawatan ke United Plantation Teluk Intan.

**Senarai Tapak Semaian**



Tapak Semaian Bohor Bharu.



Tapak Semaian Seri Bandi.



Tapak Semaian Pelong.



Tapak Semaian Kerdau.



Tapak Semaian Keruak.



Tapak Semaian Seb Perak.



Tapak Semaian Tebing Tinggi.



Tapak Semaian Estet Perdana.



Tapak Semaian Estet Pertama.



Tapak Semaian Estet Danum.

**Plantation Training: Pengurusan Baja di Ladang**



Taklimat Pengurusan Baja.



Demontrasi Penggunaan Baja di Ladang.

## Plantation Clinic: Taklimat Persampelan Baja



Penerangan tentang persampelan baja.



Demontrasi persampelan baja.

## Tenaga Kerja Asing FELCRA Berhad: Kemasukan Tenaga Kerja Asing FELCRA Berhad




Penerangan tentang persampelan baja.



Demontrasi persampelan baja.

## Latihan Amali Kepada Tenaga Kerja Asing (TKA) FELCRA Berhad



Memberi pendedahan kepada TKA baharu.



Latihan penggunaan DS Shark (cantas).

# Kumpulan Perladangan

## Bahagian Khidmat Nasihat Ladang

**Objektif Bahagian**

- Memberikan latihan perladangan dan penyelarasan staf perladangan serta khidmat nasihat ladang.
- Membuat lawatan ladang untuk memantau dan menilai operasi ladang.
- Mengesyorkan kaedah pelaksanaan dan polisi operasi ladang FELCRA Berhad (Penguatkuasaan).

### PENCAPAIAN BAHAGIAN 2023

Purata kehadiran 85% dalam 14 kursus berkaitan ladang dan pentadbiran ladang sepanjang 2023.

Pengurusan staf ladang 2023 yang lebih teratur dan sistematik melibatkan:

- Penyusunan keperluan/Norm staf Ladang
- Pertukaran/Perpindahan staf
- Pengesyoran/Kenaikan/Latihan/Kursus
- Persediaan ganti staf bersara/Berhenti
- Disiplin/Etika/Tindakan

### AKTIVITI BAHAGIAN 2023

**Memberikan latihan Perladangan di FELCRA Berhad Centre of Excellence (FBCOE), Tebing Tinggi, Segamat, Johor**



Latihan dan aktiviti perladangan di FBCOE.



Ujian kecerdasan staf perladangan.



Latihan dan aktiviti di tapak semaian.



Latihan dan aktiviti meracun dan penggunaan bahan kimia.



Latihan dan aktiviti membaja.



Latihan dan aktiviti kerja berkumpulan.



Pengisian rohani.

**Lawatan Khidmat Nasihat Ladang**



KIV



KIV

# Kumpulan Perladangan

## Bahagian Pembangunan Ladang

**Objektif Bahagian**

| Pertanian Am | Prahasil |
|---|---|
| Pokok matang dalam masa 36 bulan | Siap tanam mengikut jadual |
| Pokok yang seragam | Mencapai SPH optimum |
| Daun hijau yang berkilat | KPB/LCC establish |
| Mencapai SPH optimum | Kerja mengikut spesifikasi |
| Persediaan fasa berhasil | Ke arah mekanisasi |

### AKTIVITI BAHAGIAN 2023

**Jelajah Plantation Training Wilayah ke Wilayah**

Plantation Training Wilayah Johor telah diadakan pada 24 & 25 Mei 2023. Program ini dianjurkan untuk memantapkan urusan pembayaran kerja PA serta SOP dan penentuan kerja tanam semula yang perlu dipatuhi oleh penyelia dan pengurus kawasan.



Mempelajari mengenai spesifikasi kerja-kerja PA.



Pengurusan ladang prahasil.

**Kursus Tanaman Getah**

Kursus Pengurusan Tanaman Getah telah diadakan pada 25-27 September 2023 bertempat di FELCRA Berhad Centre Of Excellence (FBCOE), Tebing Tinggi, Johor. Program ini bertujuan untuk memantapkan pengetahuan mengenai pengurusan tanaman getah.



Mempelajari kaedah mengenal pasti klon pokok muda.



Penerangan mengenai intensiti torehan.

# Kumpulan Perladangan

## Bahagian Penghasilan Ladang

**Objektif Bahagian**

- Memberikan latihan perladangan dan penyelarasan staf perladangan serta khidmat nasihat ladang.
- Menyusun dan merangka strategi ladang-ladang berhasil P&P FB bagi tanaman (getah, kelapa sawit & padi).
- Memantau prestasi hasil ladang.
- Pemantauan Operasi Ladang.
- Pemantauan Bajet Ladang.
- Menilai dan membuat keputusan berkaitan projek-projek kurang berdaya maju dan keselamatan hasil (Pencerobohan/Tarik Diri).
- Maklumat keluasan ladang.
- Menyemak dan memantau perbelanjaan operasi ladang secara mingguan dan tahunan.

**PENCAPAIAN BAHAGIAN 2023**

**Tanaman Kelapa Sawit**

| | |
|---|---|
| Luas Berhasil: | 154,838 hektar |
| Anggaran pencapaian 2023: | 17.39 mt/hek |
| Pencapaian 2023: | 15.62 mt/hek (90%) |
| Pencapaian 2022: | 14.89 mt/hek |
| **Perbandingan 2022 vs 2023** | +0.73 mt/hek |

**Tanaman Getah**

| | |
|---|---|
| Luas Berhasil: | 9,361 hek |
| Anggaran pencapaian 2023: | 944 kg/hek |
| Pencapaian 2023: | 618 kg/hek (66%) |
| Pencapaian 2022: | 583 kg/hek |
| **Perbandingan 2022 vs 2023** | +35 kg/hek |

**Tanaman Padi (Musim 1 + Musim 2)**

| | |
|---|---|
| Luas Berhasil: | 3,262 mt/hek |
| Anggaran 2023: | 11.00 mt/hek |
| Pencapaian 2023: | 6.30 mt/hek |
| Pencapaian 2022: | 9.77 mt/hek |
| **Perbandingan 2022 vs 2023** | -3.47 mt/hek |

## AKTIVITI BAHAGIAN 2023

### Lawatan Ke Ladang-Ladang P&P



Lawatan ke ladang-ladang Kelapa Sawit.



Lawatan ke ladang getah.



Lawatan tanaman padi.

**Penilaian & Ganjaran/Penalti**

Ganjaran bagi pencapaian hasil terbaik 2023 bagi tanaman padi.



Lawatan ke Langkawi.

**Bengkel Pengurusan Padi**

Satu bengkel mengenai kecekapan dan pengairan saliran bagi pengurusan padi telah dijalankan di Perak.



Bengkel Kajian Kecekapan Pengairan dan Saliran Pertanian bersama IADA Seberang Perak, JPSP Perak Tengah dan BPSP.



Program menanam/menyulam Di FBSP 367 rezab blok R4B1 bersama Pengurus Besar Wilayah ,Timb.Pengurus Besar,Ketua Bahagian,Ketua Unit serta staf FB Wilayah Perak & Seb.Perak barisan AJKP, AJK Wadira serta peserta.

# Kumpulan Perladangan

## Bahagian Estet Komersil

**Objektif Bahagian**

- Merealisasikan tanggungjawab melalui pembangunan ladang-ladang dengan lebih cekap dan menguntungkan.
- Membangunkan ladang-ladang FELCRA Berhad setanding ladang-ladang komersial.
- Meningkatkan produktiviti ladang dan meminimumkan kos operasi.

**AKTIVITI BAHAGIAN 2023**

**Lawatan Teknikal Jawatankuasa Pembelian Estet Sg Rentung**
Lawatan tapak oleh jawatankuasa pembelian estet di Estet S.W Sg Rentung, Gua Musang, Kelantan. Lawatan ini bertujuan untuk menilai ladang yang berpotensi untuk diambil alih.



Lawatan awalan ke Estet SW Sg Rentung.

**Field Day Demo Penanaman Benih Kelapa Sawit**
Field day demo penanaman benih kelapa sawit dan kacang penutup bumi (KPB) di Projek Tumbi Rapat, Estet Tanah Merah.



Penerangan penggunaan iron bucket semasa penanaman kelapa sawit.



Kaedah penanaman kelapa sawit di kawasan berbukit.

**Field Day Penggunaan Jentera Landsurf**

Field day penggunaan landsurf di kawasan tanah gambut Estet JV di Sarawak Melibatkan Estet-estet JV dan PnP di Wilayah Sarawak.



Sesi taklimat penggunaan land surf oleh Pengurus Estet.



Demo penggunaan land surf di tanah gambut.

# Kumpulan Perkilangan dan Pemasaran

- Bahagian Pemasaran dan Trading Cpo
- Bahagian Pembelian dan Penjualan Bts
- Bahagian Trading Cpo
- Bahagian Operasi Kilang
- Bahagian Pembangunan dan Hiliran Kilang
- Bahagian Khidmat Nasihat Kilang

## CARTA ORGANISASI PENGURUSAN KUMPULAN PERKILANGAN DAN PEMASARAN



## PENGENALAN KUMPULAN PERKILANGAN DAN PEMASARAN

Secara asasnya, Kumpulan ini mempunyai 2 fungsi utama, iaitu perkilangan dan pemasaran. Dari sudut perkilangan, Kumpulan ini bertanggungjawab dalam urusan pemprosesan Buah Tandan Segar (BTS) daripada sumber FELCRA Berhad dan juga daripada sumber luar. Sehingga kini, FELCRA Berhad memiliki 5 buah kilang sawit dengan pemilikan penuh dan 1 buah kilang sawit hak milik anak syarikat FELCRA Processing & Engineering Sdn. Bhd.

Dari sudut pemasaran pula, Kumpulan ini melalui Bahagian Pemasaran dan Trading CPO adalah Kumpulan yang bertanggungjawab memasarkan semua hasil komoditi utama FELCRA Berhad, iaitu kelapa sawit (CPO, palm kernel, palm kernel shell, sludge oil), getah, padi dan produk-produk lain yang berkaitan bagi mendapatkan harga yang terbaik. Kaedah pemasaran yang dilaksanakan oleh bahagian ini adalah termasuk secara tender terbuka, rundingan langsung melibatkan benefisiari, harga spot dan sebagainya. Bahagian ini juga terlibat dalam aktiviti pembelian BTS daripada sumber luar untuk dibekalkan kepada kilang-kilang milik FELCRA Berhad.

**Model Perniagaan Kumpulan Perkilangan:**

- Penjualan minyak sawit mentah (CPO).
- Penjualan Palm Kernel (PK).
- Penjualan Palm Kernel Shell (PKS).
- Projek-projek Hiliran (Value-Added Project).

**Objektif Kumpulan**

- Memproses BTS daripada projek-projek FELCRA Berhad.
- Memastikan pengurusan BTS FELCRA Berhad dapat diuruskan dengan berkesan terutama semasa peak season.
- Mengelak monopoli kilang-kilang swasta ke atas BTS FELCRA Berhad.
- Mewujudkan peluang pekerjaan dan pendapatan kepada komuniti setempat selaras objektif FELCRA Berhad.
- Memastikan aliran tunai FELCRA Berhad dalam keadaan baik.
- Memberi kelebihan kepada FELCRA Berhad dalam memperoleh pendapatan yang sewajarnya.

## ANALISIS PRESTASI KUMPULAN PERKILANGAN FELCRA BERHAD

**Pemilikan Kilang FELCRA Berhad**
Secara keseluruhannya, sehingga kini FELCRA Berhad mempunyai sembilan (9) buah kilang pemprosesan sawit sebagaimana tercatat dalam jadual di bawah.

| Kilang Milikan Penuh | Kilang Milik Anak Syarikat | Kilang Usahasama |
|---|---|---|
| I. Kilang Sawit FELCRA Berhad Bukit Kepong, Johor.<br>II. Kilang Sawit FELCRA Berhad Nasaruddin, Perak.<br>III. Kilang Sawit FELCRA Berhad Maran, Pahang.<br>IV. Kilang Sawit FELCRA Berhad Seberang Perak, Johor.<br>V. Kilang Sawit FELCRA Berhad Sungai Melikai, Johor. | I. Kilang Sawit FELCRA Processing & Engineering Sdn Bhd Batu 12, Bidor, Perak. | I. Kilang Sawit Jayaputra, Raub, Pahang.<br>II. Kilang Sawit Samarahan, Sarawak.<br>III. Kilang Sawit Sri Aman, Sarawak. |

**Kapasiti memproses BTS untuk tahun 2023**
Keseluruhan kilang sawit tersebut telah memproses sebanyak 1,196,077.70 mt pada tahun 2023. Sumber bekalan BTS diperoleh dari estet kelapa sawit milik FELCRA Berhad serta hasil jualan dari ladang-ladang berhampiran.

| No | Kilang Sawit FELCRA Berhad | Kapasiti (Mt/Hr) | Kapasiti Proses Tahunan (Mt) |
|---|---|---|---|
| 1 | Kilang Sawit Bukit Kepong | 40 mt/hr | 240,000 mt |
| 2 | Kilang Sawit Nasaruddin | 30 mt/hr | 220,000 mt |
| 3 | Kilang Sawit Maran | 50 mt/hr | 310,000 mt |
| 4 | Kilang Sawit Seberang Perak | 50 mt/hr | 310,000 mt |
| 5 | Kilang Sawit Sungai Melikai | 40 mt/hr | 240,000 mt |
| 6 | Kilang Sawit FELCRA Processing & Engineering Sdn Bhd | 30 mt/hr | 220,000 mt |

*Jadual 3: Kapasiti memproses BTS untuk tahun 2023.*

## Perbandingan Prestasi Operasi Kilang

| | TAHUN 2023 | TAHUN 2022 |
|---|---|---|
| **BTS** | **(MT)** | **(MT)** |
| BTS Proses | 1,196,077.70 | 1,173,680.80 |
| BTS CPO | 223,743.50 | 216,997.26 |
| **PENDAPATAN** | **(RM)** | **(RM)** |
| **Hasil Jualan** | | |
| Minyak Sawit Mentah (CPO) | 851,209,064.45 | 1,097,814,605.46 |
| Isi Sawit (PK) | 122,550,888.99 | 183,437,929.43 |
| | 973,759,953.44 | 1,281,252,534.89 |
| **Kos Operasi** | 954,009,171.38 | 1,265,635,266.51 |

**Rumusan Prestasi**
Bagi tahun 2023, Kumpulan Perkilangan telah memproses BTS sebanyak 1,196,077.70 mt BTS (Buah Tandan Segar) berbanding pada tahun 2022 iaitu 1,173,680.80 mt dengan peningkatan sebanyak 2%.

Penghasilan Minyak Sawit Mentah (CPO) pada tahun 2023 pula adalah sebanyak 223,754 mt berbanding 219,429.14 mt pada tahun 2022 dengan peningkatan sebanyak 2%.

Pada tahun 2023, industri berhadapan cabaran penurunan harga komoditi menjadikan purata harga Minyak Sawit Mentah (CPO) pada tahun 2023 adalah RM3,788.00/mt berbanding RM5,067.00/mt pada tahun 2022.

Penurunan harga CPO pada tahun 2023 adalah sebanyak 26% berbanding tahun 2022. Harga Palm Kernel (PK) juga mencatatkan penurunan pada tahun 2023 sebanyak 35% menjadi RM2,014/mt berbanding RM3,092/mt pada tahun 2022.

## KUMPULAN PERKILANGAN: MELIHAT KE HADAPAN

Bagi tahun 2024, Kumpulan Perkilangan dan Pemasaran telah menggariskan strategi bagi memperkukuhkan lagi aktiviti Kumpulan dengan:

- Pelaksanaan projek naik taraf kapasiti Kilang Sawit FELCRA Berhad Nasaruddin dari 30 mt/jam kepada 45 mt/jam.
- Pembangunan dan aplikasi sistem FIMIS (FELCRA Integrated Mill Information System) dalam aktiviti operasi kilang.
- Pensijilan ISCC-EU (International Sustainability and Carbon Certificate) bagi jualan SPO (Sludge Palm Oil).
- Pensijilan ISCC-Japan Fit (International Sustainability and Carbon Certificate) bagi jualan PKS (Palm Kernel Shell).
- Projek nilai tambah (Value-Added Project) di bawah Green Initiative.

# Kumpulan Perkilangan dan Pemasaran

## Bahagian Pemasaran dan Trading CPO

**Objektif Bahagian**

- Memantau operasi penjualan dan kutipan hasil komoditi utama FELCRA Berhad, iaitu BTS kelapa sawit, getah dan padi.
- Memantau operasi Pembelian BTS untuk pembekalan ke kilang-kilang milik FELCRA Berhad.
- Memantau operasi penjualan dan kutipan hasil CPO, palm kernel dan lain-lain agar selari dengan sasaran yang telah ditetapkan.
- Memantau operasi pelaksanaan Tolling SMR20 bagi memastikan ia menguntungkan FELCRA Berhad.

### PENCAPAIAN BAHAGIAN 2023

- Pencapaian kutipan hasil sebanyak 100% bagi penjualan BTS kelapa sawit, getah, padi, CPO dan palm kernel.
- Pencapaian melebihi 100% bagi pembelian BTS luar untuk bekalan kepada Kilang Sawit FELCRA Berhad.
- Pencapaian keuntungan sebanyak RM885,602.95 bagi SBU Tolling SMR20.

### AKTIVITI BAHAGIAN 2023

**Mesyuarat Penyelarasan Penjualan BTS Bersama Pembeli, iaitu Koperasi Peserta-Peserta FELCRA Malaysia Berhad (KPFMB) di Estet Danum, Sabah**

Mesyuarat penyelarasan ini diadakan bagi menyelesaikan isu-isu berbangkit seperti isu perbezaan timbangan di Estet Danum, Sabah.



Bersama Pengerusi KPFB, kontraktor Pembeli, Ketua Unit Pemasaran Wilayah dan Pengurus Kawasan.



Ketika mesyuarat sedang berlangsung.

**Lawatan Kerja ke Projek-Projek di Kawasan Sandakan, Sabah**

Lawatan diadakan untuk menilai kesukaran mengangkut keluar hasil BTS berdasarkan aspek lokaliti kawasan dan projek.




Berkumpul di pekarangan pejabat FELCRA Berhad Kawasan Telupid, Sabah setelah selesai lawatan kerja.

**Perbincangan Bersama AJKKP FELCRA Berhad Sri Makmur, Pahang berkaitan penghantaran BTS ke Kilang Sawit FELCRA Berhad Maran**

Perbincangan diadakan bagi merungkai kemelut isu penghantaran BTS dari FELCRA Berhad Sri Makmur, Pahang ke Kilang Sawit FELCRA Berhad Maran.



Wakil FELCRA Berhad bersama AJKKP sedang bermesyuarat.

# Kumpulan Perkilangan dan Pemasaran

## Bahagian Pembelian dan Penjualan BTS

### Objektif Bahagian

**Cawangan Pembelian BTS**
Memastikan bekalan Buah Tandan Segar (BTS) di Kilang-Kilang Sawit FELCRA Berhad sentiasa mencukupi melalui sumber bekalan BTS daripada:

- Projek-Projek dan Estet-Estet FELCRA Berhad.
- Estet-Estet Agensi dan Swasta.
- Peniaga BTS Kelapa Sawit (Dealer).

**Cawangan Penjualan BTS**
Memastikan tawaran petender pada kadar yang kompetitif bagi mendapatkan pulangan yang maksimum kepada Peserta dan memantau prestasi kutipan hasil jualan.

### PENCAPAIAN BAHAGIAN 2023

**Cawangan Pembelian BTS**
Keseluruhan prestasi pembekalan BTS ke kilang-kilang FELCRA Berhad bagi tahun 2023 telah melebihi sasaran yang ditetapkan dan mencapai peratusan melebihi 100% berbanding bajet.

**Cawangan Penjualan BTS**
Kutipan hasil jualan BTS, getah dan padi sepanjang tahun 2023 mencapai 100% tanpa sebarang tunggakan.

### AKTIVITI BAHAGIAN 2023

**Perbincangan Bersama Prospek Pekebun Kecil Bumiputera di Ramp Kampung Gajah, Perak Bagi Bekalan BTS Ke Kilang Sawit FELCRA Berhad Seberang Perak**

Pekebun-pekebun kecil di sekitar Kilang Sawit berupaya membekalkan bekalan BTS yang berkualiti bagi menampung permintaan kilang.



Perbincangan bersama wakil pekebun kecil di projek kelapa sawit persendirian.



Lawat periksa bekalan BTS di Pusat Mengumpul Sawit berhampiran.

**Lawatan tapak ke pusat mengumpul BTS usahasama di FELDA Sri Ledang, Johor**
Cawangan Pembelian BTS berjaya mendapatkan bekalan BTS FELDA melalui usahasama yang dijalankan bersama Syarikat Eng Huat Sdn Bhd dan dihantar di Kilang Sawit FELCRA Berhad Bukit Kepong.



Lawat periksa bersama wakil syarikat usahasama ke FELDA Sri Ledang, Johor.



Aktiviti penggredan BTS di Kilang Sawit FELCRA Berhad Bukit Kepong.

**Bengkel Pemantapan Operasi Pembelian dan Penjualan BTS**
Bengkel ini bertujuan membuat penambaikan proses-proses kerja berkaitan penjualan dan pengeluaran hasil serta memastikan staf-staf bersedia menangani isu-isu berkaitan pemasaran.



Sesi pembentangan dan soal jawab bersama peserta bengkel.



Para peserta bergambar kenang-kenangan setelah selesai bengkel.

**Kursus dan Peperiksaan Kemahiran Menggred Buah Sawit Anjuran Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)**

Kursus anjuran MPOB ini bertujuan menerapkan kemahiran keseluruhan penggredan buah sawit meliputi aspek teknikal, komersial dan falsafah penggredan mengikut Manual Penggredan Buah Sawit MPOB.



Para peserta sedang menjalani peperiksaan amali menggred BTS.



Gambar menunjukkan pelbagai agensi setelah selesai tamat kursus dan peperiksaan.

**Lawatan Kerja Bagi Isu Penjualan Getah Sekerap Melalui Kaedah SMR20 di Kawasan Kampung Bantal, Pahang**

Kaedah tolling merupakan salah satu kaedah pemasaran hasil getah di FELCRA Berhad.




Lawatan kerja bersama Ketua Unit Pemasaran Wilayah ke Ladang Getah, Projek Kg. Bantal, Pahang.



Penerangan berkenaan proses pembuatan SMR20 di Kilang Getah.

**Lawatan Kerja Bagi Isu Penghantaran Bekalan Bts Bagi Kawasan Lubuk Sireh, Perlis**
Lawatan diadakan ke ladang sawit Lubuk Sireh, Perlis dan pusat-pusat mengumpul sawit berhampiran untuk menilai tawaran serta jarak terbaik.



Sesi Lawat Periksa ke Projek Lubuk Sireh, Perlis bersama Ketua Unit Pemasaran Wilayah, Pengurus Kawasan dan Wakil Pembeli.



Pengasingan BTS di projek sebelum diangkut ke Pusat Mengumpul Sawit pembeli.

**Perbincangan Bersama Pembeli Padi di FELCRA Berhad Seberang Perak**
Perbincangan diadakan bagi mendapatkan tawaran harga terbaik daripada pembeli dan memahami isu yang dihadapi oleh projek padi ini.



Sesi taklimat dan rundingan bersama pembeli.



Lawat Periksa ke Projek Padi Seberang Perak bersama Ketua Unit Pemasaran Wilayah.

# Kumpulan Perkilangan dan Pemasaran

## Bahagian Trading Cpo

Bahagian Trading CPO terdiri daripada dua (2) cawangan, iaitu Cawangan Trading CPO dan Cawangan Downstream.

**Objektif Bahagian**
Memasarkan hasil keluaran produk kilang sawit FELCRA Berhad seperti:

- Crude Palm Oil (CPO).
- Palm Kernel (PK).
- Sludge Oil (SO).
- Palm Kernel Shell (PKS).
- Red Palm Oil (RPO).
- Produk-produk Lain Hiliran Kilang.

### PENCAPAIAN BAHAGIAN 2023

- Kutipan hasil jualan produk kilang sawit FELCRA Berhad sepanjang tahun 2023 mencapai kutipan 100% tanpa tunggakan.
- Pemantauan Operasi penghantaran produk kilang sawit FELCRA Berhad mengikut kontrak kepada pembeli oleh kilang sawit FELCRA Berhad menepati perancangan yang telah dibuat oleh Kumpulan.

### AKTIVITI BAHAGIAN 2023

**Mesyuarat Trading CPO Bersama Despatch dan Pengurusan Sistem Maklumat FELCRA Berhad Bil 1/2023**
Program ini merupakan mesyuarat tahunan yang diadakan dua (2) kali setahun bagi mengenal pasti permasalahan, isu dan mencari jalan penyelesaian terbaik bagi menyelesaikan segala permasalahan sekiranya ada, selain menjalinkan hubungan yang baik di antara Bahagian Trading CPO, Bahagian Operasi Kilang dan Bahagian Sistem Maklumat FELCRA Berhad.



Pengurusan Trading CPO bersama Despacth Kilang Sawit FELCRA Berhad dan Pengurusan Sistem Maklumat FELCRA Berhad.

**Lawatan Kerja dan Perbincangan di Syarikat Kilang Isi Sawit Sin Huat Hin Sdn Bhd Berkaitan Produk Kilang**

Syarikat Kilang Isi Sawit Sin Huat Hin Sdn. Bhd. merupakan antara pembeli Palm Kernel (PK) FELCRA Berhad. Tujuan lawatan kerja ini dibuat adalah untuk memberi pendedahan kepada staf kilang sawit FELCRA Berhad berkaitan teknologi yang digunakan selain menjalinkan hubungan yang lebih baik di antara FELCRA Berhad dengan pembeli produk kilang sawit FELCRA Berhad.



Pengurusan Trading CPO bersama Pengurusan Syarikat Kilang Isi Sawit Sin Huat Hin Sdn. Bhd.

**Lawatan Kerja dan Perbincangan di Syarikat Double Corporate Sdn Bhd Berkaitan Produk Kilang**

Syarikat Double Corporate Sdn Bhd merupakan antara pembeli Sludge Oil (SO) & Red Palm Oil (RPO) FELCRA Berhad. Tujuan lawatan kerja ini dibuat adalah untuk memberi pendedahaan kepada staf kilang sawit FELCRA Berhad berkaitan teknologi yang digunakan selain menjalinkan hubungan yang lebih baik di antara FELCRA Berhad dengan pembeli produk kilang sawit FELCRA Berhad.



Pengurusan Trading CPO bersama Pengurusan Syarikat Double Corporate Sdn. Bhd.

**Mesyuarat Trading CPO Bersama Despatch dan Pengurusan Sistem Maklumat FELCRA Berhad Bil 2/2023**
Program ini merupakan mesyuarat tahunan yang diadakan dua (2) kali setahun bagi mengenal pasti permasalahan, isu dan mencari jalan penyelesaian terbaik bagi menyelesaikan segala permasalahan sekiranya ada. Selain menjalinkan hubungan yang baik di antara Bahagian Trading CPO, Bahagian Operasi Kilang dan Bahagian Sistem Maklumat FELCRA Berhad.



Pengurusan Trading CPO bersama Despacth Kilang Sawit FELCRA Berhad dan Pengurusan Sistem Maklumat FELCRA Berhad.

**Taklimat Pensijilan Awareness Training Iscc Eu and ISCC Japan Fit**
International Sustainabilty & Carbon Certification (ISCC) ialah sistem sijil antarabangsa yang bertujuan untuk menggabungkan kriteria kemampanan dan menyokong rantaian bekalan yang mampan. Taklimat ini merupakan langkah pertama ke arah pensijilan ISCC bagi kilang sawit FELCRA Berhad bagi produk Sludge Oil (SO) dan Palm Kernel Shell (PKS).



Pengurusan Trading CPO bersama Pengurusan Kilang Sawit FELCRA Berhad dan Konsultan ISCC.

# Kumpulan Perkilangan dan Pemasaran

## Bahagian Operasi Kilang

**Objektif Bahagian**

- Memastikan kilang beroperasi pada tahap yang optimum selaras dengan sasaran BTS yang telah disasarkan.
- Memastikan kualiti produk yang dihasilkan, iaitu CPO (Crude Palm Oil) dan PK (Palm Kernel) memenuhi spesifikasi standard.
- Pencapaian OER (Oil Extraction Rate) & KER (Kernel Extraction Rate) yang positif.
- Memastikan Kos Operasi (PC) kilang yang optimum.
- Memastikan pematuhan kepada Akta & Peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan berkaitan aktiviti pemprosesan kilang sawit.
- Menguruskan perihal risiko yang berkaitan dalam aktiviti pemprosesan di kilang.
- Terlibat secara langsung dalam perancangan dan pelaksanaan projek-projek nilai tambah (added-value project).

### PENCAPAIAN BAHAGIAN 2023

- Kumpulan berupaya mencatatkan keuntungan pada tahun 2023.
- Pematuhan kepada pensijilan MSPO MS2530-4:2013 & MSPO SCCS (Malaysian Sustainable Palm Oil, Supply Chain Certification Scheme).

### AKTIVITI BAHAGIAN 2023

**Program Amanat Pengurus Besar Kumpulan Perkilangan & Pemasaran tahun 2023 di Kilang Sawit FELCRA Berhad**

Program ini merupakan perjumpaan tahunan yang diadakan setahun sekali. Tujuan program ini adalah bertujuan untuk menyampaikan amanat serta pergerakan ke hadapan kepada kumpulan sasar, iaitu staf dan pekerja di Kilang Sawit FELCRA Berhad.



-

**Kilang Sawit FELCRA Berhad Nasaruddin**
- 5 Januari 2023



PB Kumpulan Perkilangan & Pemasaran bersama staf dan pekerja di KSFB Nasaruddin.

**Kilang Sawit FELCRA Berhad Seberang Perak**
- 12 Januari 2023




PB Kumpulan Perkilangan & Pemasaran bersama Pengurus KSFB Seberang Perak.



PB Kumpulan Perkilangan & Pemasaran Bersama staf dan pekerja KSFB Seberang Perak.

**Kilang Sawit FELCRA Berhad Maran**
- 13 Januari 2023



Perasmian program Amanat PB Kumpulan Perkilangan & Pemasaran di KSFB Maran.




Penyampaian amanat dan ucapan PB Kumpulan Perkilangan & Pemasaran kepada staf dan pekerja di KSFB Maran.



Kumpulan Perkilangan & Pemasaran Bersama staf dan pekerja KSFB Maran.

## Kilang Sawit FELCRA Berhad Sungai Melikai
- 27 Januari 2023



Perasmian dan ucapan kepada staf dan pekerja di KSFB Sungai Melikai.



Penyampaian amanat dan ucapan PB Kumpulan Perkilangan & Pemasaran kepada staf dan pekerja di KSFB Sungai Melikai.



PB Kumpulan Perkilangan & Pemasaran Bersama staf dan pekerja KSFB Sungai Melikai.

## Kilang Sawit FELCRA Berhad Bukit Kepong
- 27 Januari 2023



PB Kumpulan Perkilangan & Pemasaran Bersama staf dan pekerja KSFB Sungai Melikai.



Perasmian dan ucapan PB Kumpulan Perkilangan & Pemasaran kepada staf dan pekerja di KSFB Bukit Kepong.

# Kumpulan Perkilangan dan Pemasaran

## Bahagian Pembangunan dan Hiliran Kilang

### Objektif Bahagian

**Cawangan Pembangunan Kilang**

- Penggantian jentera dan mesin kilang yang telah mencapai jangka hayat.
- Melaksanakan projek pengaplikasian teknologi baru sama ada untuk pemprosessan buah sawit atau kawalan pencemaran mengikut ketetapan Jabatan Alam Sekitar.
- Pengurusan Aset dan Insurans Pelupusan dan Pemutihan Aset serta tuntutan insurans.

**Cawangan Hiliran Kilang**

- Melakukan aktiviti "green initiative" yang menjurus kearah kelestarian alam sekitar.
- Menukarkan sisa buangan sawit kepada tenaga boleh baharu.

### PENCAPAIAN BAHAGIAN 2023

**Cawangan Pembangunan Kilang**

- Sepanjang tahun 2023, Cawangan Pembangunan Kilang telah melaksanakan sebanyak 14 projek dengan nilai RM 6.2 juta.
- Pelupusan aset pada tahun 2023 telah menghasilkan pendapatan tambahan berjumlah RM689,600.00. Ini memberi nilai tambah kepada pendapatan kilang sawit FELCRA Berhad.
- Pada tahun 2023, sebanyak 5 tuntutan insurans kilang sawit FELCRA Berhad terhadap syarikat Takaful Malaysia dapat diselesaikan dan jumlah tuntutan yang dapat dituntut adalah sebanyak RM840,296.64.

**Cawangan Hiliran Kilang**

- Penjimatan pengurusan tandan kosong di 3 buah kilang berjumlah RM 2.1 juta pada tahun 2023.
- Pendapatan tambahan daripada projek hiliran kepada FELCRA Berhad berjumlah RM2.09 juta pada tahun 2023.

## AKTIVITI BAHAGIAN 2023

### Cawangan Pembangunan Kilang

**Fire Fighting System di KSFB Seberang Perak**
Pemasangan Fire Fighting System adalah bagi mendapatkan perakuan daripada pihak BOMBA agar permis dapat beroperasi dalam keadaan selamat dan terkawal.



Tangki hydrant siap dibina dan dibuat pemeriksaan kebocoran.



Pemeriksaan hose reel dalam keadaan baik dan berfungsi.

**Penukaran Sterilizer Blowdown Chamber di KSFB Maran**
Tangki Air Khas untuk kegunaan kecemasan melawan kebakaran. Penukaran Steriliser Blowdown Chamber dilakukan bagi menggantikan steriliser Blowdown Chamber sedia ada yang telah rosak. Kerosakan pada Blowdown Chamber boleh menyebabkan peningkatan kadar kehilangan OER.



Steriliser Blowdown Chamber dalam pembinaan.



Steriliser Blowdown Chamber siap pembinaan sepenuhnya.

**Pembekalan Cages di KSFB Nasaruddin**

Penukaran Cages di KSFB Nasaruddin bertujuan untuk menggantikan unit cages sedia ada yang telah rosak bagi lancarkan perjalanan operasi untuk mencapai kapasiti yang optimum.



Cages yang baru sampai di tapak kerja.



Set cages sebelum digunakan.

**Pengurusan Aset: Lawatan oleh Ahli Jawatankuasa Pemeriksaan Aset**

Lawatan oleh ahli jawatankuasa pemeriksa aset dari ibu Pejabat. Lawatan perlu dihadiri oleh wakil daripada bahagian pentadbiran dan kewangan ibu pejabat untuk mengesahkan aset yang akan dilupuskan.



Lawatan oleh ahli jawatankuasa pelupusan aset dari ibu Pejabat.

**Pengurusan Aset: Proses Peleraian, Pengangkut Keluar Aset**

Proses mengangkut keluar jentera yang dilupuskan oleh Petender yang Berjaya. Proses ini akan dibenarkan setelah pihak petender yang berjaya membuat bayaran penuh. Segala kos mengangkut dan proses peleraian akan ditanggung sepenuhnya oleh petender.



Proses mengangkut keluar aset yang telah dilupuskan.



Proses dismantle aset bagi jualan besi buruk oleh petender.

## Cawangan Hiliran Kilang

**Pellet Fibre**

"Pellet Fibre" dihasilkan daripada tandan kosong dan digunakan sebagai bahan bakar yang mesra alam sekitar dan medium tanaman cendawan yang dieksport ke negara China. Dengan cara ini dapat membantu pelupusan tandan kosong yang biasanya memakan masa panjang dan mencemar alam sekitar.



Pembuatan pallet.



Contoh pallet yang dihasilkan.

**Solid Removal Oil Recovery System**

Solid removal oil recovery system (SRORS), satu proses minyak keladak dapat dikumpul (ditapis "purify") dan seterusnya dapat dijual untuk memberi nilai tambah kepada kilang sawit FELCRA Berhad.



Mesin membrane SRORS.



Produk Akhir SRORS, iaitu Sludge Palm Oil (SPO).

**Biogas**

Projek Biogas adalah projek penjanaan tenaga elektirk daripada sisa buangan industri sawit. Terdapat 2 loji Biogas di Kilang Sawit FELCRA Berhad Seberang Perak berkapasiti 1.5MW dan Kilang Sawit FELCRA Berhad Nasaruddin berkapasiti 1.2MW.




Loji biogas di KSFB Nasaruddin Perak.

# Kumpulan Perkilangan dan Pemasaran

## Bahagian Khidmat Nasihat Kilang

**Objektif Bahagian**

- Menjalankan analisis berkaitan pencapaian prestasi kilang terutamanya masalah meningkatkan kadar OER serta KER di peringkat kilang.
- Memberi maklumat mengenai aspek pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.
- Memberi khidmat nasihat kepada kilang mengenai aspek pematuhan peraturan kilang yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS), MPOB, Suruhan Jaya Tenaga (ST) , KPDKHEP dan lain-lain.

**AKTIVITI BAHAGIAN 2023**

**Lawatan Khidmat Nasihat Kilang (KNK) ke Kilang Sawit FELCRA Bukit Kepong (KSBK)**

Lawatan tahunan ke Kilang Bukit Kepong bagi penilaian prestasi.



Lawatan ke Ramp.



Lawatan ke kawasan operasi.

**Lawatan Khidmat Nasihat Kilang (KNK) Ke Kilang Sawit FELCRA Berhad Nasarudin (KSFN)**

Lawatan tahunan ke Kilang Sawit Nasarudin bagi penilaian prestasi.



Lawatan ke kawasan Effluent.



Lawatan ke kawasan parkir kenderaan.

**Lawatan Khidmat Nasihat Kilang (KNK) ke Kilang Sawit FELCRA Berhad Maran (KSFM)**

Lawatan tahunan ke Kilang Sawit Maran bagi penilaian prestasi.



Lawatan ke kawasan operasi.



Lawatan ke kawasan Effluent.

**Lawatan Khidmat Nasihat Kilang (KNK) ke Kilang Sawit FELCRA Berhad Seberang Perak (KSSP)**

Lawatan tahunan ke Kilang Sawit Seberang Perak bagi penilaian prestasi.



Lawatan ke kawasan Effluent.




Lawatan ke kawasan operasi.

**Lawatan Khidmat Nasihat Kilang (KNK) ke Kilang Sawit FELCRA Berhad Sungai Melikai (KSSM)**

Lawatan tahunan ke Kilang Sawit Sungai Melikai bagi penilaian prestasi.



Lawatan ke kawasan operasi.



Lawatan ke kawasan Effluent.

**Lawatan Khidmat Nasihat Kilang (KNK) ke Kilang Sawit FELCRA Processing and Engineering Sdn. Bhd. Bidor (FPESB Bidor)**

Lawatan tahunan ke Kilang Sawit Bidor bagi penilailan prestasi.



Lawatan ke Dumping Pond.



Lawatan ke Kawasan Operasi.

# Kumpulan Perancangan dan Pemantauan

- Bahagian Perancang Projek
- Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan
- Bahagian Pemantauan Prestasi
- Bahagian Conservation dan Biodiversity
- Bahagian MSPO

## CARTA ORGANISASI PENGURUSAN KUMPULAN PERANCANGAN DAN PEMANTAUAN

- Mohamad Khalid bin Mohamad Noor  
  **Pengurus Besar Kumpulan**
  - Hjh Norma binti Ahmad  
    **Pengurus Besar Bahagian Perancangan Projek**
    - Afzal 'Alamin bin Dato' Aziz  
      **Pengurus Kanan Cawangan Pentadbiran & Tanam Semula**
    - Tuan Haji Noor Akmal bin A. Wahid  
      **Pengurus Kanan Cawangan Penyatuan & Pemulihan (P&P) Dan Kerajaan Negeri**
  - Dr Nadia binti Mohd Fadzli  
    **Pengurus Besar Bahagian Research And Development (R&D)**
    - Syarifah Noor Irma Suryani binti Syd Ahmad  
      **Pengurus Kanan**
    - Sari Indra Saputra bin. Mohd. Arbain  
      **Pengurus Kanan Ketua Pusat PPFB/ KetuaUnit Biak Baka & Pengeluaran Biji Cambah**
  - Hjh Kalsom binti A. Rahman  
    **Pengurus Besar Bahagian Pemantauan Prestasi**
  - Rohana binti Jamil  
    **Pengurus Besar Bahagian Kelestarian**
    - Azahar bin Ali  
      **Pengurus Kanan Pensijilan**
    - Wan Shariena binti Zakaria  
      **Pengurus Kanan Kelestarian**
    - Azhar bin Ab Wahab  
      **Pengurus Kanan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan**
    - Ts. Mohd Fairus bin Mohamad Yusof  
      **Pengurus Kanan Pematuhan & Pembangunan Alam Sekitar**

# MATLAMAT KUMPULAN 2023

## KUMPULAN: PERANCANGAN & PEMANTAUAN

**01**
- Program P&P 1,200 ha dan TS 3,000 ha

**02**
- Penghasilan 525k biji cambah RM1.25j;
- Pengeluaran hasil 26mt/ha (159ha)

**03**
- Pensijilan semula 2023 ladang 35 sijil(zon), kilang 6 sijil
- MSPO 2.0

**04**
- Meningkatkan pemantauan & penguatkuasaan secara berterusan

**05**
- Pemantauan pencapaian kpi syarikat lebih efektif

# Kumpulan Perancangan dan Pemantauan

## Bahagian Perancang Projek

**Objektif Bahagian**

- Merancang pembangunan tanah yang berkualiti setanding dengan estet swasta.
- Memastikan semua projek yang dirancang mematuhi standard prosedur perancangan bagi menjamin kualiti projek.
- Memastikan projek-projek yang akan dibangunkan berdaya maju dan menguntungkan.
- Memelihara jaringan hubungan yang baik dengan Kementerian, Kerajaan Negeri, Institusi & Agensi.

### PENCAPAIAN BAHAGIAN 2023

Program Tanam Semula Kelulusan Lembaga Pengarah:

- Program Tanam Semula P&P.
- Program Tanam Semula Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA).
- Program Tanam Semula Estet.

Capaian Dialog Tanam Semula

Program Tanam Semula Kelulusan Lembaga Pengarah:

**Program Tanam Semula P&P**

Berjaya mendapat kelulusan BOD seluas 2,147 hektar merangkumi 22 projek.

| Bil | Negeri | Projek | Luas (Hektar) |
|---|---|---|---|
| 1 | Perak | Seb. Perak 10 Fasa 1 | 116.00 |
| 2 | | Seb. Perak 10 Fasa 5 | 141.69 |
| 3 | | Seb. Perak 11 Fasa 1 | 44.34 |
| 4 | | Stang | 48.14 |
| 5 | | Air Kuning 2 | 102.82 |
| 6 | | Samagagah | 61.35 |
| 7 | | Seb. Perak 14 Fasa 1 | 55.97 |
| 8 | | Seb. Perak 10 Fasa 2 | 160.85 |
| 9 | | Seb. Perak 10 Fasa 3 | 209.21 |
| 10 | | Seb. Perak 14 Fasa 1 B | 44.24 |
| 11 | | Changkat Kerengga | 107.00 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 12 | Pahang | Paya Panjang | 55.49 |
| 13 | | Batu Rakit | 180.47 |
| 14 | | Tanjung Seratus | 199.39 |
| 15 | | Padang Chekor | 68.34 |
| 16 | | Tanjung Perian | 44.03 |
| 17 | | Kampung Sekoh | 35.83 |
| 18 | | Tanjung Belenggu | 85.68 |
| 19 | Terengganu | Merchang | 46.81 |
| 20 | | Bukit Jetit 5 | 98.95 |
| 21 | Sabah | Koperasi Mitrajaya | 208.84 |
| 22 | N. Sembilan | Mendom 4 | 31.15 |
| **Jumlah Keseluruhan** | | | **2,147** |

**Program Tanam Semula Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)**
Pada tahun 2023, pencapaian tanam semula tanah JAKOA ialah seluas 2,685.56 hektar merangkumi 10 projek di negeri Johor, Pahang, Negeri Sembilan dan Terengganu.

| Bil | Negeri | Projek | Luas (Hektar) |
|---|---|---|---|
| 1 | Johor | Sg. Layau 2 | 299.84 |
| 2 | | Sg. Layau 3 | 58.21 |
| 3 | | Tanah Abang | 882.67 |
| 4 | | Tuang Kajang 2 | 120.00 |
| 5 | Pahang | Kedaik 2 | 165.03 |
| 6 | | Kedaik 3 | 77.07 |
| 7 | Negeri Sembilan | Sg. Lui | 49.21 |
| 8 | | Kg. Sawah | 51.30 |
| 9 | Terengganu | Sg. Pergam | 392.14 |
| 10 | | Sg. Puteh | 590.09 |
| **Jumlah Keseluruhan** | | | **2,685.56** |

**Program Tanam Semula Estet**

Pencapaian Program Tanam Semula bagi estet FELCRA Berhad bagi tahun 2023 adalah sebanyak 1,282 hektar yang melibatkan negeri Sabah dan Sarawak.

| Bil | Negeri | Projek | Luas (Hektar) |
|---|---|---|---|
| 1 | Sabah | Sg Lokan Fasa 2 | 178.00 |
| 2 | | Perdana Fasa 13 | 141.00 |
| 3 | | Sg Ruku-Ruku Fasa 7 | 259.00 |
| 4 | | Pertama Blok 5-10 | 164.00 |
| 5 | | Danum Fasa 4 | 238.00 |
| 6 | Sarawak | Gedong Fasa 1 | 171.00 |
| 7 | | | 131.00 |
| **Jumlah Keseluruhan** | | | **1,282.00** |

**Capaian Dialog Tanam Semula**

Pada tahun 2023, Bahagian Perancang Projek telah mencapai sasaran sebanyak 52 dialog yang melibatkan pelbagai negeri.

| Bil | Negeri | Projek | Luas (Hektar) |
|---|---|---|---|
| 1 | Melaka | Chenderah | 63.72 |
| 2 | | Kg. Solok Gajah Mati | 16.84 |
| 3 | | Kumpai | 12.05 |
| 4 | | Kg. Pulau | 12.40 |
| 5 | | Lubuk Redan 1 | 33.43 |
| 6 | | Lubuk Redan 2 | 22.97 |
| 7 | N.Sembilan | Kg. Pedas Tengah | 25.36 |
| 8 | | Bongek | 39.71 |
| 9 | | Kg. Gadong | 31.78 |
| 10 | | Selemak 2 | 39.43 |
| 11 | | Sg. Layang 1 | 11.62 |
| 12 | | Sg. Layang 2 | 17.81 |
| 13 | Selangor | Kg. Sg. Serian Ii | 43.23 |
| 14 | | Kg. Sg. Serian Iii | 38.30 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 15 | Johor | Sg. Kahang 2 | 123.66 |
| 16 | | Parit Marjunit 1 | 37.23 |
| 17 | | Parit Marjunit 2 | 25.66 |
| 18 | | Batu Hampar | 23.15 |
| 19 | | Parit Selangor 1 | 72.83 |
| 20 | | Parit Selangor 2 | 27.38 |
| 21 | | Lubuk Kepong | 40.60 |
| 22 | | Kampung Jabi Ii & Tamb | 27.33 |
| 23 | | Kampung Jabi Paya | 8.97 |
| 24 | | Sri Manis | 17.18 |
| 25 | | Parit Jerman 1 | 38.30 |
| 26 | | Parit Jerman 1 | 38.30 |
| 27 | | Parit Jerman 2 | 23.06 |
| 28 | | Parit Jerman 3 | 10.57 |
| 29 | | Lubuk Kepong | 40.60 |
| 30 | | Kampung Jabi Ii & Tamb | 27.33 |
| 31 | | Kampung Jabi Paya | 8.97 |
| 32 | | Sri Dagang | 47.94 |
| 33 | Sarawak | Kg Igan 1 | 116.50 |
| 34 | | Kg Igan 2 | 91.50 |
| 35 | | Mang 2 | 414.87 |
| 36 | | | 39.43 |
| 37 | Pahang | Padang Terap | 59.07 |
| 38 | | Sg. Rotan | 151.46 |
| 39 | | Sg. Gambir | 62.66 |
| 40 | | Kg. Pagar | 88.02 |
| 41 | | Bukit Dinding | 133.44 |
| 42 | | Paya Nawan 2 | 19.30 |
| 43 | Perak | Kurnia 1 Fasa 1 | 91.02 |
| 44 | | Jeruai Singgang 3 | 49.92 |
| 45 | | Nas. Pem. Peringkat 3 | 124.67 |
| 46 | | Jeruai Singgang 4 | 58.58 |
| 47 | | Kledang Meranti | 361.77 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 48 | Sabah | Kop Indrasabah | 279.01 |
| 49 | | Sg. Yeh-Yeh | 106.61 |
| 50 | | Kop Giram Kokos 2 | 50.00 |
| 51 | | Sg. Yeh-Yeh | 106.61 |
| 52 | | Kop Sukau | 496.74 |
| **Jumlah Besar** | | | **4,281.38** |

**AKTIVITI BAHAGIAN 2023**

**Program Dialog Tanam Semula**





Program Dialog Tanam Semula bagi projek Lekir 1 telah diadakan pada 28 Julai 2023.




Program Dialog bagi projek Kg Kurnia 1 telah diadakan pada 18 Oktober 2023.

**Bengkel Memperkasa Peranan Pegawai Perancang Wilayah**

Diadakan pada 22-23 Mei 2023, tujuan bengkel adalah untuk memantapkan pemahaman terhadap gerak kerja yang sebenar mengikut aliran kerja yang telah ditetapkan di samping meningkatkan kesedaran kepentingan isu yang berkaitan melibatkan agensi kerajaan. Meningkatkan kecekapan pengurusan di Wilayah. Selain itu, ia diadakan untuk meningkat kualiti pelaksanaan kerja-kerja yang melibatkan perancangan dan Program Tanam Semula (TS) Unit Perancang Wilayah. Meningkatkan keberkesanan Amalan Baik Pengurusan Pertanian (Good Agricultural Practice).







Suasana bengkel anjuran Bahagian Perancang Projek Ibu Pejabat dan Unit-unit Perancang Wilayah.

**Bengkel Pemantapan Sahsiah Diri Kumpulan Perancangan dan Pemantauan**

Untuk membentuk kakitangan yang berkaliber dan cemerlang, pihak Kumpulan mengambil inisiatif dan berusaha untuk menganjurkan bengkel ini.







Suasana bengkel yang pada 12 hingga 14 Julai 2023 di Cherangin Hill Convention & SPA Resort, Janda Baik, Pahang.

# Kumpulan Perancangan dan Pemantauan

## Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan

**Objektif Bahagian**

- Menjalankan aktiviti R&D yang inovatif terutama dalam penghasilan baka sawit baru.
- Menghasilkan produk tanaman baru selain daripada sawit.
- Pembangunan serta pengkomersialan produk R&D yang baharu melalui teknologi.

**PENCAPAIAN BAHAGIAN 2023**

- Penghasilan biji cambah sebanyak 662,381.
- Menghasilkan Ujian Progeni sebanyak 72 progeni melibatkan 1,270 tandan sawit.
- Mengeluarkan sebanyak 3,974.51 metrik tan Buah Tandan Segar(BTS) bersamaan 24.86 mt/ha.
- Penjualan Kelapa sebanyak 54,732 biji bersamaan RM85,887.80.

## AKTIVITI BAHAGIAN 2023

**Program Biakbaka**
Menghasilkan baka sawit yang berkualiti tinggi.



Kerja -kerja Bagging (Controlled Pollination).





Kerja-kerja pemilihan (sorting) biji cambah.

**Ladang**

Pengurusan Operasi ladang dan Nurseri.



Penuaian BTS.



Nursery.





Pembajaan dan Kawalan Perosak.

**Kelapa**

Penghasilan benih kelapa MYD, MRD & MATAG



Kerja-kerja Pendebungaan Kelapa.



Nursery kelapa.

**Projek Sulur Nanas MD2**
Bertujuan untuk menghasilkan sulur nanas MD2.


Laluan antara batas bagi memudahkan operasi penjagaan dan penuaian.


Jangkaan hasil – Ogos 2024

**Kultur Tisu**
Usaha mengeluarkan bahan tanaman komersial hasil daripada kaedah kultur tisu seperti benih sawit klon DxP, Dura (program penghasilan biji cambah semiklon), pelbagai benih pisang klon dan pelbagai benih herba klon. Ia bertujuan untuk menghasilkan produk mikrobiologi seperti mikoriza (penggalak akar) bagi tanaman sawit.


Kerja-kerja subkultura sawit dan pisang.


Kiraan spora fungus berfaedah di bawah mikroskop objektif untuk Projek Pengeluaran Mikoriza.

# Kumpulan Perancangan dan Pemantauan

## Bahagian Pemantauan Prestasi

KPI ini telah diwartakan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2/2005 bagi tujuan melaksanakan pengurusan prestasi melalui KPI Tahunan di setiap Kementerian termasuk syarikat milikan dan agensi di bawah kawal selia Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD).

Justeru, setiap syarikat di bawah milik MKD perlu membentangkan Pelan Perniagaan Tahunan dan KPI setiap tahun kepada Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan (BSPK), dengan format dan kelulusan Lembaga Pengarah Syarikat masing-masing bagi tujuan pemantauan dan kawal selia MKD.

Penilaian Prestasi KPI setiap suku tahun dan pembentangan pelan perniagaan ini diguna pakai sebagai 'tools' dalam memastikan hala tuju, strategik dan proses perniagaan dalaman sesebuah syarikat dapat dilaksanakan selaras dengan objektif penubuhan dan mandat yang telah diluluskan oleh kerajaan selaku pemegang saham.

Bahagian Pemantauan Prestasi diwujudkan bagi tujuan penyelarasan pemantauan dan kawal selia bagi fungsi, program serta aktiviti yang disasarkan oleh Syarikat, Kumpulan/ Bahagian dan Subsidiari melalui penilaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) tahunan.

**Visi**
Menjadi peneraju dalam menyelaras dan memantau Prestasi (KPI) Syarikat dengan memacu ke arah kejayaan Syarikat.

**Misi**
Pemangkin dalam kepatuhan perancangan kerja, tadbir urus yang cekap dan dinamik.

**Objektif Bahagian**
Memperkukuh pematuhan prestasi KPI dan tadbir urus serta menjadi syarikat yang berintegriti dalam menyelaras, memantau dan melaporkan perlaksanaan projek seiring dengan aspirasi Syarikat.

**Tugas dan Tanggungjawab Bahagian**

**KPI Syarikat/Ketua Pegawai Eksekutif**
- Bahagian Pemantauan Prestasi bertanggungjawab dalam menyediakan KPI Syarikat/CEO kepada MKD @ MOF.
- Bertanggungjawab menyelaras dan mengurus selia dalam penetapan sasaran dan pelaporan pencapaian KPI Syarikat/ CEO.
- Mengadakan Mesyuarat Pre-Council bersama Pengurusan Tertinggi bagi penetapan sasaran KPI tahunan & pencapaian prestasi tahun semasa.
- Menyediakan Pelaporan kepada Pengurusan FELCRA Berhad pada setiap 20hb – 25hb setiap bulan.
- Pembentangan Pencapaian KPI kepada MPT & ALP setiap suku tahun.
- Pelaporan pencapaian KPI Syarikat/CEO melalui sistem GCAIS setiap suku tahun.
- Pembentangan Pelan Perniagaan & Penetapan Sasaran KPI Syarikat/CEO di MOF (Okt/Nov).

**KPI YB Menteri/Agensi KKDW**
- Bahagian Pemantauan Prestasi bertanggungjawab sebagai urus setia kepada Bahagian Korporat dan Pembangunan Kemahiran KKDW dalam menyediakan maklumat berkaitan KPI subsidiari syarikat FELCRA Berhad dan KPI YB Menteri KKDW.
- Bertindak sebagai urusetia dalam pelaporan kepada KKDW.
- Menyediakan Pelaporan kepada pihak

Pengurusan FELCRA Berhad dan KKDW.
- Lawatan pemantauan program/projek di lapangan.

**KPI Kumpulan/Bahagian/Subsidiari/Wang Pembangunan Geran**
- Mengadakan mesyuarat penyelarasan bersama Kumpulan/Bahagian & Subsidiari bagi memuktamadkan sasaran KPI tahunan.
- Menyelaraskan dan sentiasa mengadakan perbincangan dua hala bagi memastikan gerak kerja di lapangan dibuat sebagaimana dirancang.
- Maklumat Pencapaian bulanan perlu mendapat pengesahan daripada Pengarah/Timbalan Pengarah Kumpulan masing-masing.
- Menyediakan pelaporan fizikal dan kewangan setiap bulan kepada pihak Pengurusan FELCRA Berhad.
- Lawatan pemantauan pencapaian fizikal program/projek di lapangan.

## PENCAPAIAN BAHAGIAN 2023

- Kelulusan Pembentangan Pelan Perniagaan & Petunjuk Prestasi Utama (KPI) FELCRA Berhad Bagi Tahun 2024 di Kementerian Kewangan, Putrajaya pada 11 November 2023.
- Kelulusan Pembentangan Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Syarikat/ CEO di Mesyuarat Lembaga Pengarah FELCRA Berhad setiap suku (Mac, Jun, September, Disember) tahun 2023.
- Pencapaian keseluruhan Pelaporan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Syarikat/ CEO Tahun 2023 sebanyak 85.84%.

## AKTIVITI BAHAGIAN 2023

**Lawatan Pemantauan Bagi Program Peruntukan Wang Pembangunan Geran di Wilayah Perak**



Sesi penerangan operasi kilang santan sawit suri.

Program Naiktaraf Kilang Pengeluaran Santan Sawit Suri, FELCRA Processing & Engineering Sdn Bhd, Bidor, Perak.



Proses penyediaan santan sawit suri di bahagian operasi kilang.

Program Menaiktaraf Tali Air Estet Padi FELCRA Seberang Perak.



Perbincangan masalah tali air Estet Padi Peringkat 8.



Lawatan Pemantauan ke Sawah Padi Seberang Perak.

**Lawatan Pemantauan Bagi Program Peruntukan wang Pembangunan Geran FELCRA Berhad Kawasan Lubuk Sireh, Perlis, Wilayah Utara**

Program Perlengkapan Kampung – Menaiktaraf dan membekal serta kerja-kerja berkaitan projek premis perniagaan (Kedai Dobi Layan Diri)




Dobi layan diri yang dimiliki oleh WADIRA FELCRA Berhad Lubuk Sireh.

Program Hasil Baru Tanaman Herba.



Aktiviti meratakan tanah bagi penyediaan tapak semaian.



Keadaan Rumah Hijau bagi penyemaian anak benih tanaman herba kacip fatimah.

**Lawatan Pemantauan Bagi Program Peruntukan Wang Pembangunan Geran FELCRA Berhad Kawasan Sg. Ara, Wilayah Johor**

Program menaiktaraf jalan masuk ladang serta kerja-kerja berkaitan.



Pemasangan konkrit mekanisma tambak batu bertangga bagi saliran perparitan.



Sebahagian jalan masuk ladang telah ditambak crusher run.

Program Pemasangan Jambatan Konkrit dan Kerja Menurap Semula.



Keadaan projek yang tertangguh sementara menunggu pengalihan paip air bawah tanah oleh pihak Syarikat Air Johor Sdn. Bhd. (SAJSB).



Keadaan beberapa batang paip bawah tanah yang perlu dialihkan.

Program Pembangunan Hasil Baharu - Projek Menaiktaraf Landskap Taman Kelulut Pejabat FELCRA Kawasan Sg Ara, Kota Tinggi, Johor.



Sebahagian rumah kelulut di dalam Taman Kelulut.



Pembinaan kolam air dan tangki bagi keperluan Taman Kelulut.

# Kumpulan Perancangan dan Pemantauan

## Bahagian Conservation & Biodiversity

**Objektif Bahagian**

- Pemantauan.
- Komitmen
  - Perbincangan.
  - Komunikasi dua (2 hala).
  - Kerjasama dengan pihak luar.
- Kempen dan Promosi
  - Medium percetakan.
  - Siar raya dan elektronik.
  - Kempen.
- Kompetensi Pematuhan
  - Latihan Keselamatan, Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar (KKP & AS).
  - Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar (KKP & AS).
  - Kursus kompetensi.
  - Program pendidikan berterusan (CEP/CPD).

**PENCAPAIAN BAHAGIAN 2023**

- Perancangan orang yang kompeten/orang yang terlatih/pengapit. Sehingga Disember 2023, 7 orang staf telah menghadiri kursus orang yang kompeten/orang yang terlatih/pengapit seperti berikut:

| Bil | Nama | Jawatan | Kompetensi |
|---|---|---|---|
| 1 | Ts. Mohd Fairus Bin Mohamad Yusuf | Pengurus Kanan Pematuhan & Pembangunan Alam Sekitar | • Professional Technologist (Agriculture Technology).<br>• Certified Professional Erosion Sediment Control (CPESC).<br>• Certified Inspector of Sediment and Erosion Control (CISEC).<br>• Certified Professional for Environmental Officer in EIA (CEPEOEIA). |
| 2 | Muhamad Zulhilmi Bin Zainal Abidin | Pengurus (Pengurusan Bahan Kimia) | • Chemical Health Risk Assessor. |
| 3 | Norhidayah Binti Ahmad | Pengurus (Pengurusan Ergonomik) | • Initial Ergonomic Risk Assessor.<br>• Advance Ergonomic Risk Assessor. |
| 4 | Ili Sahira Binti Mohd Izani | Pegawai Keselamatan dan Kesihatan | • Advance Ergonomic Risk Assessor. |
| 5 | Ilyana Binti Che Hassan | Pengurus Alam Sekitar | • Certified Environmental Professional in Scheduled Waste Management (CePSWaM).<br>• Certified Inspector of Sediment and Erosion Control (CISEC). |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 6 | Aisyah Binti Azmi | Pengurus Alam Sekitar | • Certified Environmental Professional in Scheduled Waste Management (CePSWaM).<br>• Certified Inspector of Sediment and Erosion Control (CISEC). |
| 7 | Muhammad Ammar Haziq Bin Onn | Eksekutif Alam Sekitar | • Certified Inspector of Sediment and Erosion Control (CISEC). |

- Pelaksanaan Audit Keselamatan, Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar di 39 lokasi merangkumi pejabat wilayah, kawasan/estet, gudang/kilang anak syarikat serta ibu pejabat anak syarikat:

| Tarikh | Lokasi |
|---|---|
| 17 Februari 2023 | FELCRA Plantation & Services Sdn. Bhd. |
| 21 Februari 2023 | FELCRA Berhad Kawasan Gerik |
| 23 Februari 2023 | FELCRA Bekalan & Perkhidmatan Sdn. Bhd. |
| 15 Mac 2023 | FELCRA Berhad Kawasan Iboi Tiak |
| 16 Mac 2023 | FELCRA Berhad Kawasan Sg. Senam |
| 30 Mac 2023 | Diversatech (M) Sdn. Bhd. |
| 12 Mei 2023 | Kilang Diversatech Pulau Indah |
| 25 Mei 2023 | Kawasan Perupok |
| 6 Jun 2023 | Kawasan Seberang Perak 3, 6 & 7 |
| 7 Jun 2023 | Pusat Benih Padi Seberang Perak |
| 7 Jun 2023 | Pejabat Pengurus Besar Wilayah Perak |
| 8 Jun 2023 | Pejabat Timbalan Pengurus Besar Wilayah Perak |
| 8 Jun 2023 | Kawasan Seberang Perak 8, 9 & 10 |
| 9 Jun 2023 | Kawasan Seberang Perak 4 & 5 |
| 23 Jun 2023 | Gudang Lahad Datu, FELCRA Niaga Sdn Bhd |
| 5 Julai 2023 | FELCRA Training & Consultancy |

| Tarikh | Lokasi |
|---|---|
| 10 Ogos 2023 | FELCRA Niaga Sdn. Bhd. |
| 10 Ogos 2023 | Kolej FELCRA |
| 15 Ogos 2023 | Gudang Telok Gong (FNSB) |
| 16 Ogos 2023 | Gudang Bintulu (FNSB) |
| 17 Ogos 2023 | Gudang Samarahan (FNSB) |
| 24 Ogos 2023 | Kawasan Kg. Bantal |
| 29 Ogos 2023 | Pejabat Pengurus Besar Wilayah Sarawak |
| 14 September 2023 | FELCRA Processing & Engineering |
| 21 September 2023 | Gudang Port Klang (FNSB) |
| 21 September 2023 | Kawasan Pulau Belantik |
| 26 September 2023 | FBCOE |
| 5 Oktober 2023 | Pejabat Pengurus Besar Wilayah Johor |
| 20 Oktober 2023 | Gudang Kuantan (FNSB) |
| 31 Oktober 2023 | Pej. Pengurus Besar Wil. Timur |
| 2 November 2023 | Kilang Input Bio, Nilai |
| 3 November 2023 | Pejabat Pengurus Besar Wilayah Tengah |

| | |
|---|---|
| 20 Julai 2023 | FELCRA Properties Sdn. Bhd. |
| 25 Julai 2023 | Kawasan Bukit Tampoi |
| 26 Julai 2023 | Pejabat Pengurus Besar Wilayah Utara |
| 9 Ogos 2023 | Makmal FPS Seb. Perak |

| | |
|---|---|
| 7 November 2023 | Pejabat Pengurus Besar Wilayah Sabah |
| 16 November 2023 | FELCRA Bina Sdn Bhd |
| 24 November 2023 | Pejabat Pengurus Besar Wilayah Pahang |

- Pematuhan Keselamatan, Kesihatan Pekerjaan (KKP) dan Alam Sekitar berdasarkan pengurangan penemuan ketidakpatuhan audit Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO). Berikut merupakan dapatan ketidakpatuhan bagi tahun 2022 dan 2023 bagi Prinsip 4: Tanggungjawab sosial, kesihatan, keselamatan dan syarat pekerjaan serta Prinsip 5: Alam sekitar, sumber asli, biodiversiti dan perkhidmatan ekosistem.

**Perbandingan Dapatan Ketidakpatuhan Bagi Audit MSPO Bagi TAhun 2022 dan 2023**




*Graf 10: Dapatan ketidakpatuhan bagi audit MSPO serta perbandingan penemuan di antara tahun 2022 dan tahun 2023.*

- Kebersamaan dan keterangkuman dalam menjayakan Keselamatan, Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar atas inisiatif pusat operasi yang berkenaan. Di antara kebersamaan dan keterangkuman yang pernah dilaksanakan termasuklah:
  - Membantu pihak kawasan FELCRA Berhad Kawasan Kudat menyediakan dokumentasi bagi menutup Notis Larangan yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negeri Sabah.
  - Perjumpaan dengan pegawai Jabatan Alam Sekitar Terengganu bersama FELCRA Berhad Kawasan Banggol Gajah Mati bagi tujuan penutupan field citation yang dikeluarkan kepada pihak kawasan.

## AKTIVITI BAHAGIAN 2023

**Latihan/Taklimat Keselamatan, Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar**
Latihan/taklimat keselamatan, kesihatan pekerjaan dan alam sekitar di wilayah dan kawasan/estet.



Taklimat Keselamatan, Kesihatan Pekerjaaan dan Alam sekitar di FELCRA Berhad Wilayah Sabah/Utara.



Taklimat Keselamatan, Kesihatan Pekerjaaan dan Alam sekitar di FELCRA Berhad Wilayah Sabah/Utara.

**Taklimat dan Pemeriksaan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Kilang Sawit FELCRA Berhad**
Taklimat dan pemeriksaan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Kilang Sawit FELCRA Berhad.



Taklimat dan Pemeriksaan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Kilang Sawit FELCRA Berhad Maran.



Taklimat dan Pemeriksaan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Kilang Sawit FELCRA Processing & Engineering.

**Audit Keselamatan, Kesihatan Pekerjaan (KKP) dan Alam Sekitar (KKP & AS)**
Audit dijalankan di lokasi yang tidak menjalankan pensijilan MSPO. Sebanyak 39 lokasi yang terlibat bagi tahun 2023 merangkumi pejabat wilayah, kawasan/estet serta gudang/kilang anak syarikat.



Audit KKP & AS di FELCRA Berhad Kawasan Pulau Belantik.



Audit KKP & AS di Gudang Port Klang, FELCRA Niaga.

**Promosi dan Kempen**

Kempen Keselamatan, Kesihatan Pekerjaan Dan Alam Sekitar secara atas talian pada 2 & 3 Ogos 2023 melibatkan semua pusat operasi FELCRA Berhad.



Penyampaian cenderahati kepada Ketua Balai, Balai BOMBA dan Penyelamat (Setapak).




Ceramah secara atas talian bersama Pemeriksa Kilang & Jentera, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP).




Program pelupusan minyak masak, kertas terpakai dan e-wastes. Program pelupusan sisa ini dilaksanakan dengan kerjasama EcoCytion (M) Sdn Bhd (Kontraktor Berlesen).

**Taklimat Keselamatan Bahan Kimia**
Latihan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada staf dan pekerja berkenaan pengurusan keselamatan bahan kimia di tempat kerja.



Taklimat keselamatan bahan kimia di Kilang Sawit FELCRA Processing & Engineering.



Taklimat keselamatan bahan kimia di Kilang Sawit FELCRA Berhad Seberang Perak.

**Latihan Ergonomik dan Pengendalian Manual**
Latihan ergonomik dan pengendalian manual di tempat kerja.



Latihan Ergonomik dan Pengendalian Manual di Kilang Sawit FELCRA Berhad Maran.

**Semakan Pematuhan Syarat-syarat Alam Sekitar bagi Kelulusan Laporan Environmental Impact Assessment (EIA)**

Semakan pematuhan syarat-syarat alam sekitar bagi kelulusan laporan environmental impact assessment (EIA).



Lawatan semakan pematuhan syarat-syarat alam sekitar bagi kelulusan laporan EIA di Projek Semantan Fasa 2.



Lawatan semakan pematuhan syarat-syarat alam sekitar bagi kelulusan laporan EIA di Estet Pertama Wilayah Sabah.

**Engagement dengan Agensi Luar (Jabatan Kerajaan/NGO)**

Engagement dengan agensi luar (Jabatan Kerajaan/NGO).



Majlis Pemeteraian Perjanjian Persefahaman Projek "Achieving Coexistence with Elephants in Sg Ara Kota Tinggi, Johor".



Lawatan kunjung hormat ke Balai Bomba dan Penyelamat Malaysia, Kuala Lumpur.

# Kumpulan Perancangan dan Pemantauan

## Bahagian Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO)

**KPI Syarikat/Ketua Pegawai Eksekutif**

- Menguruskan pelaksanaan Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia atau Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) bagi semua ladang dan kilang sawit yang berada di bawah pengutusan FELCRA Berhad
- Memastikan kebersamaan tanggungjawab untuk tujuan kelestarian organisasi.
- Memastikan komitmen terhadap kebolehjejakan rantaian bekalan.

**Misi**

Memperkasa konsep pembangunan mampan di semua sektor aktiviti perladangan dan pentadbiran serta simbol taraf kesejahteraan pekerja dan kebolehpercayaan pihak berkepentingan dengan penekanan amalan kelestarian dan urus tadbir yang baik.

**Visi**

Merealisasikan pembangunan mampan dengan matlamat mencapai kesejahteraan sosial, persekitaran lestari dan kelangsungan ekonomi secara berterusan.

**Fungsi dan Peranan Cawangan Kelestarian**

**Khidmat Kelestarian**

- Melaksanakan Kempen Kesedaran Kemampanan (Sustainability) terhadap keperluan industri sawit, iaitu Kempen Pemamtapan Pematuhan Pensijilan MSPO, Kempen Kesedaran NDPE (No Deforestration, No Peat, No Exploitation), Kesedaran EUDR dan Kempen Kebolehjejakan Sumber Rantaian Bekalan.
- Menyelaras dan menjalankan gerak kerja kebolehjejakan (Traceability) kilang dan ladang (TTP) melalui-gerak kerja pengumpulan data TTP, "Dashboard & Ground verification". Data TTP adalah satu keperluan pelaporan "Sustainability Responsible Resources" kepada pembeli CPO (international traders).

**Pembangunan dan Perhubungan Kelestarian**

- Koordinator kerjasama dengan pihak berkaitan (Interest parties dan rakan strategik kelestarian) dalam mengadakan kerjasama berkaitan TTP, bengkel latihan berkaitan "human right", Bengkel Kewajaran Pengambilan Pekerja Asing, "Operational Grievance Mechanism", Bengkel Latihan "Empowerment Oil Palm Management", "Human Elephant Co Existence" dan kerjasama bersama agensi seperti MPOCC, MPOB,MPOGCF dan lain-lain.
- Menyelaras ketelusan (transperancy) maklumat kelestarian kepada pihak berminat melalui website Kelestarian dan Dasboard Kelestarian dan Kebolehjejakan dan Pelaporan Tahunan Kelestarian. Ketelusan maklumat yang dipaparkan dinilai oleh Badan Penilai Antarabangsa SPOTT.

**Fungsi dan Peranan Cawangan Pensijilan**

**Perancangan**

- Aktiviti/gerak kerja MSPO – auditan, kajian SIA, latihan.
- Pemilihan juruaudit luar – kos, kompetensi.
- Mohon subsidi persediaan fizikal ladang P&P.
- Khidmat nasihat keperluan syarat MSPO.

**Penyediaan**

- Dokumentasi MSPO – Polisi, SOP, Prosedur, Garis Panduan.
- Perundangan terkini.

**Pemantauan**
- Audit dalam, audit luar & audit penguatkuasaan.
- Lawatan susulan – status tutup NC, aduan.
- Isu-isu khas – syarat guna tanah, perjanjian peserta, rumah pekerja, amalan buruh paksa.

**Latihan / Komunikasi**
- Latihan & promosi MSPO – kawasan, kilang, peserta, kontraktor, pembekal.
- Komunikasi dalaman FELCRA – projek baru, tanam semula.
- Lawatan pihak ketiga – pembeli CPO/PK – Nestle, Wilmar, Cargill.

**Agenda FELCRA Bestari**
- Melaksanakan tanggungjawab pematuhan perundangan kemampanan melalui pensijilan MSPO.
- Komitmen terhadap kebolehjejakan dan ketelusan.
- Usaha pemeliharaan & pemuliharaan kawasan nilai konservasi tinggi (HCV) dan kawasan dilindungi.
- Pemantapan amalan baik di perladangan dan perkilangan.
- Penekanan elemen kelestarian dan urus tadbir yang baik.
- Kesejahteraan sosial.

## PENCAPAIAN BAHAGIAN 2023

Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan (MSPO) dilaksanakan bagi meningkatkan daya saing dan memperkukuh imej industri kelapa sawit negara di peringkat antarabangsa. Menurut Dr. Ahmad Parveez Ghulam Kadir, teknologi dan pelaksanaan MSPO berupaya menjadikan minyak sawit Malaysia satu-satunya yang dihasilkan secara mampan di peringkat global.

Ladang-ladang FELCRA Berhad telah berjaya mencapai 100 peratus Skim Pensijilan MSPO sehingga 31 Disember 2019. Tempoh sah laku pensijilan MSPO adalah selama 5 tahun yang bermula pada 2019 sehingga tahun 2024. Pensijilan semula menggunapakai "New Guidance Document MSPO 2.0".

**Produk-produk FELCRA Berhad yang diiktiraf mampan melalui Pensijilan MSPO (Sijil Mampan Minyak Sawit Malaysia) tahun 2023**

| | | |
|---|---|---|
|  | 100% | **Ladang-ladang** FELCRA Berhad telah diiktiraf mampan melalui pensijilan MSPO. |
|  | 146,239 hek | **Keluasan** ladang-ladang FELCRA Berhad telah diiktiraf mampan melalui pensijilan MSPO. |
|  | 2.4 juta mt | **Buah Tandan Segar (BTS)** yang dikeluarkan oleh ladang-ladang FELCRA Berhad telah diiktiraf mampan melalui pensijilan MSPO. |
|  | 791,457 mt | **BTS PROSES** di kilang-kilang FELCRA Berhad telah diiktiraf mampan melalui pensijilan MSPO. |
|  | 148,081 mt | **CRUDE PALM OIL (CPO)** diproses di kilang-kilang FELCRA Berhad telah diiktiraf mampan melalui pensijilan MSPO. |
|  | 39,731 mt | **PALM KERNEL (PK)** diproses di kilang-kilang FELCRA Berhad telah diiktiraf mampan melalui pensijilan MSPO. |

#### Pecahan Keluasan Sijil MSPO Mengikut Zon




#### Pecahan BTS MSPO yang Diproses di Kilang-Kilang FELCRA Berhad



**Penarafan Amalan Kelestarian Antarabangsa**
SPOTT adalah laporan penilaian global tahunan yang dijalankan oleh ZSL of London meliputi 100 syarikat yang terlibat dalam industri kelapa sawit, perkayuan dan getah asli seluruh dunia yang mengguna pakai 179 petujuk amalan Environment, Social & Good Governance (ESG) dalam operasi Syarikat.

Skor SPOTT ini berdasarkan penilaian tahap ketelusan syarikat berhubung dengan amalan ESG. Syarikat yang dinilai berdasarkan 179 petunjuk yang dikumpulkan dalam 10 kategori.

SPOTT menjadi alat ukur penilaian ketelusan ESG untuk pihak seperti bank, pelabur, pembeli dan pihak berkepentingan.

Menyedari hal tersebut, FELCRA Berhad sedang berusaha ke arah kesedaran dan penekanan pentingnya amalan ESG.

Pematuhan kemampanan ladang dan kilang menjadi agenda utama dan kepentingan kelestarian meliputi sosioekonomi dan urustadbir yang baik.




**Rakan Strategik MSPO FELCRA Berhad**

| Bil | Rakan Strategik | Logo |
|---|---|---|
| 1 | Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) | |
| 2 | Earthworm Foundation | |
| 3 | Cargill Malaysia | Cargill |

## AKTIVITI BAHAGIAN 2023

**Seminar Transformasi Kehendak Pasaran Antarabangsa di Auditorium Wisma FELCRA**

Berlangsung di Auditorium FELCRA Berhad pada 20 Jun 2023.




Poster Komitmen NDPE yang memperihalkan pengenalan konsep kebolehjejakan (traceability) dan NDPE.




Gegantung mengenai FELCRA Lestari - Seminar Transformasi Pemantapan Kelestarian Selaras Kehendak Pasaran Antarabangsa anjuran bersama antara FELCRA Berhad.



Ucapan pembukaan program daripada wakil syarikat Cargill Malaysia.

**Bengkel & Latihan Kebolehjejakan dan Kesedaran NDPE yang Diadakan di Semua Kilang Sawit FELCRA**

Bengkel dan latihan kebolehjejakan dan kesedaran NDPE di semua kilang sawit FELCRA.

| NO | KILANG | TARIKH LAKSANA |
|---|---|---|
| 1 | SEBERANG PERAK | 12 MEI 2023 |
| 2 | NASARUDDIN | 10 - 11 MEI 2023 |
| 3 | FPESB BIDOR | 10 - 11 MEI 2023 |
| 4 | MARAN | 05 OKT 2023 |
| 5 | BUKIT KEPONG | 02 OKT 2023 |
| 6 | SUNGAI MELIKAI | 04 OKT 2023 |

Jadual tarikh program yang dilaksanakan di kilang-kilang sawit FELCRA Berhad.



Semakan kebolehjejakan (geo-lokasi) pembekal BTS Kilang FPESB Bidor, Perak.



Bengkel penyediaan maklumat kebolehjejakan & pengenalan konsep NDPE di Hotel Grand Court, Teluk Intan, Perak.

**Latihan Topikal Etika Pengambilan Pekerja**

Latihan topikal etika pengambilan pekerja pada 30 Januari 2024 bertempat di Hotel Seri Malaysia, Mersing, Johor. Latihan topikal etika ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan peserta dalam memahami amalan untuk mencegah penindasan dan mengurangkan risiko dalam proses pengambilan pekerja asing. Selain itu, seminar turut menerapkan pemahaman peserta dari sudut pengambilan pekerja asing dalam rantaian bekalan minyak sawit adalah salah satu langkah utama dalam pemulihan isu buruh paksa. Walau bagaimanapun, proses ini melibatkan komitmen dari aspek pengambilan, perekrutan dan pengurusan tenaga kerja dengan cara yang mampu mengekalkan hak dan martabat calon-calon pekerja.



Latihan melibatkan wakil dari pelbagai syarikat perladangan.

**Audit Pemantauan MSPO 2023 Zon C2 Perak Selatan**



Mesyuarat pembukaan audit luar di Kawasan FELCRA Berhad Serigala, Slim River, Perak pada 31/7/2023 hingga 3/8/2023.



Lawatan juruaudit luar ke stor buangan terjadual di Kawasan FELCRA Berhad Serigala, Slim River, Perak.

## Audit Pemantauan MSPO 2023 Zon C9 Hulu Berang



Lawatan juruaudit bagi menyemak pematuhan perundangan di Kawasan FELCRA Berhad Bukit Kapah, Kuala Berang, Terengganu.



Semakan dokumentasi MSPO di Kawasan Banggol Gajah Mati, Kuala Berang, Terengganu.



Temu bual pekerja oleh juruaudit luar bagi mengetahui kebajikan yang telah disediakan oleh FELCRA Berhad.

**Perbincangan Bersama Earthworm Foundation (EF), FELCRA Berhad dan CARGILL**

Perjumpaan bersama pihak berkepentingan, Earthworm (EF) dan Cargill mengenai MSPO 2.0 Briefing, iaitu Guidance Documents, latihan senarai semak audit dalam MSPO 2.0, taklimat kesedaran MSPO 2.0, Ethical Recruitment Due Diligence (ERDD), Labour Transformation Programme (LTP) dan Operational Grievance Mechanism (OGM).



Perjumpaan bersama pihak berkepentingan.

# Kumpulan Transformasi dan Perancangan Korporat

- Bahagian Transformasi dan Strategi
- Bahagian Keselamatan Makanan
- Bahagian Bisnes Baru
- Bahagian FELCRA Teknologi

## CARTA ORGANISASI PENGURUSAN KUMPULAN TRANSFORMASI DAN PERANCANGAN KORPORAT

Muhammad Eizaaz bin Dato' Haji Muhammad Redzuan
**Pengurus Besar Kumpulan Transformasi & Perancangan Korporat**

- (Kosong)
  **Pengurus Besar**
  **Bahagian FELCRA Teknologi**
  - (Kosong)
    **Pengurus Kanan**
    **Cawangan Felcra Teknologi 1**
  - Ts. Muhammad Asyraf bin Rodzuan (CT)
    **Pengurus Kanan**
    **Cawangan Felcra Teknologi 2**
- (Kosong)
  **Pengurus Besar**
  **Bahagian Bisnes Baru**
  - (Kosong)
    **Pengurus Kanan**
    **Cawangan Bisnes Baru 1**
  - (Kosong)
    **Pengurus Kanan**
    **Cawangan Bisnes Baru 2**
- Nur Azhani binti Ab. Ghani
  **Pengurus Besar**
  **Bahagian Keselamatan Makanan**
  - (Kosong)
    **Pengurus Kanan**
    **Cawangan Operasi Keselamatan Makanan**
  - Sabri bin Sabudin
    **Pengurus Kanan**
    **Cawangan Pentadbiran Keselamatan Makanan**
- Azam Azi bin Rusdi
  **Pengurus Besar**
  **Bahagian Transformasi & Strategi**
  - (Kosong)
    **Pengurus Kanan**
    **Cawangan Perancangan Strategik**
  - Rohaidaroha binti Muhamad
    **Pengurus Kanan**
    **Cawangan Business Process Improvement (BPI)**

## PENGENALAN KUMPULAN TRANSFORMASI DAN PERANCANGAN KORPORAT

**Tujuan Penubuhan (2019)**

- Menyelesaikan isu-isu utama yang dihadapi FELCRA Berhad dengan pelaksanaan pelan untuk mentransformasikan struktur dan perniagaan syarikat.
- Memperkasa FELCRA Berhad sebagai Syarikat Perusahaan sosial termantap dalam perniagaan perladangan dan agro makanan.

**Peranan Utama**

- Membangun dan menyelaras pelaksanaan pelan transformasi dan hala tuju strategik FELCRA Berhad.
- Perancangan aktiviti komersial merangkumi perancangan strategi dan kewangan korporat serta perancangan aktiviti perniagaan anak-anak Syarikat.
- Perancangan sekuriti makanan.
- Perancangan pembangunan bisnes baru yang berpotensi menjana pendapatan kepada Syarikat.
- Perancangan penerapan teknologi dan digital agriculture ke arah IR 4.0.

**Menyelaras Secara Tahunan:**

1. BOD Retreat – Transformasi, strategi.
2. FELCRA Berhad Management Retreat – Strategi dan Pelan – Traffic Light.
3. Subsidiaries Retreat – Perancangan perniagaan and projek-projek.

# Kumpulan Transformasi dan Perancangan Korporat

## Bahagian Transformasi dan Strategi

Bahagian Transformasi dan Strategi terdiri daripada dua (2) cawangan, iaitu:

- Cawangan Business Process Improvement (BPI).
- Cawangan Perancangan Strategik.

**Objektif Cawangan Business Process Improvement (BPI)**
BPI bertindak sebagai custodian FELCRA Berhad bagi kawalan dalaman (Internal Control) dengan merujuk kepada Polisi Dokumen Dalaman (IDP) yang telah diluluskan oleh BOD Bil. 196 bertarikh 20 Ogos 2021 termasuk perancangan, semakan, kemas kini (pengumpulan & penyimpanan) dan cadangan penambahbaikan Business Process.

**Objektif Cawangan Perancangan Strategik**

- Membangun dan menyelaras pelaksanaan Pelan Transformasi dan Hala Tuju Strategik FELCRA Berhad.
- Perancangan aktiviti komersial merangkumi perancangan strategi dan kewangan korporat serta perancangan aktiviti perniagaan anak-anak Syarikat.

### AKTIVITI BAHAGIAN 2023

#### Cawangan Business Process Improvement (BPI)

**Sesi Jelajah Unit Business Process Improvement(BPI) Bersama Semua Kumpulan di HQ berkaitan Pengurusan Dokumen Dalaman**
Tujuan sesi jelajah adalah untuk memberi pendedahan kepada staf tentang kepentingan pengurusan dokumen dalaman dan templat standard SOP. Ia terbahagi kepada 2 fasa; Fasa 1 menjurus kepada pengenalan BPI dan templat standard SOP manakala Fasa 2 adalah sesi perbincangan dan semakan SOP berdasarkan templat.



Sesi Jelajah Bersama Kumpulan Perladangan.



Sesi Jelajah Bersama Kumpulan Yayasan dan Kumpulan Hal Ehwal Peserta.



Sesi Jelajah Bersama Kumpulan Yayasan dan Kumpulan Hal Ehwal Peserta.



Sesi Jelajah Bersama Kumpulan Kewangan, Kumpulan Perkilangan & Pemasaran.



Sesi Jelajah Bersama Kumpulan Pemantauan & Prestasi.



Sesi Jelajah Bersama Kumpulan Pengurusan Risiko, Penasihat Undang-undang dan Setiausaha Syarikat.

**Taklimat Digital Document Management System (DDMS) kepada Staf Berjawatan Penolong Eksekutif Kanan Ibu Pejabat FELCRA Berhad**

Projek DDMS merupakan salah satu inisiatif Kerajaan bagi projek di bawah Entry Points Projects (EPP) e-Government, iaitu Pelaksanaan Kerajaan Tanpa Kertas (paperless Government). DDMS dibangunkan oleh:

- Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) - bertanggungjawab dalam pengurusan projek DDMS 2.0.
- Arkib Negara Malaysia (ANM) - berperanan menentukan spesifikasi dan fungsi DDMS 2.0.
- Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) - menguruskan rekod rahsia rasmi Kerajaan dan penentuan ciri-ciri keselamatan sistem.



Pegawai Arkib Negara, Encik Mohd Faiz memberi taklimat berkenaan kepentingan perlaksanaan DDMS.



Barisan Staf berjawatan Penolong Eksekutif Kanan yang memberi sokongan semasa sesi taklimat.



Barisan Staf BPI yang telah mengerah tenaga untuk menjayakan majlis.

**Lawatan ke Bahagian Penyelidikan & Pembangunan di Kilang Sawit Nasarudin, Perak untuk Membangunkan SOP Baru**
Lawatan staf BPI ke Kilang Sawit Nasarudin, Perak untuk sesi perbincangan bersama Bahagian R&D bagi membangunkan SOP Pengeluaran Biji Cambah Sawit DXP (Perkhidmatan Selepas Jualan).



Perbincangan Bersama Bahagian R&D di Nasarudin, Perak.



Barisan Staf R&D dan BPI.

**Sesi Menandatangani Sijil Pengesahan Semakan SOP Bahagian Penyelidikan & Pembangunan**
Sijil Pengesahan Semakan SOP akan dikeluarkan setelah semua SOP di bahagian telah dikemas kini dan sebagai makluman kepada pihak terlibat. Sesi ini telah dihadiri oleh PBK Bahagian Transformasi & Perancangan Korporat, PBK Perancangan & Pemantauan serta semua staf yang terlibat.



Ucapan oleh Encik Eizaaz & Encik Khalid.



Sesi menandatangani Sijil Pengesahan Semakan SOP.



Barisan staf hadir memberi sokongan dan menjayakan majlis.

**Sesi Mesyuarat Bersama Pegawai Arkib Negara untuk Membangunkan DDMS di FELCRA Berhad**

Objektif mesyuarat untuk mendapatkan info secara langsung daripada Pegawai Arkib Negara berkaitan prosedur pelaksanaan DDMS di agensi. Mesyuarat ini turut dihadiri oleh Bahagian MIS dan Bahagian Pentadbiran.



Sesi mesyuarat sedang diadakan.



Staf yang telah hadir memberi sokongan.

## Cawangan Perancangan Strategik




Lawatan Kerja ke Sime Darby Centre of Sustainability Carey Island.



Retreat Anaak Syarikat bersama Pengurusan Tertinggi.



Roadshow Transformasi ke Pejabat PBW Sabah.



Roadshow Transformasi ke Pejabat PBW Wilayah Utara.



Mesyuarat bersama FELCRA Properties dan Hotel SWISS-BELL.

# Kumpulan Transformasi dan Perancangan Korporat

## Bahagian Keselamatan Makanan

Bahagian Keselamatan Makanan diwujudkan dan berkuat kuasa pada 1hb Oktober 2022 melalui Pekeliling Modal Insan 03/2022 Penyusunan Semula Struktur Organisasi FELCRA Berhad SS (00-017) 223/2/2022(03) bertarikh 26hb September 2022. Bahagian Keselamatan Makanan berada di bawah Kumpulan Transformasi dan Perancangan Korporat FELCRA Berhad.

**Objektif Bahagian**

- Menyokong dan mensasarkan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021–2025 yang telah menetapkan teras strategi dan inisiatif bagi menjamin keselamatan makanan negara.
- Mengenal pasti strategi-strategi yang dapat menyumbang kepada kelestarian rantaian bekalan makanan.
- Memastikan kelestarian pengeluaran makanan terjamin terutama makanan ruji rakyat dengan mengambil kira perubahan iklim, peningkatan populasi, bencana, kekurangan sumber dan sekatan dagangan.

**Skop dan Tanggungjawab**

I. Menyelaras dan memantau pelaksanaan aktiviti yang melibatkan agro makanan seperti ternakan dan tanaman yang dilaksanakan oleh Anak Syarikat FELCRA Berhad.

II. Merangka perancangan strategik dan pemantauan pelaksanaan pembangunan industri agro makanan dan komoditi ruminan.

III. Menyelaras dan memantau akta, undang-undang dan pematuhan terhadap subsektor ternakan, tanaman dan lain-lain yang berkaitan.

IV. Menyediakan tawaran kontrak kepada anak syarikat-anak syarikat yang melaksanakan projek agro makanan dan lain-lain yang berkaitan.

V. Membuat bayaran dan pemantauan pelaksanaan projek mengikut tawaran dan peruntukan yang diperoleh.

VI. Menyediakan laporan bulanan kemajuan projek mengikut tawaran kontrak.

VII. Merupakan urus setia Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pemantauan Pelaksanaan Projek Ternakan Ayam Pedaging (Sistem Tertutup) FELCRA Berhad dan Mesyuarat bersama FELCRA Berhad dengan Perbadanan Setiausaha Kerajaan.

## PENCAPAIAN BAHAGIAN 2023

**i. Membaik pulih 12 kandang lembu Fidlot Plasma A**

Terdapat 12 daripada 14 buah kandang ternakan lembu Fidlot Plasma A yang telah dibaik pulih menggunakan peruntukan geran kerajaan. Kandang-kandang ini turut dilengkapi kemudahan dan kelengkapan jentera untuk keperluan dan kegunaan projek ternakan lembu. Kandang-kandang ini akan digunakan dan diusahakan sendiri oleh FELCRA Berhad melalui anak syarikat bagi menjana keuntungan dalam projek ternakan lembu.




12 Kandang Lembu Yang Telah Dibaik Pulih Menggunakan Peruntukan Kerajaan.

**ii. Projek Ternakan Lembu**

Rekod Stok Ternakan Lembu FELCRA Berhad Tahun 2023 diperoleh berdasarkan program Bancian (Headcount) yang telah dijalankan sepanjang bulan September hingga November 2023. Projek ternakan lembu ini dikategorikan kepada dua jenis, iaitu jenis Integrasi dan Fidlot. Selain itu, ia juga terbahagi kepada beberapa skim, iaitu skim EPP5, SPKR, RP1 RMK12, RP2 RMK12, RP3 RMK12, RP4 RMK11, Pawah (Manred) dan skim Pawah JPV. Jumlah ternakan lembu Integrasi adalah 1,860 ekor manakala lembu Fidlot berjumlah 495 ekor. FELCRA Berhad antara agensi atau syarikat yang berjaya melaksanakan projek ternakan lembu di Malaysia.

| Tahun | Jenis Lembu | Negeri | Kawasan | SKIM | Stok Akhir | Jumlah Keseluruhan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 2023 | Integrasi | Johor | FB Pogoh | EPP5 | 85 | 149 |
| | | | | SPKR | 21 | |
| | | | | RP4 RMK11 | 43 | |
| | | | FB Tebing Tinggi | Greenlot RP1 RMK12 | 160 | 160 |
| | | | FB Sg Melikai | EPP5 | 8 | 95 |
| | | | | SPKR | 6 | |
| | | | | RP4 RMK11 | 81 | |
| | | | FB Sri Mersing | SPKR | 164 | 164 |
| | | Sabah | FB Estet Pertama, Sandakan | Skim Pawah JPV Sabah | 22 | 143 |
| | | | FB Estet Pertama, Telupid | SPKR | 121 | |
| | | | | Skim Pawah JPV Sabah | 39 | 102 |
| | | | FB Telupid, Telupid | SPKR | 63 | |
| | | | | SPKR | 51 | 51 |
| | | | FB Estet Danum, Lahad Datu | SPKR | 279 | 279 |
| | | Sarawak | FB Samarahan (Kg Mang) | Skim Pawah (Manred) | 109 | 109 |
| | | | FB Samarahan (Empila) | | 106 | 106 |
| | | | FB Samarahan (Blok 2 PKT 1) | | 77 | 77 |
| | | Pahang | FB Pahang Tenggara RP2 RMK12 | RP2 RMK12 | 425 | 425 |
| | **Jumlah Lembu Integrasi** | | | | **1860** | **1860** |
| | Fidlot | Perak | Biovalley RP1 | RP1 RMK12 | 145 | 495 |
| | | | Biovalley RP3 | RP3 RMK12 | 350 | |
| | **Jumlah Lembu Fidlot** | | | | **495** | **495** |
| | **Jumlah Keseluruhan** | | | | **2355** | **2355** |

*Jadual 4: Rekod Stok Ternakan Lembu FELCRA Berhad Tahun 2023.*



Projek Ternakan Lembu Fidlot.



Projek Ternakan Lembu Integrasi.

**iii. Projek Ternakan Ayam**

Projek Ternakan Ayam Pedaging Sistem Tertutup Tanjung Seratus, Rompin, Pahang masih dalam status pembinaan. Dalam fasa 1, sebanyak 10 reban sedang dibina di lokasi tersebut dengan anggaran penghasilan pengeluaran sebanyak 300,000 ekor ayam sepusingan (setiap reban yang dibina akan memuatkan sebanyak 30,000 ekor ayam). Sehingga kini, lima reban telah siap dibina termasuk *installation* peralatan kompleks. Kapasiti dan anggaran penghasilan ayam dalam fasa 1 adalah seperti berikut:

- 1 reban = 30,000 ekor ayam
- 10 reban = 300,000 ekor ayam
- 1 tahun = 5 pusingan
- 1 tahun = 300,000 x 5
- Dianggarkan 1,500,000 ekor ayam akan dikeluarkan dalam setahun.





Projek Ternakan Ayam Pedaging Sistem Tertutup Tanjung Seratus, Rompin, Pahang.

## AKTIVITI BAHAGIAN 2023

Lawatan Dan Pemantauan Pengerusi FELCRA Berhad ke Lokasi Projek Ternakan Ayam Sistem Tertutup Di Tanjung Seratus, Rompin Pahang.









Mesyuarat Berkala Jawatankuasa Teknikal Dan Pemantauan Pelaksanaan Projek Ternakan Ayam Pedaging Sistem Tertutup FELCRA Berhad.





Penyampaian Pelan Pembinaan Projek Ternakan Lembu Daripada Pengurus Besar Keselamatan Makanan Kepada Pengurus Besar Kejuruteraan.





*Headcount* Projek Ternakan Lembu di Lokasi-Lokasi Kandang Ternakan Lembu FELCRA Berhad.





# Kumpulan Transformasi dan Perancangan Korporat

**Bahagian Bisnes Baru**

Selaras dengan aspirasi pelaksanaan agenda transformasi FELCRA Berhad, Bahagian Bisnes Baru bertanggungjawab untuk meneroka dan menceburi peluang bisnes baru yang boleh menjana pendapatan tambahan kepada syarikat serta memberi pulangan kepada warga peserta.

**Objektif Bahagian**

Melaksanakan urusan pembangunan bisnes baru bagi membantu syarikat dalam menjana pendapatan sampingan selain bisnes utama tanpa mengeluarkan sebarang kos modal dan operasi dengan aktiviti yang dapat menjana keuntungan kepada syarikat.

## PENCAPAIAN BAHAGIAN 2023

- Pengeluaran beras putih Super SST 5% jenama FELCRA pada 1 April 2023 bertempat di Masjid Tuminah Hamidi, Bagan Datuk, Perak.
- Memeterai kolaborasi di antara FELCRA Berhad dan FELCRA Bekalan & Perkhidmatan Sdn. Bhd. melalui pembangunan Agro Park Seberang Perak bagi penghasilan makanan haiwan ternakan seperti rumput minyak, napier dan jagung bijian.

## AKTIVITI BAHAGIAN 2023

**Pembangunan Industri Padi Beras**

FELCRA Berhad bertanggungjawab mengurus secara langsung sawah seluas 3,264 hektar untuk aktiviti penanaman padi di FELCRA Seberang Perak. FELCRA Berhad menjalinkan satu kolaborasi bersama Syarikat Kinta Sakura Sdn. Bhd. untuk menghasilkan produk beras berjenama FELCRA. Kerjasama ini dilihat sebagai satu pengembangan perniagaan kerana sebelum ini operasi dan model perniagaan tanaman padi di FELCRA Seberang Perak hanya memfokuskan jualan padi kepada pengilang-pengilang padi sahaja (aktiviti huluan sahaja). Lokasi pengilangan dan pembungkusan beras terletak di Langkap, Teluk Intan, Perak.


SUPER SPESIAL
TEMPATAN


FELCRA
SUPER SPESIAL
TEMPATAN


**Pembangunan Agro Park Seberang Perak**

FELCRA Berhad bekerjasama dengan FELCRA Bekalan & Perkhidmatan Sdn. Bhd. untuk membangunkan Agro Park.

Skop kerjasama ini akan tertumpu kepada aktiviti penanaman rumput napier, rumput minyak dan jagung bijian pada fasa pertama. Memasuki fasa kedua, komponen ternakan haiwan (ruminan) dan aktiviti penanaman kelapa mataq dan pandan akan ditambah di dalam model perniagaan.

















**Aplikasi Penggunaan Teknologi Solar di Bangunan-bangunan Milik FELCRA Berhad**
Projek ini merupakan satu usahasama di antara FELCRA Berhad bersama FELCRA Bekalan & Perkhidmatan Sdn. Bhd. untuk mengaplikasikan penggunaan teknologi solar melalui pemasangan panel solar di bangunan-bangunan milik FELCRA Berhad.

Kaedah usahasama ini dilaksanakan secara build, operate & transfer. Ringkasnya, melalui usahasama secara BOT, telah dipersetujui bahawa FELCRA Berhad tidak perlu mengeluarkan apa-apa kos untuk melaksanakan projek pemasangan panel solar ini.

Projek masih dalam perbincangan deraf perjanjian di antara FELCRA Berhad dan FELCRA Bekalan & Perkhidmatan Sdn. Bhd.











**Pembinaan dan Pembangunan Menara Telekomunikasi Selular 4G dan 5G di Aset Milik FELCRA Berhad.**

FELCRA Berhad melalui satu usahasama bersama BHPetrol Sdn. Bhd. berhasrat untuk membangunkan sebuah stesen minyak di atas tanah milik FELCRA.

Melalui kerjasama ini, FELCRA Berhad mampu mendapat pendapatan sampingan selain membuka peluang ekonomi kepada warga peserta FELCRA melalui usaha perniagaan dan peluang pekerjaan.

Selain itu, FELCRA Berhad dapat membantu meningkatkan tahap kemudahan asas kepada warga peserta FELCRA di sekitar kawasan penempatan peserta.

**Kolaborasi di antara FELCRA Berhad dan BHPetrol Sdn. Bhd. bagi Pembangunan Stesen Minyak**

FELCRA Berhad melalui satu usahasama bersama BHPetrol Sdn. Bhd. berhasrat untuk membangunkan sebuah stesen minyak di atas tanah milik FELCRA.

Melalui kerjasama ini, FELCRA Berhad mampu mendapat pendapatan sampingan selain membuka peluang ekonomi kepada warga peserta FELCRA melalui usaha perniagaan dan peluang pekerjaan.

Selain itu, FELCRA Berhad dapat membantu meningkatkan tahap kemudahan asas kepada warga peserta FELCRA di sekitar kawasan penempatan peserta.

# Kumpulan Transformasi dan Perancangan Korporat

**Bahagian FELCRA Teknologi**

**Objektif Bahagian**
FELCRA Teknologi ditubuhkan pada tahun 2020. Objektif penubuhan FELCRA Teknologi adalah melaksanakan realisasi Revolusi IR 4.0 dalam industri pertanian. Penggunaan teknologi seperti dron, Unmanned Ground Vehicle (UGV), Internet of Things (IoT), Machine Learning (ML), Artificial Intelligence (AI) dan lain-lain lagi dalam perladangan FELCRA Berhad telah banyak membantu dalam meningkatkan prestasi kerja perladangan.

## PENCAPAIAN BAHAGIAN 2023

FELCRA Teknologi telah memperoleh dana daripada peruntukan geran daripada Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) semenjak tahun 2021 sehingga 2024 dengan jumlah keseluruhan peruntukan sebanyak RM19,700,000 (Ringgit Malaysia Sembilan Belas Juta Tujuh Ratus Ribu Sahaja) bagi melaksanakan projek-projek berkaitan teknologi di kawasan padi, kelapa sawit dan tanaman-tanaman lain. FELCRA Berhad memperoleh pendapatan daripada caj pengurusan sebanyak RM1,970,000 (Ringgit Malaysia Satu Juta Sembilan Ratus Tujuh Puluh Ribu).




Rajah 1: Ringkasan geran RMK yang diluluskan kepada FELCRA Teknologi.

# AKTIVITI BAHAGIAN 2023

**Projek Penyemburan Racun Menggunakan Dron**

**1. Estet Padi**

Kerja-kerja penyemburan racun menggunakan dron telah dilaksanakan di kawasan estet padi semenjak tahun 2021 sehingga tahun 2024. Penyemburan racun menggunakan dron telah terbukti meningkatkan kadar efisiensi, pendapatan dan juga menjimatkan kos operasi FELCRA Berhad.

**2. Kelapa Sawit**

Kerja-kerja penyemburan racun menggunakan dron juga dilaksanakan di kawasan kelapa sawit. Penyemburan racun menggunakan dron telah terbukti meningkatkan kadar efisiensi, pendapatan dan juga menjimatkan kos operasi perladangan kelapa sawit FELCRA Berhad.




Kerja Penyemburan Racun Rumpai oleh Dron di FELCRA Berhad Seberang Perak.




Kerja Penyemburan Racun Rumpai oleh Dron di FELCRA Berhad Tebing Tinggi.

**Digital Mapping System**

Digital Mapping System ialah pusat data bagi kesemua pelan digital bagi setiap projek FELCRA Berhad di seluruh negara. Sistem ini menyimpan pelbagai jenis format pelan termasuk DTM, DSM, pelan ukur dan lain-lain lagi. Sistem ini menggantikan sistem konvensional yang digunakan oleh FELCRA Berhad selama ini. Antara kebaikan sistem ini meningkatkan kadar efisiensi kerja seperti memudahkan pihak FELCRA Berhad membuat rujukan dan menyimpan data.



Paparan Dashboard bagi Pelan Projek-projek FELCRA Behad Seluruh Negara.

**Dashboard Management System**
Dashboard Management System ialah satu sistem data berpusat yang memaparkan data berkaitan dengan hasil bagi setiap tahun bagi kelapa sawit, getah dan padi. Selain itu juga sistem ini menunjukkan prestasi hasil bagi setiap projek FELCRA Berhad seluruh negara. Antara kebaikan sistem ini ialah meningkatkan kadar efisiensi kerja seperti memudahkan pihak FELCRA Berhad membuat rujukan dan menyimpan data.

**Internet Of Things**
Teknologi Internet of Things (IoT) menggunakan sensor untuk mendapatkan data penting yang diperlukan seperti data hujan, data kesuburan tanah dan lain-lain lagi. Teknologi ini telah diguna pakai di beberapa buah projek FELCRA Berhad. Antara kebaikan teknologi IoT ialah meningkatan kadar efisiensi operasi perladangan.




Stesen Cuaca IoT di Pusat Penyelidikan dan Pembangunan FELCRA Berhad Nasaruddin.

**Latihan Staf**
FELCRA Teknologi juga turut menyediakan latihan berkaitan dengan teknologi baru seperti Internet of Things (IoT) dan dron. Peserta latihan bukan sahaja daripada kalangan staf FELCRA Berhad tetapi juga daripada kalangan peserta FELCRA Berhad.

**Perbincangan Teknologi Baru dan Mesyuarat Bulanan**
FELCRA Teknologi mengadakan pelbagai perbincangan dengan syarikat pembekal teknologi baru bagi mengenal pasti teknologi yang sesuai untuk operasi FELCRA Berhad.



Mesyuarat dengan pihak syarikat.

# Kumpulan Kewangan

- Bahagian Kewangan Komersial
- Bahagian Kewangan P&P
- Bahagian Pengurusan Bajet

# CARTA ORGANISASI PENGURUSAN KUMPULAN KEWANGAN

- Mohamed Ismi bin Abdul Majid
  **Pengurus Besar Kumpulan**
  - Mariah binti Husain
    **Pengurus Besar**
    **Bahagian Kewangan Komersial**
    - Hasnunyati binti Mohd Radzi
      **Pengurus Kanan**
      **Cawangan Akaun Syarikat**
    - Sharipah Fatahiah binti Syed Muhamad
      **Pengurus Kanan**
      **Cawangan Akaun Anak Syarikat**
    - Sazali bin Ismail
      **Pengurus Kanan**
      **Cawangan Sistem Kewangan**
    - (Kosong)
      **Pengurus Kanan**
      **Cawangan Aset Tetap & Cukai**
    - Niram Mazura binti Mohamed Baderi
      **Pengurus Kanan**
      **Cawangan Akaun Estet JV**
    - Noor Arzura binti Mad Aris
      **Pengurus Kanan**
      **Cawangan Akaun Estet FB**
    - Khairul Nizam bin Abu Hassan
      **Pengurus Kanan**
      **Cawangan Akaun Kilang**
  - Zamzuri bin Azul Islami
    **Pengurus Besar**
    **Bahagian Kewangan P&P**
    - Ida Rozita binti Mohd Taib
      **Pengurus Kanan**
      **Cawangan Kawalan Kewangan**
    - Mohammad Najib bin Miswan
      **Pengurus Kanan**
      **Cawangan Cawangan Akaun Projek**
  - Siti Fuziah binti Said
    **Pengurus Besar**
    **Bahagian Pengurusan Bajet**
    - Siti Aida binti Mohd Supian
      **Pengurus Kanan**
      **Cawangan Bajet Syarikat**
    - (Kosong)
      **Pengurus Kanan**
      **Cawangan Bajet Kerajaan**

## PENGENALAN KUMPULAN KEWANGAN

Kumpulan Kewangan diketuai oleh Pengurus Besar Kumpulan Kewangan. Terdapat tiga (3) Bahagian di bawah Kumpulan ini yang diketuai oleh Pengurus Besar Kewangan Komersial, Pengurus Besar Kewangan (P&P) dan Pengurus Besar Pengurusan Bajet.

Pada tahun 2023, Kumpulan Kewangan telah melaksanakan empat program, iaitu Program Pemantapan Sahsiah Diri Kumpulan Kewangan, Bengkel Pemantapan SOP Selaras dengan Perlaksanaan E-Invois Lembaga Hasil Dalam Negeri, Kerja Pengiraan "Physical Stocktake" serta Bengkel Penyediaan Bajet Kerajaan Rolling-Plan 4 (RP4).

**Visi dan Misi Kumpulan Kewangan**

1. **Pengurusan Kewangan**
   Mengurus operasi kewangan syarikat termasuk belanjawan, perakaunan dan pengauditan. Memastikan urus niaga kewangan, dasar dan prosedur memenuhi objektif perniagaan jangka pendek dan panjang organisasi serta dijalankan mengikut peraturan, prinsip perakaunan dan piawaian.

2. **Perancangan Strategik**
   Membangun dan melaksanakan strategi kewangan syarikat. Ini termasuk perancangan dan unjuran kewangan jangka panjang, pengurusan risiko dan strategi pelaburan.

3. **Pelaporan Kewangan**
   Mengawasi penyediaan dan pelaporan penyata kewangan bulanan dan tahunan. Memastikan pelaporan data kewangan utama tepat pada masanya dan kemas kini kepada Ketua Pegawai Eksekutif, Lembaga Pengarah dan pemegang kepentingan utama yang lain.

## AKTIVITI KUMPULAN 2023

**Bengkel Pemantapan SOP Selaras dengan Perlaksanaan E-Invois Lembaga Hasil Dalam Negeri**

Pada awal tahun 2023, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) telah mengumumkan pelaksanaan mandatori e-Invois bagi semua jenis perniagaan dan entiti bermula Jun 2024. Walau bagaimanapun, Perdana Menteri dalam Ucapan Bajet 2024 telah mengumumkan tarikh baru bagi pelaksanaan bermula pada Ogos 2024. E-Invois merupakan representasi dalam bentuk digital bagi transaksi yang dilaksanakan antara penjual dan pembeli. E-Invois menggantikan penggunaan dokumen kertas atau elektronik seperti dalam format PDF, JPEG, DOC dan lain-lain. Bagi memenuhi keperluan ini, FELCRA Berhad perlu membuat perubahan terhadap sistem kewangan yang diguna pakai ketika ini di semua peringkat. Sehubungan itu, Kumpulan Kewangan telah mengadakan Bengkel Pemantapan SOP selaras dengan pelaksanaan e-Invois Lembaga Hasil Dalam Negeri. Bengkel ini telah diadakan pada 6 dan 7 Disember 2023 di Hotel Lexis, Port Dickson. Seramai 24 orang staf telah menghadiri bengkel ini.



Pengurus Besar Kumpulan Kewangan Bersama staf kewangan di Hotel Lexis, Port Dickson.



Taklimat e-invois daripada konsultan cukai LHDN.

**Melaksanakan Kerja Pengiraan "Physical Stocktake" Bersama Juruaudit di Kilang Sawit FELCRA Bukit Kepong dan Sg. Melikai, Johor**

Aktiviti ini merupakan aktiviti tahunan yang akan dilaksanakan setahun sekali bersama juruaudit yang telah dilantik oleh Lembaga Pengarah FELCRA. Tujuan aktiviti ini dilaksanakan bagi menjalankan kerja-kerja pengiraan stok akhir Crude Palm Oil (CPO), Palm Kernel (PK), Buah Tandan Segar (BTS) dan alat ganti/inventori di kilang-kilang sawit yang terlibat. Bagi pengauditan tahun 2023, juruaudit KHR telah memilih dua (2) kilang, iaitu Kilang Sawit FELCRA Bukit Kepong dan Kilang Sawit FELCRA Sg. Melikai dan telah dilaksanakan pada 2 Januari 2024 yang lalu.



Kerja Pengiraan Stok Akhir bagi Crude Palm Oil (CPO), Palm Kernel (PK), Buah Tandan Segar (BTS) dan alat ganti/inventori di Kilang Sawit FELCRA Bukit Kepong.



Kerja Pengiraan Stok Akhir bagi Crude Palm Oil (CPO), Palm Kernel (PK), Buah Tandan Segar (BTS) dan alat ganti/inventori di Kilang Sawit FELCRA Sg. Melikai.

**Bengkel Penyediaan Bajet Kerajaan Rolling-Plan 4 (RP4) dan Bajet FELCRA Berhad**

Bengkel Penyediaan Cadangan Permohonan Program/Projek Pembangunan yang dianjurkan oleh pihak Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) bagi Rolling Plan Keempat Tahun 2024, RMKe-12 (RP4, RMKe-12) diadakan di Melaka dan Pulau Pinang. Objektif utama sesi bengkel ini adalah untuk membentangkan cadangan Program/Projek Pembangunan RP4 bagi tahun 2024 kepada bahagian penyelaras di Kementerian sebelum penyelarasan lanjut ke peringkat tertinggi Kementerian. Tujuan utama mesyuarat di Pulau Pinang adalah untuk pemurnian cadangan Program/Projek Pembangunan RP4 bagi tahun 2024 di peringkat tertinggi Kementerian dan memastikan projek-projek tidak bertindih antara agensi KKDW dan negeri.



Mesyuarat penyelarasan permohonan projek RP4 2024 antara agensi dan bahagian di bawah naungan KKDW di Pulau Pinang.



Bengkel penyediaan dan permohonan projek RP4 2024 bersama SUB KKDW di Melaka.

# Kumpulan Khidmat Pengurusan

- Bahagian Operasi Sumber Manusia
- Bahagian Strategik Sumber Manusia dan Integriti
- Bahagian Pentadbiran dan Fasiliti
- Bahagian Operasi Sistem Maklumat
- Bahagian Kejuruteraan

## CARTA ORGANISASI PENGURUSAN KUMPULAN KHIDMAT PENGURUSAN

Zulkhairi bin Abdul Rahim
**Pengurus Besar Kumpulan**

Aidatul Sima binti Mohd Sharif
**Pengurus Besar**
**Operasi Sumber Manusia**

- Norhaniza binti Alang
  **Pengurus Kanan**
  **Cawangan Pengurusan Sumber Manusia**
- Nurul Nazihah binti Hassan
  **Pengurus Kanan**
  **Cawangan Penggajian, Elaun & Kemudahan**

Wan Hasrena binti Wan Mohd Nor
**Pengurus Besar**
**Strategik Sumber Manusia & Integriti**

- Nor Afizah binti Abdullah
  **Pengurus Kanan**
  **Cawangan Pembangunan Sumber Manusia & HRIS**
- Harnida binti Anuar
  **Pengurus Kanan**
  **Cawangan Latihan & Kompetensi**

(Kosong)
**Pengurus Besar**
**Pentadbiran & Pengurusan Fasiliti**

- Mohd Shahrul Hafiz bin Mohd Ibrahim
  **Pengurus Kanan**
  **Cawangan Pengurusan Fasiliti**
- Sukriah binti A Mubin
  **Pengurus Kanan**
  **Cawangan Pentadbiran**

Mastura binti Mahmud Taridi
**Pengurus Besar**
**Operasi Sistem Maklumat**

- Nadia binti Ahmad
  **Pengurus Kanan**
  **Cawangan Keselamatan IT**
- Harmizi bin Abdullah @ Abd Halim
  **Pengurus Kanan**
  **Cawangan Aplikasi Teras**

Mohd Iskandar Budiman bin Md Ariff
**Pengurus Besar**
**Kejuruteraan**

- Mohd Azwan bin Abdul Aziz
  **Pengurus Kanan**
  **Cawangan Pembangunan Aset**
- Ahmad Wildan bin Mohamad
  **Pengurus Kanan**
  **Cawangan Projek Kerajaan**

(Kosong)
**Pengurus Kanan**
**Cawangan Perhubungan Perusahaan**

Azhar bin Ihsan
**Pengurus Kanan**
**Pengetua FB Centre of Excellence**

(Kosong)
**Pengurus Kanan**
**Cawangan Integriti**

(Kosong)
**Pengurus Kanan**
**Cawangan Infrastruktur & Komunikasi**

(Kosong)
**Pengurus Kanan**
**Cawangan Emerging Technology**

(Kosong)
**Pengurus Kanan**
**Cawangan Strategi & Pemantauan**

Mohd Issamruddin bin Muda
**Pengurus Kanan**
**Cawangan Infrastruktur Ladang**

Suhaimi bin Abd Hamid
**Pengurus Kanan**
**Cawangan Ukur Bahan**

(Kosong)
**Pengurus Kanan**
**Cawangan Kejuruteraan Mekanikal**

## PENGENALAN KUMPULAN KHIDMAT PENGURUSAN

**Objektif Kumpulan**

- Memastikan modal insan yang direkrut adalah berkelayakan, berkemahiran, berbakat serta memenuhi aspirasi syarikat.
- Melahirkan modal insan berprestasi tinggi, kompeten, berintegriti dan berdisiplin.
- Menambah baik kemudahan dan faedah perkhidmatan kepada staf.
- Menyediakan hala tuju pembangunan/ laluan kerjaya yang terbaik kepada staf.

**Visi**

Menjadi pemacu dalam pengurusan dan pembangunan modal insan yang berprestasi tinggi ke arah merealisasikan transformasi syarikat (P.R.I.D.E).

**Misi**

Memperkasa budaya kerja berprestasi tinggi, berintegriti dan berdisiplin bagi mencapai visi dan matlamat syarikat.

**Moto**

Staf cemerlang, berprestasi tinggi, berdisiplin dan berintegriti adalah keutamaan kami.

**Fungsi Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia**

- Perancangan Sumber Manusia & Pengambilan.
- Latihan, Pembelajaran & Pembangunan.
- Succession Planning.
- Pelan Penggantian.
- Faedah dan Kemudahan.
- Pengurusan Prestasi.
- Hubungan Pekerja/Hubungan Industri.
- Pengiktirafan dan Penghargaan.
- Budaya Organisasi.

# Kumpulan Khidmat Pengurusan

## Bahagian Operasi Sumber Manusia

**Objektif Bahagian**

- Memastikan Pengurusan FELCRA Berhad mempunyai struktur organisasi yang efektif untuk melaksanakan fungsinya dengan cekap dalam mencapai objektif yang ditetapkan, selaras dengan visi dan misi Syarikat secara amnya.
- Memastikan semua urusan perkhidmatan dilaksanakan secara teratur mengikut dasar dan peraturan yang ditetapkan.
- Menggalakkan budaya kerja yang positif sejajar dengan nilai dan matlamat Syarikat, termasuk mewujudkan persekitaran kerja yang menyokong dan kolaboratif, menggalakkan keseimbangan kerja – kehidupan dan mengiktiraf serta memberi ganjaran kepada staf.

**PENCAPAIAN BAHAGIAN 2023**

**Pencapaian Kenaikan Pangkat di FELCRA Berhad pada tahun 2023**

Jumlah Kenaikan Pangkat pada tahun 2023 melibatkan seramai 76 orang staf di FELCRA Berhad yang telah dinaikkan pangkat terdiri daripada pergerakan gred seperti berikut:

- Band 8 ke Band 9 = 3 orang
- Band 6 ke Band 7 = 3 orang
- Band 4 ke Band 5 = 10 orang
- Band 2 ke Band 3(A) = 4 orang
- Band 1 ke Band 2 = 3 orang
- A&T4 ke Band 1(A) = 1 orang
- A&T3 ke A&T4 = 52 orang




*Graf 11: Kenaikan pangkat Mengikut Kumpulan Kakitangan.*

## II. Jumlah Lantikan Baharu 2023




*Graf 12: Carta Lantikan Baru Mengikut Kumpulan Kakitangan.*

**Pencapaian Unit Penggajian, Elaun dan Kemudahan**

Agihan peratus Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) tahun 2023 adalah berdasarkan kepada Key Performance Indicator (KPI) atas dasar kuantum 2% dan minimum RM50. Staf yang layak, iaitu seramai 2,724 orang daripada 2,931 orang yang melibatkan implikasi kewangan berjumlah RM2,634,273.67/tahun, iaitu PGT RM2,241,935.04/tahun dan RM392,338.63/tahun bagi caruman KWSP. Bayaran PGT 2023 telah dibuat pada bulan September 2023. Butiran pengiraan PGT 2023 adalah seperti di bawah:




*Graf 13: Butiran Pengiraan Pergerakan Gaji Tahunan 2023.*

Bantuan perayaan bagi tahun 2023 diberikan kepada staf yang berjawatan tetap dan kontrak mengikut tempoh perkhidmatan seperti berikut:

- Staf yang berkhidmat lebih satu (1) tahun layak mendapat bantuan perayaan sebanyak RM1, 500.
- Staf yang berkhidmat antara tujuh (7) bulan hingga satu (1) tahun layak mendapat bantuan perayaan sebanyak RM700; dan
- Staf yang berkhidmat selama enam (6) bulan dan ke bawah layak mendapat bantuan perayaan sebanyak RM500.
- Bayaran telah dibuat pada bulan April 2023.
- Implikasi kewangan adalah seperti di bawah:

Pembayaran PGT 2023




*Graf 14: Implikasi Kewangan Bantuan Perayaan 2023 vs Jumlah Staf Mengikut Tempoh Bertugas.*

Gaji dan Emolumen bagi tahun 2023 mulai Januari sehingga Disember adalah seperti dalam rajah di bawah:

Pembayaran PGT 2023




**Nota:**
April - Bayar Bantuan Hari Raya
September - Bayar PGT 2023

*Graf 15: Gaji dan Emolumen Tahun 2023.*

Bagi Anugerah Khidmat Setia dari Januari hingga Disember 2023 seramai 215 orang staf telah menerima anugerah tersebut seperti berikut:

| Bulan | Tempoh Perkhidmatan | | | | Jumlah (RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| | 15 Tahun | 22 Tahun | 36 Tahun | Jumlah | |
| Januari | 30 | | | 31 | 60,000.00 |
| Februari | 11 | | 1 | 12 | 32,000.00 |
| Mac | 6 | | 2 | 8 | 32,000.00 |
| April | 5 | | | 5 | 10,000.00 |
| Mei | 7 | | 2 | 9 | 34,000.00 |
| Jun | 36 | | 1 | 38 | 82,000.00 |
| Julai | 11 | | 1 | 15 | 32,000.00 |
| Ogos | 14 | 4 | | 17 | 44,000.00 |
| September | 15 | 1 | 2 | 17 | 54,000.00 |
| Oktober | 8 | | 11 | 19 | 126,000.00 |
| November | 16 | | 7 | 24 | 102,000.00 |
| Disember | 17 | | 7 | 27 | 104,000.00 |
| **Jumlah** | **176** | **5** | **34** | **215** | **712,000.00** |

*Jadual 5: Anugerah Khidmat Setia 2023.*

## AKTIVITI KUMPULAN 2023

**Program Kenaikan Pangkat Penolong Eksekutif Kanan Perladangan Gred A&T4**
Program Kenaikan Pangkat jawatan Penolong Eksekutif Kanan Perladangan gred A&T4 ini berlangsung selama tiga (3) hari dari 17 Januari 2023 sehingga 19 Januari 2023 di Bilik Mesyuarat aras 5. Calon-calon temuduga dikehendaki untuk menjalani Ujian Bertulis yang telah disediakan oleh Kumpulan Perladangan dan Ujian Psikometrik yang telah disediakan oleh Unit Kaunseling sebelum menghadiri temuduga. Program temuduga kenaikan pangkat ini melibatkan seramai satu ratus enam puluh tujuh (167) orang calon yang terdiri daripada Penolong Eksekutif Perladangan gred A&T3.



Calon-calon temuduga sedang menjalani Ujian Bertulis yang telah dikendalikan oleh wakil daripada Bahagian Perladangan.



Ahli panel temuduga yang terlibat adalah Dato' Idris bin Lasim, Encik Azman bin Hussain, Puan Norlela binti Hamid, Puan Aidatul Sima binti Mohd Sharif serta Cik Nurhidayati Hannani binti Ahmad selaku setiausaha program.

**Program Kenaikan Pangkat Penolong Eksekutif Kanan Chargeman dan Penolong Eksekutif Kanan Foreman Gred A&T4**
Bahagian Operasi Sumber Manusia telah mengadakan temuduga kenaikan pangkat bagi jawatan Penolong Eksekutif Kanan Foreman dan Penolong Eksekutif Kanan Chargeman gred A&T4 yang berlangsung di Kilang Sawit FELCRA Berhad Seberang Perak, Kilang Sawit Maran dan Kilang Sawit FELCRA Berhad Sungai Melikai.



Ahli panel yang terdiri daripada Puan Aidatul Sima binti Mohd Sharif, Encik Shuhaimi bin Otok Lamak, Encik Mohammad Norhafizi bin Mohamed Yusof, Puan Norhaniza binti Alang dan Cik Nurhidayati Hannani binti Ahmad selaku setiausaha program.



Temuduga kenaikan pangkat Penolong Eksekutif Kanan Chargeman dan Penolong Eksekutif Kanan Foreman yang telah berlangsung di Kilang Sawit FELCRA Berhad Sungai Melikai, Johor.

**Taklimat Skim Perkhidmatan Insurans FELCRA Berhad Bersama Etiqa Malaysia**

Bahagian Operasi Sumber Manusia bersama-sama dengan FELCRA Bekalan telah mengadakan road-show mengenai Taklimat Skim Perkhidmatan Insurans FELCRA Berhad bersama Etiqa Malaysia. Ia melibatkan sebanyak lapan (8) wilayah, iaitu Ibu Pejabat, Sabah, Sarawak, Timur, Utara, Pahang, Johor dan Tengah.



Encik Zulkhairi bin Abdul Rahim sedang memberikan ucapan alu-aluan berkenaan Taklimat Skim Perkhidmatan Insurans FELCRA Berhad di Wilayah Sarawak bersama Etiqa Malaysia.



Taklimat Skim Perkhidmatan Insurans FELCRA Berhad bersama Etiqa Malaysia di Wilayah Sabah.

# Kumpulan Khidmat Pengurusan

## Bahagian Strategik Sumber Manusia Dan Integriti

**Objektif Bahagian**

- Meningkatkan produktiviti, prestasi pekerja serta meningkatkan kepuasan bekerja dan kesejahteraan suasana kerja.
- Memastikan staf mempunyai kemahiran, pengetahuan dan sikap yang sejajar dengan perniagaan Syarikat.
- Meningkatkan kesedaran mengenai hak dan obligasi menerusi akta yang berkaitan, peraturan dan kelakuan tatatertib FELCRA Berhad serta polisi yang berkuatkuasa kepada semua lapisan staf.
- Memartabatkan FELCRA Berhad Centre of Excellence (FBCOE) sebagai tempat latihan yang berdaya saing dan maju serta mengoptimum sumber latihan sedia ada.

**PENCAPAIAN BAHAGIAN 2023**

**Pembangunan Sumber Manusia dan HRIS**

- Menaiktaraf proses pengambilan pekerja menggunakan sistem e-Kerja.
- Menaik taraf bilik P.R.I.D.E. dengan fasiliti dan kelengkapan yang baharu.

**Latihan dan Kompetensi**

- Mengadakan 228 program melebihi perancangan program sebanyak 210 program merangkumi Kluster Kepimpinan, Berimpak Tinggi, Pembangunan Kompetensi dan Insaniah Personaliti Diri.
- Penglibatan 2 program bersama dengan HRDCorp bagi Minggu Latihan Kebangsaan 2023.
- Selesai Kursus Induksi Umum bagi kemasukan staf baharu 2023.
- Program Talent Pool bagi penyediaan successor, iaitu pemimpin atau ketua untuk menggantikan jawatan-jawatan penting dan tinggi. Nama program yang dijalankan dibahagi kepada dua (2) kategori, iaitu:

i. Mision Critical Position (MCP) dan Functional Critical Position (FCP) terdiri daripada staf Band 5 hingga Band 8. Antara program yang telah berjaya dilaksanakan adalah seperti berikut:
   - Future Leadership Challenge.
   - High Impact Presentation.
   - English for Better Communication and Confidence.
   - Leaders On-Board.
   - English At Work.
   - Leading Corporate Culture.
   - Team Dynamics.

ii. Emerging Leadership Program (ELP) dan Young Talent Program (YTP) terdiri daripada staf Band 3(A) hingga Band 4. Antara program yang telah berjaya dilaksanakan adalah seperti berikut:
   - Take Charge Leading Impact.
   - Leading with Effective Communication.
   - Personal Empowerment for Organisational Excellence.
   - Leadership Interpersonal Communication and Conflicts Management.
   - Coaching and Mentoring.

**Perhubungan Perusahaan**

- Melaksanakan program Outreach bersama staf-staf di 8 Pejabat FELCRA Berhad Wilayah dengan tujuan memberi kesedaran berkaitan prosedur dan peraturan tatatertib FELCRA Berhad.
- Berjaya melaksanakan Domestic Inquiry (DI) bagi kes-kes salah laku dan sebagainya.
- Panel-panel Domestic Inquiry (DI) diberikan latihan yang sewajarnya berkaitan proses siasatan dalaman dijalankan.

**FELCRA Berhad Centre Of Excellent (FBCOE)**

- Kelima-lima dewan kursus telah siap sepenuhnnya dengan kemudahan latihan yang kondusif untuk melaksanakan kursus serta program-program FELCRA Berhad.
- Kemudahan sukan dan rekreasi telah 50 peratus siap bagi peserta-peserta kursus beriadah.
- Bilik OKU telah siap sepenuhnya bagi peserta kursus yang kurang upaya atau sakit.
- Bilik-bilik penginapan yang selesa dan boleh digunakan sepenuhnya.

## AKTIVITI BAHAGIAN 2023

### 1. Pembangunan Sumber Manusia Dan Hris

**Penaiktarafan Bilik P.R.I.D.E**

- Bilik P.R.I.D.E. merupakan singkatan yang merujuk kepada Prestasi, Responsif, Intergriti, Disiplin dan Etika yang telah dirasmikan pada 4 September 2023 oleh Pengarah Hal Ehwal Peserta, Encik Mohammad bin Ab Rahman.
- Bilik ini dilengkapi 27 komputer up to date beserta Wi-Fi yang telah dinaiktaraf bagi kemudahan staf untuk mengadakan kursus dalaman (in house) secara percuma. Proses tempahan bilik boleh dibuat di Cawangan HRD & HRIS.

**HR Digital**

- e-Kerja (Sistem Jawatan Kosong)
  - Sistem pengisian jawatan kosong untuk memudahkan urusan pengambilan kerja ke dalam FELCRA Berhad.
  - Memudahkan permohonan dengan mengisi segala maklumat melalui web tanpa perlu menggunakan pos ataupun secara walk-in.

- e-Lapor Diri
  - Memudahkan pertukaran lokasi bertugas seperti perpindahan cawangan dalam satu bahagian yang sama atau kenaikan pangkat atau kemasukan anak syarikat ke bahagian induk.
  - Pemakluman pemindahan dapat diakses oleh pihak HR dengan mudah melalui sistem ini untuk mengetahui laporan terkini keputusan perpindahan seperti tarikh perpindahan dari lokasi bertugas yang lama ke yang baharu ataupun alasan-alasan yang dinyatakan sekiranya staf tidak dapat berpindah atau menolak kenaikan pangkat.

- e-HR KPI
  - Sistem ini juga dilengkapi dengan soalan yang perlu ditanda di dalam ruangan kotak Ya atau Tidak untuk penilaian dilaksanakan.
  - Penyelarasan skop kerja bagi 3 jawatan, iaitu Pembantu Khas, Penolong Eksekutif Pentadbiran A&T3 dan Pemandu dan ke bawah bagi pemudah cara untuk pihak atasan menyelia dan menyemak sama ada para staf dapat memenuhi skop kerja dan mencapai KPI yang telah ditetapkan.

### 2. Latihan dan Kompetensi

**Antara kursus utama yang telah dijalankan sepanjang 2003 seperti:**

- Kursus Pemantapan Kemahiran Penolong Eksekutif Kanan Pentadbiran sebanyak 5 Siri.
- Kursus komunikasi berkesan di tempat kerja sebanyak 4 siri.
- Kursus Microsoft Office - level beginner, intermediate and advance - (Excel, Word, Powerpoint) - 8 siri.
- Talent Pool Program.
- Kursus Avenza dan Bicara Psikologi di minggu latihan kebangsaan.

**Analisis Penglibatan Kakitangan FELCRA di dalam kursus-kursus yang dianjurkan:**

- Penyertaan staf menghadiri kursus 2023
  - Jumlah staf yang dipanggil kursus: 10,687 orang staf.
  - Jumlah staf yang hadir: 9,248 orang staf (86.53%).




| | Jan | Feb | Mac | Apr | Mei | Jun | Jul | Ogos | Sept | Okt | Nov | Dis |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Jumlah Staf | 3015 | 3016 | 3013 | 3002 | 2978 | 2967 | 2965 | 2948 | 2948 | 2913 | 2898 | 2896 |
| Jumlah Staf Yang Dipanggil | 660 | 554 | 1559 | 1111 | 797 | 622 | 1072 | 674 | 828 | 1350 | 1020 | 440 |
| Jumlah Staf Menghadiri Kursus | 619 | 460 | 1259 | 1061 | 689 | 490 | 813 | 553 | 702 | 1268 | 935 | 381 |
| Jumlah Staf Tidak Hadir | 41 | 94 | 300 | 50 | 108 | 132 | 259 | 121 | 108 | 82 | 85 | 59 |

*Graf 16: Graf Kehadiran Berkursus Staf FELCRA 2023.*

- Kekerapan Staf FELCRA menghadiri kursus pada 2023




*Graf 17: Kekerapan Kehadiran Staf FELCRA menghadiri kursus.*

- Keaktifan Staf FELCRA menghadiri kursus pada 2023
  - 2,274 adalah jumlah staf yang hadir berkursus sekurang-kurangnya 1 kursus.
  - 104 adalah jumlah staf yang telah dipanggil tetapi tidak hadir berkursus.
  - 518 adalah jumlah staf belum dipanggil berkursus.




*Graf 18: Keaktifan Staf FELCRA menghadiri kursus.*

**Penglibatan FELCRA Berhad dalam Minggu Latihan Kebangsaan Anjuran HRD Corp**

- **Kursus Pemantauan Ladang dengan Aplikasi Mobile Avenza**
  Tenaga Pengajar: En. Abdul Annas bin Mohd Shrif, Ketua Bahagian Perladangan FELCRA Berhad Wilayah Johor
  Penglibatan: 25 orang (staf dalaman dan jemputan luar)



- **Program Bicara Psikologi Secara Atas Talian: Mencipta Bahagia dalam Pekerjaan**
  Tenaga Pengajar: Puan Nurhidayatee binti Haji Rusli
  Penglibatan: 68 orang kehadiran dari seluruh Malaysia




- **Penghargaan daripada HRD Corp setelah selesai Minggu Latihan Kebangsaan**



### 3. Program Cawangan Perhubungan Perusahaan

**Induksi Umum**
- Pembentangan Fungsi Cawangan Perhubungan Perusahaan, Prosedur Tatatertib FELCRA Berhad, Akta Kerja 1955 (Pindaan 2022) & Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (Pindaan 2020).

**Outreach Program**
- Pembentangan Fungsi Cawangan Perhubungan Perusahaan, Prosedur Tatatertib FELCRA Berhad, Akta Kerja 1955 (Pindaan 2022) & Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (Pindaan 2020) dan Gangguan Seksual di Tempat Kerja.

**Kursus Pemantapan Penolong Eksekutif Kanan (Pentadbiran)**
- Pembentangan Fungsi Cawangan Perhubungan Perusahaan, Prosedur Tatatertib FELCRA Berhad, Akta Kerja 1955 (Pindaan 2022) & Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (Pindaan 2020).
- Bengkel Pemantapan Peningkatan Kualiti Pengurusan
- Prosedur Tatatertib FELCRA Berhad

### 4. FELCRA Berhad Centre Of Excellent (FBCOE)
- Kursus Induksi Siri 17-2023 (KKS: 235/23)
  - Kursus ini berlangsung selama 6 hari bermula pada tarikh 29/10/2023 sehingga 3/11/2023.

- Mesyuarat Agong KPR FELCRA Gugusan Tebing Tinggi
  - Mesyuarat ini berlangsung dalam 1 hari sahaja pada tarikh 5/11/2023.

- Sukan TKA FELCRA Berhad Kawasan Tebing Tinggi
  - Program sukan ini berlangsung dalam 1 hari sahaja pada tarikh 9/11/2023.

- Kursus Asas Getah Siri 2/2023 (KKS: 264/23)
  - Kursus ini berlangsung selama 4 hari bermula pada tarikh 20/11/2023 sehingga 23/11/2023.

- Kursus Pemantapan Pen. Eks. Kanan Pentadbiran Siri 4/2023 (KKS: 273/23)
  - Kursus ini berlangsung selama 3 hari bermula pada tarikh 28/11/2023 sehingga 30/11/2023.

- Maklumat Kapasiti Kemudahan di FBCOE

| Bil | Jenis Dewan | Kapasiti Theatre | Kapasiti Classroom | Status |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Cempaka | 80 | 40 | Boleh Digunakan |
| 2 | Bunga Raya | 100 | 60 | Boleh Digunakan |
| 3 | Mawar | 50 | 30 | Boleh Digunakan |
| 4 | Anggerik | 60 | 40 | Boleh Digunakan |
| 5 | Rimba (Terbuka) | 200 | 100 | Boleh Digunakan |
| 6 | Tanjung (Dwi Fungsi) | 100 | 80 | Boleh Digunakan |
| | | 590 Orang | 350 Orang | |

*Jadual 6: Kapasiti Dewan Kuliah.*

| Bil | Jenis Dewan | Kapasiti | Status |
|---|---|---|---|
| 1 | Teratai | 100 | Boleh Digunakan |
| 2 | Tanjung (Dwi Fungsi) | 130 | Boleh Digunakan |
| | | 230 Orang | |

| Bil | Jenis Surau | Kapasiti | Status |
|---|---|---|---|
| 1 | Dahlia | 100 | Boleh Digunakan |
| 2 | Kekwa | 3 | Bilik OKU |
| | | 203 Orang | |

*Jadual 7: Kapasiti Dewan Makan dan Surau.*

| Bil | Jenis Bilik | Kapasiti/Unit | Unit | Jumlah Kapasiti |
|---|---|---|---|---|
| 1 | VVIP (1 Orang) | 1 | 1 | 2 |
| 2 | VIP (2 Orang) | 2 | 2 | 4 |
| 3 | Bilik Berdua | 2 | 14 | 28 |
| 4 | Bilik Bertiga | 3 | 8 | 24 |
| 5 | Bilik Berempat | 4 | 10 | 40 |
| 6 | Bilik OKU | 3 | 1 | 3 |
| 7 | Dorm | 10 | 16 | 160 |
| | | | 53 Bilik | 261 Orang |

*Jadual 8: Kapasiti Kemudahan Penginapan.*

[redacted]

*Jadual 9: Rekod Pelaksanaan Program.*

## Induksi Umum 2023

















## Kursus Komunikasi Berkesan di Tempat Kerja 2023





## Kursus Powerpoint 2023







## National Training Week (FB with HRDCorp)












# Kumpulan Khidmat Pengurusan

## Bahagian Pentadbiran Dan Fasiliti

**Objektif Bahagian**
Mewujudkan sebuah cawangan yang berkhidmat dengan cekap, cepat dan berkesan dengan menyediakan persekitaran yang kondusif, selamat dan menyakinkan serta penyelenggaraan secara berjadual bangunan dan aset milik penuh FELCRA Berhad.

**PENCAPAIAN BAHAGIAN 2023**

- Menaik taraf Sistem Pengurusan Masa Bio-Metrik dengan Wajah (TMS Bio-Face)
  - Bermula 1 September 2023, sistem pengurusan masa di Wisma FELCRA telah dinaik taraf kepada TMS Bio-Face.
  - 10 mesin TMS Bio-Face telah dipasang di Wisma FELCRA.

- Menaik taraf dan membaik pulih kemudahan fasiliti di Kolej FELCRA, Bandar Baru Seberang Perak, Changkat Lada Mukim Pasir Salak, Kampung Gajah, Perak.
  - Kerja menaik taraf tandas asrama perempuan.
  - Membina dan menyiapkan bilik tandas asrama lelaki.

- Kerja-kerja mereka bentuk, membina, menyiap dan membaiki kerosakan struktur lantai fasa 2 (Jajaran 3-6 ) Gudang Baja FELCRA Berhad.
  - Kerja konkrit pile cap, ground beam, slab di bay 3.
  - Kerja pemasangan rain water down pipe bahagian dalam di bay 4 & 5.
  - Pembekalan & pemasangan brc untuk slab di bay 3.
  - Kerja pemasangan box culvert.
  - Kerja konkrit column bay 6, 5 dan 4.
  - Kerja-kerja pemasangan pintu TNB.

- Taklimat skim perkhidmatan (road tour) Insurans Kumpulan FELCRA Berhad di setiap wilayah.
  - 14-15/0/2023 – Wilayah Sarawak
  - 23/10/2023 – Wilayah Tengah
  - 24/10/2023 – Wilayah Johor
  - 25/10/2023 – Wilayah Pahang
  - 30/10/2023 – Wilayah Perak
  - 31/10/2023 – Wilayah Utara
  - 29-30/11/2023 – Wilayah Timur & Kelantan
  - 23-25/12/2023 – Wilayah Sabah

- Menyelesaikan 9 kes tuntutan insurans harta benda yang tertunggak pada tahun 2021, 2022 & 2023.
  - Tahun 2021 – 3 kes
  - Tahun 2022 – 2 kes
  - Tahun 2023 – 4 kes

- Kerja-kerja menaik taraf, membekal dan membaik pulih lampu jalan (street lighting) di bangunan Wisma FELCRA, Jalan Rejang, Setapak Jaya, Kuala Lumpur.
  - Kerja-kerja penukaran lampu yang rosak dan penggantian lampu spotlight led 150watt, kod warna (6500k daylight) menggunakan skylif.
  - Kerja-kerja pemecahan jalan dan penutupan semula, new underground cable untuk 1 tiang.
  - Kerja-kerja penarikan kabel di laluan longkang menggunakan (hdpe pipe) untuk (underground cable) dan diikat menggunakan steel belt.
  - Kerja-kerja penukaran MCB 6A dan neutral link di setiap tiang lampu dilakukan.
  - Kerja-kerja pemasangan baru penutup

lampu jalan yang hilang.
  - Kerja-kerja penukaran timer baru untuk 2 panel.

- Menaik taraf dan mengubah suai Bilik Latihan Komputer Aras G (Bilik P.R.I.D.E).
- Kerja- kerja membekal, menghantar, memasang dan mentauliah set LED Dislay bagi Auditorium Wisma FELCRA Berhad.
- Membekal dan menggantikan pintu rintangan api 2 daun dan 1 daun, membaikpulih pintu kaca dan membaikpulih kebocoran di Bahagian Perladangan Wisma FELCRA.
- Kerja-kerja pembekalan dan pemasangan Café Wet Chemical di Kafeteria Wisma FELCRA.
- Kerja-kerja menaik taraf dan pembaikan major sistem hawa dingin berpusat chiller di bangunan Wisma FELCRA.
- Membuat pembersihan shell tube, menukar oil filter spring filter, menukar transducer sensor dan menukar access valve refrigerant
- Membekal dan memasang karpet di bilik Pengerusi FELCRA Berhad, bilik Ketua Pegawai Eksekutif serta lain-lain bilik yang berkaitan di Aras 6, Bangunan Wisma FELCRA.
- Menaik taraf tandas lelaki di Auditorium Wisma FELCRA.

# Kumpulan Khidmat Pengurusan

## Bahagian Operasi Sistem Maklumat

**Objektif Bahagian**

- Membangun dan mengurus selia pengurusan ICT yang berkesan sebagai input kepada pihak pengurusan dalam menggubal dasar dan mengatur strategi.
- Merancang keperluan bisnes dan ICT yang melibatkan pengguna, rangkaian dan keselamatan, peralatan ICT, aplikasi dan data, pengurusan maklumat serta pembudayaan digital.
- Mengaplikasi dan memanfaatkan insentif program ICT secara menyeluruh.

**PENCAPAIAN BAHAGIAN 2023**

- Keterjaminan Operasi Kritikal ICT
    - 15 program naik taraf, perolehan perkakasan/perkhidmatan untuk kesinambungan perkhidmatan ICT.
    - Perkhidmatan baik pulih ICT.
    - 2 program sewaan laptop untuk Ibu Pejabat dan Pejabat Wilayah.
    - 7 program bekalan ICT di Ibu Pejabat dan 6 Pejabat Wilayah.
    - 2 program peningkatan keselamatan siber melalui pelaksanaan antivirus generasi baru dan pengurusan firewall.

- Pengukuhan Perkakasan dan Rangkaian di Pejabat Wilayah, Kawasan, Kilang, Estet
    - 8 Program pengurusan alat ganti ICT untuk Ibu Pejabat/Wilayah dan Pejabat Kawasan.
    - Naik taraf peralatan rangkaian 1 program di Ibu Pejabat dan 4 program di Pejabat Wilayah (menggabungkan program di Pejabat Kawasan dan Estet).
    - 1 Program naik taraf penggunaan VSAT versi baru bagi Pejabat Kawasan terpilih.
    - 1 Program pengukuhan rangkaian (wifi) untuk memudahkan akses oleh semua pengguna.

- Penaiktarafan dan peluasan aplikasi berimpak tinggi
    - 4 program naiktaraf aplikasi teras bagi menyokong keperluan bisnes.
    - 6 pembangunan sistem baru melalui Inisiatif HR Digital.
    - 1 pembangunan sistem baru menyokong program transformasi Digital Kumpulan Perkilangan.
    - 1 pembangunan sistem baru untuk Kumpulan Perolehan.

- Pengukuhan Sistem Penyampaian
    - 1 Program pemantapan Help desk.
    - 1 Program pemerkasaan penggunaan emel dalam kalangan pengguna.

## AKTIVITI BAHAGIAN 2023

**WIFI Wisma FELCRA**
Menyediakan wifi ke seluruh bangunan Wisma FELCRA.



Heatmap ARAS G.



Heatmap ARAS 1.



Heatmap ARAS 2.



Heatmap ARAS 3.



Heatmap ARAS 4.



Heatmap ARAS 5.



Heatmap ARAS 6.

**Procurehere**
Menyediakan platform elektronik yang membolehkan pembekal menawarkan produk dan perkhidmatan kepada syarikat.



UAT eProcurehere.




Sistem Procurehere.

**VSAT: Starlink Di Pejabat Kawasan**
Menyediakan perkhidmatan Internet satelit berkelajuan tinggi, latensi rendah dan liputan luas kepada Pejabat Kawasan, Estet FELCRA terpilih dan FBCOE.



Pemasangan Starlink di Pejabat Kawasan.

## FIMIS

Pemerkasaan perkhidmatan digital melalui aplikasi online untuk pengurusan data operasi di setiap Kilang Sawit FELCRA.



UAT FIMIS.

## HR Digital

Pemerkasaan perkhidmatan digital melalui pembangunan sistem secara modular bagi menggantikan proses manual kepada digital agar lebih sistematik dan dicapai oleh semua pengguna tanpa limitasi geografi.



eLAPOR DIRI.




eKERJA.




eKPI 2023.

# Kumpulan Khidmat Pengurusan

## Bahagian Kejuruteraan

**Misi**
Memberikan perkhidmatan berkaitan kejuruteraan awam dan mekanikal yang efektif dan efisien kepada semua pelanggan dari aspek masa, kos dan kualiti kerja.

**Visi**
Memberi perkhidmatan pengurusan projek awam dan mekanikal kepada FELCRA Berhad serta Kementerian dan Agensi Kerajaan Malaysia.

### AKTIVITI BAHAGIAN 2023

**Program Jalan Masuk Ladang**

- Program jalan masuk ladang merupakan salah satu program yang telah dimohon oleh Bahagian Kejuruteraan FELCRA Berhad melalui RMK ke-12 RP3 bagi tahun 2023.
- Kebanyakan jalan masuk ladang di kawasan-kawasan FELCRA Berhad telah lama digunakan dan tiada kerja baik pulih yang bersepadu dilaksanakan kerana melibatkan kos yang besar. Pembaikan jalan masuk ladang FELCRA perlu dilakukan kerana terdapat banyak kerosakan pada jalan tersebut sama ada berlubang, putus, tidak rata serta runtuh. Terdapat juga jalan-jalan ladang yang baru perlu dilaksanakan segera disebabkan beberapa faktor antaranya pembukaan projek baru mahupun terdapat sebarang halangan pada jalan lama yang digunakan.
- Kerja-kerja pembinaan baru, naik taraf atau baik pulih jalan masuk ladang sedia ada perlu dilaksanakan agar tidak menjejaskan operasi perladangan dan untuk menjamin keselamatan pihak kawasan/pekerja ladang.
- Antara komponen pembinaan jalan masuk ladang FELCRA Berhad yang selalu terlibat ialah jalan, longkang, pembentung, jambatan, papan tanda jalan, bonggol serta kerja-kerja "preventive maintenance of road" (PMR).



Sebelum baik pulih.



Selepas baik pulih.



Sebelum baik pulih.



Selepas baik pulih.



Contoh Jalan Konkrit.

**Jalan Perhubungan Desa (JPD)**

- Program Jalan Perhubungan Desa (JPD) FELCRA tahun 2023 merupakan program di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW). KKDW telah melantik FELCRA Berhad sebagai agensi pelaksana dan pembayar bagi program tersebut. Program JPD ini tidak tertakluk di kawasan FELCRA Berhad sahaja tetapi turut melibatkan kawasan penempatan penduduk luar bandar di seluruh MALAYSIA.
- Projek JPD telah dilaksanakan oleh KKDW sejak tahun 1981. Tujuan projek ini adalah untuk menyediakan jalan-jalan perhubungan yang menyambungkan antara sesebuah kampung dengan kampung yang lain atau menghubungkan kampung tertentu dengan jalan raya utama.
- Projek ini disasarkan untuk memberi keselesaan perhubungan dan jaringan jalan kepada masyarakat luar bandar seterusnya dapat meningkatkan kualiti, taraf hidup serta indeks akses perhubungan kepada mereka.
- Antara komponen pembinaan jalan masuk ladang FELCRA Berhad yang selalu terlibat ialah jalan, longkang, pembentung, jambatan, papan tanda jalan, bahu jalan, perabot jalan (seperti papan tanda) dan peralatan keselamatan pengguna jalan (seperti road hump/ bonggol,guard rail/penghadang sisi jalan dan pejalan kaki).

**Program Ameniti Sosial (PAMS)**

- Program Ameniti Sosial (PAMS) FELCRA tahun 2023 merupakan program di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW). KKDW telah melantik FELCRA Berhad sebagai agensi pelaksana dan pembayar bagi program tersebut. Program PAMS ini tidak tertakluk di kawasan FELCRA Berhad sahaja tetapi turut melibatkan kawasan penempatan penduduk luar bandar di seluruh MALAYSIA.
- Projek PAMS telah dilaksanakan oleh KKDW sejak tahun 1981. Tujuan projek ini adalah untuk menyediakan kemudahan seperti dewan terbuka, jambatan, longkang, pagar, baik pulih surau dan masjid serta jeti.
- Projek ini disasarkan untuk memberi keselesaan perhubungan dan jaringan jalan kepada masyarakat luar bandar seterusnya dapat meningkatkan kualiti, taraf hidup serta indeks akses perhubungan kepada mereka.

**Bekalan Air Luar Bandar (BALB)**

- Kerja-kerja yang terlibat dalam program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) adalah seperti berikut:
    - Kerja-kerja awalan.
    - Kerja-kerja pengukuran.
    - Kerja-kerja "pipe jacking".
    - Kerja-kerja pipe Work & S Bend".
    - Kerja-kerja "fitting,valves and joints".
    - Kerja-kerja "Miscellaneous Work".
    - Kerja-kerja penyambungan kepada pelanggan.
- Projek ini memberi manfaat kepada rumah di kampung yang terlibat untuk menerima bekalan air bersih dengan penyambungan kekal daripada pihak yang berkaitan, contohnya Syarikat Air Darul Aman (SADA).



Contoh Kerja-kerja Pembinaan Rumah Pam.

**Infra Sawah**

- Infra sawah (Tersier) FELCRA Berhad merupakan sistem tali air yang menggabungkan antara satu sama lain. Ini bertujuan supaya kadar pengaliran air lebih cepat, lancar dan sempurna. Di samping dapat meningkatkan penghasilan, sekali gus merancakkan ekonomi dan meningkatkan pendapatan penduduk setempat.
- Kebanyakan infra sawah (Tersier) FELCRA Berhad sudah lama digunakan dan terdapat pelbagai jenis kebocoran berlaku serta saliran yang sempit dan amat memerlukan kerja-kerja bina baru/ naik taraf/selenggara dengan segera agar tidak menjejaskan aktiviti harian di sawah.
- Antara komponen pembinaan yang dicadangkan adalah seperti:
  - Menukar parit saliran lama kepada yang baru (U-drain system).
  - Menukar saiz saliran kepada yang lebih sesuai (besar) dengan keperluan tanaman.
  - Mengguna pakai spesifikasi yang telah ditetapkan.




U-Drain System.




Kerja-kerja mengorek untuk persiapan pemasangan U-Drain System.





U-Drain System yang telah siap dipasang.

# Kumpulan Hal Ehwal Peserta dan Komunikasi

- Bahagian Pengurusan Sumber Sosioekonomi Peserta
- Bahagian Pengurusan dan Perhubungan Peserta
- Bahagian Pengurusan Institusi
- Bahagian Pengurusan Keusahawanan
- Bahagian Pengurusan Informasi Peserta
- Bahagian Pengurusan Tanah dan Ukur
- Bahagian Komunikasi Korporat
- Yayasan FELCRA

# CARTA ORGANISASI PENGURUSAN KUMPULAN HAL EHWAL PESERTA DAN KOMUNIKASI

Mohamad bin Ab Rahman
**Pengurus Besar Kumpulan**

- Dina Alfa binti Arund
  **Pengurus Besar** Bahagian Pengurusan Sumber Sosioekonomi Peserta
  - Abdul Khalil bin Abd Ghaffar — **Pengurus Kanan** Cawangan Hal Ehwal Komersial
  - (Kosong) — **Pengurus Kanan** Cawangan Bisnes Bersepadu
- Muhammad Anuar bin Zamali
  **Pengurus Besar** Bahagian Pengurusan dan Perhubungan Peserta
  - (Kosong) — **Pengurus Kanan** Cawangan Kesejahteraan Peserta
  - (Kosong) — **Pengurus Kanan** Cawangan Perumahan Peserta
  - Azhaniza binti Jamaludin — **Pengurus Kanan** Cawangan Khidmat Peserta
- (Kosong)
  **Pengurus Besar** Bahagian Pengurusan Institusi
  - Anis Zafirah binti Mat Roni — **Pengurus Kanan** Cawangan Pembangunan Modal Insan
  - Mohd Fairuz bin Saruji — **Pengurus Kanan** Cawangan Pembangunan Koperasi
  - Fadilatulusrah binti Othman — **Pengurus Kanan** Cawangan Pembangunan Belia dan Wanita
- Nasri bin Nyak Othman
  **Pengurus Besar** Bahagian Pengurusan Keusahawanan
  - Rosni bin Saidin — **Pengurus Kanan** Cawangan Perkhidmatan dan Pembangunan
  - Kamaluddin bin Musa — **Pengurus Kanan** Cawangan Perhubungan dan Pemasaran Usahawan
  - Syafinaz binti Kamaluddin — **Pengurus Kanan** Cawangan Perundingan dan Ventures Baru

Putrisal binti Puteh
**Pengurus Besar**
Bahagian Pengurusan Informasi Peserta

Hashim bin Mat Isa
**Pengurus Kanan**
Cawangan Khidmat Kewangan Peserta

Erni Fazrina binti Zol Kepli
**Pengurus Kanan**
Cawangan Khidmat Informasi Peserta

Abdullah Sohaini bin Hassan
**Pengurus Besar**
Bahagian Pengurusan Tanah dan Ukur

Wan Kamarudin bin Wan Idris
**Pengurus Kanan**
Cawangan Pengurusan Perundangan Peserta

Hairul Ramlan
**Pengurus Kanan**
Cawangan Pengurusan Tanah

Khawarri bin Anuar
**Pengurus Kanan**
Cawangan Pengurusan Ukur

Rosidah binti Mohamed Jusin
**Pengurus Besar**
Bahagian Komunikasi Korporat

(Kosong)
**Pengurus Kanan**
Cawangan Pengurusan Komunikasi Pemasaran, Promosi dan Pengurusan Acara

(Kosong)
**Pengurus Kanan**
Cawangan Pengurusan Perhubungan Kerajaan, Industri dan Pentadbiran

(Kosong)
**Pengurus Kanan**
Cawangan Pentadbiran dan Kewangan

(Kosong)
**Pengurus Kanan**
Cawangan Pengurusan Perhubungan Awam, Penjenamaan dan Media

Mohamad Jaafar bin Abd Malim
**Pengurus Besar**
Yayasan FELCRA

(Kosong)
**Pengurus Kanan**
Cawangan Pentadbiran dan Kewangan

(Kosong)
**Pengurus Kanan**
Cawangan Perancang dan Operasi

## PENGENALAN KUMPULAN HAL EHWAL PESERTA DAN KOMUNIKASI

FELCRA Berhad melaksanakan aktiviti pembangunan peserta sebagai tugas dan tanggungjawab utama di samping pembangunan ladang dan perkhidmatan sokongan lain. Kumpulan Hal Ehwal Peserta melaksanakan tanggungjawab sosial dengan membahagikan aktiviti perkhidmatan kepada lapan bahagian, iaitu Bahagian Pengurusan dan Perhubungan Peserta, Bahagian Pengurusan Institusi, Bahagian Pengurusan Sumber Sosioekonomi Peserta, Bahagian Pengurusan Keusahawanan, Bahagian Pengurusan Tanah & Ukur, Bahagian Pengurusan Informasi Peserta, Bahagian Komunikasi Korporat dan Bahagian Yayasan FELCRA.

Program Obligasi Sosial yang dilaksanakan oleh FELCRA adalah selaras dengan tuntutan falsafah pembangunan luar bandar di mana FELCRA diamanahkan memajukan tanah terbiar milik peserta yang berselerak dan tiada nilai ekonomi menjadi ladang komersial dan membayar keuntungan kepada peserta secara berterusan ke atas pelaburan mereka.

Penekanan kepada pembangunan sumber manusia adalah antara aktiviti membangunkan peserta dengan harapan melahirkan masyarakat peserta yang bersyukur, berilmu, sejahtera, berwawasan dan berdaya saing.

FELCRA Berhad juga dipertanggungjawab membangunkan dan memperkasakan Institusi Peserta FELCRA seperti Jawatankuasa Kemajuan Projek (JKKP), Koperasi Peserta Rancangan (KPR), Koperasi Peserta FELCRA Berhad (KPFB), Wanita Dinamis FELCRA (WADIRA) dan Belia/Generasi Kedua serta ke arah melahirkan peserta yang sejahtera dan berdaya maju.

### Objektif Bahagian

- Meningkatkan kualiti hidup warga peserta berteraskan pembangunan modal insan dan penyediaan suasana kehidupan yang selesa dan kondusif.
- Memperkasa institusi peserta berteraskan nilai-nilai kepimpinan berkualiti dan penyediaan program-program yang relevan dan bermanfaat.
- Membina komuniti usahawan baru berteraskan penampilan usahawan daripada kalangan peserta dan belia yang cemerlang akan berdaya maju.

### Visi

Menjadikan Peserta Bersyukur No. 1 dan responsif ke atas program pembangunan kerajaan.

### Misi

- Memperkasa Keyakinan Peserta.
- Memperkasa Kesejahteraan Peserta.
- Memperkasa Ekonomi Peserta.

### Teras Kelestarian Hal Ehwal Peserta dan Komunikasi



**Bilangan Peserta dan Luas Pegangan Peserta FELCRA Berhad**
Jumlah bilangan dan luas pegangan peserta sehingga bulan Disember tahun 2023 adalah seperti berikut:

| Bil | Wilayah | Negeri | Bil Peserta (Pemilikan) | Luas Pegangan Peserta (Hek) |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Utara | Perlis | 465 | 1,180 |
| | | Kedah | 2416 | 4,296 |
| | | Pulau Pinang | 825 | 319 |
| 2 | Perak | Perak | 19,450 | 17,524 |
| 3 | Tengah | Selangor | 2740 | 2,086 |
| | | Negeri Sembilan | 15,652 | 9,289 |
| | | Melaka | 6047 | 2,028 |
| 4 | Johor | Johor | 11,375 | 17,848 |
| 5 | Pahang | Pahang | 24,733 | 36,064 |
| 6 | Terengganu | Terengganu | 6,745 | 11,346 |
| 7 | Kelantan | Kelantan | 2,267 | 2,497 |
| 8 | Sarawak | Sarawak | 12,276 | 39,092 |
| 9 | Sabah | Sabah | 2,345 | 6,028 |
| **Jumlah** | | | **107,336** | **142,597** |

*Jadual 9: Bilangan Peserta dan Luas Pegangan Peserta FELCRA Berhad mengikut negeri.*

**Pengenalan Obligasi Sosial FELCRA Berhad**
Program Obligasi sosial yang dilaksanakan oleh FELCRA Berhad adalah selaras dengan tuntutan falsafah pembangunan luar bandar serta untuk memenuhi keperluan, faedah dan kebajikan kumpulan sasar dalam usaha meningkatkan kualiti hidup.

Selain itu, tanggungjawab Sosial Korporat FELCRA Berhad dilaksanakan dengan berteraskan dua fokus utama, iaitu:

- Memberikan penekanan terhadap pembangunan fizikal, iaitu infrastruktur dan kemudahan asas.
- Memfokuskan kepada pembangunan modal insan dari sudut kepimpinan dan peningkatan kemahiran.

Kumpulan Hal Ehwal Peserta melaksanakan tanggungjawab sosial dengan membahagikan aktiviti perkhidmatan kepada empat bahagian utama pengurusan, iaitu Bahagian Pengurusan dan Perhubungan Peserta, Bahagian Pengurusan Sumber Sosio Ekonomi Peserta, Bahagian Pengurusan Keusahawanan dan Bahagian Pengurusan Institusi.

**Peruntukan Obligasi Sosial FELCRA Berhad 2023**

Bagi melaksanakan operasi dan aktiviti obligasi sosial FELCRA Berhad pada tahun 2023, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak 4.3 juta secara tetap dan tahunan kepada FELCRA Berhad. Selain itu, terdapat juga sumber peruntukan pembangunan kerajaan RMK 12 dan juga wang amanah. Perincian seperti di bawah:

| Bil | Perkara | Jumlah (RM) |
|---|---|---|
| 1 | Obligasi Sosial FELCRA Berhad | 4,300,000.00 |
| 2 | Peruntukan Pembangunan Kerajaan Rmk12 | 25,227,000.00 |
| 3 | Wang Amanah | 1,990,000.00 |

**Obligasi Sosial FELCRA Berhad**

FELCRA Berhad telah memperuntukkan RM 4.3 juta secara tahunan seperti terkandung dalam perjanjian pengkorporatan FELCRA Berhad pada tahun 1997. Peruntukan ini digunakan bagi melaksanakan 16 aktiviti obligasi sosial utama kepada warga peserta. Jumlah peruntukan dan perbelanjaan adalah seperti jadual di bawah:

| Bil | Perkara | Peruntukan Tahun 2023 (RM) | Belanja Tahun 2023 (RM) |
|---|---|---|---|
| 1 | Pembangunan Ameniti Sosial | 500,000.00 | 500,000.00 |
| 2 | Khidmat Peserta | 775,000.00 | 773,015.24 |
| 3 | Pembangunan JKKP | 480,000.00 | 480,000.00 |
| 4 | Pembangunan Industri Desa | 186,800.00 | 186,800.00 |
| 5 | Program Ternakan dan Tanaman | 100,000.00 | 99,056.00 |
| 6 | Pemasaran Produk | 200,000.00 | 199,826.29 |
| 7 | Pembangunan Usahawan | 268,500.00 | 268,452.20 |
| 8 | Program Pelancongan Desa/Homestay | 159,700.00 | 159,600.00 |
| 9 | Koperasi | 200,000.00 | 199,610.00 |
| 10 | Pembangunan Wanita | 300,000.00 | 298,420.30 |
| 11 | Latihan Kemahiran | 250,000.00 | 249,770.00 |
| 12 | Pembangunan Rohani | 89,000.00 | 88,805.00 |
| 13 | Pembangunan Remaja/Belia | 241,000.00 | 240,248.00 |
| 14 | Pembangunan Informasi Peserta | 90,000.00 | 85,399.00 |
| 15 | Pemilihan dan Penempatan Peserta | 220,000.00 | 220,000.00 |
| 16 | Pembangunan Sosioekonomi Peserta | 240,000.00 | 236,273.60 |
| **Jumlah Keseluruhan** | | **4,300,000.00** | **4,285,275.63** |

*Jadual 10: Jumlah peruntukan dan perbelanjaan Obligasi Sosial FELCRA Berhad 2023.*

**Peruntukan Pembangunan Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12) Rolling Plan (3) Tahun 2023**
Rancangan Malaysia ke-12, 2021-2023 (RMK-12) merupakan satu transformasi oleh kerajaan dengan bertunjangkan tiga tema, iaitu menjana semula ekonomi, memperkukuh keselamatan, kesejahteraan dan inklusiviti serta melonjakkan kemampanan.

FELCRA Berhad dipertanggungjawabkan untuk menguruskan sumber pembiayaan yang telah diperuntukkan oleh kerajaan dalam melaksanakan program dan projek bagi peserta FELCRA Berhad. Jumlah peruntukan **RMK 12 (RP3)** yang telah diterima pada tahun 2023 adalah sebanyak **RM 25,227,000.00**. Sila rujuk jadual di bawah:

| Bil | Butiran | Jumlah Peruntukan (RM) | Jumlah Belanja (RM) |
|---|---|---|---|
| 1 | Ameniti Sosial | 9,139,000.00 | 8,667,598.00 |
| 2 | Premis Perniagaan | 2,000,000.00 | 1,947,793.00 |
| 3 | Modal Insan Peserta | 2,000,000.00 | 2,000,000.00 |
| 4 | Projek Komersial Bersepadu (CPBU) | 1,298,000.00 | 1,022,400.00 |
| 5 | Baik Pulih Rumah dan Peralatan Peserta | 5,000,000.00 | 5,000,000.00 |
| 6 | Agro Pertanian | 1,000,000.00 | 1,000,000.00 |
| 7 | Pelancongan Desa | 3,290,000.00 | 3,286,624.00 |
| 8 | Kecemerlangan Pelajar | 1,500,000.00 | 1,500,000.00 |
| **Jumlah Keseluruhan** | | **25,227,000.00** | **24,424,415.00** |

*Jadual 11: Jumlah peruntukan dan perbelanjaan Pembangunan (RMK12) Rolling Plan (3) 2023.*

**Peruntukan Wang Amanah**
FELCRA Berhad menerima peruntukan wang amanah yang disalurkan daripada Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) sebagai pelaksana dan pembayar. Sila rujuk jadual di bawah:

| Bil | Perkara/Program | Jumlah Peruntukan (RM) | Jumlah Belanja (RM) |
|---|---|---|---|
| 1 | Program Sokongan Pengukuhan Keusahawanan Luar Bandar (SPKLB) | 200,000.00 | 200,000.00 |
| 2 | Program Mini KUD Tahun 2023 | 990,000.00 | 990,000.00 |
| 3 | Program KUD @ Putrajaya 2023 | 800,000.00 | 800,000.00 |
| **Jumlah Keseluruhan** | | **1,990,000.00** | **1,990,000.00** |

*Jadual 12: Jumlah peruntukan dan perbelanjaan Wang Amanah.*

**Prestasi Agihan Keuntungan Boleh Agih P&P 2023**

Pembangunan tanah yang dilaksanakan oleh FELCRA Berhad adalah untuk mewujudkan asas ekonomi pertanian kepada kumpulan sasar dengan memberikan pendapatan tambahan kepada penduduk luar bandar yang mempunyai tanah terbiar, menambah pendapatan pekebun kecil dan meningkatkan taraf hidup.

FELCRA Berhad melaksanakan Bayaran Agihan Kuntungan Boleh Agih ini kepada peserta berdasarkan kepada keuntungan semasa projek ladang mengikut tahunan dan secara interim sebanyak 3 kali setahun. Sila rujuk jadual di bawah:

| Bil | Jenis Interim | Tarikh Agihan | Jumlah Agihan (RM) |
|---|---|---|---|
| 1 | Interim 1/2023 | Jun 2023 | 57,600,500.56 |
| 2 | Interim 2/2023 | November 2023 | 54,654,374.05 |
| 3 | Bayaran Akhir 2023 | Mac 2024 | 75,782,988.55 |
| **Jumlah Keseluruhan** | | | **188,037,863.16** |

*Jadual 13: Prestasi Agihan Keuntungan Boleh Agih P&P 2023.*

# Kumpulan Hal Ehwal Peserta dan Komunikasi

**Bahagian Pengurusan Sumber Ekonomi Peserta**

**Objektif Bahagian**

- Melahirkan masyarakat/peserta FELCRA yang berdaya saing.
- Mewujudkan kerjasama FELCRA dan anak syarikat bagi memperluas produk-produk FELCRA.
- Menjadikan kawasan penempatan FELCRA maju, menarik dan menguntungkan.

**PENCAPAIAN BAHAGIAN 2023**

Bahagian Pengurusan Sumber Sosioekonomi Peserta pada awalnya telah mewujudkan program Consolidated Profitable Business Unit (CPBU) di FELCRA Bhd Kawasan Weng, Kedah dan Lekir, Perak. Program CPBU memfokuskan transformasi di kawasan-kawasan peserta dengan pegangan asas 3M, iaitu maju, menarik dan menguntungkan dengan tagline #SatuKunjunganSeribuKenangan.

- CPBU Weng.
- CPBU Lekir.
- Chalet Sri Bayu Inn.

**CBPU Weng**



Landskap riadah ladang kelapa sawit.



Sesuai untuk semua lapisan masyarakat.



Kiosk jualan Wadira.



ATV.



Kayak.

## CBPU Lekir



Sejarah medan ikan bakar Lekir.



Lokasi persinggahan kumpulan.



Aktiviti bersama keluarga.



Taman rekreasi kanak-kanak.



Pemandangan semula jadi.

**Chalet Sri Bayu Inn**

- Pakej-pakej yang Ditawarkan di Sri Bayu Inn (SBI), Langkawi, Kedah.

| Bil | Pakej | Butiran |
|---|---|---|
| 1 | **Pakej Honeymoon**<br>Bermula RM1,050.00 sepasang (2 pax) | Pakej termasuk:<br>• Hotel di daerah Patai Chenang.<br>• Penginapan 3 hari 2 malam.<br>• Makan malam "candlelight dinner" di Pantai Chenang.<br>• Sunset Dinner Cruise.<br>• Skycab/Mangrove<br>• Dataran Helang.<br>• Jelajah Pulau: Island Hopping - Tasik Dayang Bunting.<br>• Shopping di HIG/RAMS. |
| 2 | **Pakej Bestie**<br>Bermula RM2,246.00 (6 pax) | Pakej termasuk:<br>• Penginapan di Chalet Sri Bayu Inn (SBI).<br>• Penginapan 3 hari 2 malam.<br>• Makan malam di Pantai Chenang.<br>• Skycab/Mangrove.<br>• Sunset Dinner Cruise.<br>• Coconut Kingdom (tempat viral untuk bergambar).<br>• Adventure & Extreme Park.<br>• Dataran Helang.<br>• Jelajah Pulau: Island Hopping - Tasik Dayang Bunting.<br>• Shopping di HIG/RAMS. |
| 3 | **Pakej Group A**<br>Bermula RM10,500.00 (12 pax) | Pakej Termasuk:<br>• Penginapan di Chalet Sri Bayu Inn (SBI).<br>• Penginapan 3 hari 2 malam.<br>• Van disediakan.<br>• Makan malam di Pantai Chenang.<br>• Skycab/Mangrove.<br>• Sunset Dinner Cruise.<br>• Coconut Kingdom (tempat viral untuk bergambar).<br>• Adventure & Extreme Park.<br>• Dataran Helang.<br>• Shopping di HIG/RAMS.<br>• Pengurusan Tiket Feri (dua hala). |
| 4 | **Pakej Group B - Mesyuarat**<br>Bermula M12,500.00 – RM19,500.00 (20-30 pax) | Pakej termasuk:<br>• Penginapan di Chalet Sri Bayu Inn (SBI).<br>• Penginapan 3 hari 2 malam.<br>• Van disediakan.<br>• Pakej Dewan & PA Sistem (bagi sesi mesyuarat).<br>• Makan malam di SBI (BBQ).<br>• Skycab/Mangrove.<br>• Dataran Helang.<br>• Pantai Chenang.<br>• Shopping di HIG/RAMS.<br>• Pengurusan Tiket Feri (dua hala). |

| | | |
|---|---|---|
| 5 | **Pakej Group C – Kursus/ Mesyuarat**<br>Bermula RM20,800.00-RM50,000.00 (40-80 pax) | Pakej termasuk:<br>• Penginapan di Chalet Sri Bayu Inn (SBI).<br>• Penginapan 3 hari 2 malam.<br>• Bas disediakan.<br>• Pakej Dewan & PA Sistem (bagi sesi kursus/ mesyuarat).<br>• Makan malam di SBI (BBQ).<br>• Skycab/Mangrove.<br>• Dataran Helang.<br>• Pantai Chenang.<br>• Shopping di HIG/RAMS.<br>• Pengurusan Tiket Feri (dua hala). |
| 6 | **Pakej Group VIP**<br>Bermula RM18,800.00 (12 pax) | Pakej termasuk:<br>• Penginapan di Chalet Sri Bayu Inn (SBI).<br>• Penginapan 3 hari 2 malam.<br>• Disediakan sarapan pagi, makan tengah hari, minum petang & makan malam (mengikut pakej yang disediakan).<br>• Kenderaan seperti kereta Starex/Velfie – (48 jam) – termasuk pemandu.<br>• Sunset Dinner Cruise.<br>• Jelajah Pulau: Island Hopping - Tasik Dayang Bunting.<br>• Skycab/Mangrove.<br>• Dataran Helang.<br>• Pantai Chenang.<br>• Shopping di HIG/RAMS.<br>• Pengurusan Tiket Feri (dua hala). |

- Tempahan Pakej 2023 di Sri Bayu Inn (SBI), Langkawi, Kedah.

| Bil | Agensi/Nama Kumpulan | Pax | Pakej | Tarikh |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Kumpulan Perladangan Padi FELCRA Berhad | 53 | Pakej Kursus & Mesyuarat | 10-12 Februari 2023 |
| 2 | FELCRA Berhad Kawasan Nasaruddin Belia | 40 | Pakej Kursus | 3-5 Mac 2023 |
| 3 | FELCRA Kawasan Sungai Layau, Johor | 30 | Pakej Kursus | |
| 4 | Program Pemantapan & Pemerkasaan HEP Wilayah Tengah | 30 | Pakej Kursus & Mesyuarat | 11-13 Mac 2023 |
| 5 | Kumpulan Pemasaran | 25 | Pakej Mesyuarat | 28-30 Mei 2023 |
| 6 | Bahagian Tanah & Ukur: Kursus Dron | 20 | Pakej Kursus | 28-30 Ogos 2023 |
| 7 | Resolusi Konvensyen Koperasi | 21 | Pakej Teambuilding | 28-30 Ogos 2023 |
| 8 | Kumpulan Perkilangan | 30 | Pakej Kursus | |
| 9 | Kursus Asas Perniagaan Cpbu Siri 2 | 21 | Pakej Kursus | 20-22 September 2023 |
| 10 | Mesyuarat JKKP FELCRA Berhad Wilayah Sarawak | 85 | Pakej Mesyuarat & Teambuilding | 5-8 November 2023 |
| 11 | FELCRA Berhad Kawasan Lekir | 16 | Pakej Kursus | |
| 12 | Kumpulan Kraftangan | 15 | Walk-In Penginapan Semasa Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition (LIMA) | |



Bahagian Tanah & Ukur -kursus dron.



FELCRA Berhad kawasan Nasaruddin Belia.



Kumpulan Pemasaran.



Kumpulan Perladangan Padi fb.



Kursus Asas Perniagaan CPBU Siri 2.



Program Resolusi Konvensyen Koperasi.



Program Pemantapan & Pemerkasaan HEP wilayah tengah.



Mesyuarat JKKP FELCRA Berhad wilayah Sarawak.

## AKTIVITI BAHAGIAN 2023

**Program Onboarding Ahli Lembaga Pengarah dan Ahli Majlis Meyuarat Pengurusan Tertinggi FELCRA Berhad**

Kunjungan ke tapak CPBU Weng bagi melihat perkembangan ekonomi sektor pelancongan FELCRA Weng.



Dato' Idris membeli tiket Taman Tema Air FELCRA Weng sebagai gimik program.



Perbincangan santai Dato' Idris dan En Mohammad Ab Rahman (Pengurus Besar Kumpulan HEPK) bersama Datuk Ahmad Jazlan.

**Lawatan YBhg. Dato' Abdul Ghafar bin Yahya, Pegawai Daerah Baling**

Lawatan YBhg. Dato' Ghafar ke pusat rekreasi CPBU Weng bagi menyokong dan membantu meningkatkan kebolehpasaran produk pelancongan bimbingan FELCRA Bhd.



Tinjauan sekitar kolam renang.



Tinjauan sekitar kiosk jualan.

**Program Jualan Barangan Asas kepada Masyarakat Desa**
Membekalkan produk barangan asas seperti beras dan minyak kepada masyarakat luar bandar pada kadar harga minimum.



Membekalkan Beras FELCRA Ke KPR FELCRA Belimbing Tolak, Kedah.



Membekalkan Minyak Masak Suri FELCRA Ke KPR FELCRA Paloh, Johor.

# Kumpulan Hal Ehwal Peserta dan Komunikasi

**Bahagian Pengurusan dan Perhubungan Peserta**

**Objektif Bahagian**

- Meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan warga peserta.
- Mewujudkan interaksi yang erat antara pengurusan dan warga peserta.
- Memudahkan peserta mendapatkan maklumat dengan tepat dan jelas.
- Melahirkan warga peserta yang bersyukur.

**PENCAPAIAN BAHAGIAN 2023**

**Agihan Dividen kepada Peserta**

Agihan keuntungan dilaksanakan sebanyak 3 kali setahun, iaitu interim 1 (Ogos), interim 2 (Disember) dan agihan akhir tahun (April tahun berikutnya). Bagi perkiraan agihan interim 1 dan interim 2 berdasarkan kepada keuntungan projek tahun semasa dan P & L belum dibuat penutupan. Manakala agihan akhir tahun berdasarkan kepada keuntungan yang telah dibuat penutupan bermula Januari hingga Disember setiap tahun.

Jumlah dividen yang diagihkan kepada peserta-peserta FELCRA Berhad pada tahun 2023 adalah sebanyak RM 188,037,863.16. Sehingga kini, seramai 52,092 orang peserta telah menikmati dividen yang diagihkan oleh FELCRA Berhad.

| Negeri | Interim 1 2023 | | Interim 2 2023 | | Interim Akhir 2023 | | Jumlah Keseluruhan (RM) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Bil Peserta | Jumlah (RM) | Bil Peserta | Jumlah (RM) | Bil Peserta | Jumlah (RM) | |
| Johor | 6,354 | 8,923,324.17 | 6,276 | 9,638,080.82 | 6,585 | 9,431,374.06 | 27,992,779.05 |
| Pahang | 10,550 | 16,536,032.86 | 8,681 | 15,090,070.39 | 12,045 | 23,545,451.27 | 55,171,554.52 |
| Perak | 10,340 | 11,833,236.32 | 9,318 | 11,188,839.07 | 10,644 | 14,323,127.93 | 37,345,203.32 |
| Sabah | 1,279 | 2,772,646.64 | 119 | 1,449,175.63 | 241 | 1,685,555.89 | 5,907,378.16 |
| Sarawak | 6,666 | 8,559,408.65 | 4,354 | 7,947,577.77 | 3,288 | 8,743,365.40 | 25,250,351.82 |
| Melaka | 2,946 | 1,392,587.62 | 2,890 | 900,301.01 | 3,506 | 1,426,131.09 | 3,719,019.72 |
| Negeri Sembilan | 8,668 | 2,691,682.35 | 7,906 | 2,990,344.49 | 8,971 | 6,988,429.84 | 12,670,456.68 |
| Selangor | 1,726 | 1,580,922.61 | 1,245 | 1,821,933.60 | 1,951 | 1,082,708.49 | 4,485,564.70 |
| Kelantan | 184 | 210,415.98 | 1,056 | 225,412.71 | 1,109 | 484,526.54 | 920,355.23 |
| Terengganu | 2,253 | 2,553,945.10 | 1,307 | 2,979,066.97 | 3,578 | 7,709,874.07 | 13,242,886.14 |
| Kedah | 416 | 276,527.58 | 60 | 163,105.24 | 83 | 314,399.11 | 754,031.93 |
| P Pinang | 664 | 181,544.17 | 669 | 186,624.16 | 4 | 41,195.51 | 409,363.84 |
| Perlis | 85 | 88,226.51 | 84 | 73,842.19 | 87 | 6,849.35 | 168,918.05 |
| **Jumlah (RM)** | **52,131** | **57,600,500.56** | **43,965** | **54,654,374.05** | **52,092** | **75,782,988.55** | **188,037,863.16** |

**Agihan Kasar Bulanan**

Setelah tamat tempoh bayaran sara hidup bulanan, peserta masih memohon pendapatan bulanan diteruskan sebagaimana amalan sebelum ini dan pada ketika ini pula projek belum mampu untuk membayar dividen bulanan dan tiada lebihan keuntungan daripada P & L projek (peringkat prahasil dan pramatang) Sumber pembiayaan bayaran daripada keuntungan kasar bulanan kepada peserta diambil daripada keuntungan P & L projek tahun semasa.

Jumlah agihan kasar bulanan yang diagihkan kepada peserta-peserta pada tahun 2023 adalah sebanyak **RM 29,755,164.08** melibatkan **21** buah projek dan seramai **2817** orang peserta.

| Bil | Kawasan | Projek | Bil Peserta | Luas Pegangan Per Peserta (Hektar) | Jumlah Bayaran Hingga Kini (Jan - Dis 2023) |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Sg. Melikai | Tanah Abang (ROA) | 323 | 2.4070 | 2,034,900.00 |
| 2 | Saliran Sg. Kesang | Kebun Baru 11 | 115 | 3.428 | 1,784,400.00 |
| 3 | Sg. Ara | Sg. Ara 1 TS | 138 | 4.0470 | 1,738,800.00 |
| 4 | Lakai | Lakai 1 TS | 94 | 4.0470 | 3,797,600.00 |
| 5 | Air Hitam | Air Hitam 1 TS | 132 | 3.2380 | 1,350,889.83 |
| 6 | Ramuan China | Ramuan China TS | 51 | 4.0470 | 1,352,200.00 |
| 7 | Bukit Kepis | Bukit Kepis 1 TS | 123 | 2.4280 | 774,900.00 |
| 8 | Lekir | Lekir 1 TS Fasa 1 | 86 | 4.0470 | 2,251,358.02 |
| 9 | Lekir | Lekir 2 TS | 13 | 4.0469 | 686,305.12 |
| 10 | Nasaruddin (Belia) | Nasaruddin (B) Pkt 4 TS | 88 | 2.9530 | 1,519,723.51 |
| 11 | Seberang Perak | Seberang Perak 13 Fasa 1 Blok D | 964 | 2.4281 | 8,583,320.62 |
| 12 | Keruak | Keruak 1 TS (milik peserta) | 72 | 4.0470 | 638,304.21 |
| 13 | Bukit Kapah | Bukit Kapah 1 TS (FELCRA Urus) | 39 | 4.0470 | 315,519.76 |
| 14 | Bukit Kapah | Bukit Kapah 1B | 3 | 4.0470 | 2,943.01 |
| 15 | Bukit Kapah | Bukit Kapah 3 | 31 | 4.0470 | 607,600.00 |
| 16 | Weng | Weng 1 Fasa 1 TS | 44 | 4.0469 | 858,400.00 |
| 17 | Sungai Layau | Sungai Layau 3 | 33 | 24.4395 | 198,000.00 |
| 18 | Sungai Layau | Sungai Layau 2 | 144 | 126.1514 | 864,000.00 |
| 19 | Sungai Layau | Sungai Layau 1 | 66 | 2.0820 | 396,000.00 |
| 20 | Bukit Sedanan | SSA Bukit Sedanan | 107 | 2.4365 | 1,748,600.00 |
| 21 | Bukit Serok | RPS Bukit Serok | 151 | 2.6900 | 120,800.00 |
| **Jumlah** | | | **2817** | **989.9223** | **29,755,164.08** |

**Agihan Keuntungan Bulanan kepada Peserta**

Setelah selesai tempoh bayaran sara hidup dan kos pembangunan, peserta masih memohon pendapatan bulanan diteruskan. Pada ketika itu pula projek telah mampu untuk membayar dividen bulanan. Sumber pembiayaan bayaran daripada keuntungan bulanan kepada peserta diambil daripada keuntungan P & L projek tahun sebelum.

Jumlah agihan keuntungan bulanan yang diagihkan kepada peserta-peserta pada tahun 2023 adalah sebanyak **RM 25,063,711.64** melibatkan seramai **1277** orang peserta.

| Bil | Kawasan | Bil Projek | Bil Peserta | Jumlah Bayaran Hingga Kini (Jan-Dis 2023) |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Sekijang | 3 | 160 | 3,215,425.38 |
| 2 | Batu 3 1/2 Paloh | 3 | 236 | 7,690,967.38 |
| 3 | Simpang Rengam | 1 | 22 | 207,271.65 |
| 4 | Sungai Layau | 1 | 22 | 132,000.00 |
| 5 | Serting | 1 | 44 | 734,952.24 |
| 6 | Sri Makmur | 2 | 186 | 1,785,600.00 |
| 7 | Berhala Gantang | 2 | 273 | 806,400.00 |
| 8 | Changkat Sulaiman | 1 | 83 | 2,365,500.00 |
| 9 | Bukit Kepong | 2 | 142 | 6,668,495.00 |
| 10 | Kg. Kurnia | 1 | 59 | 708,000.00 |
| 11 | Sg. Durian | 1 | 50 | 749,100.00 |
| **Jumlah** | | **18** | **1277** | **25,063,711.64** |

**Bayaran Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR)/Tabung PPRT**

Bayaran Tabung PPRT merujuk kepada lebihan pendapatan projek-projek SPKR bagi negeri Johor, Perak dan Terengganu. FELCRA Berhad selaku pemegang Amanah Tabung-tabung berkaitan bertanggungjawab membuat pembayaran kepada kerajaan Negeri dan peserta-peserta SPKR/PPRT terlibat yang dipilih oleh kerajaan Negeri.

Jumlah tabung PPRT yang diagihkan kepada peserta-peserta pada tahun 2023 adalah berjumlah **RM 11,632,200.00** melibatkan seramai **3,360** orang peserta.

| Bil | Negeri | Bil Peserta | Jumlah Besar |
|---|---|---|---|
| 1 | Johor | 969 | 3,460,400.00 |
| 2 | Perak | 1,999 | 7,285,400.00 |
| 3 | Timur | 392 | 886,400.00 |
| **Jumlah** | | **3,360** | **11,632,200.00** |

**V. Penyelesaian Keuntungan Belum Agih (KBA)**
Keuntungan Belum Agih (KBA) merupakan keuntungan yang tidak diagihkan kepada peserta disebabkan oleh kematian, kes mahkamah, peserta tidak dapat dikesan, jual beli, pencerobohan atau berlaku apa-apa pertikaian ke atas lot tanah berkenaan.

Pengembalian keuntungan belum agih akan diagihkan kepada peserta, waris atau pemegang amanah yang telah selesai pertikaian atau memenuhi syarat pada bila-bila masa.

Jumlah agihan keuntungan belum agih (KBA) yang diagihkan kepada peserta-peserta pada tahun 2023 adalah sebanyak RM 16,071,052.99 melibatkan seramai 1323 orang peserta.

| Bil | Negeri | Jumlah Agihan | Bil Peserta |
|---|---|---|---|
| 1 | Johor | 3,731,803.04 | 204 |
| 2 | Kedah | 204,328.81 | 35 |
| 3 | Kelantan | 31,959.56 | 2 |
| 4 | Melaka | 483,631.80 | 76 |
| 5 | N.Sembilan | 1,574,156.22 | 160 |
| 6 | Pahang | 4,679,158.96 | 404 |
| 7 | Perak | 3,546,457.42 | 297 |
| 8 | Perlis | 75,197.99 | 3 |
| 9 | Sabah | 44,464.78 | 3 |
| 10 | Sarawak | 66,927.43 | 2 |
| 11 | Selangor | 271,605.17 | 23 |
| 12 | Terengganu | 1,361,361.81 | 114 |
| **Jumlah (RM)** | | **16,071,052.99** | **1,323** |

**Skim Khairat Kematian Peserta dan Bencana Rumah Desa**
Peserta juga diberi perlindungan insuran melalui Skim Insuran Takaful Keluarga Berkelompok dengan bayaran premium sebanyak RM12.00 seorang/tahun dan Bencana Rumah Desa dengan bayaran premium sebanyak RM120.00 seorang/tahun. Peruntukan pembayaran sebahagiannya diambil daripada lebihan keuntungan projek atas persetujuan peserta. Melalui kaedah ini setiap peserta dan keluarga yang meninggal dunia akan dilindungi oleh pihak Skim Insuran Takaful Keluarga Berkelompok.

Sehingga Disember 2023, seramai 925 orang peserta telah menerima pampasan khairat kematian sebanyak RM913,300.00 manakala seramai 1,256 orang menerima pampasan Bencana Rumah Desa berjumlah RM2,081,376.45.

**Majlis Anugerah Kecemerlangan Aspirasi Penempatan (AKAP) 2023**
Majlis Anugerah Kecemerlangan Aspirasi Penempatan (AKAP) 2023 telah berlangsung pada 11 Disember 2023 bertempat di Dewan Merdeka, PWTC. Sebanyak empat hadiah utama dipertandingkan mengikut kategori (Penempatan Belia, Penempatan Kerajaan Negeri, PPSK & Insitusi, dan Taman/Fasa) serta hadiah khas, iaitu Video Terbaik, Inovasi Terbaik, Arca Jerami Kreatif, Pengiktirafan "Hanya di Sini", Budaya Sepanjang Zaman AKAP Terbaik serta Anugerah Penempatan Harapan.

**Program Pelengkapan Kampung – Ameniti Sosial Tahun 2023**

Kemudahan ameniti sosial merupakan kemudahan awam yang disediakan untuk kegunaan masyarakat yang dikongsi bersama dan menjadi tumpuan komuniti setempat dan sekitarnya. Kemudahan ini disediakan dalam bentuk kemudahan tempat, bangunan atau prasarana yang akan digunakan bagi menjalankan fungsi sosial sesebuah penempatan. Pada tahun 2023, peruntukan sebanyak RM9,139,000.00 kepada 91 projek di 8 wilayah FELCRA telah diluluskan melalui Peruntukan Pembangunan Kerajaan (RP3) Tahun 2023.

**Program Baik Pulih Rumah dan Peralatan Peserta B40**

Program Baik Pulih Rumah dan Peralatan Peserta B40 merupakan inisiatif dalam membantu peserta membaikpulih kediaman akibat bencana banjir, kebakaran dan ribut serta rumah uzur dan pemberian peralatan yang bersesuaian. Program ini bertujuan untuk memastikan peserta tinggal dalam persekitaran yang selesa dan selamat. Pada tahun 2023, peruntukan sebanyak RM5,000,000.00 telah diluluskan melalui Peruntukan Pembangunan Kerajaan (RP3) Tahun 2023.

## AKTIVITI BAHAGIAN 2023

**Perjurian Anugerah Kecemerlangan Aspirasi Penempatan (AKAP) 2023**

Sebanyak 54 buah penempatan FELCRA telah mengambil bahagian dalam pertandingan AKAP 2023 mengikut kategori dan sesi perjurian telah berlangsung selama 3 bulan bermula pada Ogos 2023 dan berakhir pada Oktober 2023. Sesi perjurian yang dihadiri seramai 8 orang juri terdiri daripada Pengurus-Pengurus Besar Kumpulan HEPK yang diketuai oleh Pengurus Besar Pengurusan dan Perhubungan Peserta, Encik Muhammad Anuar bin Zamali.




Sekitar Penjurian AKAP.

**Kursus Pengurusan Tabung JKKP**
Kursus ini dijalankan untuk memberi kefahaman mengenai peraturan pengurusan kewangan Tabung Kebajikan Peserta FELCRA Berhad serta memberikan pendedahan berkenaan rekod perakaunan dalam pengurusan kewangan JKKP kepada Bendahari Tabung (AJKKP). Pada tahun 2023, kursus ini telah diadakan di Wilayah Utara (9-11 Jan 2023), Timur (16-18 Jan 2023) dan Sarawak (6-11 Februari 2023).



Tabung Utara.



Tabung Sarawak.



Tabung Timur.

## Mesyuarat Penyelarasan JKKP Wilayah

Mesyuarat Penyelarasan JKKP Wilayah diadakan setiap tahun bertujuan untuk mengenal pasti isu dan masalah yang dihadapi oleh Kawasan dan Wilayah supaya penyelesaian dapat dilaksanakan secara bersama. Pada tahun 2023, Mesyuarat Penyelarasan JKKP Wilayah diadakan sepertimana berikut di Wilayah Timur (24 Mei 2023), Sarawak (19 Jun 2023), Johor (9 Julai 2023), Perak (17 Julai 2023), Utara (14 Oktober 2023), dan Sabah (5 Disember 2023).



Sekitar Mesyuarat Penyelarasan JKKP Wilayah.

**Program Penyelesaian Bayaran Keuntungan Belum Agih (KBA) Peserta**

Program ini diadakan bertujuan menambah pengetahuan berkenaan proses bicara kuasa dan penerangan berkenaan prosedur bayaran balik keuntungan belum agih (KBA) kepada staf sosial Kawasan dan Wilayah. Program ini telah dilaksanakan di Wilayah Utara pada 22-23 November 2023 dan Tengah pada 13-14 Disember 2023.



Sekitar Program KBA.

# Kumpulan Hal Ehwal Peserta dan Komunikasi

**Bahagian Pengurusan Institusi Peserta**

**Objektif Bahagian**
- **Modal Insan** – Menyediakan peluang latihan kepada staf dan peserta FELCRA.
- **KPR** – Memupuk jalinan kerjasama dalam menceburi bidang perniagaan.
- **WADIRA** – Mempertingkatkan fungsi melalui kursus latihan serta ilmu kemahiran dalam memperkukuh ekonomi persatuan WADIRA.

**PENCAPAIAN BAHAGIAN 2023**

**Program Moving Forward**
Kumpulan HEPK merupakan teras utama Syarikat dalam melaksanakan obligasi sosial dan pengurusan tanggungjawab sosial korporat (CSR) kepada 110,733 buah keluarga komuniti dan institusi peserta di seluruh negara.

Program ini menjadi Penyaluran mandat dan amanat daripada Pengarah Kumpulan Hal Ehwal Peserta.

Pada masa yang sama, pelaksanaan program ini juga adalah untuk memberi pemahaman kepada staf HEPK berkaitan asas-asas hala tuju HEPK ke arah penambahbaikan yang lebih berimpak tinggi dengan memberi penekanan utama kepada peserta.

Kumpulan sasar yang akan terlibat dalam program kursus ini adalah semua staf peringkat Ibu Pejabat, Wilayah dan Kawasan. Keseluruhan seramai 309 orang yang akan dijemput untuk mengikuti program berkenaan seperti berikut:

| Bil | Lokasi | Bilangan Staf (Orang) |
|---|---|---|
| 1 | Ibu Pejabat | 132 |
| 2 | Pengurusan FELCRA Wilayah | 177 |
| **Jumlah** | | **309** |

**Seminar Motivasi Akademik Rakyat – Smart FB**

Pelaksanaan program Seminar Motivasi Akademik Rakyat – SMART FB merupakan program anjuran Yayasan FELCRA Berhad di bawah peruntukan Rolling Plan Rancangan Malaysia ke 12 (RMKE-12) bagi tahun 2023. Sasaran pelaksanaan adalah melibatkan 100 buah sekolah terpilih melibatkan pelajar tingkatan 4 dan 5 yang merupakan kategori anak dan cucu peserta FELCRA Berhad.

Penganjuran program ini adalah bertujuan untuk membantu memulihkan kembali kesenjangan pembelajaran untuk mengelakkan kadar keciciran yang lebih besar dalam kalangan pelajar khususnya kumpulan B40 di Kawasan pedalaman selain mencapai tahap pencapaian akademik yang lebih baik.

Pencapaian bagi program kecemerlangan SMART FB ini telah berjaya menghimpunkan seramai 10,000 ribu orang pelajar seluruh Malaysia. Pelaksanaan program secara bersiri ini melibatkan 9 negeri di seluruh Malaysia. Pecahan program ini dicerakinkan mengikut ketetapan jadual di bawah:

| Bil | Zon/Negeri | Tarikh |
|---|---|---|
| 1 | Pahang | 6 - 8 Oktober 2023 |
| 2 | Melaka | 13 - 15 Oktober 2023 |
| 3 | Sarawak | 20 - 22 Oktober 2023 |
| 4 | Sabah | 27 - 29 Oktober 2023 |
| 5 | Timu r(Terengganu) | 2 - 4 November 2023 |
| 6 | Johor | 9 - 11 November 2023 |
| 7 | Utara (Alor Setar) | 16 - 18 November 2023 |
| 8 | Perak | 24 - 26 November 2023 |
| 9 | Kelantan | 24 - 26 November 2023 |



SFB1.



SFB2.

**Anugerah Kecemerlangan Aspirasi Penempatan (AKAP)**

Program ini merupakan satu bentuk pertandingan berkonsepkan kampung sejahtera. Bertujuan menjadikan institusi pentadbiran kampung sebagai satu entiti masyarakat berdikari bagi memastikan kelangsungan pembangunan dan kesejahteraan masyarakat luar bandar. Kandungan program menjurus kepada mewujudkan sumber ekonomi kepada warga peserta di kawasan berkenaan di samping menambah baik infrastruktur dan landskap kawasan perkampungan melalui aktiviti gotong-royong. Pendekatan lain yang diguna pakai dalam menjamin ketersampaian objektif program AKAP ini turut memberi penekanan kepada kriteria tadbir urus berkesan, modal insan dan kesihatan, ekonomi dan juga inovasi. Kumpulan sasar bagi pertandingan ini dipecahkan kepada beberapa kategori:

| Bil | Wilayah | Belia | PPSK & Institusi | Penempatan Kerajaan Negeri | Taman/ Fasa | Bil Kampung |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Johor | 2 | 1 | 4 | | 7 |
| 2 | Perak | 0 | 6 | 2 | | 8 |
| 3 | Pahang | 2 | 1 | 2 | | 5 |
| 4 | Seberang Perak | 0 | 0 | 0 | 10 | 10 |
| 5 | Tengah | 3 | 1 | 2 | | 6 |
| 6 | Timur | 4 | 3 | 2 | | 9 |
| 7 | Utara | 1 | 2 | 1 | | 4 |
| 8 | Sarawak | 0 | 1 | 0 | | 1 |

Pentauliahan pemenang bagi pertandingan ini telah diadakan pada 11 Disember 2023. Butiran maklumat pemenang telah dipecahkan kepada beberapa kategori:

| Bil | Kategori | Tunai | Geran Pembangunan | Sijil | Piala |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Juara x 4 pemenang | RM30,000 | RM30,000 | 4 keping | 4 unit |
| 2 | Naib Johan x 4 pemenang | RM20,000 | RM20,000 | 4 keping | 4 unit |
| 3 | Tempat 3 x 4 pemenang | RM10,000 | RM10,000 | 4 keping | 4 unit |
| 4 | Penyertaan x 53 | RM5,000 | | 4 keping | 4 unit |
| 5 | Anugerah tambahan x 17 | RM5,000 | | 53 keping | 53 unit |

**Majlis Tilawah Al-Quran Institusi Belia dan Wadira**

Satu bentuk program pemantapan kerohanian dalam menjiwai bulan Ramadan bertepatan dengan tarikh pada 21 November 2023. Program ini dapat diertikan sebagai satu instrumen baru Bahagian Institusi dalam menarik minat dan seterusnya menggarap bakat baru qari dan qariah dalam kalangan anggota belia dan WADIRA dari 8 Wilayah. Bukan sekadar terhad untuk mengaji, ahli-ahli qari dan qariah turut berpeluang untuk mempelajari dan mendalami ilmu Taranum, Fasohah, Tajwid serta seni suara melalui tenaga pengajar dari Jabatan Agama Islam.

| Bil | Peserta | Bil Terlibat (Orang) |
|---|---|---|
| 1 | Belia/Beliawanis | 7 |
| 2 | Wadira | 8 |
| **Jumlah** | | **15** |




Tilawah Al-Quran.

## AKTIVITI BAHAGIAN 2023

**Projek Hiliran Berasaskan Kelulut**

Penglibatan dalam kalangan warga Peserta Wilayah Perak dan Timur (Terengganu). Cetusan pelaksanaan program kelulut ini dijadikan rangka kepada penjanaan ekonomi dalam kalangan peserta FELCRA Berhad yang terlibat. Antara kawasan yang terlibat antaranya FB Weng, FB Seberang Perak dan juga FB Keruak.



**Kursus Pengacaraan Bersama Belia**

Penglibatan kursus pengacaraan majlis rasmi ini bertujuan untuk memberikan kemahiran pengacaraan majlis yang merangkumi kemahiran terhadap elemen pengurusan sesebuah majlis rasmi. Kemahiran mengacarakan majlis rasmi bukan hanya sekadar pandai berbicara dan mempunyai suara yang lunak. Selain perlu mempunyai kemahiran dan keyakinan berucap di khalayak, pengacara yang baik dan berkesan juga mestilah mempunyai asas protokol dan pengurusan majlis yang mantap. Pengacara majlis yang baik perlulah mampu melaksanakan tugasan dengan berkesan. Hanya pengacara yang mempunyai ilmu dan kemahiran, terlatih serta mendapat pendedahan sahaja mampu mengacarakan majlis dengan sempurna.

# Kumpulan Hal Ehwal Peserta dan Komunikasi

**Bahagian Pengurusan Keusahawanan**

**Objektif Bahagian**
- Mewujudkan usahawan baru dan menambah baik produk perniagaan usahawan.
- Memperkasa dan memperdayakan usahawan sedia ada.
- Menggalakkan transformasi ke arah penggunaan digitalisasi dalam perniagaan.

## PENCAPAIAN BAHAGIAN 2023

**Mini Karnival Usahawan Desa (Mini KUD) dan KUD Putrajaya 2023**
Program Mini Karnival Usahawan Desa (KUD) ialah program anjuran Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) yang dikendalikan oleh Bahagian Pembangunan Usahawan Desa (BPUD). Program ini menyediakan pelbagai aktiviti berteraskan keusahawanan yang disasarkan kepada masyarakat di desa.

Antara pengisian program yang telah dilaksanakan adalah program keusahawanan yang melibatkan elemen pendidikan, aktiviti pameran serta aktiviti tarikan pengunjung.

Di samping itu, penganjuran program ini adalah untuk membantu usahawan di desa dengan menyediakan platform untuk mempamer, mempromosi dan menjual produk perniagaan mereka secara langsung kepada orang awam yang berkunjung ke program tersebut.

Seterusnya, para usahawan di desa yang terdiri dari agensi-agensi di bawah naungan KKDW juga berpeluang untuk bekerjasama dengan pemain-pemain industri dalam program Business Matching yang membolehkan usahawan untuk mengembangkan perniagaan mereka dengan memasarkan produk-produk ke pasar raya dan platform dalam talian seperti DesaMall.
Program Mini KUD pada tahun 2023 telah dilaksanakan di tiga (3) lokasi, iaitu Nilai (Negeri Sembilan), Sungai Petani (Kedah) dan Sungai Besar (Selangor). Pada tahun tersebut juga telah dilaksanakan acara kemuncak, iaitu KUD@Putrajaya yang julung kalinya diadakan dalam tempoh lima (5) hari dengan penyertaan usahawan dari seluruh negara.

Semua program Mini KUD dan KUD@Putrajaya tahun 2023 telah mencapai hasil jualan yang keseluruhannya berjumlah **RM195,845.50** dengan keseluruhan penyertaan usahawan berjumlah **73** orang usahawan bimbingan FELCRA Berhad. Perincian maklumat setiap Mini KUD dan KUD@Putrajaya adalah sepertimana jadual berikut:

| Bil | Lokasi | Tarikh | Bil Usahawan | Hasil Jualan (RM) |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Mini KUD @ Nilai, Negeri Sembilan | 22 - 25 Jun 2023 | - | - |
| 2 | Mini KUD @ Sungai Petani, Kedah | 14 - 16 Julai 2023 | 12 | 18,364.00 |
| 3 | Mini KUD @ Sungai Besar, Selangor | 21 - 23 Julai 2023 | 8 | 47,017.10 |
| 4 | KUD @ Putrajaya | 22 - 26 November 2023 | 53 | 130,464.40 |
| **Jumlah** | | | **73** | **195,845.50** |




KUD @ Putrajaya.




Mini KUD 2023.

FELCRA Berhad telah dilantik sebagai agensi pelaksana dan pembayar bagi tiga (3) Mini KUD iaitu Mini KUD@Nilai, Mini KUD@ Sungai Petani dan Mini KUD@Sungai Besar. Seterusnya, FELCRA Berhad turut dilantik sebagai agensi pelaksana dan pembayar bagi KUD@Putrajaya. Perincian skop kerja dan peruntukan bagi setiap program adalah sepertimana jadual berikut:

| Bil | Negeri | Bil Peserta | Jumlah Besar |
|---|---|---|---|
| 1 | Mini KUD @ Nilai | Agensi Pelaksana & Pembayar bagi Jawatankuasa Persiapan Tempat | 330,000.00 |
| 2 | Mini KUD @ Sungai Petani | Agensi Pelaksana & Pembayar bagi Jawatankuasa Persiapan Tempat | 330,000.00 |
| 3 | Mini KUD @ Sungai Besar | Agensi Pelaksana & Pembayar bagi Jawatankuasa Persiapan Tempat | 330,000.00 |
| 4 | KUD @ Putrajaya | Agensi Pelaksana & Pembayar bagi:<br>• Jawatankuasa Logistik, Pengangkutan, Keselamatan dan Kebersihan<br>• Pameran Reruai Desa Lestari | 800,000.00 |
| **Jumlah** | | | **1,790,000.00** |

**Kelab Usahawan 1 Juta**
Kelab Usahawan 1 Juta (KU1J) ialah program anjuran Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) melalui Bahagian Pembangunan Usahawan Desa (BPUD). Program ini adalah kerjasama dengan syarikat RichWorks International Sdn. Bhd. yang membuka peluang kepada usahawan desa untuk meningkatkan pendapatan melalui program bimbingan yang dapat meningkatkan ilmu serta memberi panduan kepada mereka untuk menjadi lebih maju.

FELCRA Berhad telah mengemukakan enam (6) orang usahawan yang berpotensi dan tiga (3) orang telah terpilih untuk mengikuti program ini. Usahawan tersebut ialah Muhammad Yusof bin Fauzi dari FB Ayer Hitam, Negeri Sembilan; Mohd Nurhakim Mohd Hashim dari FB Samarahan, Sarawak dan Lizawati binti Chekman dari FB Ramuan China, Melaka.

Seramai 19 orang usahawan daripada 25 usahawan desa dalam program ini telah berjaya mencapai jualan lebih RM1 juta dalam tempoh setahun dan dua (2) orang daripadanya terdiri daripada usahawan bimbingan FELCRA Berhad, iaitu Muhammad Yusoff bin Fauzi dan Mohd Nurhakim bin Mohd Hashim yang telah mencapai jualan lebih daripada RM1 juta. Butiran usahawan tersebut sepertimana jadual di bawah:

| Bil | Nama | Produk | Kawasan | Jumlah Pendapatan Tahun 2023 (RM) |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Muhammad Yusoff bin Fauzi | Sambal Rindu | FB Ayer Hitam, Negeri Sembilan | 1,339,085.00 |
| 2 | Mohd Nurhakim bin Mohd Hashim | Cafe Pinang Bistro | FB Samarahan, Sarawak | 1,020,586.00 |
| 3 | Lizawati binti Chekman | Atok Kayo Cafe | FB Ramuan China, Melaka | 411,932.00 |



KU1J.

## AKTIVITI BAHAGIAN 2023

**Projek Ternakan Kelulut 1**
Program ini menggunakan bajet RP3 yang melibatkan tiga kawasan, iaitu FB Weng, FB Seberang Perak dan FB Keruak. Pelaksanaan projek ternakan kelulut adalah untuk mewujudkan persekitaran taman ternakan kelulut yang menarik, kondusif dan menjadikan lokasi tarikan pelancong. Selain itu, projek ternakan ini akan dapat memantapkan sumber pendapatan komuniti usahawan desa.







Projek Ternakan Kelulut di FB Weng, Kedah.





Projek Ternakan Kelulut di FB Seberang Perak, Perak.

**Projek Tanaman Herba 2**
Program ini menggunakan bajet RP3, melantik pihak Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) sebagai Perunding yang menyalurkan khidmat nasihat bagi pelaksanaan projek berasaskan herba secara selingan dan tanaman tunggal (monocrop) yang dapat menjana pendapatan untuk jangka pendek, sederhana, dan panjang.

Tanaman herba tersebut merangkumi pokok kacip fatimah, serai, limau kasturi dan pokok kapal terbang.

Projek ini memberi manfaat kepada komuniti terutamanya bagi menambahkan pendapatan keluarga dan peluang pekerjaan di desa.


Projek Tanaman Herba FB Bayai.


Projek Tanaman Herba Kacip Fatimah.


Projek Tanaman Herba Limau Kasturi.


Projek Tanaman Herba Pokok Kapal Terbang.

**Program Kelestarian dan Kemampanan Infrastruktur Pelancongan Desa**

Pada tahun 2023, Cawangan Perundingan dan Ventures Baru telah menerima peruntukan sebanyak RM3,290,000.00 yang merupakan geran Wang Pembangunan Kerajaan RP3 untuk melaksanakan program Kelestarian dan Kemampanan Infrastuktur Pelancongan Desa yang melibatkan lapan (8) buah negeri.





Membina jeti ekopelancongan baru di Kampung Inderasabah, Tawau, Sabah.



Bina Inap Desa Baru di Sungai Temau, Pahang.

**Program Perlengkapan Kampung - Premis Perniagaan**
Program ini menggunakan peruntukan geran Wang Pembangunan Kerajaan (RP3). Program ini membantu usahawan bimbingan FELCRA Berhad dengan menyediakan Premis Perniagaan yang kondusif bagi tujuan meningkatkan pendapatan usahawan. Pada tahun 2023, seramai **66** orang usahawan dari 12 negeri telah menerima bantuan ini dengan peruntukan berjumlah **RM2,000,000.00.**



Membaik pulih rumah rakit, FB Tembeling Tengah, Pahang.



Membina premis pemprosesan biskut dan aiskrim.

**Program Sokongan Pengukuhan Keusahawanan Luar Bandar (SPKLB)**
Program ini menggunakan peruntukan geran Wang Amanah daripada KKDW. Objektif program ini adalah untuk membantu menampung kos operasi dan keperluan modal pusingan bagi meneruskan kelangsungan perniagaan terutamanya selepas pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang menjejaskan banyak peniaga-peniaga kecil dan luar bandar. Pada tahun 2023, seramai **40** orang usahawan telah menerima bantuan ini dengan peruntukan berjumlah **RM200,000.00**.



Pembekalan mesin untuk perniagaan ternakan lembu, FB Kg Awat.



Pembekalan peralatan untuk cafe (Cafe Royal Gelato), FB Sungai Semberong.

**Program Industri Desa**

Program Industri Desa ialah salah satu program di bawah peruntukan Syarikat; bajet Hal Ehwal Peserta (HEP). Program ini memberi bantuan geran dengan nilai RM5,000.00/ individu kepada usahawan bimbingan FELCRA Berhad untuk tujuan membaik pulih premis dan pembekalan mesin atau peralatan. Jumlah keseluruhan nilai geran yang diperuntukkan bagi tahun 2023 ialah sebanyak RM120,000.00 kepada 24 orang usahawan.

# Kumpulan Hal Ehwal Peserta dan Komunikasi

## Bahagian Pengurusan Informasi Peserta

Bahagian Pengurusan Informasi Peserta merupakan salah satu unit di bawah kumpulan Hal Ehwal Peserta yang terbahagi kepada dua cawangan, iaitu Cawangan Khidmat Informasi Peserta dan Cawangan Khidmat Kewangan Peserta.

Bahagian Informasi Peserta mempunyai sembilan orang staf yang terdiri daripada Pengurus Besar, Pengurus Kanan, Pengurus Pentadbiran, Eksekutif, Penolong Eksekutif Kanan serta Penolong Eksekutif.

Bagi Cawangan Khidmat Informasi Peserta memfokuskan kepada pengurusan maklumat informasi peserta, keluarga peserta serta maklumat-maklumat lain di dalam sistem PPPLS. Manakala Cawangan Khidmat Kewangan Peserta memfokuskan kepada bayaran keuntungan boleh agih tahunan dan bulanan kepada peserta FELCRA Berhad.

**Objektif Bahagian**

- Fokus terhadap Mekanisma Pengurusan Data dan Informasi yang lebih berkesan.
- Faktor Kecukupan dan Ketepatan Informasi serta kaedah pengurusan yang lebih cekap.
- Platform pengurusan kumpulan HEP yang signifikan bagi memacu pembangunan sosial ekonomi peserta.

**Visi**

Visi Bahagian Pengurusan Informasi Peserta adalah satu platform Informasi Kumpulan Hal Ehwal Peserta yang efektif dan relevan dalam mengurus kepentingan peserta.

**Misi**

- Merupakan "Back – Bone @ "Anchor" Kumpulan Hal Ehwal Peserta untuk Perkhidmatan Informasi Peserta dan Kewangan yang efektif.
- Memberi momentum pembangunan syarikat yang lebih mapan.

### PENCAPAIAN BAHAGIAN 2023

**Maklumat Pemilikan dan Profil Peserta bagi Tahun 2023**

Bagi penyediaan maklumat peserta FELCRA Berhad ini diuruskan oleh Cawangan Khidmat Informasi Peserta dengan penyediaan laporan maklumat peserta ini merangkumi pemilikan, bilangan peserta, luas pegangan, jenis tanah berdasarkan pengisian oleh staf kawasan dan wilayah di dalam sistem PPPLS. Rujuk jadual di bawah:

| Bil | Perkara | Bil Peserta | Luas Pegangan Peserta |
|---|---|---|---|
| 1 | Januari - Mac | 106,835 | 142,165 |
| 2 | April - Jun | 106,835 | 142,165 |
| 3 | Julai - September | 107,134 | 142,448 |
| 4 | Oktober- Disember | 107,336 | 142,597 |

*Jadual 13: Maklumat Pemilikan dan Profil Peserta Tahun 2023.*

**Bayaran Agihan Keuntungan Boleh Agih**
Bagi Agihan Bayaran Keuntungan Boleh Agih ini diuruskan oleh Cawangan Khidmat Kewangan Peserta yang keuntungannya merupakan agihan lebihan pendapatan projek yang untung dan boleh diagih kepada peserta. Bayaran ini dibayar sebanyak 3 kali setahun, iaitu interim 1, Interim 2 dan bayaran akhir. Sila rujuk jadual di bawah.

| Bil | Jenis Interim | Tarikh Agihan | Jumlah Peserta | Jumlah Agihan (RM) |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Interim 1/2023 | Jun 2023 | 52,131 | 57,600,500.56 |
| 2 | Interim 2/2023 | Nov 2023 | 43,965 | 54,654,374.05 |
| 3 | Bayaran Akhir 2023 | Mac 2024 | 35,331 | 75,782,988.55 |
| **Jumlah Keseluruhan** | | | **131,427** | **188,037,863.16** |

*Jadual 14: Rumusan Bayaran Keuntungan Boleh Agih Bagi Tahun 2023.*

**Bantuan Musim Tengkujuh (BMT)**
Bantuan Musim Tengkujuh atau singkatannya, BMT ialah bantuan tahunan yang dikeluarkan oleh RISDA bagi membantu pekebun kecil dan penoreh getah yang terjejas pendapatannya sepanjang tempoh musim tengkujuh.

Bahagian Pengurusan Informasi Peserta menguruskan penyediaan maklumat peserta yang layak seterusnya membuat permohonan kepada pihak RISDA bagi tujuan bayaran.

Bantuan ini layak diberikan kepada peserta tanaman getah yang mempunyai jumlah tanah berkeluasan 0.1 hingga 2.5 hektar sahaja dengan kadar RM800/individu. Rujuk jadual di bawah:

| Bil | Negeri | Jumlah Kawasan | Jumlah Projek | Jumlah Peserta | Jumlah Bayaran (RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Johor | 6 | 8 | 77 | 301,600 |
| 2 | Kedah | 8 | 30 | 941 | 752,800 |
| 3 | Kelantan | 2 | 6 | 478 | 382,400 |
| 4 | N. Sembilan | 9 | 31 | 1,145 | 916,000 |
| 5 | Pahang | 17 | 55 | 3,162 | 2,529,600 |
| 6 | Perak | 10 | 17 | 990 | 792,000 |
| 7 | Perlis | 1 | 1 | 1 | 800 |
| 8 | Sabah | 1 | 1 | 22 | 17,600 |
| 9 | Selangor | 2 | 9 | 179 | 143,200 |
| 10 | Terengganu | 3 | 4 | 410 | 328,000 |
| **Jumlah Besar** | | **59** | **162** | **7,705** | **6,164,000** |

*Jadual 15: Ringkasan Bayaran Bantuan Musim Tengkujuh (BMT).*

**Insentif Pengeluaran Getah (IPG)**
Insentif Pengeluaran Getah (IPG) merupakan inisiatif yang dilaksanakan oleh kerajaan. IPG akan diaktifkan sekiranya harga purata bulanan peringkat ladang bagi getah cuplump berada di paras RM2.70 sekilogram ke bawah. Bagi tahun 2023, IPG teraktif bagi bulan Januari sehingga bulan September 2023. Bahagian Pengurusan Informasi Peserta menguruskan penyediaan maklumat peserta yang layak untuk tujuan bayaran secara terus ke akaun bank peserta.

| Bil | Bulan | Jumlah Peserta | Jumlah Bayaran (RM) |
|---|---|---|---|
| 1 | Januari | 1048 | 67,599 |
| 2 | Februari | 1037 | 18,372 |
| 3 | Mac | 1035 | 23,610 |
| 4 | April | 1008 | 50,781 |
| 4 | Mei | 1130 | 58,798 |
| 6 | Jun | 1146 | 79,427 |
| 7 | Julai | 1261 | 103,097 |
| 8 | Ogos | 1193 | 147,535 |
| 9 | September | 1199 | 14,115 |
| **Jumlah Keseluruhan** | | **10057** | **563,334** |

*Jadual 16: Rumusan Bulanan Bayaran IPG.*

**Program Semakan Fail Peribadi Peserta**
Program ini diadakan bagi menyediakan serta memastikan fail peribadi Peserta dilengkapi dengan maklumat yang terkini dan memenuhi keperluan pensijilan MSPO demi memastikan jaminan pendapatan bagi ladang-ladang Peserta. Ia juga bertujuan untuk menjadikan rujukan dan sumber utama kepada maklumat Peserta yang akan disimpan ke dalam sistem PPPLS (Plantation Profiling, Participants, Land and Survey) FELCRA.

Skop program ini adalah untuk membuat semakan fizikal ke atas ruang penyimpanan fail peribadi peserta dan membuat semakan ke atas maklumat yang terdapat di dalam fail bagi memastikan rujukan maklumat peserta adalah benar, tepat dan betul.

Bagi pelaksanaan program ini pada tahun 2023, sejumlah lapan (8) buah Kawasan yang melibatkan 8,575 orang peserta telah selesai disenaraikan Kawasan yang terlibat mengikut Wilayah sebagaimana berikut:

| Bil | Wilayah | Negeri | Kawasan | Bil Peserta |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Tengah | Negeri Sembilan | Bukit Jelai | 699 |
| 2 | Tengah | Melaka | Bertam Malim | 2956 |
| 3 | Tengah | Melaka | Sri Mendapat | 460 |
| 4 | Pahang | Pahang | Anak Endau | 1248 |
| 5 | Perak | Perak | Gunong Tunggal | 736 |
| 6 | Johor | Johor | Pogoh | 1138 |
| 7 | Johor | Johor | Bukit Kepong | 379 |
| 8 | Pahang | Pahang | Sungai Kambang | 959 |
| **Jumlah Peserta** | | | | **8575** |

*Jadual 17: Senarai Kawasan bagi Semakan Fail Peribadi Peserta.*

Melalui Program Semakan Fail Peribadi Peserta ini, pihak Kawasan telah memohon peruntukan dan bajet bagi pembelian kelengkapan fail peribadi peserta dan sebagainya dengan menggunakan bajet HEP Bahagian Informasi Peserta. Berikut merupakan perincian permohonan oleh Kawasan pada tahun 2023:

| Bil | Wilayah | Kawasan | Permohonan Bajet (RM) | Jumlah Bajet Diluluskan (RM) | Butiran Kelengkapan |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Tengah | Sri Mendapat | 1,800.00 | 1,800.00 | • Carian Rasmi |
| 2 | Pahang | Anak Endau | 7,000.00 | 7,000.00 | • Kabinet Fail Besi<br>• Poket Fail<br>• Kulit Fail Putih (Tebal) |
| 3 | Johor | Bukit Kepong | 3,700.00 | 3,700.00 | • Kabinet Besi<br>• Fail Peribadi<br>• Kertas A4 |

*Jadual 18: Rumusan Permohonan Bajet dari Kawasan.*

**Program Pendaftaran Portal E-Peserta**

Portal e-Peserta FELCRA Berhad ini merupakan medium penghubung di antara Pengurusan FELCRA Berhad dengan peserta-peserta. Program ini bertujuan untuk memberikan penerangan kepada peserta untuk mendaftar dan mengemaskini maklumat peserta di dalam Portal e-Peserta. Pihak bahagian Informasi peserta akan membantu peserta dari segi pendaftaran akaun dan pengesahan maklumat apabila peserta telah selesai mendaftar di e-Portal Peserta.

Promosi dan pendedahan terus giat dijalankan kepada peserta kerana peratusan peserta yang mendaftar masih rendah oleh sebab faktor umur peserta yang kebanyakannya berumur 60 tahun ke atas. Pada tahun 2023, tujuh belas (17) program telah dijalankan bagi pendaftaran dan taklimat portal e-Peserta bersama pihak Bahagian Informasi Peserta. Jadual di bawah menunjukkan jumlah Kawasan yang terlibat dalam pendaftaran portal e-Peserta pada tahun 2023.

| Wilayah | Negeri | Bil Peserta Mendaftar 2023 |
|---|---|---|
| Utara | Perlis | 5 |
| | Kedah | 24 |
| | P.pinang | 9 |
| Perak | Perak | 570 |
| Tengah | Selangor | 78 |
| | Negeri Sembilan | 285 |
| | Melaka | 111 |
| Johor | Johor | 316 |
| Pahang | Pahang | 757 |
| Terengganu | Terengganu | 400 |
| Kelantan | Kelantan | 31 |
| Sarawak | Sarawak | 135 |
| Sabah | Sabah | 14 |
| **Jumlah Keseluruhan** | | **2,735** |

*Jadual 19: Jumlah Peserta yang Mendaftar Portal e-Peserta bagi Tahun 2023.*

| Bil | Tarikah | Wilayah | Kawasan | Bil Projek |
|---|---|---|---|---|
| 1 | 11 Mei 2023 | Pahang | Anak Endau | 4 |
| 2 | 20 Jun 2023 | Terengganu | Darat Datuk | 1 |
| 3 | 8 Julai 2023 | Tengah | Purun | 4 |
| 4 | 13 Julai 2023 | Terengganu | Pelong | 5 |
| 5 | 22 Julai 2023 | Kelantan | Berangan Mek Nab | 2 |
| 6 | 8 Ogos 2023 | Tengah | Temeris | 2 |
| 7 | 16 Sept 2023 | Johor | Sri Mersing | 3 |
| 8 | 21Sept 2023 | Terengganu | Darat Datuk | 5 |
| 9 | 21 Sept2023 | Utara | Iboi Tiak | 1 |
| 10 | 16 Okt 2023 | Terengganu | Bukit Kapah | 1 |
| 11 | 17 Okt 2023 | Terengganu | Banggol Gajah Mati | 5 |
| 12 | 23 Okt 2023 | Terengganu | Limau Nipis | 4 |
| 13 | 7 Nov 2023 | Pahang | Sungai Pengawal | 1 |
| 14 | 9 Nov 2023 | Pahang | Sungai Pengawal | 2 |
| 15 | 21 Nov 2023 | Terengganu | Jongok Batu | 2 |
| 16 | 19 Dis 2023 | Johor | Sungai Sepuluh | 4 |
| 17 | 19 Dis 2023 | Johor | Batu 3 ½ Paloh | 4 |

*Jadual 20:Senarai kawasan yang terlibat dengan Pendaftaran dan Taklimat Portal e-Peserta.*

## AKTIVITI BAHAGIAN 2023

**Program Semakan Fail Peribadi Peserta**

Bagi tahun 2023, lapan (8) Kawasan telah terlibat di dalam Program Semakan Fail Peribadi Peserta.

| Bil | Tarikh | Wilayah | Negeri | Kawasan |
|---|---|---|---|---|
| 1 | 26-27 Jan 2023 | Tengah | Negeri Sembilan | Bukit Jelai |
| 2 | 7-8 Feb 2023 | Tengah | Melaka | Bertam Malim |
| 3 | 9-10 Feb 2023 | Tengah | Melaka | Sri Mendapat |
| 4 | 12 Mei 2023 | Pahang | Pahang | Anak Endau |
| 5 | 27-28 Julai 2023 | Perak | Perak | Gunong Tunggal |
| 6 | 14-15 Ogos 2023 | Johor | Johor | Pogoh |
| 7 | 16-17 Ogos 2023 | Johor | Johor | Bukit Kepong |
| 8 | 8 Nov 2023 | Pahang | Pahang | Sungai Kambang |



Semakan fail peribadi peserta di kawasan Gunong Tunggal Perak pada 27-28 Julai 2023.



Semakan Fail Peribadi Peserta di FELCRA Berhad Kawasan Bukit Kepong pada 16-17 Ogos 2023.



Program Semakan Fail di FELCRA Berhad Kawasan Sungai Kambang pada 8 November 2023.

**Program Pendaftaran dan Taklimat Portal E-Peserta bagi Tahun 2023**

| Bil | Tarikh | Wilayah | Kawasan | Bil Projek |
|---|---|---|---|---|
| 1 | 11 Mei 2023 | Pahang | Anak Endau | 4 |
| 2 | 20 Jun 2023 | Terengganu | Darat Datuk | 1 |
| 3 | 8 Julai 2023 | Tengah | Purun | 4 |
| 4 | 13 Julai 2023 | Terengganu | Pelong | 5 |
| 5 | 22 Julai 2023 | Kelantan | Berangan Mek Nab | 2 |
| 6 | 8 Ogos 2023 | Tengah | Temeris | 2 |
| 7 | 16 Sept 2023 | Johor | Sri Mersing | 3 |
| 8 | 21 Sept 2023 | Terengganu | Darat Datuk | 5 |
| 9 | 21 Sept2023 | Utara | Iboi Tiak | 1 |
| 10 | 16 Okt 2023 | Terengganu | Bukit Kapah | 1 |
| 11 | 17 Okt 2023 | Terengganu | Banggol Gajah Mati | 5 |
| 12 | 23 Okt 2023 | Terengganu | Limau Nipis | 4 |
| 13 | 7 Nov 2023 | Pahang | Sungai Pengawal | 1 |
| 14 | 9 Nov 2023 | Pahang | Sungai Pengawal | 2 |
| 15 | 21 Nov 2023 | Terengganu | Jongok Batu | 2 |
| 16 | 19 Dis 2023 | Johor | Sungai Sepuluh | 4 |
| 17 | 19 Dis 2023 | Johor | Batu 3 ½ Paloh | 4 |



Program Pandaftaran dan Taklimat Portal e-Peserta di FELCRA Berhad Kawasan Anak Endau pada 11 Mei 2023.



Program Pendaftaran dan Taklimat Portal di FELCRA Berhad kawasan Darat Datuk pada 21 September 2023.




Program Pendaftaran dan Taklimat Portal di FELCRA Berhad Kawasan Sungai Pengawal pada 9 November 2023.



Program Pendaftaran dan Taklimat Portal di FELCRA Berhad Sungai Pengawal pada 9 November 2023.

**Program Pendaftaran dan Taklimat Portal E-Peserta bagi Tahun 2023**

| Bil | Perkara | Bil Peserta | Luas Pegangan Peserta |
|---|---|---|---|
| 1 | Bayaran Intensif Pengeluaran Getah (IPG) | Lembaga Getah Malaysia | 20 Jan 2023 |
| 2 | Persediaan Banci Pekebun Kecil 2023 di RISDA | RISDA | 9 Feb 2023 |
| 3 | Perbincangan CR JKKP | Bahagian Pengurusan & Perhubungan Peserta | 21 Feb 2023 |
| 4 | Sumbangan Tunai Rahmah | Kementerian Kewangan | 1 Mac 2023 |
| 5 | Permohonan Mendapatkan Data Agensi di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah untuk kegunaan projek pembangunan Data Raya Negeri Melaka. | Jabatan Ketua Menteri Melaka | 2 Mei 2023 |
| 6 | Kunjung Hormat PERKESO ke FELCRA Berhad | PERKESO | 21 Jun 2023 |
| 7 | Permohonan data individu/profil individu dan pertubuhan perniagaan yang terlibat dalam sektor/aktiviti pertanian, perhutanan, perladangan dan komoditi | Bahagian Metodologi dan Penyelidikan, Jabatan Perangkaan Malaysia | 25 Ogos 2023 |
| 8 | Permohonan semakan maklumat/pengesahan status anak/cucu peserta bagi kemasukan ke Program Perantisan di Germany di bawah latihan Dual Vokasional (Ausbildung). | FELCRA Education Services Sdn. Bhd. | 5 Dis 2023 |
| 9 | Taklimat FELCRA Berhad kepada Jawatankuasa Penasihat kepada Menteri Kewangan (ACFIN) mengenai pembabitan FELCRA di dalam industri getah asli. | Jawatankuasa Penasihat kepada Menteri Kewangan (ACFIN) | 18 Dis 2023 |



Persediaan Banci Pekebun Kecil Getah 2023 pada 20 Januari 2023.

**Kursus Participant Plantation Profiling Land And Survey (PPPLS) dan Portal E-Peserta Tahun 2023**
Kursus Participants Plantation Profiling Land & Survey (PPPLS) dan Portal E-Peserta tahun 2023 ini dihadiri oleh staf sosial peserta lantikan baru di Kawasan dan Wilayah pada 11-13 September 2023.






Kursus PPPLS dan Portal e-Peserta pada 11-13 september 2023.

**Sumbangan Buku bagi PKD Sungai Layau**
Sumbangan buku daripada kalangan Staf FELCRA Berhad kepada Bahagian Pengurusan Informasi Peserta yang bermula kutipan pada 22 Oktober 2023 sehingga 10 November 2023. Sumbangan ini akan diberikan kepada Pusat Komuniti Desa Sungai Layau.




Poster Sumbangan Buku.



Sumbangan Buku daripada Staf FELCRA Berhad HQ.

# Kumpulan Hal Ehwal Peserta dan Komunikasi

**Bahagian Tanah dan Ukur**

**Objektif Bahagian**

- Memastikan peserta projek FELCRA Berhad menerima naskhah perjanjian yang telah dimeterai dalam tempoh yang ditetapkan pengurusan syarikat, memastikan pelaksanaan pengurusan penarikan diri individu dari projek dan penyerahan semula projek tidak berdaya maju kepada peserta dijalankan dengan sistematik dan efisien serta konsisten dalam pengendalian isu-isu perundangan yang melibatkan peserta projek demi menjaga imej dan kepentingan syarikat khususnya.
- Mengurus hal ehwal tanah Syarikat dan tanah peserta selaras dengan prosedur, peraturan, syarat dan Akta Tanah serta menyelaras dokumentasi hal ehwal tanah dan ukur yang berkaitan proses mendapatkan hak milik bagi tanah untuk Syarikat dan peserta.
- Mengurus dan melaksanakan kerja-kerja berkaitan pengukuran tanah di projek-projek FELCRA Berhad selaras dengan keperluan dan kehendak yang diperlukan oleh syarikat berdasarkan Peraturan-peraturan Ukur yang telah ditetapkan oleh Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia (JUPEM).

## PENCAPAIAN BAHAGIAN 2023

### Pencapaian Cawangan Pengurusan Perundangan Peserta




| | Johor | Kedah | Kelantan | Melaka | Negeri Sembilan | Pulau Pinang | Pahang | Perak | Perlis | Sabah | Sarawak | Selangor | Terengganu |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Bil Lot | 9,805 | 1,880 | 1,814 | 1,874 | 6,884 | 304 | 19,022 | 13,274 | 382 | 1,415 | 8,536 | 2,104 | 4,788 |
| Bil Peserta | 11,244 | 2,312 | 2,254 | 4,710 | 14,994 | 815 | 24,320 | 19,347 | 465 | 2,275 | 11,145 | 2,627 | 6,712 |
| Bil Projek | 117 | 49 | 22 | 46 | 123 | 13 | 218 | 157 | 2 | 41 | 116 | 26 | 93 |

- Graf di atas menunjukkan status bilangan lot, peserta dan projek FELCRA Berhad bagi naskah perjanjian yang telah ditandatangani oleh peserta FELCRA Berhad mengikut negeri.
- Sejumlah 72,082 lot yang melibatkan seramai 103,220 peserta yang telah menandatangani perjanjian.
- Sejumlah 1,023 projek yang terlibat.

**Status Naskah Perjanjian Peserta FELCRA Berhad yang Belum Menandatangani Perjanjian Sehingga 31 Disember 2023**




| | Johor | Kedah | Kelantan | Melaka | Negeri Sembilan | Pulau Pinang | Pahang | Perak | Perlis | Sabah | Sarawak | Selangor | Terengganu |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Bil Lot | 49 | 74 | 12 | 508 | 264 | 6 | 228 | 50 | - | 57 | 954 | 106 | 9 |
| Bil Peserta | 55 | 95 | 13 | 1,337 | 533 | 10 | 289 | 103 | - | 70 | 1,131 | 113 | 12 |
| Bil Projek | 20 | 11 | 6 | 38 | 63 | 5 | 50 | 25 | - | 12 | 55 | 17 | 9 |

- Graf di atas menunjukkan status bilangan lot, peserta dan projek FELCRA Berhad bagi naskah perjanjian yang belum ditandatangani oleh peserta FELCRA Berhad mengikut negeri.
- Sejumlah 2,317 lot yang melibatkan seramai 3,761 peserta yang belum menandatangani perjanjian.
- Sejumlah 311 projek yang terlibat.

**Pencapaian Cawangan Pengurusan Perundangan Peserta**

Rumusan Aset Felcra Mengikut Negeri Sehingga Disember 2023

| Negeri | Bil Lot | Luas (Ha) | Anggaran Nilai Aset (RM) |
|---|---|---|---|
| Wilayah Persekutuan (Kl) | 5 | 3.69 | 1,476,000.00 |
| Selangor | 4 | 6.54 | 2,616,000.00 |
| Sabah | 378 | 10,192.11 | 2,548,036,500.00 |
| Sarawak | 32 | 18,426.76 | 4,608,241,000.00 |
| Perlis | 6 | 17.75 | 5,055,500.00 |
| Kedah | 75 | 1,749.52 | 442,081,000.00 |
| Perak | 1,146 | 6,258.25 | 1,608,241,000.00 |
| Kelantan | 37 | 1,827.67 | 459,088,000.00 |
| Terengganu | 44 | 410.07 | 112,480,500.00 |
| Pahang | 200 | 332.49 | 101,157,000.00 |
| Johor | 9 | 37.50 | 15,000,000.00 |
| Negeri Sembilan | 24 | 495.89 | 126,080,000.00 |
| Melaka | 15 | 115.29 | 34,219,500.00 |
| **Jumlah** | 1,975 | 39,873.53 | 10,063,772,000.00 |

- Jadual di atas menunjukkan bilangan aset yang dimiliki oleh FELCRA sehingga 31 Disember 2023 sebanyak 1,975 lot yang melibatkan 13 buah negeri.
- Sehingga 31 Disember 2023 keluasan terkini keseluruhan aset FELCRA adalah 39,873.53 hektar melibatkan penggunaan jenis tanah bagi bangunan (635.93 ha) & pertanian (39,237.60 ha).
- Untuk anggaran nilai aset FELCRA sehingga Disember 2023 berjumlah RM 10, 063,772,000.00 dengan purata RM 25/meter bagi pertanian & bangunan RM40/meter.

Pemilikan Aset Felcra Berhad Berstatus Gsa Sehingga Disember 2023

| Bil | Negeri | Bil Lot | Luas (Hektar) | Anggaran Nilai Aset (RM) |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Johor | 2,979 | 5,925.84 | 1,481,460,000.00 |
| 2 | Kedah | 1,265 | 3,361.40 | 840,350,000.00 |
| 3 | Kelantan | 213 | 180.35 | 45,087,500.00 |
| 4 | Melaka | 416 | 821.78 | 205,445,000.00 |
| 5 | N.sembilan | 1,737 | 3,231.41 | 807,852,500.00 |
| 6 | Pahang | 2,508 | 3,973.58 | 993,395,000.00 |
| 7 | Perak | 4,104 | 5,547.52 | 1,386,880,000.00 |
| 8 | Terengganu | 2,046 | 4,628.69 | 1,157,172,500.00 |
| **Jumlah Keseluruhan** | | **15,268** | **27,670.57** | **6,917,642,500.00** |

- Jadual di atas menunjukkan pemilikan aset peserta FELCRA sehingga Disember 2023 melibatkan tanah berstatus GSA
- Sehingga Disember 2023, sebanyak 15, 268 lot peserta telah menerima suratan hak milik dan telah menandatangani perjanjian peserta
- Anggaran nilai aset peserta berjumlah rm 6, 917,642,500.00 iaitu purata RM 25/ meter persegi.

Pengurusan Menara Telekomunikasi Di Projek Felcra Sehingga Disember 2023

| Bil | Negeri | Bilangan Menara Telekomunikasi | Pendapatan 2021 (RM) | Pendapatan 2022 (RM) | Pendapatan 2023 (RM) | Jumlah Pendapatan (RM) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Kedah | 1 | - | - | 24,097.41 | 24,097.41 |
| 2 | Penang | 0 | - | - | - | - |
| 3 | Perlis | 0 | - | - | - | - |
| 4 | Perak | 0 | - | - | - | - |
| 5 | Johor | 1 | 7,200.00 | 19,560.00 | 13,200.00 | 39,960.00 |
| 6 | Pahang | 7 | 6,702.60 | 3,351.30 | 872,160.72 | 882,214.62 |
| 7 | Sarawak | 0 | - | - | - | - |
| 8 | Selangor | 0 | - | - | - | - |
| 9 | Melaka | 0 | - | - | - | - |
| 10 | Negeri Sembilan | 1 | - | 9,600.00 | 19,200.00 | 28,800.00 |
| 11 | Terengganu | 3 | 15,972.00 | 126,744.00 | 54,360.00 | 197,076.00 |
| 12 | Kelantan | 0 | - | - | - | - |
| 13 | Sabah | 2 | - | 85,068.00 | 114,537.42 | 199,605.42 |
| **Jumlah** | | **15** | **29,874.60** | **244,323.30** | **1,097,555.55** | **1,371,753.45** |

- Jadual di bawah menunjukkan bilangan menara telekomunikasi menigikut negeri sehingga Disember 2023. Berdasarkan jadual sebanyak 15 buah menara telekomunikasi yang berada di projek FELCRA seluruh negara.
- Sehingga tahun 2023, pendapatan dari sewaan tapak menara telekomunikasi yang telah direkodkan sebanyak RM 1,371,753.45.
- Pada tahun 2024, terdapat 10 buah menara telekomunikasi akan dibuat pemutihan dan hanya 14 buah menara yang masih aktif.

## Pencapaian Cawangan Pengurusan Ukur

Sasaran KPI Pendapatan Ukur bagi tahun 2023 adalah sebanyak RM 2.5 juta dengan anggaran bilangan projek yang akan dilaksanakan sebanyak 80 projek merangkumi anggaran keluasan 13,578.18 Hektar. Sehingga Disember 2023 Cawangan Pengurusan Ukur telah mencapai sasaran Pendapatan Ukur sebanyak RM 2,921,772.52 dengan bilangan projek sebanyak 89 projek dan jumlah keluasan sebanyak 10,452.293 Hektar. Jadual 1 menunjukkan Sasaran dan Pencapaian bagi tahun 2023.

| Perkara | Pendapatan Ukur (RM) | Bilangan Projek | Luas (Ha) |
|---|---|---|---|
| Sasaran 2023 | 2,500,000.00 | 80 | 13,578.18 |
| Capai 2023 | 2,921,771.52 | 89 | 10,452.29 |

*Jadual 1: Sasaran Dan Pencapaian Sehingga 31 Disember 2023.*




Peningkatan sebanyak 16% dalam perolehan Pendapatan Ukur bagi tahun 2023.

Sasaran bilangan projek yang dianggarkan pada tahun 2023 adalah sebanyak 80 projek, sehingga Disember 2023 Cawangan Pengurusan Ukur telah melaksanakan sebanyak 89 projek yang telah siap diukur. Jadual 2 menunjukkan Pecahan Bilangan Projek Mengikut Jenis Ukuran.

| Bil | Jenis Ukuran | Bilangan Projek | Luas (Ha) |
|---|---|---|---|
| 1 | Ukuran Hakmilik | 6 | 75.439 |
| 2 | Ukuran Keliling | 3 | 4,220.125 |
| 3 | Ukuran Akhir | 42 | 7,987.386 |
| 4 | Ukuran Pelbagai | 10 | 697,123 |
| **Jumlah Keseluruhan** | | **89** | **12,980.073** |

*Jadual 2: Pecahan Bilangan Projek Mengikut Jenis Ukuran.*




Peningkatan sebanyak 11% dalam bilangan projek yang telah siap diukur bagi tahun 2023.

## AKTIVITI / PROGRAM UTAMA BAHAGIAN 2023

**Prosesan Naskhah Perjanjian Peserta Felcra Berhad**

Aktiviti pemprosesan naskhah perjanjian peserta FELCRA Berhad di peringkat Ibu Pejabat dari semakan maklumat di naskhah perjanjian, pengesahan tandatangan naskhah sehingga ke peringkat mati setem di LHDN.



Pengesahan tandatangan naskah perjanjian peserta oleh Pegawai yang diberi kuasa oleh FELCRA Berhad.



Pengisian maklumat peserta FELCRA Berhad ke dalam system STAMPS LHDN.




Perbincangan dengan agensi LHDN untuk proses mati setem.



Penghantaran naskhah perjanjian ke LHDN untuk proses mati setem.

**Program Kursus Pengurusan Tanah Wilayah Sabah**

Taklimat Kursus Pengurusan Tanah di setiap Wilayah di seluruh Malaysia yang meliputi tiga buah Cawangan di bawah Bahagian Tanah Dan Ukur iaitu Cawangan Pengurusan Perundangan Peserta, Cawangan Pengurusan Tanah dan Cawangan Pengurusan Ukur. Taklimat adalah berkaitan dengan kerja-kerja perlaksanaan tanah, perundangan peserta dan ukur serta penerangan SOP bagi ketiga-tiga buah Cawangan di bawah Bahagian Tanah Dan Ukur.



Ucaptama oleh Pengurus Besar Bahagian Tanah Dan Ukur.




Taklimat perundangan peserta oleh Pengurus Kanan Perundangan Peserta.



Taklimat ukur oleh Pengurus Kanan Ukur.



Peserta kursus yang terdiri daripada staf Wilayah dan Kawasan Sabah.

**Majlis Penyampaian Moc Cheque Bayaran Notis 5A Bagi Pemilikan Felcra Berhad Di Negeri Pahang Tahun 2023**

Penyampaian moc cheque bagi Bayaran Premium (notis 5A) sebanyak RM 97, 477, 822.00 disampaikan oleh Pengurus Besar Pengurusan Tanah Dan Ukur, Tuan Haji Abdullah Sohaini Bin Haji Hassan. Bayaran Notis 5A ini melibatkan bayaran bagi permohonan fasa 1 yang diluluskan sebanyak 20 lot dengan keluasan 836.223 hektar




Majlis karnival tanah di Pahang.




Moc cheque disampaikan oleh PB Tanah & Ukur di majlis karnival tanah di Pahang.

**Lawatan Tapak Menara Telekomunikasi Di Felcra Bukit Tampoi 3, Kedah Darul Aman**

Lawatan tapak menara telekomunikasi di projek Bukit Tampoi 3, daerah Pokok Sena, Kedah Darul Aman bersama Ketua Unit Perancang Wilayah Utara bersama Pengurusan Kawasan Bukit Tampoi. Menara ini telah dibina pada tahun 2006 dan dimiliki oleh Syarikat Yiked Bina Sdn Bhd.



Lawatan tapak di menara telekomunikasi oleh Pengurus Besar Tanah & Ukur.

**Majlis Penyampaian Suratan Hak Milik Peserta Projek Felcra Bukit Nikmat, Felcra Berhad Kawasan Durian Hijau, Temerloh, Pahang**

Majlis ini diadakan pada 9 Januari 2023 dan dirasmikan oleh YAB Menteri Besar Negeri Pahang, Dato Sri Wan Rosly Bin Wan Ismail. seramai 44 orang peserta dari projek Bukit Nikmat 1 & 89 orang peserta dari FELCRA Bukit Nikmat 2 menerima suratan hakmilik pada majlis tersebut.




Majlis penyampaian geran kepada peserta.



YAB Menteri Besar Pahang bersama pengurusan FELCRA serta peserta dalam sesi photo bersama.

**Kunjung Hormat Pengurus Besar Pengurusan Tanah & Ukur Ke Pejabat Tanah & Galian Negeri Kedah**

Pengurus Besar Pengurusan Tanah & Ukur bersama Pengurusan FELCRA Berhad Wilayah Utara telah mengadakan Majlis Kunjung Hormat bersama Pengarah Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Kedah, Dato Md Suhaimi Bin Abd Rahman bertempat di Pejabat Pengarah Tanah & Galian Negeri Kedah. Tujuan majlis tersebut diadakan untuk memberi penerangan mengenai FELCRA Berhad selaku salah satu agensi yang memajukan tanah di negeri Kedah. Mesyuarat Penyelarasan Status Tanah 10% FELCRA Holding bersama Pengurusan Pejabat Tanah & Galian Negeri Kedah. Tujuan mesyuarat diadakan bagi menerangkan status permohonan lot 10% FELCRA Holding yang melibatkan projek FELCRA di negeri Kedah.




Kunjung hormat PB Tanah Ukur ke Pejabat Tanah Galian Negeri Kedah.



Mesyuarat penyelarasan bersama ptg Kedah.

**Perlaksanaan Kerja Ukur Akhir Di Projek Rompin B, Negeri Sembilan**

Pelaksanaan kerja-kerja pengukuran tanah di projek-projek FELCRA Berhad merupakan salah satu aktiviti utama di Cawangan Tanah Dan Ukur. Cawangan Tanah Dan Ukur mempunyai sebanyak enam (6) Pasukan Ukur yang berpangkalan di Ibu Pejabat FELCRA Berhad dan melaksanakan kerja-kerja ukuran di seluruh semenanjung Malaysia mengikut permintaan ukur yang telah dimohon oleh pihak Kawasan ataupun Wilayah.



Persediaan kerja-kerja pengukuran di tapak projek.



Kerja pencarian batu sempadan menggunakan peralatan ukur GPS CHC i70.



Menanda batu sempadan.

**Proses Penyediaan Pelan Ukur**

Proses penyediaan pelan merupakan aktiviti utama kedua di Cawangan Pengurusan Ukur yang menyumbang kepada Pendapatan Ukur. Melalui pelan yang telah disediakan, jumlah kiraan untuk penentuan Upah Ukur dapat dilaksanakan dengan mengira jumlah rantaian meter yang telah diukur. Pelan yang telah siap diproses akan disemak terlebih dahulu bagi memastikan ketepatan dan kejituan tahap ukuran yang telah dibuat sebelum dihantar ke Kawasan ataupun Wilayah.



Proses melukis pelan.



Pelan yang telah siap dilukis akan dicetak sebelum dihantar ke Kawasan atau Wilayah.

# Kumpulan Hal Ehwal Peserta dan Komunikasi

**Bahagian Komunikasi Korporat**

**Objektif Bahagian**

- Bertangungjawab menyelaras penyampaian dan penyaluran maklumat di peringkat dalaman FELCRA Berhad, di peringkat kementerian, agensi, badan swasta, strategic partner serta pemegang taruh.
- Merancang dan melaksanakan aktiviti pembangunan jenama serta perhubungan awam melalui penganjuran majlis serta program-program yang bersesuaian bagi memposisikan FELCRA Berhad sebagai sebuah konglomerat yang menyeimbangi di antara keperluan komersial dan sosial.
- Membangunkan aktiviti promosi serta publisiti melalui strategi komunikasi yang komprehensif bagi memastikan pihak awam memperoleh maklumat yang sahih dan telus dengan hebahan di media-media utama dan media sosial.

**PENCAPAIAN BAHAGIAN 2023**

- Anugerah Tarikan Pengunjung Paling Prihatin bagi penganjuran Bazaar Rakyat Peduli Prihatin bersempena Ekspo Karnival Usahawan Desa (KUD) @Putrajaya Tahun 2023 Bazar yang telah diadakan pada 22-26 November 2023.
- Bagi tahun 2023, engagement di media sosial utama, iaitu Facebook turut memberangsangkan dengan jumlah organic followers berjumlah 19,229 ribu orang di Facebook dan 190.3 ribu enggagament.
- Selain itu, bagi tahun 2023, Bahagian Komunikasi Korporat telah terlibat dalam penganjuran Majlis-majlis Rasmi FELCRA Berhad, iaitu:
    - Majlis Pelancaran Beras FELCRA & Iftar Ramadhan 2023 yang disempurnakan oleh YAB. Timbalan Perdana Menteri pada 1 April 2023 (Sabtu).
    - Majlis Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Aspirasi Penempatan Peserta (Akap) 2023 yang telah disempurnakan oleh YB. Timbalan Menteri KKDW pada 11 Disember 2023 (Isnin).
    - Majlis Konvokesyen Kolej FELCRA kali ke-4 tahun 2023 yang telah disempurnakan Oleh YBhg. Ketua Pegawai Eksekutif FELCRA Berhad pada 23 November 2023.

## AKTIVITI BAHAGIAN 2023

**Bazar Rakyat Peduli Prihatin FELCRA Berhad, Karnival Usahawan Desa @Putrajaya Tahun 2023**

Bazar Rakyat Peduli Prihatin FELCRA Berhad telah dijemput untuk menyertai Karnival Usahawan Desa @Putrajaya Tahun 2023 pada pada 22 sehingga 26 November 2023 bertempat di Anjung Floria, Putrajaya. Bazar ini bertujuan untuk mempromosi jenama dan produk-produk keluaran anak Syarikat FELCRA Berhad yang menjadi sebahagian daripada pemain industri dalam keterjaminan makanan negara, membekalkan barangan keperluan asas dengan harga mampu milik menggunakan subsidi peruntukan dalaman syarikat serta sebagai tanda sokongan FELCRA pada program anjuran Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah.








Suasana bazar yang sentiasa meriah dengan pelbagai aktiviti jualan murah dan happy hour sepanjang Karnival Usahawan Desa@ Putrajaya.

**Ronda Desa @FELCRA**

Penggambaran Program Dokumentasi TV Ronda Desa@FELCRA pada 13-14 Februari 2023 bertempat di FELCRA Berhad Kawasan Tembeling Tengah dan Projek PPSK Salong FELCRA Berhad Kawasan Pahang Tenggara, Pahang.







Sekitar penggambaran rancangan Ronda Desa @FELCRA Salong.

**Pelancaran Beras FELCRA Super Special Tempatan**

Majlis Pelancaran Beras FELCRA Super Special Tempatan yang disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Diraja Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah pada 1 April 2023 di Masjid Tuminah Hamidi, Bagan Datuk.





Beras FELCRA Super Special Tempatan dirasmikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri di Bagan Datuk, Perak.

**Program Jalinan Permuafakatan FELCRA Berhad Bersama SK Marian Convent:**
Program Usahawan Muda Madu Kelulut Pelajar SK Marion Convent pada 28 Julai 2023 di SK Marion Convent, Jalan Kolam Air Panas, Setapak FELCRA Berhad menyumbangkan 1 unit log kelulut dan menyediakan Bimbingan Asas Ternakan Kelulut kepada pelajar dan guru.





Para guru dan pelajar teruja untuk memulakan Program Usahawan Muda Madu Kelulut.

# Kumpulan Hal Ehwal Peserta dan Komunikasi

## Yayasan FELCRA

**Objektif Bahagian**

- **Kebajikan dan Sumbangan**
  Berusaha untuk memberikan bantuan, kewangan atau sebaliknya, derma untuk mangsa banjir kebakaran, kebuluran atau malapetaka lain tanpa mengira kaum, kepercayaan dan agama.
- **Pendidikan**
  Berusaha untuk menyediakan bantuan Pendidikan bagi menyediakan kemudahan berhubung dengan pencapaian objektif yayasan dan meningkatkan pengetahuan pendidikan kepada semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, kepercayaan dan agama.
- **Kesihatan**
  Memberi bantuan, kewangan atau yang setara untuk faedah perubatan semua rakyat Malaysia yang memerlukan tanpa mengira bangsa, kepercayaan dan agama mereka.

### PENCAPAIAN BAHAGIAN 2023

- Champion for Non-Motor Business, Cooperatives Market Meeting Etiqa General Takaful Central Region.
- Champion for Fire Business, Cooperatives Market Meeting Etiqa Takaful.
- Champion Nation Wide for Non – Motor Business, Cooperatives Market Meeting Etiqa General Takaful Central Region.
- Special Award, General Agency Appreciation Day Etiqa General Takaful.

### AKTIVITI BAHAGIAN 2023

**Program Seminar Motivasi Akademik Rakyat – FELCRA Berhad (SMART-FB) 2.0**

Program Seminar Motivasi Akademik Rakyat – FELCRA Berhad (SMART-FB) 2.0 merupakan program anjuran Yayasan FELCRA dengan kerjasama Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS). Program ini mensasarkan penglibatan seramai 13,000 orang pelajar yang bakal menduduki SPM tahun 2023 dan disertai oleh pelajar/calon SPM dalam kalangan anak-anak peserta FELCRA, asnaf dan anak yatim terpilih seluruh negara.

















Sekitar program SMART-FB di seluruh Malaysia.

## Ziarah Kasih

Ziarah Kasih merupakan Program Ziarah Kejiranan dengan menyantuni anak-anak yatim, asnaf, warga emas. Program ini memberikan bantuan seperti bekalan keperluan asas, wang ringgit dan lain-lain.

















Yayasan FELCRA menyantuni golongan memerlukan.

**Program Pemeriksaan Cermin Mata**

Program bantuan cermin mata pelajar merupakan satu inisiatif yang bertujuan untuk memberi bantuan berbentuk cermin mata kepada pelajar yang memerlukannya. Matlamat program ini adalah untuk memastikan pelajar mempunyai akses yang sama kepada penjagaan mata dan boleh melihat dengan jelas untuk menyokong kejayaan akademik mereka. Program ini juga membantu pelajar mengikuti proses pembelajaran dengan lebih baik dan selesa terutama apabila perlu berinteraksi menerusi skrin komputer setiap hari.



Program Pemeriksaan Cermin Mata untuk semua kelompok masyarakat terutamanya bagi yang memerlukan.

# Kumpulan Setiausaha Syarikat

## CARTA ORGANISASI PENGURUSAN KUMPULAN SETIAUSAHA SYARIKAT

(Kosong)
**Pengurus Besar Kumpulan**

Nurul Ain binti Muhamad Sauki
**Setiausaha Syarikat**

Muhammad Aiman bin Kamar Ruddin
**Pengurus Kanan**
**Cawangan Setiausaha Syarikat 1**

Nur Jannah binti Muhamad Radzi
**Pengurus Kanan**
**Cawangan Setiausaha Syarikat 2**

## PENGENALAN KUMPULAN SETIAUSAHA SYARIKAT

**Visi**
Meningkatkan tahap Tadbir Urus Korporat dan amalan terbaik dalam Syarikat.

**Misi**
Memastikan Tadbir Urus Korporat FELCRA Berhad dan Anak Syarikatnya mematuhi keperluan undang-undang Syarikat.

**Objektif Kumpulan**
Objektif Kumpulan Setiausaha Syarikat adalah untuk memastikan kelancaran, ketelusan, dan kepatuhan dalam aspek Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Syarikat. Beberapa objektif utama termasuk:

- **Pematuhan Peraturan Syarikat:** Memastikan Syarikat mematuhi semua peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 2016, termasuk kewajipan melaporkan, penyimpanan rekod, dan pelaporan tahunan. Ini melibatkan penyediaan dan pengurusan dokumen seperti penyata kewangan, minit mesyuarat, dan laporan tahunan.

- **Menyokong Tadbir Urus Korporat:** Memberi sokongan kepada Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan dalam pelaksanaan amalan Tadbir Urus Korporat yang baik, termasuk penyediaan agenda mesyuarat, laporan, dan tindakan susulan terhadap keputusan Lembaga Pengarah.

- **Komunikasi dan Koordinasi:** Menjalin dan mengekalkan komunikasi yang jelas dan berkesan antara semua pihak berkepentingan seperti Pemegang Saham, Lembaga Pengarah, Kementerian, Pengurusan, pembekal, dan staf. Ini termasuk menyampaikan maklumat penting, memfasilitasi dialog, dan memastikan bahawa semua pihak mendapat maklumat yang tepat dan terkini

- **Penyediaan Dokumen Rasmi:** Menyediakan dan menyelenggara dokumen rasmi syarikat seperti perlembagaan Syarikat, resolusi, dan dokumen pendaftaran, serta memastikan bahawa semua dokumen tersebut dikemaskini dan mematuhi kehendak undang-undang.

- **Latihan:** Memberikan latihan kepada Ahli Lembaga Pengarah dan Pengurusan Tertinggi mengenai kepatuhan undang-undang dan peraturan yang relevan, serta menguruskan sebarang perubahan dalam undang-undang yang mungkin mempengaruhi operasi Syarikat.

- **Penyelesaian Masalah:** Menangani isu dan cabaran yang timbul dengan cara yang proaktif, termasuk penyelesaian konflik dan perancangan kontingensi untuk memastikan kesinambungan operasi Syarikat dalam situasi yang tidak dijangka.

## PENCAPAIAN KUMPULAN 2023

| Bil | Petunjuk Prestasi Utama (KPI) | Sasaran 2023 (RM/HEK/MT/%/KALI/DLL) | | Pencapaian (RM/HEK/MT/%/ KALI/DLL) |
|---|---|---|---|---|
| | | Tahunan | H.I | H.I |
| 1 | Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) FELCRA Berhad | 1 | 1 | 2 |
| 2 | Mesyuarat Lembaga Pengarah (MLP) FELCRA Berhad | 6 | 6 | 14 |
| 3 | Mesyuarat Pengurusan Tertinggi (MPT) FELCRA Berhad | 12 | 12 | 10 |
| 4 | Kursus/Latihan/Seminar/ Bengkel/Dll (Lembaga Pengarah) | 1 | 1 | 1 |
| 5 | Kursus/Latihan/Seminar/ Bengkel/Dll (Setiausaha Berlesen) | 18 | 18 | 10 |
| 6 | Kursus/Latihan/Seminar/ Bengkel/Dll (Staf-staf Lain) | 6 | 6 | 5 |
| **Jumlah Keseluruhan** | | | | |

## AKTIVITI KUMPULAN 2023

**Program Enhancing Board Effectiveness 2023 Siri 1, 7 Sept - 8 Sept 2023**
Kumpulan Setiausaha Syarikat telah menganjurkan satu Program Enhancing Board Effectiveness Tahun 2023 kepada Ahli Lembaga Pengarah (ALP) FELCRA Berhad & Anak Syarikat serta Pengurusan Tertinggi FELCRA Berhad. Penganjuran program latihan yang khusus ini berfungsi sebagai satu platform untuk memperkukuhkan kemahiran dan pengetahuan ALP agar dapat memenuhi piawaian Tadbir Urus Korporat yang tinggi selaras dengan garis panduan yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan) (MKD).

Program yang berlangsung selama dua hari ini bermula dengan sesi penerangan dan pendedahan kepada pindaan baharu Seksyen 17A Akta SPRM 2009, iaitu Liabiliti Korporat yang mampu memberi implikasi besar ke atas perjalanan sesebuah organisasi komersil. Selain itu, taklimat mengenai insentif potongan cukai juga diberikan selain pendedahan ringkas pengendalian proses siasatan.

Sesi taklimat yang diadakan pada 7 September 2024 yang bertempat di Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Kuala Lumpur ini turut mendapat kerjasama daripada Bahagian Integriti FELCRA Berhad dan Bahagian Pendidikan Masyarakat (PenMas), SPRM KL.



Ahli Lembaga Pengarah (ALP) FELCRA Berhad, ALP Anak Syarikat, Pengurusan Tertinggi FELCRA Berhad bersama-sama TPJ Mohamad Fauzi bin Husin @ Che Mamat, Pengarah SPRM KL.




Program di Pejabat SPRM KL pada 7 September 2024.



Sesi Taklimat Seksyen 17A Liabiliti Korporat Akta SPRM 2009 (Pindaan 2018)/ Corruption Perceptions Index (CPI) dan Insentif Pelepasan Cukai Syarikat melalui Program Integriti dan Anti-rasuah.



Sesi Pertukaran Plak di antara Dato' Sri Ahmad Jazlan bin Yaakub, Pengerusi FELCRA Berhad dan TPJ Mohamad Fauzi bin Husin @ Che Mamat, Pengarah SPRM KL.

Hari kedua program diteruskan dengan bengkel "A Delicate Balance – Board and Management Relationship" yang berlangsung pada 8 September 2023 di Hotel Sunway Putra, Kuala Lumpur. Bengkel ini disampaikan oleh Azman Sulaiman dari Institute of Corporate Directors Malaysia (ICDM).

Bengkel ini memberikan pemahaman yang mendalam tentang perbezaan peranan dan tanggungjawab antara Lembaga Pengarah dan Pengurusan, serta mengenal pasti cabaran dalam menguruskan kepelbagaian antara kedua-dua pihak. Fokus utama adalah memperkukuhkan kerjasama dan kerja berpasukan yang lebih dinamik antara Lembaga Pengarah dan Pengurusan




• Pengerusi FELCRA Berhad dan Ketua Setiausaha (KSU), Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) bersama penceramah daripada Institute of Corporate Directors Malaysia, ICDM.



Peserta Program Enhancing Board Effectiveness 2023 (Siri 1) di Hotel Sunway Putra, KL pada 9 September 2024.



Modul 3: A Delicate Balance – Board & Management Relationship.



Ahli Mesyuarat Tertinggi FELCRA Berhad.





Ahli Lembaga Pengarah Anak Syarikat FELCRA dalam sesi soal jawab bersama penceramah.

**Program Onboarding 1.0 Lembaga Pengarah FELCRA Berhad, 5 Oktober 2023, Marriott Hotel, IOI Resort City, Putrajaya**

Kumpulan Setiausaha Syarikat telah menganjurkan Program Onboarding 1.0 Lembaga Pengarah FELCRA Berhad pada 5 Oktober 2023 di Marriott Hotel, IOI Resort City, Putrajaya. Seperti yang ditetapkan dalam Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan (Diperbadankan) MKD, setiap Ahli Lembaga Pengarah (ALP) yang baru dilantik disarankan untuk menghadiri Kursus Asas atau Program Onboarding dalam tempoh 6 bulan dari tarikh lantikan.

Pengisian program ini lebih tertumpu untuk memperkenalkan Ahli Lembaga Pengarah (ALP) kepada cabaran dan isu semasa yang dihadapi oleh setiap bahagian dan kumpulan dalam FELCRA Berhad. Program Onboarding 1.0 yang diadakan pada 5 Oktober ini adalah khusus untuk Kumpulan Khidmat Pengurusan serta Kumpulan Perkilangan & Pemasaran. Setiap kumpulan membentangkan inisiatif dan pelan tindakan yang telah dilaksanakan serta yang dirancang oleh kumpulan masing-masing hingga kini.



**Program Lawatan Kerja dan Onboarding 2.0 Lembaga Pengarah pada 14 – 16 Disember 2023**

Lawatan Kerja Ahli Lembaga Pengarah FELCRA Berhad Ke FELCRA Berhad Wilayah Seberang Perak di:

- Kilang Sawit FELCRA Berhad Seberang Perak.
- Ladang sawit FELCRA Berhad Seberang Perak 10.
- Pusat Benih Padi FELCRA Plantation Services Sdn Bhd (FPSSB).

**Kilang Sawit FELCRA Berhad Seberang Perak**



Lawatan ke Kilang Sawit FELCRA Berhad Seberang Perak.



Kilang Sawit FELCRA Berhad Seberang Perak.



**Ladang sawit FELCRA Berhad Seberang Perak 10**



Lawatan ke Ahli Lembaga Pengarah FELCRA Berhad ke ladang sawit FELCRA Berhad Seberang Perak 10.



Ahli Lembaga Pengarah FELCRA Berhad melihat penggunaan mekanisasi dan potongan buah sawit di ladang sawit FELCRA Berhad Seberang Perak 10.



Ahli Lembaga Pengarah FELCRA Berhad, Tuan Shamsudin bin Abdul Latiff.

## Pusat Benih Padi FELCRA Plantation Services Sdn Bhd (FPSSB)



Kilang Pusat Benih Padi.



Puan Nor Azizati binti Hamzah, ALP FELCRA Berhad.



-



Taklimat di Kilang Pusat Benih Padi.



BARN OWL BOX di ladang sawit FELCRA Berhad Seberang Perak 10.



Ahli Lembaga Pengarah FELCRA Berhad, Tuan Haji Shamsudin bin Abdul Latif dan Puan Azmiza binti Mamat merasai pengalaman memasang BARN OWL BOX di ladang sawit FELCRA Berhad Seberang Perak 10.

**Program Onboarding 2.0 Lembaga Pengarah di Double Tree by Hilton Damai Laut Resort, Lumut, Perak pada 14 – 16 Disember 2023**

- Program Onboarding 2.0 Lembaga Pengarah melibatkan Kumpulan Transformasi, Perolehan dan Kewangan di Double Tree by Hilton Damai Laut Resort, Lumut, Perak.
- Program ini memberi pengenalan kepada Ahli Lembaga Pengarah berkenaan cabaran dan isu Kumpulan Transformasi, Perolehan dan Kewangan FELCRA Berhad di masa kini.



Lembaga Pengarah FELCRA Berhad dan CEO.



Onboarding 2.0 Lembaga Pengarah yang melibatkan Kumpulan Transformasi, Perolehan dan Kewangan.

**Bengkel Pemantapan Sahsiah Diri**
Tarikh: 1 – 3 Disember 2023
Tempat: Lotus Desaru Beach Resort & Spa, Bandar Penawar, Johor Bahru

- Bengkel Pemantapan Sahsiah Diri yang dianjurkan oleh Kumpulan Setiausaha Syarikat melibatkan penyertaan daripada Pejabat Pengerusi, Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif, Kumpulan Undang-undang, Cawangan Integriti dan Cawangan Risiko & Tadbir Urus.



-



-



-



-



-



-



Makan malam bersama Ketua Pegawai Eksekutif FELCRA Berhad.

# Kumpulan Perolehan

## CARTA ORGANISASI PENGURUSAN KUMPULAN PEROLEHAN

Zorkarnain bin Mohamed
**Pengurus Besar Kumpulan**

Irman bin Abok
**Pengurus Besar**
**Bahagian Perolehan**

Norhazrin binti Hasan
**Pengurus Kanan**
**Cawangan**
**Sumber Strategik 1**

Siti Fatimah Noor binti Ahmad
**Pengurus Kanan**
**Cawangan**
**Sumber Strategik 2**

Syafik Izwan bin Ahmad Kamal
**Pengurus Kanan**
**Cawangan**
**Pentadbiran Perolehan**

Norhafizah binti Mohd Esrakh
**Pengurus Kanan**
**Cawangan**
**Pengurusan Kontrak**

## PENGENALAN KUMPULAN PEROLEHAN

Perolehan ialah proses yang dilakukan bagi mendapatkan sesuatu keperluan sama ada kerja, bekalan atau perkhidmatan daripada pihak ketiga menggunakan wang yang telah diperuntukkan dan mengikut undang-undang, peraturan, tatacara serta garis panduan yang ditetapkan dengan mengambil kira prinsip dan dasar berkaitan.

### Objektif Kumpulan

- Memberi nilai pulangan yang tinggi melalui tatacara perolehan efektif.
- Menerapkan tahap etika yang tinggi, nilai sosial dan persekitaran kondusif dalam fungsi perolehan.
- Meningkatkan tahap produktiviti melalui kecekapan dan teknologi pengurusan yang tinggi.
- Pengurusan pembekal yang lebih efisien dari segi pengawasan kontrak dan terma untuk kepentingan syarikat.

### Misi

Melaksanakan urusan perolehan secara bertanggungjawab, cekap, telus, kos efektif dan berhemah.

### Visi

Menjadi kumpulan perolehan yang menyumbang perbelanjaan efisien, penjimatan efektif, berintegriti tinggi dan memberi nilai tambah kepada FELCRA Berhad.

### Fungsi

- Memastikan urusan perolehan mengikut tatacara (governance) dan arahan pemegang saham.
- Urusan perolehan mengikut konsep 5 rights of purchasing iaitu right quality, the right quantity, at the right price, at the right place dan at the right time.
- Mendapatkan penjimatan kos.
- Menambah baik polisi, prosedur dan garis panduan mengikut keperluan syarikat.

## AKTIVITI KUMPULAN 2023

**Sesi Onboarding 2.0 Lembaga Pengarah FELCRA Berhad**

Kumpulan Perolehan telah menyertai Program Onboarding yang dianjurkan oleh Kumpulan Setiausaha Syarikat bertempat di Double Tree by Hilton Damai Laut Resort Lumut, Perak pada 15 Disember 2023. Program ini bertujuan memberi penerangan kepada Lembaga Pengarah berkaitan aktiviti dan prestasi Kumpulan Perolehan.



Barisan Pengurusan Perolehan.



Barisan Pengurusan Tertinggi.



Taklimat oleh Pengurus Besar Kumpulan Perolehan.



Barisan Ahli Lembaga FELCRA Berhad.

**Bengkel Pindaan Manual Perolehan FELCRA Berhad dan Anak Syarikat**

Kumpulan Perolehan telah mengadakan Bengkel Pindaan Manual Perolehan bertempat di Tasik Villa International Resort, Port Dickson pada 14 – 16 Julai 2023. Objektif utama adalah untuk mengenal pasti perubahan/pindaan pekeliling, arahan, tatacara, proses dan teknologi. Menjana idea di kalangan staf Kumpulan Perolehan dan anak syarikat bagi penambahbaikan pengurusan dan operasi.



Sesi perbincangan.




Aktiviti berkumpulan.



Pengurus Besar Kumpulan Perolehan bersama staf Perolehan di Tasik Villa International Resort, Port Dickson.

**Latihan Penggunaan Sistem E-Perolehan Bersama Kumpulan Perolehan Ibu Pejabat dan Unit Perolehan Pejabat Pengurus Besar Wilayah**

Pada 17 Oktober 2023 bertempat di Grand Petra 2, UTM Hotel & Residence, Kumpulan Perolehan telah mengadakan Latihan Penggunaan Sistem E-Perolehan yang dihadiri oleh semua staf Kumpulan Perolehan Ibu Pejabat dan juga Unit Perolehan Pejabat Pengurus Besar Wilayah. Matlamat program ini adalah untuk memberi pendedahan kepada staf berkaitan sistem Procurehere.



Pengurus Besar Kumpulan Perolehan bersama staf Perolehan Ibu Pejabat & Unit Perolehan Pejabat Pengurus Besar Wilayah.



Latihan penggunaan sistem Procurehere.

**Program Roadshow Kumpulan Perolehan bersama Unit Perolehan Wilayah**

Kumpulan Perolehan telah mengadakan roadshow di Pejabat Pengurus Besar Wilayah, iaitu Wilayah Sabah, Wilayah Timur (Terengganu) dan Wilayah Kelantan.

Program ini bertujuan untuk memberi taklimat tatacara Perolehan kepada semua staf yang terlibat dalam urusan Perolehan di Wilayah.




Wilayah Sabah.



Wilayah Timur.



Wilayah Kelantan.

# FELCRA Wilayah

- FELCRA Berhad Wilayah Johor
- FELCRA Berhad Wilayah Perak
- FELCRA Berhad Wilayah Tengah
- FELCRA Berhad Wilayah Utara
- FELCRA Berhad Wilayah Sarawak
- FELCRA Berhad Wilayah Sabah
- FELCRA Berhad Wilayah Pahang
- FELCRA Berhad Wilayah Terengganu
- FELCRA Berhad Wilayah Kelantan

# FELCRA Wilayah

## FELCRA Berhad Wilayah Johor

**Maklumat Kepimpinan Wilayah Johor**

| | |
|---|---|
| Pengurus Besar | : Anuar Merican bin Akbar Merican |
| Ketua Bahagian Khidmat Sokongan | : Mohd Bukhari bin Mahadi |
| Ketua Bahagian Ladang | : Abdul Annas bin Mohd Shrif |

**Maklumat FELCRA Berhad Wilayah Johor**

| | |
|---|---|
| Bilangan Peserta | : 10,797 orang |
| Luas Ladang Keseluruhan | : 29,582.82 hektar |
| Bilangan Projek Aktif | : 123 projek (sawit aktif) |

Senarai FELCRA Kawasan :

1. Kawasan Kg. Awat
2. Kawasan Tebing Tinggi
3. Kawasan Sekijang
4. Kawasan Bukit Kepong
5. Kawasang Pogoh
6. Kawasan Saliran Sg. Kesang
7. Kawasan Sri Wangi
8. Kawasan Batu 3 ½ Paloh
9. Kawasan Sg. Sepuluh
10. Kawasan Sg. Kahang
11. Kawasan Sg. Semberong
12. Kawasan Simpang Renggam
13. Kawasan Sri Mahkota
14. Kawasan Bukit Pedoman
15. Kawasan Sg. Melikai
16. Kawasan Sri Mersing
17. Kawasan Sg. Ara
18. Kawasan Sedili Besar
19. Kawasan Mawai Baru
20. Kawasan Sg. Layau
21. Kawasan Johor Tenggara

### PENCAPAIAN/INOVASI FELCRA BERHAD WILAYAH JOHOR

**Siren SM Mamoth**

Objektif:

- Memastikan Keselamatan Pekerja terjamin dan diutamakan.
- Mengelakkan unsur keganasan terhadap haiwan liar.
- Antikecurian.

Pencapaian:

- Anugerah Khas Inovasi AKAP 2023.
- Anugerah Inovasi Ketua Pegawai Eksekutif
- Pengiktirafan daripada Jabatan Perhilitan Johor.

## AKTIVITI WILAYAH 2023

**Majlis Apresiasi AKAP & Penyampaian Geran Belanjawan Johor 2024 | 31 Disember 2023 (Ahad)**

Majlis yang diadakan di FELCRA Berhad Kawasan Sungai Ara ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Zahari bin Sarip, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani & Kemajuan Luar Bandar Negeri Johor. Program dua dalam satu ini adalah majlis kesyukuran atas kemenangan FELCRA Berhad Wilayah Johor yang telah berjaya membawa pulang 3 anugerah kategori utama dan 5 anugerah khas yang dipertandingkan dalam Anugerah Kecemerlangan Aspirasi Penempatan FELCRA pada 11 Disember 2023 yang lalu. Selain itu, turut diadakan acara Penyampaian Geran Belanjawan Johor 2024 kepada 8 kawasan penempatan FELCRA Berhad Wilayah Johor yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Zahari bin Sarip. Program ini telah dihadiri oleh Ketua-ketua Peserta Kawasan yang bertanding serta penduduk kampung FELCRA Berhad Sungai Ara. Turut hadir Ahli Dewan Undangan Negeri Johor, DUN Sedili Yang Berhormat Tuan Muszaide bin Makmor.





Majlis Apresiasi Akap Penyampaian Geran Belanjawan Johor 2024.

**Mesyuarat Penyelarasan Institusi Koperasi Peserta-peserta Rancangan FELCRA (KPR) FELCRA Berhad Wilayah Johor | 27.12.2023 | Pulai Spring Resort**

Mesyuarat Penyelarasan Institusi Koperasi FELCRA Berhad Wilayah Johor selesai diadakan di Pulai Spring Resort, Pulai, Johor. Mesyuarat dimulakan dengan pembentangan Laporan Prestasi KPR Tahun 2023 dan Sasaran Tahun 2024 oleh Encik Anuar Merican bin Akbar Merican, Pengurus Besar Wilayah FELCRA Berhad Johor. Seterusnya, pembentangan bertajuk Landskap Koperasi FELCRA Negeri Johor oleh Pn. Melor binti Mod Zin, Timbalan Pengarah (Kawal Selia & Pengurusan) Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Johor. Kemudian, diikuti dengan ucapan Pengurus Kanan Pembangunan Koperasi FELCRA Berhad, En. Mohd Fairuz bin Sajuni. Dalam platform ini juga beberapa anugerah turut diberikan atas pencapaian koperasi sepanjang tahun 2023. Berikut adalah penerima anugerah yang membawa plak dan sijil penghargaan:

- Anugerah Koperasi Terbaik FELCRA Berhad Wilayah Johor
    - KPR Paloh Berhad
    - KPR Wawasan Sungai Sepuluh Paloh Kluang Berhad
- Anugerah Inovasi Koperasi Terbaik Wilayah Johor
    - KPR Endau Berhad
    - KPR Kawasan Pogoh Segamat Berhad
- Anugerah Harapan Koperasi FELCRA Berhad Wilayah Johor
    - KPR Endau Berhad






Mesyuarat Penyelarasan Institusi KPR FB.

**Taklimat dan Demonstrasi Penggunaan Penggalak Susu Getah (Latex Stimulants) 14 Disember 2023 (Khamis)**
Taklimat dan demonstrasi penggunaan penggalak susu getah (latex stimulants) oleh pihak Chemigro bersama FELCRA Niaga Wilayah Johor bertempat di FELCRA Berhad Kawasan Tebing Tinggi Segamat, Johor. Program dihadiri oleh pengurus-pengurus kawasan dan Penyelia Ladang zon utara wilayah Johor serta peserta-peserta kursus asas getah siri 3/2023 bagi penyelia-penyelia ladang getah dari seluruh wilayah FELCRA Berhad.





Taklimat Dan Demonstrasi Penggunaan Penggalak Susu Getah (Latex Stimulants).

**Majlis Apresiasi Anugerah Inovasi Fertigasi Peserta FELCRA Berhad 2023, New York Hotel, Johor Bahru | 24 Julai 2023**
Yang Berusaha Encik Mohammad bin Ab Rahman, Pengurus Besar Kumpulan Hal Ehwal Peserta dan Komunikasi FELCRA Berhad telah meraikan pengusaha fertigasi yang terdiri daripada WADIRA dan BELIA dalam suasana gemilang dan telah menyampaikan sijil, cek dan piala kepada pemenang. WADIRA FELCRA Sekijang telah menang dalam ketegori Anugerah Inovasi Penghasilan Produk Hiliran Fertigasi. Seramai 215 orang tetamu telah menghadiri pada majlis malam ini yang turut diiringi oleh Yang Berusaha Encik Norhashim bin Kamisan mewakili Pengerusi PPK Kuala Langat, Yang Berusaha Encik Nasri bin Nyak Othman, Pengurus Besar Pengurusan Keusahawanan FELCRA Berhad dan Yang Berusaha Encik Anuar Merican bin Akhbar Merican, Pengurus Besar FELCRA Berhad Wilayah Johor.




Majlis Apresiasi Anugerah Inovasi Fertigasi
Peserta FELCRA Berhad 2023.

**Program Taklimat Siren Gajah (SM Mammoth) | 21 September 2023**

Program taklimat Siren Gajah diadakan di FELCRA Berhad Sg.Melikai. Program ini merupakan inovasi daripada pihak kawasan FB Sri Mahkota dalam mengambil langkah untuk memantau pergerakan gajah di kawasan sempadan. Teknologi yang digunakan adalah bunyi siren yang menggunakan ultra high frequency. Turut hadir bersama Pengerusi Koperasi FELCRA Berhad Endau serta agensi luar Pengarah Perhilitan Johor, Tuan Aminuddin Jamin diiringi team perhilitan daerah-daerah negeri Johor.







Program Taklimat Siren Gajah (Sm Mammoth).

**Program Plantation Klinik anjuran Bahagian Perladangan Ibu Pejabat FELCRA Berhad telah diadakan di FELCRA Berhad | 26 Mei 2023 (Jumaat)**

Program plantation klinik anjuran Bahagian Perladangan Ibu Pejabat FELCRA Berhad telah diadakan di FELCRA Berhad Kawasan Pogoh. Program telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Hj. Idris bin Lasim, Pengurus Besar Kumpulan Perladangan FELCRA Berhad. Turut hadir sama ialah En. Anuar Merican bin Akbar Merican Pengurus Besar Wilayah FELCRA Berhad Johor. Objektif program adalah untuk memantapkan asas ilmu perladangan kepada staf supaya dapat memberi impak yang tinggi kepada penghasilan yang optimum.







Program Plantation Klinik.

**Majlis Perasmian Penutup Tanaman Semula Projek 1C PA Kawasan Sg Sepuluh | 26 Februari 2023 (Ahad)**

Majlis Perasmian Penutup Tanaman Semula Projek 1C PA Kawasan Sg. Sepuluh disempurnakan oleh YBhg. Dato' Hj. Idris bin Lasim (Pengurus Besar Kumpulan Perladangan). Turut serta En. Anuar Merican bin Akbar Merican (Pengurus Besar Wilayah FELCRA Berhad Johor), En. Abdul Annas bin Mohd Shrif (Ketua Bahagian Perladangan), En. Md Yasin bin Sarday (Ketua Peserta Sg. Sepuluh) dan penglibatan staf Zon Tengah Kawasan FELCRA Berhad Johor. Program dimulakan dengan taklimat projek oleh En. Mohd Hamdan bin Mat Salleh (Penyelia Projek) dan lawatan ke projek PA untuk melihat prestasi penanaman.



Majlis Perasmian Penutup Tanaman Semula Projek 1c Pa Kawasan Sg Sepuluh.

# FELCRA Wilayah

## FELCRA Berhad Wilayah Perak

**Maklumat Kepimpinan Wilayah Perak**

Pengurus Besar : En. Yusoff bin Razali
Ketua Bahagian Khidmat Sokongan : Tuan Hj. Md Azizan bin Hasan
Ketua Bahagian Ladang : En. Mohammad Faiz bin Zulkifli

**Maklumat FELCRA Berhad Wilayah Perak**

Bilangan Peserta : 19,608 orang
Luas Ladang Keseluruhan : 35,598.63 hektar
Bilangan Projek Aktif : 166 buah projek

Senarai FELCRA Kawasan :

1. Lekir
2. Gunung Tunggal
3. Kg. Kurnia
4. Titi Gantong
5. Nasaruddin (Pemulihan)
6. Nasaruddin (Belia)
7. Bendang Besar
8. Sg. Durian
9. Redang Punggur
10. Jalan Karchu
11. Changkat Sulaiman
12. Serigala
13. Estet Changkat Jong
14. Kledang Sayong
15. Sg. Siput
16. Sungai Malau
17. Chepor
18. Pengkalan Hulu
19. Estet Gerik
20. Seberang Perak 13
21. Seberang Perak 12
22. Seberang Perak 14 & 15
23. Seberang Perak 10 & 11
24. Seberang Perak 6 & 7
25. Seberang Perak 3,4, & 5
26. Seberang Perak 8, 9 & 16

**INOVASI FELCRA BERHAD WILAYAH PERAK**

- Penyediaan kemudahan Wifi kepada setiap rumah staf di Pejabat Kawasan, TKA dan di site office Ladang Seberang Perak
  - 13 kawasan + 5 kawasan TKA + 5 ladang di Seberang Perak
- Penyediaan kemudahan Internet Satelit (Starlink) di projek
  - 3 projek
- Avenza Maps, iaitu satu aplikasi yang diwujudkan bagi memudahkan urusan cari sempadan, ukur dan boleh mengetahui kawasan projek dengan hanya menggunakan telefon pintar.

## PENCAPAIAN FELCRA BERHAD WILAYAH PERAK TAHUN 2023

Capai Hasil 30MT/Hek (Lebih 100 Hektar)

| Bil. | Nama | Kawasan | Projek | Hasil Berhasil (Hektar) | Capai (MT/Hek) |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Mohd Yusof bin Md Saad | Estet Changkat Jong | Changkat Jong 4 | 390.28 | 30.75 |
| | | | Changkat Jong 1 FASA 2 | 101.03 | 30.72 |
| 2 | Noor Mohd Hadzrol Hazwandi bin Halmi | Titi Gantong | Titi Gantong | 108.91 | 30.11 |
| 3 | Mohd Zulfadli bin Mohd Nasir | Seberang Perak 10/11 | Seberang Perak 10 Fasa 8 | 106.73 | 30.13 |
| 4 | Muhammad Kamil Hafiz bin Alias | Seberang Perak 14/15 | Seberang Perak 15 Fasa 8 | 127.82 | 30.79 |

Capai Hasil 30MT/Hek (Lebih 100 Hektar)

| Bil. | Nama | Kawasan | Projek | Hasil Berhasil (Hektar) | Capai (MT/Hek) |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Mohd Firdaus bin Kamaruddin | Seberang Perak 14/15 | Seberang Perak 15 Fasa 7 | 93.58 | 30.29 |
| 2 | Mohd Shahid bin Mohd Ali | Seberang Perak 13 | Seberang Perak 13 Fasa 10 | 77.00 | 34.53 |
| 3 | Zulkarnain bin Zainuddin | Seberang Perak 12 | Seberang Perak 12 Fasa 9 | 71.43 | 31.25 |
| 4 | Suhaimi bin Mohd Zanai | Lekir | Lekir 2 T/S (Peserta) | 56.00 | 31.59 |
| 5 | Muhammad Farid bin Rosdi | Gunong Tunggal | Gunong Tunggal 3 | 32.79 | 31.58 |
| 6 | Syamaizar bin Sulaiman | Titi Gantung | Gelung Pepuyu 2 | 31.59 | 31.18 |
| | | | Gelung Pepuyu 3 | 31.06 | 30.02 |
| 7 | Noor Mohd Hadzrol Hazwandi bin Halmi | Titi Gantung | Alor Sampan | 22.30 | 30.37 |

## AKTIVITI WILAYAH 2023

### Bengkel Tatacara Pentadbiran, Kewangan & Perolehan



Ucapan alu-aluan disampaikan oleh Penolong Pengarah Negeri (Seb Perak), Encik Rusli bin Bahari.



Taklimat disampaikan oleh Unit Pentadbiran, Pn. Nor Aslinda binti Md Nor.




Bergambar kenangan bersama semua staf terlibat.

### Bengkel Tatacara Pentadbiran, Kewangan & Perolehan



Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Rubiah Wang bergambar kenangan bersama staf.




LawatanTimbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah Datuk Rubiah Wang ke Pusat Benih Padi Seberang Perak.



Sesi taklimat bersama Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Rubiah Wang.

**Lawatan Kerja Ahli Lembaga Pengarah FELCRA Berhad ke FELCRA Berhad Wilayah Seberang Perak pada 14 Disember 2023**



Lawatan ke pusat benih padi Seberang Perak.



Sesi bergambar bersama staf dan BOD.



Demostrasi pembungkusan beras.

**Lawatan Kerja Ahli Lembaga Pengarah FELCRA Berhad ke FELCRA Berhad Wilayah Seberang Perak pada 14 Disember 2023**




Taklimat daripada Pengarah SPRM Negeri Perak.



Penyampaian cendarahati daripada pihak FELCRA Berhad Perak kepada Pengarah SPRM Negeri Perak.



Gambar sekitar taklimat berlangsung.

**PBW Perak dan Ketua-ketua Unit Bersama Pengurusan KSP Maju Enterprise dalam Program Perasmian Penanaman Projek Samagagah 21 November 2023**



Penanaman benih anak sawit dijalankan Pengurus Besar Wilayah Perak.



Pengurus kawasan bergambar kenangan bersama Ketua Perladangan, En. Muhammad Faiz bin Zulkifli.



Bergambar kenangan bersama staf yang terlibat.

**Program turun padang ke FELCRA Berhad Kawasan Seberang Perak oleh Pengurusan Wilayah pada 17 Nov 2023**



Pengurus Besar Wilayah memandu lori yang membawa buah.



Pengurus Besar Wilayah tidak melepaskan peluang untuk bersama-sama dalam aktiviti penyulaman padi.



Staf mengambil peluang untuk merasai pengalaman menyulam padi.

# FELCRA Wilayah

**FELCRA Berhad Wilayah Tengah**
**(Negeri Melaka, Negeri Sembilan dan Negeri Selangor)**

**Maklumat Kepimpinan Wilayah Tengah**

| | |
|---|---|
| Pengurus Besar | : Encik Faiz Shafiq bin Zainal Abidn |
| Ketua Bahagian Khidmat Sokongan | : (Kosong) |
| Ketua Bahagian Ladang | : Puan Nur Damia Khair binti Zakaria |

**Maklumat FELCRA Berhad Wilayah Tengah**

| | |
|---|---|
| Bilangan Peserta | : 17,542 orang |
| Luas Ladang Keseluruhan | : 12,505.013 hektar |
| Luas Ladang Pembangunan | : 157.39 hektar |
| Bilangan Projek Aktif | : 1. Ladang Berhasil: 141 buah projek<br>2. Ladang Berhasil + Pembangunan: 144 projek |

Senarai FELCRA Kawasan :

- Kawasan Sandakan
- Kawasan Kudat
- Kawasan Lahad Datu
- Kawasan Kinabatangan
- Kawasan Beaufort
- Kawasan Nabawan
- Estet Pertama
- Estet Danum
- Estet Perdana
- Estet Sg Lokan
- Estet Sg Ruku - Ruku
- Estet Telupid

**PENCAPAIAN/INOVASI FELCRA BERHAD WILAYAH TENGAH**

**Inovasi Rakit Tong Drum di Kawasan Banjir (Kawasan Lembah Bernam)**
Dibina sendiri oleh Pengurus Kawasan, penyelia ladang dan pekerja dengan menggunakan tong racun. Digunakan untuk mengangkut tandan di kawasan banjir.

**Inovasi Pollination Box (Kawasan Pondoi)**
Dibina sendiri oleh pengurus kawasan, penyelia ladang dan pekerja. Ia bertujuan meningkatkan populasi kumbang Elaeidobius Kamerunicus yang membantu dalam proses pendebungaan.

**Inovasi Silt Pit (Kawasan Kepis)**
Dapat mengekalkan kelembapan tanah di kawasan berbukit dan menyimpan air ketika musim kemarau. Ia terbukti berkesan dengan peningkatan hasil.

## AKTIVITI WILAYAH 2023

**Majlis Amanat Tahun Baru 2023, Anugerah Kualiti 2022 & Jasamu Dikenang**

- *18 Januari 2023, Casa Lagenda Convention Centre*

Majlis melibatkan semua staf FELCRA Berhad Wilayah Tengah dan penyampaian Amanat Tahun Baru 2023 telah disampaikan oleh Pengurus Besar Wilayah Tengah, Tuan Haji Musthafa bin Sulaiman. Bagi Anugerah Kualiti 2022 pula diadakan untuk meraikan kejayaan dan kecemerlangan staf wilayah sepanjang tahun 2022. Seramai hampir 100 orang staf telah menerima anugerah pencapaian terbaik bagi kategori pentadbiran dan perladangan. Bagi Jasamu Dikenang, Pengurusan Wilayah Tengah meraikan staf-staf yang bersara dan berpindah bagi tahun 2022.



Amanat Tahun Baru 2023 oleh PBW Tengah.



Penyampaian Anugerah kepada Staf.

**Majlis Penyerahan Hak Milik FELCRA Rompin B oleh YAB Menteri Besar Negeri Sembilan**

- *21 Disember 2023: Dewan Besar Pejabat Daerah dan Tanah Jempol*

FELCRA Berhad Wilayah Tengah dengan kerjasama Pejabat Daerah dan Tanah Jempol telah mengadakan satu Majlis Penyerahan Hak Milik FELCRA Rompin B pada 21 Disember 2023 bertempat di Dewan Besar Pejabat Daerah dan Tanah Jempol. Hak milik telah disampaikan oleh YAB Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Haji Amuniddin bin Harun kepada seramai 97 orang peserta dengan keluasan sebanyak 320.76 hektar.



Peserta Rompin B menerima hak milik daripada YAB Menteri Besar.



Bersama penerima hak milik FELCRA Rompin B.

**Sambutan Hari Kemerdekaan Peringkat Negeri Sembilan**

- *31 Ogos 2023: Padang Majlis Daerah Seremban*

Seramai 50 orang staf telah terlibat di dalam perbarisan sempena Sambutan Hari Kemerdekaan Peringkat Negeri Sembilan yang diadakan di Padang Majlis Perbandaran Seremban.



Perbarisan Sempena Hari Kemerdekaan.



Kontinjen FELCRA Berhad Wilayah Tengah.

**Pertandingan Keceriaan Pejabat Kawasan & Kawasan Penempatan Sempena Sambutan Hari Kemeerdekaan dan Hari Malaysia 2023**

- *14 September 2023*

Pengurusan FELCRA Berhad Wilayah Tengah telah mengadakan Pertandingan Keceriaan Pejabat Kawasan & Kawasan Penempatan bersempena sambutan Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia 2023. Penyertaan melibatkan 17 kawasan di Wilayah Tengah dan pertandingan telah diadili oleh Pengurusan Tertinggi FELCRA Berhad Wilayah Tengah.



Penyertaan Pejabat Kawasan.



Penyertaan Pejabat Kawasan.

# FELCRA Wilayah

## FELCRA Berhad Wilayah Utara
## (Negeri Perlis, Negeri Kedah dan Pulau Pinang)

**Maklumat Kepimpinan Wilayah Utara**

Pengurus Besar : M.Zaiful Anuar bin Zulkifli
Ketua Bahagian Khidmat Sokongan : (Kosong)
Ketua Bahagian Ladang : Mohd Jamil bin Muhamad Hanipiah

**Maklumat FELCRA Berhad Wilayah Utara**

Bilangan Peserta : 4,023 orang
Luas Ladang Keseluruhan : 9,936 Hektar
Bilangan Projek Aktif : 49 Projek

Senarai FELCRA Kawasan :

1. Lubuk Sireh
2. Bukit Tampoi
3. Bukit Selambau
4. Perupok
5. Pulau Belantik
6. Weng
7. Kubang Kenyeng
8. Sg. Senam
9. Iboi Tiak
10. Ulu Sedim

### PENCAPAIAN/INOVASI FELCRA BERHAD WILAYAH TENGAH

**Inovasi Pollination Box (Kawasan Weng, Lubuk Sireh, Ulu Sedim & Kubang Kenyeng)**
Dibina sendiri oleh pengurus kawasan, penyelia ladang dan pekerja. Ia bertujuan meningkatkan populasi kumbang Elaeidobius Kamerunicus yang membantu dalam proses pendebungaan.

**Inovasi Silt Pit (Kawasan K.Kenyeng & Lubuk Sireh)**
Dapat mengekalkan kelembapan tanah di kawasan berbukit dan menyimpan air ketika musim kemarau. Ia terbukti berkesan dengan peningkatan hasil.

**Inovasi Positioning System (Gps) Garmin (Lubuk Sireh 1, 2, 3 & 4)**
Digunakan bagi kerja-kerja ukur di ladang-ladang getah bagi mencari kedudukan atau lokasi projek, pengiraan keluasan/ panjang, pemetaan butiran dan penunjuk arah. Penggunaan alatan tersebut bertujuan mempercepatkan lagi masa bagi kerja-kerja ukur sekali gus memastikan data tersebut dapat direkodkan dan disimpan dengan selamat bagi tujuan rujukan.

## AKTIVITI WILAYAH 2023

**Program Mini Karnival Usahawan Desa (KUD) 14 – 16 Julai 2023, Amanjaya Mall Sg. Petani**

Penglibatan usahawan-usahawan bimbingan FELCRA Berhad yang terdiri daripada peserta-peserta penempatan FELCRA untuk memperkenalkan serta mempromosikan produk-produk keluaran usahawan dalam pelbagai bentuk keluaran barangan seperti makanan (Kopi Kacip Fatimah, madu kelulut, ikan pekasam, kuih tradisional dan kek) serta barangan kraftangan yang dihasilkan oleh usahawan bimbingan FELCRA. Program ini juga membantu usahawan membina keyakinan dalam perancangan usahawan pada masa akan datang.



Sumbangan cenderahati barangan usahawan kepada Ketua Pegawai Eksekutif FELCRA Berhad.



Gerai jualan serta promosi produk usahawan oleh peserta.

**Festival WADIRA 2023 - 17 Disember 2023, FELCRA Berhad Weng**

Penglibatan Pertubuhan Wanita Dinamis FELCRA(WADIRA) bersama-sama staf FELCRA wilayah dan kawasan dalam menjayakan pelbagai aktiviti bagi mengeratkan hubungan silaturahim serta mewujudkan kesepakatan bersama. Program ini melibatkan aktiviti jualan barangan oleh peserta WADIRA, sesi ceramah secara interaktif, pertandingan gubahan bunga dan mewarna.



Sesi ceramah oleh panel jemputan.



Pertandingan gubahan bunga.

**Majlis Anugerah Kecemerlangan Aspirasi Peserta 2023 (AKAP) - 18 & 19 September 2023, FB Lubuk Sireh & Belimbing Tolak** Merupakan program Pertandingan Anugerah Kecemerlangan Aspirasi Penempatan yang memfokuskan kepada Konsep Kampung Sejahtera. Program ini melibatkan Kawasan penempatan FELCRA Lubuk Sireh dan Belimbing Tolak. Jawatankuasa Penjurian AKAP adalah daripada Ibu Pejabat FELCRA Berhad.



Barisan Panel Penjurian AKAP.




Lubuk Sireh Dinobatkan Johan AKAP.

**Program Field Day bersama FELDA Plantation Management Sdn Bhd - 24 Oktober 2023, Projek Batu Besar (FB Iboi Tiak)** Program ini melibatkan staf perladangan Negeri Utara bersama wakil Unit Penghasilan Ibu Pejabat dengan staf perladangan FELDA Plantation Management Sdn. Bhd. Program ini bertujuan untuk bertukar pandangan dan ilmu berkenaan penjagaan dan pemeliharaan ladang di Projek Batu Besar, FELCRA Berhad Kawasan Iboi Tiak. Program melibatkan seramai 28 orang staf FELCRA Berhad dan 30 orang staf FELDA Plantation.



Sesi taklimat program.



Penyampaian cenderahati.

**Wawancara Bersama RTM Kedah, Pulau Pinang & Perlis**

Program wawancara tersebut diadakan pada bulan Oktober – Disember 2023. Ia adalah di bawah Pelan Komunikasi KKDW peringkat Negeri Kedah, Perlis dan Pulau Pinang. Tujuan pelan komunikasi ini diadakan adalah untuk menyebarkan maklumat berkaitan program, inisiatif dan kejayaan KKDW Negeri Kedah, Perlis dan Pulau Pinang dalam masyarakat luar bandar menerusi agensi-agensi di bawah kelolaannya termasuk FELCRA Berhad. Penglibatan staff FELCRA Berhad terutamanya Pengarah Negeri sebagai perantara dalam menyampai maklumat berkaitan.




Siaran langsung di RTM Perlis.



Siaran langsung di RTM Kedah.

# FELCRA Wilayah

## FELCRA Berhad Wilayah Sarawak

**Maklumat Kepimpinan Wilayah Sarawak**

| | |
|---|---|
| Pengurus Besar | : En. M. Zaiful Anuar bin Zulkifli |
| Ketua Bahagian Khidmat Sokongan | : Vincent John Maja |
| Ketua Bahagian Ladang | : En. Muhamad Zaki Bin Hamid |

**Maklumat FELCRA Berhad Wilayah Sarawak**

| | |
|---|---|
| Bilangan Peserta | : 9,597 Orang |
| Luas Ladang Keseluruhan | : 47,504.64 hektar |
| Bilangan Projek Aktif | : 122 buah projek |

Senarai FELCRA Kawasan :

1. Lundu
2. Samarahan
3. Sungai Sui
4. Asajaya
5. Simunjan
6. Kg. Belimbing
7. Batang Lupar
8. Betong
9. Saratok
10. Bintangor Bunut
11. Pulau Bruit
12. Sibu
13. Matu
14. Mukah
15. Metading
16. Mudan
17. Iganjaya
18. Miri
19. Kuala Gemilang
20. Estet Gedong

**AKTIVITI WILAYAH 2023**

**Mesyuarat Agung Tahunan ke-12 Koperasi Peserta FELCRA dan Mesyuarat JKKP**
- *18 Disember 2023*

Ahli Dewan Undangan Negeri N38 Kalaka, Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad bin Duri telah menghadiri jemputan bagi perasmian Mesyuarat Agung Tahunan ke-12 Koperasi Peserta FELCRA Kawasan Saratok Berhad.





**Mesyuarat Agung Belia Kawasan Belimbing**
- *8 Oktober 2023*

Mesyuarat Agung Belia Kawasan Belimbing bertempat di Dewan Seberguna Kampung Darul Islam Belimbing.





**Mini Expo Jualan Usahawan**
- *30 Julai 2023*

Ekspo Jualan Produk Usahawan FELCRA Berhad Wilayah Sarawak diadakan selama 3 hari bermula pada 28 hingga 30 Julai 2023 di Plaza Merdeka.






**Majlis Tilawah Al-Quran Institusi Belia dan WADIRA**
- *20 Februari 2023*

Majlis Tilawah Al-Quran Institusi Belia dan WADIRA peringkat FELCRA Berhad Wilayah Sarawak..





**Kursus Sempurna Solat**

- *12 Oktober 2023, di Masjid Darul Falah Kg. Igan, Mukah.*

Bengkel Pengurusan Jenazah anjuran FELCRA Berhad Wilayah Sarawak bersama Jabatan Agama Islam Mukah dengan kehadiran 27 orang ahli WADIRA Kampung Igan. Bengkel ini dipimpin oleh penceramah daripada Jabatan Agama Islam Sarawak yang diketuai oleh Ustazah Sharifah Mariah binti Wan Zain bersama Ustazah Norazian binti Hossen,Ustazah Liyana binti Omar Baki dan Ustazah Nura binti Wahab.





**Hari Belia Peringkat Kawasan**

- *8 Oktober 2023*

Persatuan Belia Kawasan Belimbing telah mengadakan Sambutan Hari Belia Peringkat Kawasan bertempat di Kampung Darul Islam Belimbing.





**Program Antirasuah & Pemantapan Integriti FELCRA Wilayah Sarawak**
- *26 September 2023*

Program Antirasuah & Pemantapan Integriti FELCRA Wilayah Sarawak sebagai langkah pencegahan memerangi budaya rasuah dalam sektor operasi di FELCRA.





**Lawatan Pengurusan Tertinggi**
- *18 Oktober 2023*

Pengerusi FELCRA Berhad, Yang Berbahagia Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub telah mengadakan perjumpaan bersama warga kerja FELCRA Berhad Wilayah Sarawak.







**Aktiviti Field Day Pengurusan Ladang**
- *22 November 2023*







**Program Mekanisasi**







**Dialog Tanam Semula**
- *15 Julai 2023*

Projek Mudan FELCRA Berhad Kawasan Mudan.





**Pembangunan Projek Baru**
- *6 November 2023, Stumbin Sri Aman*

Lawatan Tapak Cadangan Projek Padi Borneo.







# FELCRA Wilayah

## FELCRA Berhad Wilayah Sabah

**Maklumat Kepimpinan Wilayah Sabah**

| | |
|---|---|
| Pengurus Besar | : En. Encik Aliasan bin Kerman |
| Ketua Bahagian Khidmat Sokongan | : (Kosong) |
| Ketua Bahagian Ladang | : Encik Aidi Azhar bin Alias |

**Maklumat FELCRA Berhad Wilayah Sabah**

| | |
|---|---|
| Bilangan Peserta | : 2,252 Orang |
| Luas Ladang Keseluruhan | : 16,574 hektar |
| Bilangan projek aktif | : 73 buah projek |

Senarai FELCRA Kawasan :

1. Kawasan Sandakan
2. Kawasan Kudat
3. Kawasan Lahad Datu
4. Kawasan Kinabatangan
5. Kawasan Beaufort
6. Kawasan Nabawan

### PENCAPAIAN/INOVASI FELCRA BERHAD WILAYAH SABAH

**Anugerah Inovasi Keterjaminan Hasil Fertigasi FELCRA Berhad Tahun 2023**

- Anugerah diterima oleh Pengerusi WADIRA, Giram Kokos.

**Anugerah Khas Penempatan Harapan**

- PPSK Sukau telah dianugerahkan sebagai penerima Anugerah Khas Penempatan.

### AKTIVITI WILAYAH 2023

**Majlis Hari Raya FELCRA Berhad Wilayah Sabah** - *12 Mei 2023 - Sabah International Convention Centre (SICC)*



YBhg. Encik Robert Stidi, Setiausaha Tetap Kementerian Pertanian & Industri bersama Pengurusan Tertinggi FELCRA Berhad bergambar bersama wakil peserta Sabah.



Gambar semua staf FELCRA Berhad Wilayah Sabah bersama Pengurusan Tertinggi FELCRA Berhad.

**Ekspo Jualan Produk Usahawan**

- *23 - 25 Jun 2023 - IMAGO Shopping Mall*



Ekspo ini telah dimeriahkan dengan kehadiran Pengurus Besar Kumpulan Hal Ehwal Peserta FELCRA Berhad, YBhg. Encik Mohamad bin Ab Rahman dan seterusnya merasmikan Ekspo Jualan Produk Usahawan Bimbingan FELCRA Berhad Wilayah Sabah Tahun 2023.



Suasana Ekspo Jualan Produk Usahawan Bimbingan FELCRA Berhad Sabah.

**Sambutan Hari Kebangsaan Malaysia Kali ke-66 Peringkat Negeri Sabah**

- *31 Ogos 2023*

Staf Pejabat Wilayah Sabah menyertai perbarisan sempena Sambutan Hari Kemerdekaan Peringkat Negeri Sabah.



Kontinjen FELCRA Berhad Wilayah Sabah.



Bergambar bersama Kontinjen RISDA Sabah.

**Majlis Perasmian Chalet Lagenda Sri Bambangan, Sandakan** - *28 September 2023*




Pengurus Besar Wilayah Sabah merasmikan Chalet Lagenda Sri Bambangan, Sandakan.



Acara pemotongan reben sebagai simbolik perasmian.

**Mesyuarat Penyelarasan Institusi Peserta FELCRA Berhad Wilayah Sabah** - *5 Disember 2023*



Sesi soal jawab bersama peserta.



Gambar pihak pengurusan bersama Ketua Peserta.

# FELCRA Wilayah

## FELCRA Berhad Wilayah Pahang

**Maklumat Kepimpinan Wilayah Pahang**

| | |
|---|---|
| Pengurus Besar | : En. Huzaifah bin Abd Nasir |
| Ketua Bahagian Khidmat Sokongan | : Tuan Hj. Ismail bin Mat Hassan |
| Ketua Bahagian Ladang | : Encik Bukhari bin Abd Latif |

**Maklumat FELCRA Berhad Wilayah Pahang**

| | |
|---|---|
| Bilangan Peserta | : 24,147 orang |
| Luas Ladang Keseluruhan | : 49,118.625 hektar |
| Bilangan Projek Aktif | : 217 buah projek |

Senarai FELCRA Kawasan :

1. Kawasan Anak Endau
2. Kawasan Batu Sawar
3. Kawasan Berhala Gantang
4. Kawasan Bohor Bharu
5. Kawasan Bukit Ibam
6. Kawasan Bukit Serok
7. Kawasan Cheka
8. Kawasan Chemomoi
9. Kawasan Chendera Chincin
10. Kawasan Durian Hijau
11. Kawasan Jayaputra
12. Kawasan Jemuru
13. Kawasan Kerdau
14. Kawasan Kg Bantal
15. Kawasan Kuala Medang
16. Kawasan Pahang Tenggara
17. Kawasan Paya Laman
18. Kawasan Paya Puyu
19. Kawasan Permatang Besar
20. Kawasan Pesagi
21. Kawasan Sentosa
22. Kawasan Serambi
23. Kawasan Sg. Batu
24. Kawasan Sg. Kambang
25. Kawasan Sg. Ling
26. Kawasan Sg. Pengawal
27. Kawasan Sg. Poho
28. Kawasan Sg. Temau
29. Kawasan Sri Makmur
30. Kawasan Tembangau
31. Kawasan Tembeling Tengah
32. Kawasan Ulu Jenut

### PENCAPAIAN/INOVASI FELCRA BERHAD WILAYAH PAHANG

**Kategori Penempatan PPSK & In-Situ AKAP 2023**
Tempat Pertama: PPSK Salong (FB Pahang Tenggara)
Tempat Kedua: PPSK Rumpun Makmur (FB Durian Hijau)

**Kategori Penempatan Kerajaan Negeri AKAP 2023**
Tempat Ketiga: RPSB Kuala Medang (FB Kuala Medang)

**Anugerah Khas Inovasi Terbaik AKAP 2023**
En. Ismail bin Derahman
(FB Kawasan Sg. Temau - Owl Own Box)

**Anugerah Budaya Sepanjang Zaman AKAP 2023**
Kump. Gemulai Serikirana
(FB Kawasan Sg. Temau - Tarian Pelanduk)

## AKTIVITI WILAYAH 2023

**Pelancaran Digitilization BOB dan Zero 3T**

Majlis Pelancaran Digitalization BOB dan ZERO 3T telah diadakan pada 24 Februari 2023 di Projek Pontian Tebing Kiri, Anak Endau Rompin yang telah dilancarkan oleh Dato' Idris bin Lasim (Pengurus Besar Kumpulan Perladangan). Turut hadir pegawai-pegawai daripada Ibu Pejabat, Pengurus Besar Wilayah Pahang, Pengurus-pengurus Kawasan dan staf-staf yang terlibat.



Pelancaran Digitalization BOB dan Zero 3T oleh YBhg. Dato' Idris bin Lasim (Pengurus Besar Kumpulan Perladangan).



Taklimat cara-cara penggunaan Digitalization BOB.

**Program Wawancara Bersama RTM Pahang (Zon Ape Kabo Weh) Bertajuk: Sekuriti Makanan**

Wawancara Bersama RTM Pahang – 15 Mei 2023 | Isnin



Sesi wawancara sedang berlangsung Bersama RTM Pahang bagi segmen (Zon Ape Kabo Weh).




Poster bagi segmen (Zon Ape Kabo Weh) Wawancara Bersama RTM Pahang.

**Kursus Pemantapan dan Pemantauan Operasi Zon Timur**

Program Pemantapan dan Pemantauan Operasi Ladang (MANDOR) – Zon Timur telah diadakan pada 17 Jun 2023 bertempat FB Pahang Tenggara).



Taklimat pemantauan dan pemantapan Operasi diberikan kepada peserta kursus (Mandor) yang terlibat.



Sesi soal jawab ketika taklimat pemantauan dan Pemantapan Operasi.

**Program Smart Planting Projek Batu Rakit, FB Paya Puyu**

Sesi taklimat perkongsian ilmu berkaitan penanaman pokok kelapa sawit secara pintar dan efektif dengan kerjasama daripada pihak Wide Agro Ventures Sdn. Bhd. dan FGV Agri Services Sdn. Bhd.




Dirasmikan oleh wakil Caretaker Ketua Pegawai Eksekutif FELCRA Berhad, YBhg. Dato' Idris bin Lasim, Encik Akram bin Zaidi Mansor, Pengurus Kanan Operasi Pembangunan Ladang.



Sesi Taklimat perkongsian ilmu.

**Hari Karnival FELCRA BERHAD Pahang Bersama KREFPA dan NGO**

Hari Karnival FELCRA Berhad Pahang Bersama KREFPA dan NGO telah dilaksanakan pada 20 November 2023 antara NGO bertempat di D'Banquet by Chatayana. Antara NGO yang terlibat ialah BSN, KWSP, PERKESO, KKF, Yayasan Pahang, Klinik Al-Farabi, FELCRA Bekalan & Perkhidmatan, KPFB, Kolej FELCRA, Yayasan FELCRA, Usahawan Desa (FELCRA), Pusat Kutipan Zakat Pahang, Tabung Haji dan FELCRA Niaga Sdn. Bhd. dan dihadiri oleh 200 orang staf.



Perasmian Hari Karnival FELCRA Berhad Pahang Bersama KREFPA dan NGO Oleh YBhg. Dato' Idris bin Lasim (Caretaker Ketua Pegawai Eksekutif FELCRA Berhad.



Sekitar suasana Hari Karnival FELCRA Berhad Pahang Bersama KREFPA dan NGO.

# FELCRA Wilayah

## FELCRA Berhad Wilayah Terengganu

**Maklumat Kepimpinan Wilayah Terengganu**
Pengurus Besar : En. Zainal Abidin bin Haji Alias
Ketua Bahagian Khidmat Sokongan : Encik Sulaiman bin Mohammad
Ketua Bahagian Ladang : Encik Juzaili Hasbul Wafi bin Mohamed

**Maklumat FELCRA Berhad Wilayah Terengganu**
Bilangan Peserta : 6,788 Orang
Luas Ladang Keseluruhan : 15,511.62 hektar
Bilangan Projek Aktif : 130 buah projek

Senarai FELCRA Kawasan :
1. Kawasan Bukit Keladi
2. Kawasan Bukit Seri Bandi
3. Kawasan Bukit Kesing
4. Kawasan Banggol Gajah Mati
5. Kawasan Darat Datok
6. Kawasan Bukit Kapah
7. Kawasan Limau Nipis
8. Kawasan Durian Burung
9. Kawasan Keruak
10. Kawasan Kg. Wa
11. Kawasan Bukit Sudu
12. Kawasan Hulu Berang
13. Kawasan Bukit Jetit
14. Kawasan Panchor Merah
15. Kawasan Pelong
16. Kawasan Jongok Batu

### AKTIVITI WILAYAH 2023

**Majlis Amanat Tahun Baharu Pengurus Besar Wilayah Bersama Warga Staf FELCRA Berhad Timur**
Majlis Amanat Tahun Baharu Pengurus Besar Wilayah bersama warga staf FELCRA Berhad Timur telah diadakan pada 31 Januari 2023 (Selasa) bertempat di Dewan Utama Ar-Rayyan, Kuala Terengganu dan telah dihadiri oleh seramai 178 orang warga kerja FELCRA Berhad Wilayah Timur. Inti pati amanat oleh Tuan Zainal Abidin bin Haji Alias, Pengurus Besar Wilayah merangkumi pencapaian prestasi bagi tahun 2022 serta hala tuju dan unjuran untuk tahun 2023. Majlis ini turut dimeriahkan lagi dengan pemeriksaan kesihatan percuma anjuran My Health Clinic Gong Badak bagi 150 orang staf yang terawal.



Penyampaian sijil penghargaan Pencapaian Hasil Melebihi 100% bagi bulan Disember 2022 oleh Tuan Zainal Abidin bin Haji Alias, Pengurus Besar Wilayah kepada Encik Syed Muhamad Aizuddin bin Said Hamzah, Pengurus Kawasan FELCRA Berhad Kawasan Bukit Keladi.



Sesi bergambar warga kerja FELCRA Berhad bersama Tuan Zainal Abidin bin Haji Alias, Pengurus Besar Wilayah FELCRA Berhad Timur.

**Program Plantation Clinic Wilayah Timur**

Program Plantation Clinic Wilayah Timur telah dilaksanakan pada 26 Februari 2023 (Ahad) bertempat di FELCRA Berhad Kawasan Keruak. Program ini melibatkan 111 orang staf perladangan Wilayah Timur khususnya Pengurus Kawasan dan Penyelia Ladang.



Penerangan field upkeep bagi projek prapembangunan oleh Dato' Idris bin Lasim, Pengurus Besar Kumpulan Perladangan FELCRA Berhad.



Penerangan penggunaan barn owl box oleh Dato' Idris bin Lasim, Pengurus Besar Kumpulan Perladangan FELCRA Berhad.

**Program Perarakan dan Perbarisan Sempena Sambutan Hari Kebangsaan 2023**

Program Perarakan dan Perbarisan Sempena Sambutan Hari Kebangsaan 2023

Program Perarakan dan Perbarisan sempena Sambutan Hari Kebangsaan 2023 Peringkat Negeri Terengganu bertemakan "Tekad Perpaduan Penuhi Harapan" telah diadakan pada 31 Ogos 2023 (Khamis) bertempat di Stadium Sultan Ismail Nasaruddin Shah, Kuala Terengganu. Perarakan ini melibatkan seramai 40 orang staf FELCRA Berhad Wilayah Timur dan turut disertai oleh Jabatan Kerajaan Negeri & Persekutuan, Agensi Negeri & Persekutuan, Pihak Berkuasa Tempatan, Pasukan Beruniform dan Badan-badan Berkanun.



Pasukan perarakan dan perbarisan FELCRA Berhad Wilayah Timur sedang bersiap sedia untuk acara perbarisan.



Pasukan perarakan dan perbarisan yang terdiri daripada warga kerja FELCRA Berhad Wilayah Timur bergambar kenangan bersama Tuan Zainal Abidin bin Haji Alias, Pengurus Besar Wilayah FELCRA Berhad Timur.

**Majlis Apresiasi FELCRA Berhad Wilayah Terengganu 2023**

Majlis Apresiasi FELCRA Berhad Wilayah Terengganu 2023 telah diadakan pada 06 November 2023 (Isnin) bertempat di Camelia Ballroom, Kuala Terengganu. Majlis ini diadakan bagi meraikan staf yang bersara wajib dan bersara pilihan serta staf yang bertukar tempat bertugas ke luar Wilayah Terengganu. Seramai 12 orang pesara dan 18 orang staf yang berpindah tempat bertugas telah diraikan di dalam majlis ini.



Tuan Zainal Abidin bin Haji Alias, Pengurus Besar Wilayah FELCRA Berhad Terengganu menyampaikan sijil penghargaan kepada Encik Mohd Azli bin Teh, Pengurus Kawasan FELCRA Berhad Kawasan Bukit Sudu yang bersara wajib pada 16 April 2023.



Warga staf FELCRA Berhad Wilayah Terengganu yang telah bertukar tempat bertugas ke luar Wilayah Terengganu mengambil gambar kenang-kenangan bersama Tuan Zainal Abidin bin Haji Alias, Pengurus Besar Wilayah FELCRA Berhad Terengganu.

**Fiesta Usahawan Desa 2023 @ FELCRA Berhad**

Fiesta Usahawan Desa 2023 @ FELCRA Berhad telah diadakan pada 25 November 2023 (Sabtu) bertempat di Tapak Pasar Malam Pusat Bandar Seri Bandi, Kemaman, Terengganu. Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan sepanjang program ini berlangsung. Antaranya seperti penyerahan replika cek Agihan Keuntungan Boleh Agih Interima 2, ekspo jualan dan pameran usahawan agensi-agensi kerajaan di bawah Kementerian Kemajuan Desa & Wilayah (KKDW), sukaneka dan cabutan bertuah.



Penyerahan replika cek Agihan Keuntungan Boleh Agih Interim 2 Peserta-peserta FELCRA Berhad Wilayah Terengganu telah disampaikan oleh YBhg. Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Haji Yaakub, Pengerusi FELCRA Berhad kepada wakil Ketua Peserta FELCRA Berhad Wilayah Terengganu, Tuan Haji Harun bin Othman.



Cabutan bertuah hadiah bonanza sebuah motosikal Yamaha EZ115 telah dimenangi oleh Encik Awaludin bin Mohd Yusof, peserta FELCRA Berhad Kawasan Bukit Jetit. Penyerahan hadiah bonanza telah disampaikan oleh Dato' Idris bin Lasim, Ketua Pegawai Eksekutif FELCRA Berhad.

**Pengagihan Kit Bantuan Bencana Banjir**

Pengagihan kit bantuan bencana banjir telah dilaksanakan pada bulan Disember 2023 memandangkan beberapa kawasan di Terengganu telah dilanda bencana banjir. Bencana banjir telah melibatkan staf, pekerja dan peserta FELCRA Berhad Wilayah Terengganu. Antara kawasan yang ditenggelami air termasuklah FELCRA Berhad Kawasan Hulu Berang dan FELCRA Berhad Kawasan Jongok Batu.



Perkarangan Pejabat Kawasan FELCRA Berhad Kawasan Hulu Berang telah dinaiki air akibat hujan lebat yang berterusan.



Pengagihan kit bantuan bencana banjir oleh Encik Sulaiman bin Mohammad, Ketua Bahagian Khidmat Sokongan FELCRA Berhad Wilayah Terengganu kepada peserta FELCRA Berhad Kawasan Jongok Batu yang terjejas akibat bencana banjir yang melanda kawasan tersebut pada 24 Disember 2023.

# FELCRA Wilayah

## FELCRA Berhad Wilayah Kelantan

**Maklumat Kepimpinan Wilayah Kelantan**
Pengurus Besar : En. Zulkifli bin Mamat
Ketua Bahagian Khidmat Sokongan : Puan Wan Nabilah binti Wan Mat
Ketua Bahagian Ladang : Encik Rudaini bin Ramli

**Maklumat FELCRA Berhad Wilayah Kelantan**
Bilangan Peserta : 1,928 Orang
Luas Ladang Keseluruhan : 8,106.52 hektar
Bilangan Projek Aktif : 35 buah projek

Senarai FELCRA Kawasan :

1. Kawasan Bukit Tandak
2. Kawasan Berangan Mek Nab
3. Kawasan Tumbi Rapat
4. Estet Panggong Lalat
5. Estet Tanah Merah
6. Estet Dabong
7. Estet Sungai Rawit
8. Estet Sungai Aring
9. Perlombongan (Air Degong)

### PENCAPAIAN/INOVASI FELCRA BERHAD WILAYAH KELANTAN

**Kaedah Pemantauan Kedalaman Penanaman Kelapa Sawit Menggunakan Iron Bucket**

- Memastikan kedalaman yang mencukupi.
- Pemantauan lebih tepat dengan berpandukan 30 cm iron bucket dari paras tanah ke atas.
- Saiz Polybags - 15 cm x 8 cm.
- Jenis BRC - 1' x 2 @ 2.5 cm x 5.0 cm (16 G).

### AKTIVITI WILAYAH 2023

**Perasmian Operasi Pejabat FELCRA Berhad Wilayah Kelantan**
Majlis perasmian ini berlangsung pada 1 September 2023 di Pejabat Pengurus Besar FELCRA Berhad Kelantan. Majlis dirasmikan oleh YBhg. Pengerusi FELCRA Berhad Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub dan dihadiri oleh pengurusan tertinggi FELCRA Berhad dan pengurusan Wilayah Kelantan.




Ucapan perasmian oleh YBhg. Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub.



Sesi solat hajat yang diimamkan oleh Ustaz Rujhan bin Abdul Rahman.

**Anugerah Kecemerlangan Aspirasi Peserta (AKAP): Program Penjurian Anugerah Kecemerlangan Aspirasi Peserta (AKAP)**
Program ini bermula pada 3 - 5 September 2023 melibatkan Kawasan Panggong Lalat, Berangan Mek Nab dan Bukit Tandak. Jawatankuasa Penjurian AKAP adalah daripada Ibu Pejabat FELCRA Berhad.



Aktiviti mengukur kelapa oleh panel juri.



Sesi soal jawab peserta bersama panel juri.

**Mesyuarat Penyelarasan Institusi Koperasi Rancangan Peserta-peserta (KPR)**

Program ini berlangsung pada 7 Disember 2023 bertempat di Hotel Grand Renai. Dihadiri oleh Ahli Lembaga Koperasi (ALK) Wilayah Kelantan. Antara pengisian utama mesyuarat ialah sesi pembentangan prestasi dan isu-isu masalah koperasi.



Ucapan alu-aluan daripada En. Zulkifli bin Mamat, Pengurus Besar FELCRA Berhad Wilayah Kelantan.



Sesi Pembentangan Laporan Tahunan.

FELCRA
Berhad